FGV HOLDINGS BERHAD
200701042133 (800165-P)

LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN 2021

MEMANFAATKAN SINERGI.
MENYAMPAIKAN NILAI.

MEMANFAATKAN SINERGI.
MENYAMPAIKAN NILAI.

Anjakan paradigma sedang berlaku di FGV. Transformasi perniagaan kami daripada warisan kelapa sawit kepada pemain perniagaan tani yang dinamik kini semakin kukuh tarikannya. Kami telah mengambil langkah tambahan ke arah evolusi ini dan kini adalah masa yang sesuai untuk mempercepat pertumbuhan dan mengoptimumkan potensi kami.

Kami memanfaatkan sinergi merentas rantaian nilai perniagaan perladangan melalui pasaran makanan, serta sektor perkhidmatan yang berkaitan. Kami akan terus memanfaatkan sinergi ini melalui kerjasama dengan pemegang kepentingan utama termasuk pekebun kecil dalam memastikan hasil usaha dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Walaupun langkah berani yang diambil boleh menentukan semula masa hadapan kami, matlamat kami tetap sama; Untuk memaksimumkan penyampaian nilai kepada pelbagai pemegang kepentingan sebagai peneraju perniagaan tani Malaysia.

Imej: Pandangan dari atas ladang FGV di Maokil, Johor.

Bersih dan bermakna, pendekatan reka bentuk minimalis ini mencerminkan kemajuan dinamik FGV. Jalur sinergi membentuk gelombang semakin meninggi menggambarkan tahap prestasi FGV yang semakin meningkat. Jalur yang membentuk gelombang mewakili sinergi dalam Kumpulan Syarikat FGV serta menunjukkan matlamat bersama ke arah nilai dan impak sasaran yang lebih tinggi.

Di Dalam Laporan Ini

2 Perihal Laporan Ini

ULASAN PENGERUSI

4 Penyata Pengerusi FGV 2021

PERIHAL FGV

10 Sorotan Pencapaian FGV 2021
12 Perihal Kami
14 Kehadiran Global
16 Butiran Korporat
17 Perniagaan Utama FGV
18 Struktur Organisasi
20 Sorotan 5 Tahun Pencapaian Kewangan

PENCIPTAAN NILAI

24 Perkara Material
26 Penglibatan Pemegang Kepentingan
30 Hubungkait Perkara Material kepada Risiko dan Strategi
32 Model Penciptaan Nilai Kami
34 Landskap Operasi
36 Strategi Perniagaan

PERBINCANGAN & ANALISIS PENGURUSAN

44 Tinjauan Strategik Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
48 Tinjauan Kewangan Kumpulan
55 Tinjauan Perniagaan Kumpulan

TENTANG TADBIR URUS KAMI

84 Sekilas Pandang - Lembaga Pengarah
86 Profil Lembaga Pengarah
94 Sekilas Pandang - Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan
95 Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan
103 Penyata Tadbir Urus Korporat
140 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

MEMPERKUKUH KELESTARIAN

146 Penyata Kelestarian

MAKLUMAT TAMBAHAN

154 Pergerakan Harga Saham
155 Kalendar Kewangan
156 Analisis Pemegangan Saham
160 10 Hartanah Utama Kumpulan FGV
162 Pendedahan Tambahan
- Penggunaan Hasil Perolehan
- Yuran Bukan Audit
- Kontrak Material
- Pelan Insentif Jangka Panjang
- Skim Terbitan Saham
- Urus Niaga Berulang Pihak Berkaitan Bersifat Hasil atau Dagangan

171 Penerapan Prinsip dan Amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (MCCG 2021)
174 Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14
177 Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14
183 Butiran Pentadbiran
- Borang Proksi

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-14

Khamis, 23 Jun 2022

11 pagi

https://meeting.boardroomlimited.my
(platform mesyuarat maya)

Perihal Laporan Ini

Laporan Bersepadu Tahunan Ke-7 FGV ini meliputi prestasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021. Laporan ini mematuhi prinsip pelaporan bersepadu seperti yang ditetapkan oleh Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa. Kami akan terus dibimbing oleh keperluan pelaporan yang berkembang untuk mencapai sistem pelaporan korporat yang lebih tersusun di masa hadapan agar seiring dengan piawaian pelaporan global.

Dengan terus meningkatkan pendedahan dalam laporan tahunan, kami berhasrat untuk membantu para peniaga dan pelabur untuk mewujudkan kefahaman bersama, bagaimana nilai yang diamalkan oleh FGV Holdings Berhad (FGV) dicipta, dipelihara dan dikongsi dalam kalangan pemegang kepentingan.

Pendekatan ini dengan jelas menyatakan infrastruktur pasaran semasa yang diperlukan untuk membangun, mengurus dan menyampaikan strategi yang dicipta untuk nilai jangka masa panjang dan memacu prestasi yang lebih tinggi.

Dalam penghasilan Laporan Bersepadu Tahunan (AIR) ini, kami mematuhi keperluan pelaporan tempatan iaitu Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 dan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad. Di samping itu, kami berusaha untuk mematuhi Piawaian Inisiatif Pelaporan Global bagi pelaporan kelestarian.

SUITE PELAPORAN 2021



Laporan Bersepadu Tahunan 2021



Penyata Kewangan Diaudit 2021

Laporan Kelestarian 2020/2021

Untuk gambaran yang lebih holistik, Laporan ini harus dibaca bersama *Suite* Pelaporan di atas, serta maklumat lain yang terdapat di laman web kami di www.fgvholdings.com.

SKOP DAN BATAS PELAPORAN

Laporan ini merangkumi aktiviti penciptaan nilai yang material kepada Kumpulan. Oleh itu, Laporan ini terhad kepada perkembangan sepanjang tahun 2021, bermula dari 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021 (TK2021). Ia merangkumi kesemua perniagaan FGV di Malaysia dan negara di mana kami beroperasi, melainkan jika dinyatakan sebaliknya. Operasi ini membolehkan kawalan penuh syarikat subsidiari dan perniagaan usaha sama. Kami juga melaporkan maklumat dan perkembangan lain yang mungkin melangkaui keperluan pelaporan tetapi dianggap berharga terhadap prestasi Kumpulan.

Seperti tahun sebelumnya, Laporan ini menyediakan maklumat dalam format perbandingan untuk tujuan memudahkan rujukan dan semakan. Kami menyertakan pendedahan kelestarian dalam keseluruhan AIR ini. Pendekatan ini membuktikan peranan kelestarian dalam setiap peringkat penciptaan nilai. Laporan ini juga merangkumi semua risiko dan peluang yang material untuk kelestarian kami, tetapi tidak menganggarkan atau meramalkan kesan masa hadapan perkara material berkaitan kelestarian.

PENENTUAN PERKARA MATERIAL

Laporan ini disediakan berdasarkan penentuan perkara material TK2021 bagi memastikan penyediaan keterangan yang adil, tepat dan komprehensif berhubung strategi, prestasi dan prospek. Ia juga mengambil kira gerak balas kami terhadap perkara material dalam aspek ekonomi, alam sekitar, sosial dan tadbir urus perniagaan.

Sepanjang tahun yang dikaji, kami menjalankan Penilaian Perkara Material dengan sokongan perunding bebas, melibatkan pemegang kepentingan dalaman dan luaran untuk mendapatkan pandangan mereka tentang perkara material Kumpulan. Proses ini melibatkan kajian Matriks Material kami untuk menentukan faktor yang mempengaruhi penyampaian nilai pada TK2021.

Berikutan usaha ini, kami telah merumuskan kandungan AIR dengan mengambil kira pertimbangan kualitatif dan kuantitatif serta faktor yang boleh menjejaskan keupayaan kami untuk mencapai objektif strategik dan mengekalkan kelestarian perniagaan. Kami juga mempertimbangkan isu yang dibincangkan dalam laporan yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah, melaporkan risiko dan manfaat bagi pemegang kepentingan kami. Selain itu, kami mengambil kira impak material kepada negara dan wilayah di tempat kami beroperasi.

MENDUKUNG INTEGRITI PELAPORAN

Dalam mengutamakan kualiti Laporan ini, usaha yang teliti telah diambil untuk memastikan kebolehpercayaan, konsistensi dan kesempurnaan maklumat yang dilaporkan. Jawatankuasa Pelaporan telah menyemak Laporan ini bagi memastikan pematuhan Laporan ini terhadap Rangka Kerja Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa (IIRC) dan perwakilan saksama prestasi Kumpulan terhadap hasil penciptaan nilai yang disasarkan.

Sebagai sebahagian daripada amalan tadbir urus kami, Laporan ini telah disemak oleh Jawatankuasa Audit bersama dengan Penyata Kewangan Diaudit 2021, dan kemudiannya diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan akhir.

Juruaudit luaran juga menyokong objektif jaminan kami dengan menyediakan jaminan pihak luar terhadap Penyata Kewangan kami.

Mereka telah membaca segala maklumat lain dan dengan berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat lain adalah konsisten secara material dengan Penyata Kewangan Diaudit, atau pengetahuan yang mereka perolehi semasa audit dijalankan.

KENYATAAN PROSPEK

Di mana perlu, kami telah menggunakan kenyataan prospek berkaitan rancangan, objektif, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan Kumpulan. Kenyataan ini tidak boleh dianggap sebagai jaminan keputusan masa hadapan Kumpulan kerana ia tertakluk kepada risiko, ketidakpastian dan andaian yang melibatkan pelbagai kemungkinan keadaan. Oleh itu, hasil dan keputusan sebenar mungkin berbeza dengan kenyataan prospek. Oleh itu, kami ingin menjelaskan bahawa Kumpulan tidak membuat perwakilan atau jaminan yang tersurat atau tersirat bahawa sasaran hasil oleh kenyataan prospek ini akan tercapai.

PELUANG UNTUK MAKLUM BALAS

Kami mengalu-alukan pemegang kepentingan dan orang awam untuk mengutarakan maklum balas terhadap pelaporan kami dengan tujuan meningkatkan amalan dan piawaian pelaporan. Anda boleh menghantar maklum balas melalui panggilan telefon atau e-mel kepada Jabatan Perhubungan Pelabur kami melalui saluran-saluran berikut:

03-2789 0000

fgv.investors@fgvholdings.com

NAVIGASI LAPORAN INI

Semua ikon yang dipaparkan di bawah adalah Ikon Navigasi yang akan dipaparkan secara konsisten dalam Laporan kami sebagai panduan ke arah penyepaduan dan penyampaian maklumat yang lebih baik.

ENAM MODAL KAMI

- Kewangan
- Semulajadi
- Pembuatan
- Intelek
- Insan
- Sosial & Perhubungan

TERAS STRATEGIK KAMI

- Penambahbaikan Operasi
- Penembusan Produk & Pasaran
- Bidang Pertumbuhan Baharu
- Pengukuhan Kewangan & Keupayaan

PERKARA MATERIAL UTAMA 2021

- Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh
- Kecemerlangan Operasi
- Pensijilan Kelestarian
- Tadbir Urus, Etika & Integriti
- Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan
- Tindakan Iklim
- Kebolehjejakan, Penyumberan Bertanggungjawab & Pengurusan Rantaian Bekalan

RISIKO TERTINGGI KAMI

- Risiko Perdagangan & Pasaran
- Risiko Buruh
- Risiko Kelestarian
- Risiko Pandemik
- Risiko Keselamatan Siber

Penyata Pengerusi FGV 2021

Mengambil Langkah Dinamik dan Bertanggungjawab

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih atas penghormatan untuk membentangkan laporan prestasi FGV bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Pemegang Kepentingan yang Dihormati,

Walaupun berdepan pelbagai cabaran pada tahun 2021, kami dapat merekodkan keputusan terbaik sejak disenaraikan pada tahun 2012. Kami berjaya mengekalkan parameter operasi sejajar dengan purata nasional. Kami mempunyai produk yang disenaraikan sebagai jenama FMCG terpilih di Malaysia, serta kekuatan logistik yang telah dipertingkatkan dengan aset-aset baharu. Kini, kami melangkah maju dalam perjalanan kelestarian sebagai syarikat makanan dan perniagaan tani pertama di Malaysia yang mengaplikasi matlamat Pelan Tindakan Perubahan Iklim, bersama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Tahun ini mencatatkan tahun perubahan dan pertumbuhan yang dinamik. Walaupun terdapat peningkatan ketara dalam prestasi, Lembaga Pengarah kekal komited untuk melabur dan mengembangkan rangkaian perniagaan tani lestari dan bersinergi yang lebih luas di samping berusaha untuk mencapai prestasi perniagaan yang kukuh.

Lembaga Pengarah juga menyokong pengukuhan strategi kelestarian dalam setiap aspek perniagaan kami. Bagi kami, norma baharu tidak hanya terhad kepada protokol keselamatan. Perniagaan pada masa ini perlu diselaraskan dengan tindakan kelestarian global dan matlamat iklim, bagi memenuhi jangkaan perhubungan yang lebih besar selain memberi nilai kelestarian. Hal ini memerlukan gerak balas tangkas dan pandangan penuh tanggungjawab dengan mengambil kira prospek pertumbuhan jangka panjang.

MEMACU KE ARAH MATLAMAT YANG LEBIH LUAS

Hala tuju FGV adalah untuk beralih ke aktiviti perniagaan yang merangkumi nilai tambah yang lebih tinggi bagi mencapai pulangan lebih stabil, di samping strategi untuk terus memberi keutamaan kepada setiap aspek perniagaan perladangan. Melalui langkah strategik ini, FGV berhasrat untuk menjadi salah satu pemain perniagaan tani lestari terkemuka di dunia dengan jenama produk yang terkenal dan keupayaan pengedaran yang kukuh.

Bagi memulakan langkah ke arah ini, kami telah mencapai kemajuan yang baik sepanjang tahun dengan Memanfaatkan Sinergi dan Menyampaikan Nilai.

RUMUSAN KEWANGAN

Kemajuan besar telah dicapai dari sudut kewangan pada 2021 apabila FGV mencatatkan prestasi kewangan terbaik sejak penyenaraiannya. Hasil Kumpulan telah meningkat sebanyak 39% bagi tahun-ke-tahun (y-o-y) kepada RM19.57 bilion. Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai (PBZT) meningkat dengan ketara kepada RM1.71 bilion, manakala Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Tidak Mengawal (PATAMI) meningkat kepada RM1.17 bilion pada 2021. Kesemua ini disumbangkan oleh margin produk sawit yang lebih tinggi berikutan peningkatan harga purata Minyak Sawit Mentah (MSM), peningkatan Harga Jualan Purata (ASP) gula dan kadar pengendalian lebih baik untuk perniagaan Logistik.

Berdasarkan keuntungan yang diperoleh pada tahun tersebut, Lembaga Pengarah dengan sukacitanya mengumumkan dividen sebanyak 8.0 sen sesaham, yang diterjemahkan kepada jumlah pembayaran dividen sebanyak RM291.85 juta.

Butiran lanjut mengenai prestasi kewangan FGV boleh didapati dalam Tinjauan Kewangan Kumpulan di muka surat 48.

RUMUSAN OPERASI

Lonjakan harga MSM, dengan purata RM3,671 setiap Tan Metrik (MT) pada tahun 2021, telah menyumbang kepada keuntungan Sektor Perladangan yang meningkat kepada RM1.60 bilion daripada perolehan margin hasil sawit yang lebih tinggi.

Penambahbaikan operasi sedang dilaksanakan melalui aktiviti penanaman semula bagi menggantikan pokok-pokok tua secara meluas serta menambah baik profil umur ladang. Kami terus mencatatkan kecemerlangan dalam penambahbaikan operasi di seluruh ladang dan kilang yang dapat dibuktikan oleh penerimaan anugerah dan pencapaian tahun ini termasuk anugerah emas dan perak di bawah pensijilan ISO MSOSH untuk lapan ladang sawit, anugerah emas dalam Cabaran Persekitaran Kualiti Tahunan (AQEC), dan Anugerah Tenaga Kebangsaan (NEA) 2020, di bawah Kategori Tenaga Boleh Diperbaharui (Penjanaan).

Isu kekurangan tenaga kerja juga sedang ditangani secara positif. Langkah yang diumumkan oleh Kerajaan untuk membawa masuk 32,000 pekerja asing ke dalam negara diharap dapat membantu memulihkan produktiviti pada akhir 2022 dengan meningkatkan tahap liputan tenaga kerja yang kini berada pada 68% daripada syarat-syarat yang mencukupi.

Harga MSM yang tinggi pada tahun ini memberi tekanan kepada margin Hiliran. Walau bagaimanapun, disebabkan permintaan yang tinggi bagi produk berkaitan pandemik seperti detergen dan sanitiser, Bahagian Hiliran dibantu oleh jumlah jualan yang baik yang dicapai melalui produk sampingan oleokimia. Perancangan telah disediakan bagi mengekalkan pertumbuhan Hiliran melalui pembangunan produk baharu dan premium untuk pasaran eksport yang lebih luas dalam masa terdekat.

Sejajar dengan peluasan fokus FGV, usaha Penyelidikan & Pembangunan (R&D) diperluas untuk menyokong pembangunan produk yang melangkaui rantaian nilai dan menyediakan penyelesaian untuk penambahbaikan operasi serta meningkatkan produktiviti. Bahagian R&D telah menerima pengiktirafan bagi kualiti perkhidmatan makmal peringkat tinggi semasa Majlis Malam Kimia, Institut Kimia Malaysia (IKM) 2020 & 2021. Anugerah-anugerah ini telah meningkatkan kepercayaan dan keyakinan pelanggan industri untuk menggunakan perkhidmatan kami. Skop penyelidikan juga sedang diperluas untuk meliputi inovasi yanh lebih lestari seperti tenaga boleh diperbaharui, bahan tanaman tahan kemarau, sistem pengairan dan pelepasan baja secara perlahan.

Sektor Gula FGV mencatatkan prestasi pemulihan melalui inisiatif bagi memperkemas sumber, penjimatan kos, mengukuhkan perhubungan dengan pelanggan dan meningkatkan komitmen kelestarian. Perniagaan ini telah mencapai kemajuan yang ketara dalam meningkatkan margin penapisan gula melalui rundingan dengan pelanggan untuk ASP gula bertapis yang lebih tinggi di tengah-tengah persekitaran kos pengeluaran yang meningkat.

Sektor Logistik & Lain-lain (LO) FGV meningkatkan kapasiti dan keupayaan mereka dengan mengembangkan lagi aset dan perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan. Pelaburan-pelaburan ini menjadi asas untuk menarik peluang perniagaan daripada industri lain dalam mengembangkan potensi perniagaan kami. Tahun ini berjaya mencatatkan daya pemprosesan oleokimia tertinggi pada 0.95 juta MT. Oleh itu, sektor ini kini bersedia untuk menarik pelbagai peluang.

Sepanjang tahun ini, usaha Pertanian Bersepadu FGV untuk menempah nama untuk bidang tersendiri dan daya saing perniagaan telah diperkukuhkan melalui penubuhan tiga kilang makanan haiwan, satu kilang pemprosesan tenusu dan tiga jenama produk baharu. Selain itu, kami mempunyai 16 pengedar di seluruh negara bagi menjual 12 jenis makanan haiwan, dan lapan mineral dan bahan tambahan. Kesemua ini membolehkan kami menambah baik tawaran rantaian nilai dalam perniagaan tani, memanfaatkan permintaan pengguna dan membantu negara merapatkan jurang bekalan makanan domestik.

Dengan memberi tumpuan kepada peningkatan ekuiti jenama-jenama terkenal pada tahun 2021, dua video minyak masak Saji telah dilancarkan pada tahun tersebut dan pelaburan ini telah mengukuhkan kedudukan pasaran minyak masak bertapis Saji pada 42% serta meningkatkan hasil jualan sebanyak 32.60% dari 2020. FGV akan memanfaatkan segmen ini dengan lebih agresif untuk mengembangkan lagi pasaran dan penjenamaan produk.

FGV juga berbesar hati menerima Anugerah Kecemerlangan Emas untuk Syarikat dengan Modal Pasaran RM2 bilion hingga RM10 Bilion, dan Anugerah Khas Perak untuk Laporan Bersepadu Tahunan Terbaik dalam Bahasa Malaysia dari *National Annual Corporate Reports Awards* (NACRA) 2021. Pencapaian ini membuktikan usaha pasukan kami dalam menyampaikan laporan bersepadu berkualiti tinggi yang memberi perhatian kepada penciptaan nilai unik FGV dalam pelbagai bahagian perniagaan untuk menyokong pelabur dalam membuat keputusan.

Butiran lanjut mengenai operasi FGV boleh didapati dalam Tinjauan Perniagaan Kumpulan di muka surat 55.

PERKEMBANGAN BERSAMA PRIDE

Ketika sedang menanda aras syarikat secara kompetitif dengan peneraju industri, kami sedar bahawa membina keupayaan organisasi memerlukan pemupukan tenaga kerja yang lebih berdaya saing dan usaha bagi memenuhi nilai korporat kami iaitu Kerjasama, Hormat, Integriti, Dinamisme dan Semangat (PRIDE).

Bagi memangkin transformasi dalaman, matlamat penciptaan nilai kami sinergikan dengan kakitangan kami. Salah satu tumpuan utama adalah pada inisiatif dan aktiviti untuk terus memupuk dan meningkatkan budaya korporat PRIDE iaitu Kerjasama, Hormat, Integriti, Dinamisme dan Semangat.

Keputusan kaji selidik Instrumen Penilaian Integriti (IAT) oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) menunjukkan bahawa kami mencapai kemajuan yang baik kerana FGV mencatatkan peningkatan skor penilaian integriti pada 81% bagi tahun 2021 berbanding 68% bagi tahun 2018. Hal ini menunjukkan bahawa kami telah menghasilkan kesedaran yang berkesan berhubung kepentingan integriti dan menerapkannya ke dalam budaya kerja FGV.

Penyata Pengerusi FGV 2021
Mengambil Langkah Dinamik dan Bertanggungjawab

Memandangkan PRIDE juga merangkumi keutamaan keselamatan dan kesejahteraan pekerja kami, pelbagai langkah baharu telah diperkenalkan semasa pandemik untuk meningkatkan protokol keselamatan di tempat kerja termasuklah memastikan semua pekerja menerima suntikan vaksin. Saya berbangga untuk melaporkan bahawa setakat 21 Mac 2022, 98.31% pekerja FGV telah menerima vaksin lengkap.

MENINGKATKAN KOMITMEN KELESTARIAN

FGV berhasrat untuk mengubah naratif minyak sawit Malaysia dengan mengambil pandangan dan pendekatan holistik terhadap kelestarian bagi memastikan pertimbangan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) menjadi tumpuan utama dalam semua usaha kami. Ia adalah penting bagi menyokong kelestarian minyak sawit di peringkat global, dan membantu industri diterima dan disokong pada peringkat antarabangsa sebagai hala tuju untuk memenuhi keperluan penduduk dunia yang semakin meningkat.

Perlu juga dinyatakan bahawa dedikasi usaha untuk menerapkan budaya proaktif dan bertanggungjawab dalam Kumpulan telah membawa kepada peningkatan dalam kedudukan SPOTT kami. Kedudukan FGV telah meningkat ke tempat ke-19 daripada ke-23, yang menunjukkan ketelusan lebih baik dalam pendedahan berkaitan isu ESG.

Tumpuan utama untuk memacu kelestarian FGV pada 2021 ialah penarikan balik penggantungan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan Perintah Tahanan Pelepasan (WRO) oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US CBP). Juru nilai bebas telah dilantik untuk menilai operasi kami berhubung buruh paksa dan memberikan maklum balas serta panduan kepada FGV dalam menguruskan isu tersebut.

Untuk mengukuhkan pengawasan terhadap Polisi Kelestarian Kumpulan, Jawatankuasa Kelestarian Lembaga (BSC) telah ditubuhkan pada September 2021 yang dipengerusikan oleh saya sendiri, dan terdiri daripada empat ahli Lembaga Pengarah lain. Tumpuan utama BSC pada tahun ini adalah memberikan tumpuan terhadap komitmen FGV dalam mengurangkan pelepasan iklim kepada 1.5°C ke arah menjadi perniagaan bersih menjelang 2050, sebagai sebahagian daripada ikrar rasmi FGV kepada inisiaitif Aspirasi Perniagaan, Matlamat Berasaskan Sains yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dalam mendokong komitmen ini, kami melancarkan kempen sulung pendidikan dan kesedaran iklim, *SMART4Climate*. Ia dimulakan pada 8 Oktober 2021 dengan penganjuran pertandingan menulis esei peringkat kebangsaan bertajuk *'Write4Climate'*, dengan kerjasama Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Pertandingan tersebut bertujuan untuk menggalakkan kesedaran perubahan iklim dalam kalangan anak muda Malaysia dan terbuka kepada pelajar sekolah menengah berumur 13 hingga 17 tahun serta orang awam berumur 18 tahun ke atas. Para peserta bebas memilih topik yang berkaitan dengan tema iaitu 'Peranan Malaysia dalam Mengekalkan Dunia Di Bawah 1.5°C' dan menghantar esei dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Malaysia. Pertandingan tersebut telah menarik penyertaan melebihi 170 peserta dan kami percaya bahawa penulisan tentang isu kritikal sebegini akan memperkasakan mereka untuk menjadi pemangkin perubahan dalam menyumbang kepada agenda iklim negara.

Dengan kepercayaan terhadap tindakan bersepadu melalui penyertaan yang dapat membantu mengubah pemikiran, Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan telah disyorkan untuk menganjurkan Pertandingan Inovasi & Reka Cipta untuk semua pekerja FGV pada akhir tahun lalu. Pertandingan ini melibatkan penyertaan video mengenai cara melaksanakan inovasi di tempat kerja ke arah penjimatan masa dan kos, disamping meningkatkan produktiviti. 21 video telah diterima dan pemenang telah diumumkan di dalam buletin kami iaitu CASSIA.

Ketika banjir yang melanda seluruh Malaysia di penghujung tahun 2021, FGV turut menghulurkan bantuan bagi meringankan beban ratusan mangsa banjir melalui sumbangan dalam bentuk wang tunai dan barangan. Kami bersyukur kerana sumbangan zakat perniagaan melalui Tabung Kebajikan FGV membolehkan kami memberikan bantuan yang bermakna kepada masyarakat di saat mereka memerlukannya. Secara keseluruhannya, kami menyumbang kira-kira RM15 juta untuk aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang memberi manfaat kepada individu kurang bernasib baik, 200 asnaf, 300 mangsa banjir, dan usaha-usaha bantuan banjir dan pembaikan di kawasan FELDA.

Sila rujuk Laporan Kelestarian untuk butiran lanjut.

MENERAPKAN TADBIR URUS

Pada tahun ini, kami memastikan bahawa tadbir urus dan pengurusan risiko sentiasa disemak dan dikemas kini bagi memastikan pengawasan yang berhemat.

Tumpuan ditujukan ke arah mengekal dan meningkatkan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) Kumpulan dengan mematuhi Seksyen 17A Akta SPRM.

Memandangkan kami mempunyai ahli Lembaga Pengarah yang baharu pada tahun ini, Lembaga Pengarah telah menyertai program mandatori kesedaran pelaksanaan tadbir urus dan integriti, dengan penekanan khusus pada Liabiliti Korporat. Jaminan komitmen dibuat melalui Ikrar Integriti. Susulan itu, 100% pekerja FGV juga telah memperbaharui Ikrar Integriti mereka secara dalam talian pada 2021.

Satu siri sesi kesedaran berterusan untuk pekerja merentasi pelbagai lokasi di kesemua sektor, termasuk anak syarikat antarabangsa FGV telah dijalankan pada tahun 2021. Di samping itu, sesi mengenai kesedaran risiko rasuah telah diadakan untuk syarikat dan pusat korporat tempatan dan antarabangsa FGV.

Butiran lanjut mengenai Inisiatif Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko FGV boleh didapati dalam Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat di muka surat 102 dan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman di muka surat 140.

TINJAUAN EKONOMI DAN PROSPEK 2022

Selepas tahun yang mencabar yang turut dihambat oleh kekurangan tenaga kerja, gangguan operasi akibat impak impak pandemik yang berpanjangan, dan penggantungan pensijilan RSPO, tahun 2022 membawa keyakinan untuk penyelesaian serta pertumbuhan yang teguh pada Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia, yang diramalkan meningkat kepada 6% daripada 3.5% pada 2021.

[1] *Sumber: Tinjauan Ekonomi Dunia IMF (Oktober 2021)*

Kami menantikan pembaharuan jadual pensijilan RSPO dan penarikan balik sekatan ke atas eksport kami oleh US CBP pada TK2022 setelah memulakan semua langkah yang perlu untuk menangani perkara tersebut. Permintaan minyak sawit dijangka meningkat sebanyak 6.50% pada 2022, serta harga MSM yang kekal tinggi berdasarkan ramalan bekalan semasa. Pada masa hadapan, minyak sawit akan kekal sebagai tunjang utama perniagaan sedang kami menggunakan sumber yang sesuai secara strategik ke dalam perniagaan sinergistik dan bernilai tinggi untuk mengurangkan ketidaktentuan harga MSM.

Kami optimis bahawa hala tuju strategik ini akan mendapat manfaat daripada Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) yang menyasarkan pembangunan dan pemodenan selanjutnya industri perladangan dan perniagaan tani Malaysia. Dengan keuntungan kewangan bagi tahun 2021, kami kini mampu untuk melabur dalam penciptaan nilai penting dalam Pelan Perniagaan Strategik kami. Pelan Hala Tuju Transformasi Digital Malaysia juga merupakan petunjuk ke arah memajukan lagi perjalanan pendigitalan kami.

Pandemik telah menjadi faktor pemboleh dalam mempercepatkan penggunaan penyelesaian digital merentasi seluruh industri, dan ia juga telah menunjukkan kepentingan untuk menaik taraf serta mengukuhkan teknologi dan infrastruktur bagi memudahkan proses menjalankan perniagaan. Dalam operasi FGV, terdapat penerapan pantas agenda rangkuman digital bagi membolehkan pekerja kami bekerja, belajar dan berhubung secara digital. Kami juga telah membuat kemajuan dalam mewujudkan platform e-dagang dan kini memberi tumpuan kepada pendigitalan dan mekanisasi untuk ladang dan kilang.

Pasukan R&D kami telah memperkenalkan peranti penentu kedudukan, Geotagger, untuk penanaman semula dan pemanduan separa autonomi jentera menggunakan penentududukan GPS. Pendigitalan operasi ladang kami sedang diteruskan untuk membantu meningkatkan operasi dengan jejak digital penuaian, pembajaan dan pengangkutan Buah Tandan Segar (BTS).

Kami juga memberi tumpuan terhadap penyelidikan untuk menggunakan dron bagi penyembur udara pengurusan rumpai. Pada masa hadapan, perjalanan Revolusi Perindustrian 4 (IR4.0) akan merangkumi kemajuan dalam keupayaan analisis, keselamatan siber dan automasi bagi meningkatkan produktiviti dan membuat keputusan berasaskan data.

Lembaga Pengarah akan memastikan Pelan Perniagaan Strategik kami dapat memberi manfaat kepada pekebun kecil, terutamanya peneroka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), yang dianggap sebagai rakan kongsi, kerana FELDA telah muncul sebagai pemegang saham terbesar FGV pada akhir 2021 dengan 79.80% pegangan saham.

Kami berharap untuk memanfaatkan sinergi yang saling menguntungkan hasil daripada hubungan yang erat antara FELDA dan FGV, didorong oleh komunikasi lebih jelas mengenai matlamat bersama dan penjajaran strategik yang lebih responsif.

[2] *Sumber: Laporan Tinjauan Bekalan dan Permintaan Minyak Sawit 2022 oleh Majlis Negara-Negara Pengeluar Minyak Sawit*

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Lembaga Pengarah dan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada mantan Pengerusi, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid dan Mantan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO), Dato' Haris Fadzilah Hassan yang masing-masing telah meletakkan jawatan pada 1 April 2021 dan 15 Mei 2021.

Empat pengarah bebas iaitu, Datuk Mohd Anwar Yahya, Dr Mohamed Nazeeb P. Alithambi, Datin Hoi Lai Ping dan Dr Nesadurai Kalanithi turut meletakkan jawatan pada tahun ini dan kami mengucapkan terima kasih atas khidmat bakti mereka. Mereka telah membawa perspektif baharu dan semangat yang berterusan untuk mengembangkan FGV sebagai salah satu peneraju dalam perniagaan tani. Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi, Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad, Encik Kasmuri Sukardi dan Puan Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin telah menyertai kami menggantikan mereka.

Kami juga mengalu-alukan GCEO baharu FGV, Encik Mohd Nazrul Izam Mansor, yang dilantik pada 23 Ogos 2021, dan berharap untuk mencapai lebih banyak kejayaan bersama beliau.

Saya amat menghargai sumbangan beberapa pihak yang telah memainkan peranan dalam prestasi Kumpulan yang membanggakan. Penghargaan ikhlas saya tujukan kepada para pemegang saham, terutamanya FELDA, pelanggan dan pelbagai pemegang kepentingan atas kepercayaan berterusan dan sokongan padu mereka kepada kami. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kami kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri, Kementerian, pihak berkuasa kawal selia dan agensi Kerajaan atas bimbingan dan bantuan berterusan mereka.

Kepada peneroka dan pekebun kecil bebas, saya ingin menyatakan bahawa bekerjasama sebagai satu pasukan dengan FGV akan membawa kepada kejayaan bersama. Hala tuju masa hadapan adalah transformatif, dan kami memerlukan perkongsian, komitmen dan kepercayaan berterusan anda.

Setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada pekerja kami yang telah mempamerkan semangat, profesionalisme dan dedikasi, terutamanya barisan hadapan yang terus berkhidmat untuk pelanggan disepanjang tempoh yang luar biasa ini. Pekerja adalah masa depan kami. Dengan bimbingan pasukan kepimpinan kukuh yang sejajar dengan budaya PRIDE, saya percaya kita berada pada kedudukan yang baik untuk memacu strategi ke hadapan dan menyampaikan nilai kepada pemegang kepentingan.

Penghargaan saya tujukan kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah dalam Kumpulan atas sokongan dan nasihat mereka yang tidak ternilai. Pada 10 Mac 2022, kita kehilangan rakan sekerja yang dikasihi, Allahyarham Dato' Yusli Mohamed Yusoff. Lembaga Pengarah ingin mengucapkan takziah kepada keluarga beliau, dan mengiktiraf sumbangan berharga beliau sebagai Timbalan Pengerusi dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kumpulan sejak 2018.

Akhir sekali, saya ingin menyampaikan ucapan takziah kepada pekerja dan ahli keluarga mereka yang menjadi mangsa pandemik dan banjir yang melanda sepanjang tahun lalu. Kami sentiasa bersama anda menghadapi musibah ini, dan kami ingin merakamkan ucapan terima kasih, khas kepada petugas barisan hadapan dan sukarelawan negara yang telah menjadi tunjang sokongan ketika melalui tempoh penuh kemelut ini.

Dato' Dzulkifli Abd Wahab
Pengerusi

SEKSYEN 1

Perihal FGV

10 Sorotan Pencapaian FGV 2021
12 Perihal Kami
14 Kehadiran Global
16 Butiran Korporat
17 Perniagaan Utama FGV
18 Struktur Organisasi
20 Sorotan 5 Tahun Pencapaian Kewangan

FGV berhasrat untuk mengubah naratif minyak sawit Malaysia dengan mengambil pandangan holistik dan memanfaatkan sinergi ke arah nilai optimum. Dalam usaha kami untuk memastikan kepentingan masa hadapan minyak sawit Malaysia, kami berusaha untuk menerapkan kecemerlangan operasi dan kelestarian di seluruh rangkaian perniagaan FGV sambil mencipta nilai untuk pemegang kepentingan kami.



SOROTAN PENCA

KORPORAT

- **FELDA muncul sebagai pemegang saham terbesar** FGV dengan jumlah pegangan saham sebanyak 79.80% pada 31 Disember 2021.
- **Melancarkan program Sukuk Murabahah bernilai RM500 juta**, dimana ia menunjukkan keyakinan terhadap lembaran imbangan FGV.
- **Membayar cukai makmur sebanyak RM184 juta** berdasarkan harga tinggi yang dicatatkan oleh MSM pada tahun tersebut.
- **Menyumbang sekitar RM15 juta** untuk aktiviti berkaitan CSR.

PERLADANGAN

- **Menyelesaikan penebangan seluas 13,127 Ha** dengan jumlah kawasan **penanaman semula 2,815 Ha**.
- Peluasan kawasan mekanisasi kepada **30,391 Ha**, menjadikan **sejumlah 115,000 Ha dijenterakan sepenuhnya** menggunakan kaedah *Mechanical Assisted Infield Collection*.
- Menggunakan **297,178 MT baja**, bersamaan dengan 100% liputan.
- **Saji menduduki tempat #7 jenama FMCG** terpilih di Malaysia, berdasarkan Jejak Jenama Asia Kantar 2021.

GULA

- **Gula Prai menduduki tempat #3 jenama FMCG terpilih paling utama** di Malaysia, berdasarkan Jejak Jenama Asia Kantar 2021.
- Memperoleh **kontrak bekalan gula bertapis terjamin** bersama **Syarikat Coca-Cola dengan anggaran nilai sebanyak RM290 juta** untuk pengeluaran domestik dan antarabangsa.
- **Menandatangani perjanjian bersama Wilmar** untuk bekerjasama dalam mewujudkan kelestarian rantaian bekalan gula.

LOGISTIK & LAIN-LAIN

- Mencatat **pengendalian storan oleokimia tertinggi sebanyak 0.95 juta MT**.
- Memperkenalkan **perkhidmatan pengangkutan rantaian sejuk** dan memperoleh **10 trak peti sejuk**.
- Memperluas kapasiti pengangkutan FGV kepada **549 unit** bagi mengukuhkan operasi.
- **Menembusi Industri Minyak dan Gas** - memperoleh kontrak Penyelenggaraan Infra & Sistem Telekomunikasi (TISM) untuk Petronas Refinery & Petrochemical Corporation (PRPC)

PAIAN FGV 2021

PERTANIAN BERSEPADU

- Menuai **600 Ha Beras Wangi *Fortified Field* (3FR)** melalui program pertanian kontrak, **menghasilkan 3,751 MT** beras wangi dibawah jenama "Saji Aroma".
- **Melancarkan Lembah Agro FGV Chuping** untuk membangunkan tanaman kontan bernilai tinggi dan penternakan tenusu berskala besar.

TADBIR URUS

- Kaji Selidik **Alat Penilaian Integriti (IAT)** yang dijalankan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) terhadap 1,500 pekerja menunjukkan peningkatan **81% tahap integriti dalam FGV pada 2021, daripada 68% pada 2018**.
- **Penyelenggaraan dan peningkatan ABMS** dalam mematuhi Seksyen 17A Akta SPRM.
- **Komitmen daripada ahli Lembaga Pengarah** terhadap tadbir urus dan integriti melalui Ikrar Integriti.
- **100% pekerja FGV** telah memperbaharui ikrar integriti mereka secara dalam talian pada tahun 2021.

KELESTARIAN

- **Menubuhkan Jawatankuasa Kelestarian Lembaga**.
- **Menubuhkan Jawatankuasa Kesaksamaan Gender** dan Pemerkasaan Wanita yang mencerminkan komitmen FGV terhadap kesaksamaan wanita untuk menceburi semua peluang dalam operasi kami.
- Penambahbaikan kedudukan SPOTT, **meningkat ke kedudukan ke-19** daripada ke-23, dengan skor penilaian SPOTT keseluruhan sebanyak **74%**.
- Berikrar untuk mengamalkan Matlamat Berasaskan Sains dan menjadi entiti pelepasan sifar bersih menjelang 2050, **menjadikan FGV sebagai syarikat makanan dan pertanian pertama di Malaysia** yang menandatangani Hasrat Perniagaan SBTi yang disokong PBB untuk ikrar 1.5°C.
- **Perluasan pemuliharaan hidupan liar dan pengurusan konflik manusia-hidupan liar** untuk melibatkan gajah pigmi, tenggiling dan ungka selain program sedia ada untuk beruang matahari.
- Memulakan **inisiatif baharu tiga tahun untuk melindungi dan meningkatkan Nilai Pemuliharaan Tinggi dan kawasan Stok Karbon Tinggi** dalam ladang kami.
- Memastikan pematuhan kepada sumber bertanggungjawab, piawaian dan peraturan kelestarian melalui kebolehjejakan dan pengurusan rantaian bekalan. Sehingga kini, **100% minyak sawit kami boleh dijejak ke kilang dan 98% ke ladang. Bagi getah, 97% boleh dikesan ke ladang (pembekal tempatan)**.

Perihal Kami

FGV Holdings Berhad (FGV) sedang memanfaatkan sinergi bagi meningkatkan penciptaan nilai dan mengoptimumkan potensi setiap perniagaan untuk mencapai kemajuan dalam menyampaikan nilai yang lestari kepada pemegang kepentingan kami.

FGV sentiasa kekal di landasan pelan strategik dan matlamat kami dan memastikan komunikasi yang jelas dengan pemegang kepentingan. Dalam setiap tindakan yang diambil, kami berpegang kepada tanggungjawab dan kebertanggungjawaban, dibimbing oleh tadbir urus berkesan yang kukuh dan amalan kewangan yang berhemat.

Hari ini, FGV adalah antara pengeluar Minyak Sawit Mentah (MSM) terbesar di dunia, menyumbang 4% daripada jumlah pengeluaran MSM dengan tumpuan kepada tiga perniagaan teras; Perladangan, Gula, dan Logistik & Lain-lain (LO), disamping menubuhkan dua perniagaan baharu, iaitu Produk Pengguna dan Pertanian Bersepadu. Dengan memanfaatkan kekuatan dan kepakaran setiap segmen perniagaan dalam Kumpulan, FGV kini berada pada kedudukan yang baik sebagai salah satu peneraju perniagaan tani Malaysia.

VISI KAMI

Menjadi salah satu **Peneraju Perniagaan Tani Bersepadu** dan **Lestari di Dunia** yang **Memberikan Pulangan Nilai** kepada pelanggan dan pemegang kepentingan

MISI KAMI

Menjadi peneraju dunia dengan:

- Mencipta Nilai menerusi Modal Insan
- Membina Kelebihan Rantaian Nilai Bersepadu
- Mendukung Keperluan Tadbir Urus dan Pematuhan
- Kepelbagaian Komoditi dan Geografi

NILAI ORGANISASI KAMI

P R I D E

Kerjasama
Penyelesaian dan idea terbaik hasil daripada kerjasama dengan pihak dalaman (rakan sekerja) dan luaran (rakan perniagaan).

Hormat
Kejayaan dan pencapaian yang berterusan hanya dapat diperoleh dengan menghormati individu lain (rakan sekerja dan rakan kongsi perniagaan), serta persekitaran, yang merupakan sumber utama perniagaan kami.

Integriti
Integriti melibatkan kepercayaan, kejujuran dan keikhlasan. Dalam konteks kami, integriti bermaksud penggalasan tanggungjawab dan kebertanggungjawaban atas tindakan dan tingkah laku sendiri. Setiap kakitangan bertanggungjawab terhadap kejayaan dan reputasi perniagaan Kumpulan.

Dinamisme
Berusaha untuk meneroka, mencipta idea dan mengenal pasti potensi pertumbuhan daripada peluang baharu dan menjangkau batas tradisional, keutamaan pemegang kepentingan kami.

Semangat
Tulus berikhtiar, komited terhadap pertumbuhan dan masa hadapan perniagaan tani kami dan pada masa yang sama, memperluas pembangunan lestari di seluruh dunia.

Perladangan

Perniagaan perladangan FGV didominasi oleh segmen bersepadu Huluan, Hiliran, R&D, Pemasaran & Perdagangan, dan rantaian nilai Tenaga Boleh Diperbaharui.

67 Kompleks Kilang Sawit

(97% diperakui MSPO & 45% diperakui RSPO)



27% pekebun kecil sebagai pihak ketiga

30% FGV

43% peneroka FELDA

Menguruskan

219 ladang

Jumlah bank tanah: (termasuk Malaysia dan Indonesia)

438,885 Ha

Kelapa sawit **336,315 Ha**

Getah **7,668 Ha**

Tanaman lain **3,352 Ha**

Kawasan bertanam

Kawasan tanpa tanaman **91,550 Ha**



Pengeluaran MSM sebanyak

2.68 juta MT

Kapasiti penapisan minyak sayuran

5,553,600 MT

Kapasiti pemprosesan getah

233,400 MT

Kapasiti kilang pemecah isirung sawit

1,007,600 MT

Kapasiti kilang biodiesel

110,000 MT

Kapasiti kilang oleokimia

476,000 MT

Nota: Semua pengeluaran dan angka operasi adalah berdasarkan purata tahunan

R&D

>12,000 Ha ladang kelapa sawit untuk tujuan R&D

58 penyelidik berkelayakan tinggi & 17 ahli agronomi

#1 pengeluar benih bercambah kelapa sawit di Malaysia dengan **43% bahagian pasaran**

Pengeluar baja terkemuka di Malaysia dengan kapasiti pengeluaran tahunan **700,000 MT**

Yangambi 3Way | Yangambi ML161 | LiqGro 63 | BUTIK S | PalmaShield | TYPGro88 | BUTIK S220 | BUTIK SE | BUTIK G220 | PalmaGro | Flourish 82 | sunflower | PUNGGUK | Myco Gro 500 | SUN BEAR

Produk Pengguna

Saji — Jenama **minyak masak bertapis #1** di Malaysia dengan **42% penguasaan pasaran**

Seri PELANGI — Jenama **marjerin #1** di Malaysia dengan **41% penguasaan pasaran**

Jenama lain

Adela | PREMEO | 444 BIGA UBYNG

Pertanian Bersepadu

Pertanian Bersepadu memanfaatkan sinergi dalaman FGV untuk dipelbagaikan ke dalam bentuk pertanian komersial lain.
Ia adalah sebahagian daripada kitaran ekonomi FGV yang melibatkan penanaman tanaman kontan di tanah ladang marginal dan menghasilkan makanan haiwan daripada produk sampingan sawit.

- Makanan haiwan & produk nutrisi, untuk ternakan dan ayam
- Padi & beras
- Makanan & tanaman kontan
- Platform e-dagang GOGOPASAR

ALMA | BRIGHT COW | LADANG 57 | GOGOPASAR

Perniagaan Gula

Perniagaan gula beroperasi melalui anak syarikat milik 51% FGV, MSM Malaysia Holdings Berhad.

2.05 juta MT

Kapasiti pengeluaran gula tahunan

GULA PRAI

Antara penapis gula **terbesar** di dunia

Menguasai bahagian pasaran dalam pasaran gula bertapis domestik

Perkhidmatan Lain Milik FGV

Perkhidmatan FGV memastikan bekalan produk kami sentiasa konsisten di pasaran melalui storan termaju, logistik cekap, penyelesaian pengedaran runcit dan e-dagang.

Kedai FGV · FGV · iLOS · iEMS · ProTruz

Logistik & Lain-lain

Sektor LO mendukung perniagaan teras Kumpulan dengan menghubungkan aliran aset untuk memacu kecekapan di seluruh peringkat Kumpulan.

Kapasiti penyimpanan sebanyak

1.08 juta MT

Cecair	Kargo Kering
0.97 juta MT	**0.11** juta MT

(termasuk Indonesia & Pakistan)

Armada Pengangkutan

549 unit



Kehadiran Global

FGV beroperasi di **9** negara di seluruh Asia, Amerika Utara dan Eropah.



Aset FGV

Perladangan

219 Ladang kelapa sawit
67 Kilang sawit
8 Kilang penapisan minyak sayuran
6 Fasiliti pemprosesan getah
4 Kilang pemecah isirung sawit
3 Pusat R&D
3 Pusat pengeluaran benih
3 Kilang pembuatan baja
3 Pejabat dagangan
2 Kilang oleokimia
1 Kilang biodiesel
1 Fasiliti pemprosesan getah mesra alam

Gula

2 Kilang penapisan gula
1 Gudang gula bertapis

Logistik & Lain-lain

13 Terminal simpanan pukal
10 Hab & laluan pengangkutan
5 Gudang
4 Depoh pengangkutan
2 Operasi jeti
1 Hotel

Pertanian Bersepadu

2 Pusat pembungkusan makanan segar
1 Fasiliti pemprosesan susu segar
1 Lembah makanan agro
1 Kilang makanan haiwan
1 Ladang padi
1 Ladang lembu tenusu bersepadu

Asia

INDONESIA
- 5 Ladang kelapa sawit
- 1 Terminal simpanan pukal

KEMBOJA
- 1 Fasiliti pemprosesan getah

THAILAND
- 1 Fasiliti pemprosesan getah

PAKISTAN
- 1 Kilang penapisan minyak sayuran
- 1 Pejabat dagangan*
- 2 Terminal simpanan pukal**
- 1 Gudang
- 1 Operasi jeti

Amerika Utara

USA
- 1 Kilang oleokimia

Eropah

PERANCIS
- 1 Pejabat dagangan*

SPAIN
- 1 Pejabat dagangan*

TURKI
- 1 Kilang penapisan minyak sayuran*

* *Usaha Sama*
** *Salah satu daripada dua kilang penapisan/terminal simpanan pukal adalah JV*

Jumlah tenaga kerja FGV*
(termasuk pekerja ladang dan kakitangan MSM)

43,583

	Lelaki	Perempuan
	86%	**14%**
Kakitangan FGV**: **(15,577)**	**85%**	**15%**
Pekerja ladang: **(26,973)**	**87%**	**13%**
Kakitangan MSM: **(1,033)**	**84%**	**16%**

* *Jumlah tenaga kerja FGV pada 31 Disember 2021*
** *Tidak termasuk FGV Dairy Farm, FGV Dairy Industries, FGV Agro Fresh Technology dan anak syarikat di luar negara*



Pusat Bandar

SELANGOR
- 1 Kilang sawit
- 1 Kilang penapisan minyak sayuran*
- 1 Kilang pemecah isirung sawit
- 1 Gudang gula bertapis
- 2 Gudang
- 1 Depoh pengangkutan
- 1 Hab & laluan pengangkutan
- 1 Terminal pukal
- 2 Pusat pembungkusan makanan segar
- 1 Fasiliti pemprosesan susu segar
- 1 Ladang padi

Utara

PERLIS
- 1 Lembah makanan agro

KEDAH
- 1 Ladang kelapa sawit
- 1 Fasiliti pemprosesan getah

PULAU PINANG
- 1 Kilang penapisan gula
- 1 Hab & laluan pengangkutan

PERAK
- 7 Ladang kelapa sawit
- 2 Kilang sawit
- 1 Hab & laluan pengangkutan

Selatan

NEGERI SEMBILAN
- 9 Ladang kelapa sawit
- 4 Kilang sawit
- 2 Fasiliti pemprosesan getah
- 1 Pusat R&D
- 1 Fasiliti pemprosesan getah mesra alam
- 1 Hab & laluan pengangkutan
- 1 Ladang lembu tenusu bersepadu

MELAKA
- 1 Hotel

JOHOR
- 19 Ladang kelapa sawit
- 15 Kilang sawit
- 2 Kilang penapisan minyak sayuran**
- 1 Kilang pemecah isirung sawit
- 1 Pusat pengeluaran benih
- 1 Kilang pembuatan baja
- 1 Kilang penapisan gula
- 5 Terminal simpanan pukal
- 2 Hab & laluan pengangkutan
- 1 Depoh pengangkutan
- 1 Gudang

Pantai Timur

KELANTAN
- 12 Ladang kelapa sawit
- 3 Kilang sawit
- 1 Hab & laluan pengangkutan

TERENGGANU
- 8 Ladang kelapa sawit
- 3 Kilang sawit

PAHANG
- 70 Ladang kelapa sawit
- 26 Kilang sawit
- 1 Kilang penapisan minyak sayuran
- 1 Kilang pemecah isirung sawit
- 1 Kilang biodiesel
- 1 Kilang oleokimia*
- 1 Pusat R&D
- 1 Pusat pengeluaran benih
- 1 Kilang pembuatan baja
- 1 Fasiliti pemprosesan getah
- 2 Terminal simpanan pukal
- 1 Depoh pengangkutan
- 1 Hab & laluan pengangkutan
- 1 Gudang
- 1 Kilang makanan haiwan

Malaysia Timur

SABAH
- 78 Ladang kelapa sawit
- 11 Kilang sawit
- 2 Kilang penapisan minyak sayuran
- 1 Kilang pemecah isirung sawit
- 1 Pusat R&D
- 1 Pusat pengeluaran benih
- 1 Kilang pembuatan baja
- 2 Terminal simpanan pukal
- 1 Depoh pengangkutan
- 1 Hab & laluan pengangkutan
- 1 Operasi jeti

SARAWAK
- 10 Ladang kelapa sawit
- 2 Kilang sawit
- 1 Hab & laluan pengangkutan

Butiran Korporat

LEMBAGA PENGARAH

Dato' Dzulkifli Abd Wahab
Pengerusi
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik pada 1 April 2021)

Dato' Amiruddin Abdul Satar
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Shahrol Anuwar Sarman
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Yatimah Sarjiman
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik pada 8 April 2022)

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad
Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik pada 1 Julai 2021)
(Ditukarkan jawatan sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif pada 30 Mac 2022)

Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik pada 30 Jun 2021)

Kasmuri Sukardi
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik pada 1 Julai 2021)

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Dilantik pada 1 Julai 2021)

Datuk Wira Azhar Abdul Hamid
Pengerusi
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Meletakkan jawatan sebagai Pengerusi, Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 1 April 2021)

Datuk Mohd Anwar Yahya
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Meletakkan jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 1 April 2021)

Dr Mohamed Nazeeb P.Alithambi
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Meletakkan jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 1 April 2021)

Datin Hoi Lai Ping
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Bersara sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 23 Jun 2021)

Dr Nesadurai Kalanithi
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Meletakkan jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 24 Jun 2021)

Dato' Yusli Mohamed Yusoff
Timbalan Pengerusi Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
(Meninggal dunia pada 10 Mac 2022)

Datuk Dr Zunika Mohamed
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
(Meletakkan jawatan sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 11 Mac 2022)

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

Mohd Nazrul Izam Mansor
(Dilantik pada 23 Ogos 2021)

Dato' Haris Fadzilah Hassan
(Meletakkan jawatan pada 15 Mei 2021)

SETIAUSAHA SYARIKAT

Koo Shuang Yen
(MIA 7556)

PEJABAT BERDAFTAR

Aras 21, Wisma FGV
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel : +603 2789 0000
Faks : +603 2789 0001
Laman Web: www.fgvholdings.com

PERHUBUNGAN PELABUR DAN PERTANYAAN

Nurul Syazatul Aiman Taifor
Ketua Perhubungan Pelabur
Aras 20, Wisma FGV
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel : +603 2789 0000
E-mel : fgv.investors@fgvholdings.com

PLATFORM BAGI PEMEGANG SAHAM/ PIHAK BERKEPENTINGAN UNTUK MENYUARAKAN PENDAPAT

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad
(Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif)

E-mel : sid@fgvholdings.com

PENDAFTAR SAHAM

Boardroom Share Registrars Sdn Bhd
No Pendaftaran: 199601006647 (378993-D)
Aras 11, Menara Symphony
No 5, Jalan Prof Khoo Kay Kim
Seksyen 13
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

Tel (Meja Bantuan) : +603 7890 4700
Faks : +603 7890 4670
Laman Web : www.boardroomlimited.com
E-mel : bsr.helpdesk@boardroomlimited.com

JURUAUDIT

PricewaterhouseCoopers PLT
(LLP0014401-LCA & AF 1146)
Akauntan Berkanun
Aras 10, 1 Sentral, Jalan Rakyat
Kuala Lumpur Sentral
P.O. Box 10192
50706 Kuala Lumpur
Malaysia

Tel : +603 2173 1188
Faks : +603 2173 1288
Laman Web: www.pwc.com/my

PENYENARAIAN PASARAN SAHAM

Disenaraikan di Pasaran Utama
Bursa Malaysia Securities Berhad

Tarikh Penyenaraian : 28 Jun 2012
Nama Saham : FGV
Kod Saham : 5222
Sektor Saham : Perladangan

@fgvholdings
@fgvholdings
FGV Holdings Berhad
FGV Holdings Berhad

Perniagaan Utama FGV

- **Perladangan**
  - Huluan
    - FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd
    - Pontian United Plantations Berhad
    - Asian Plantations Limited
    - FGV Security Services Sdn Bhd
    - FGV Palm Industries Sdn Bhd
    - PT Citra Niaga Perkasa
    - PT Temila Agro Abadi
  - Hiliran
    - Delima Oil Products Sdn Bhd
    - FGV Kernel Products Sdn Bhd
    - FGV Refineries Sdn Bhd
    - FGV Biotechnologies Sdn Bhd
    - Twin Rivers Technologies Holdings, Inc
    - FGV IFFCO Sdn Bhd
    - FPG Oleochemicals Sdn Bhd
  - Penyelidikan & Pembangunan
    - FGV Agri Services Sdn Bhd
    - FGV Applied Technologies Sdn Bhd
    - FGV R&D Sdn Bhd
    - FGV Fertiliser Sdn Bhd
  - Pemasaran & Perdagangan
    - FGV Trading Sdn Bhd
    - FGV Marketing Services Sdn Bhd
  - Getah
    - FGV Rubber Industries Sdn Bhd
    - Feltex Co Ltd
    - FGV-CVC (Cambodia) Co Ltd
- **Logistik & Lain-lain**
  - Logistik
    - FGV Johor Bulkers Sdn Bhd
    - FGV Bulkers Sdn Bhd
    - FGV Grains Terminal Sdn Bhd
    - Langsat Bulkers Sdn Bhd
    - PT Patisindo Sawit
    - FGV Transport Services Sdn Bhd
    - F.W.Q. Enterprises (Pvt) Ltd
  - Lain-lain
    - FGV Prodata Systems Sdn Bhd
    - Felda Travel Sdn Bhd
    - Mapak Edible Oils (Pvt) Ltd
- **Gula**
  - MSM Malaysia Holdings Berhad
  - MSM Prai Berhad
  - MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd
  - MSM Logistics Sdn Bhd
  - MSM Trading & Distribution Sdn Bhd
- **Pertanian Bersepadu**
  - FGV Integrated Farming Holdings Sdn Bhd
  - FGV Dairy Farm Sdn Bhd
  - FGV Dairy Industries Sdn Bhd
  - FGV Agro Fresh Technology Sdn Bhd
  - MSM Perlis Sdn Bhd

Anak syarikat *Usaha sama*

Sila rujuk Penyata Kewangan Diaudit 2021 untuk butiran lanjut.

Imbas di sini untuk melihat Penyata Kewangan Diaudit kami

Struktur Organisasi



Sektor Perniagaan | Sektor Sokongan | Bahagian Perniagaan | Bahagian Sokongan

Terletak di Kuala Lumpur, Wisma FGV adalah ibu pejabat FGV Holdings Berhad

Sorotan 5 Tahun
Pencapaian Kewangan

	2021	2020	2019	2018	2017
Keputusan Operasi (RM Juta)					
Hasil	**19,566**	14,076	13,259	13,464	16,922
Keuntungan/(kerugian) operasi	**1,779**	445	(194)	(815)	485
Keuntungan/(kerugian) sebelum cukai dan zakat	**1,714**	346	(339)	(1,025)	403
Keuntungan/(kerugian) yang boleh diagihkan kepada pemilik Syarikat	**1,168**	146	(246)	(1,081)	131
Data Penyata Imbangan (RM Juta)					
Hartanah, loji dan peralatan	**7,674**	7,810	8,190	8,501	8,392
Jumlah aset	**17,956**	17,180	17,702	18,992	20,833
Jumlah pinjaman	**3,998**	4,293	4,907	5,403	5,498
Jumlah liabiliti	**10,770**	11,079	11,601	12,388	13,002
Ekuiti pemegang saham	**5,421**	4,262	4,173	4,465	5,577
Maklumat Saham					
Pendapatan sesaham (sen)	**32.0**	4.0	(6.7)	(29.6)	3.6
Dividen sesaham (sen)	**8.0**	3.0	2.0	Tiada	5.0
Aset bersih sesaham (RM)	**1.49**	1.17	1.14	1.22	1.53
Harga saham pada 31 Disember (RM)	**1.48**	1.28	1.52	0.71	1.69

Catatan:
Sorotan kewangan tahun-tahun sebelumnya adalah berdasarkan jumlah dinyatakan semula terkini mengikut perubahan dalam dasar perakaunan dan penggunaan MFRS baharu.

HASIL
(RM Bilion)



KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI DAN KEPENTINGAN TIDAK MENGAWAL
(RM Juta)



PENDAPATAN SESAHAM
(Sen)



PULANGAN DANA PEMEGANG SAHAM
(%)



ASET BERSIH SESAHAM
(RM)



DIVIDEN SESAHAM
(Sen)



Catatan:
Sorotan kewangan tahun-tahun sebelumnya adalah berdasarkan jumlah dinyatakan semula terkini mengikut perubahan dalam dasar perakaunan dan penggunaan MFRS baharu.

SEKSYEN 2

Penciptaan Nilai

24 Perkara Material

26 Penglibatan Pemegang Kepentingan

30 Hubungkait Perkara Material kepada Risiko dan Strategi

32 Model Penciptaan Nilai Kami

34 Landskap Operasi

36 Strategi Perniagaan

FGV berusaha untuk mendedahkan strategi dan langkah pertumbuhan kami secara menyeluruh bagi mengiktiraf peluang dan menangani risiko yang mempengaruhi persekitaran operasi. Penyepaduan berterusan antara strategi, tadbir urus dan pengurusan risiko dijalankan untuk memastikan pendekatan yang kukuh diterapkan dalam membuat keputusan perniagaan dan sejajar dengan aspirasi kami. Ini bagi memastikan kami terus memberikan nilai jangka panjang.



Perkara Material

PENDEKATAN DAN PROSES

FGV sentiasa menilai risiko dan peluang dalam landskap operasi untuk mencapai strategi perniagaan ketika kami berusaha untuk bersaing dalam persekitaran perniagaan yang dinamik. FGV konsisten dalam menjalankan Penilaian Material pada setiap tahun untuk memahami skala impaknya kepada perniagaan kami yang pelbagai. Maklum balas pemegang kepentingan adalah faktor pertimbangan utama dalam proses untuk mendapatkan perspektif yang lebih realistik tentang landskap dan cabaran perniagaan semasa.

Penglibatan dalam penilaian-penilaian yang kerap adalah penting untuk memastikan perkara material FGV Holdings Berhad (FGV) relevan dan dikemas kini, sambil memastikan perkara-perkara yang penting kepada pemegang kepentingan dan perniagaan ditangani. Pada tahun ini, kami mengemas kini perkara material kami mengikut landskap perniagaan semasa. Penilaian ini disesuaikan dengan Panduan Pelaporan Kelestarian Bursa Malaysia (Edisi Ke-2) dan Kit mengenai Penglibatan Pemegang Kepentingan dan Penilaian Material.

Dalam menjalankan penilaian, faktor-faktor berikut telah diambil kira:

- Perkara-perkara penting terdahulu yang dipertimbangkan pada tahun sebelumnya
- Isu yang diketengahkan oleh pemegang kepentingan utama kami dalam penglibatan sebelum ini
- Isu-isu penting dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah
- Isu berkaitan trend global dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)

Perkara di atas membentuk langkah pertama dalam tiga bahagian bagi proses penilaian ini:

MENGENAL PASTI

- Mengenal pasti dan mengutamakan pemegang kepentingan utama
- Membuat inventori perkara material yang telah dilaksanakan melalui soal selidik dalaman dan perbincangan dengan pasukan projek
- Menanda aras dengan rakan setara

MENGUTAMAKAN

- Berinteraksi dengan pemegang kepentingan dalaman dan luaran melalui soal selidik dan bengkel*
- Menentukan kepentingan setiap perkara kepada pemegang kepentingan utama dan kesannya

MENGESAHKAN

- Memadankan perkara-perkara material kepada tonggak Ekonomi, Alam Sekitar dan Sosial (EES)
- Kemas kini Matriks Material
- Membentangkan Matriks Material kepada Pengurusan Kanan dan Jawatankuasa Kelestarian Lembaga untuk semakan & pengesahan

** Proksi digunakan untuk mewakili pemegang kepentingan luar semasa bengkel diadakan.*

MATRIKS MATERIAL

Matriks Material kami menunjukkan 16 perkara material yang dikenal pasti melalui proses penilaian tiga bahagian. Selaras dengan pendekatan holistik, kami telah mengumpulkan perkara material mengikut tonggak EES dengan Pensijilan Kelestarian yang merangkumi ketiga-tiga tonggak tersebut.

Isu-isu penting yang boleh memberi kesan kepada keupayaan kami dalam mencipta nilai dibentangkan dalam Matriks Material. Perkara-perkara di kuadran kanan atas dianggap sebagai kumpulan Keutamaan Tinggi kepada pemegang kepentingan dan perniagaan kami, dan oleh itu akan diberi tumpuan dalam Laporan ini.



Perkara material yang dikenal pasti pada TK2021

Kepentingan Tinggi

1 Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh
2 Kecemerlangan Operasi
3 Pensijilan Kelestarian
4 Tadbir Urus, Etika & Integriti
5 Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan
6 Tindakan Iklim
7 Kebolehkesanan, Penyumberan Bertanggungjawab & Pengurusan Rantaian Bekalan

Kepentingan Sederhana

1 Pembangunan Perniagaan & Kualiti Produk
2 Perhubungan bersama Kakitangan
3 Pengurusan Biodiversiti & Tanah
4 Pengurusan Bakat

Kepentingan Rendah

1 Pengurusan Sisa
2 Pengurusan Tanah, Air, Makhluk Perosak & Penyakit
3 Perhubungan & Pembangunan Komuniti
4 Keselamatan & Perlindungan Data
5 Tenaga Boleh Diperbaharui & Pengurusan Tenaga

● Ekonomi ● Alam Sekitar ● Sosial ● Secara menyeluruh

PEMERHATIAN UTAMA

Untuk TK2021, 16 perkara material yang dikenal pasti adalah hampir serupa dengan senarai pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, sedikit perubahan dibuat pada tajuk perkara material untuk memberikan skop lebih jelas yang merangkumi setiap perkara. Kuadran atas kanan Matriks Material menggambarkan tujuh perkara Keutamaan Tinggi untuk FGV sepanjang tahun dalam tinjauan.

Antara perubahan utama antara TK2021 dan TK2020 ialah penambahan Tindakan Iklim dalam kumpulan Keutamaan Tinggi kerana ia telah menjadi salah satu isu mendesak yang dibahaskan di seluruh dunia. Dalam menangani kebimbangan ini dan menekankan komitmen kami untuk mengurangkan pelepasan yang memberi impak terhadap iklim, FGV menjadi organisasi makanan dan perniagaan tani pertama di Malaysia yang mengesahkan komitmen dengan menandatangani inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Ikrar Aspirasi Perniagaan untuk 1.5° C. Ia juga selaras dengan matlamat Kerajaan untuk menjadi negara neutral karbon menjelang 2050.

Imbas di sini untuk melihat Laporan Kelestarian kami

Sila rujuk Laporan Kelestarian kami untuk butiran lanjut.

Penglibatan Pemegang Kepentingan

FGV komited untuk mengekalkan hubungan baik dengan pemegang kepentingan kami. Dengan mengenal pasti dan memberi keutamaan kepada perkara material, kami mengadakan sesi perhubungan dengan para pemegang kepentingan secara aktif dan terbuka untuk menangani isu yang dianggap penting kepada mereka. Ini memastikan kami menangani dengan berkesan sebarang peluang dan risiko yang mungkin menjejaskan keupayaan untuk menyampaikan nilai.

Kepentingan kumpulan pemegang kepentingan, perkara material yang dikenal pasti penting bagi mereka, dan reaksi kami terhadap perkara itu didedahkan melalui penglibatan dengan mereka seperti berikut:

Kepentingan Mereka	Inisiatif dalam Perhubungan	Perkara Material Untuk Pemegang Kepentingan	Reaksi Kami
Pelanggan			
• Menerima/Membeli produk dan perkhidmatan kami • Memacu hasil untuk FGV	• Mengemas kini laman web dan media sosial syarikat • Mesyuarat Dalaman/Luaran • Persidangan/Forum/Seminar • Acara/Aktiviti syarikat • Mesyuarat agung • Tinjauan dan maklum balas luaran	Pembangunan Perniagaan & Kualiti Produk Kecemerlangan Operasi Pensijilan Kelestarian	• Menyediakan Kebolehjejakan Produk (FGV-ToP) untuk pelanggan mendapatkan butiran seperti pensijilan, geolokasi dan pengeluaran • Berkolaborasi dan bekerjasama rapat dengan pelanggan untuk memaksimumkan sumber dan produktiviti
Pembekal			
• Sumber bahan mentah/bahan • Memainkan peranan penting dalam rantaian nilai perniagaan • Peneroka FELDA adalah salah satu pembekal kami kerana mereka menyediakan 43% daripada bekalan BTS kami	• Kemas kini laman web dan media sosial syarikat • Mesyuarat Dalaman/Luaran • Persidangan/Forum/Seminar • Acara/Aktiviti syarikat • Lawatan tapak/audit • Mesyuarat agung • Tinjauan dan maklum balas dalaman/luaran	Pembangunan Perniagaan & Kualiti Produk Tadbir Urus, Etika & Integriti Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh	• Menambah baik proses perolehan untuk memastikan amalan bertanggungjawab/lestari dalam menjalankan perniagaan • Memastikan pengurusan yang baik dan sokongan yang mencukupi semasa pra dan pasca libat urus dengan pembekal
Badan Kawal Selia & Kerajaan			
• Menguatkuasakan aturan dan peraturan industri	• Mengemas kini laman web syarikat • Mesyuarat Dalaman/Luaran • Lawatan tapak/audit • Tinjauan dan maklum balas luaran	Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh Kecemerlangan Operasi Pensijilan Kelestarian	• Memastikan kepatuhan dan ketelusan pelaporan • Meningkatkan kepatuhan hak asasi manusia dan piawaian buruh melalui libat utus dengan perunding luar bagi memastikan kepatuhan kedua-dua undang-undang dan peraturan tempatan dan antarabangsa

Kepentingan Mereka	Inisiatif dalam Perhubungan	Perkara Material Untuk Pemegang Kepentingan	Reaksi Kami
Lembaga Pengarah dan Kakitangan			
Lembaga Pengarah • Menguruskan organisasi pada peringkat strategik • Mengawasi pengendalian perniagaan Kumpulan, mengurus risiko dan memastikan pelaksanaan rangka kerja kawalan dalaman dan langkah-langkah mitigasi yang sesuai **Kakitangan** • Mempunyai pengetahuan dan maklumat tentang operasi perniagaan • Mewakili organisasi untuk berkomunikasi dengan pelanggan dan pembekal kami • Mengendalikan dan mengurus operasi harian organisasi	• Mengemaskini laman web dan media sosial syarikat • Mesyuarat Dalaman/Luaran • Acara/Aktiviti syarikat, seperti townhall, bimbingan, rundingan meja bulat dan perhimpunan • Intranet/surat berita syarikat • Tinjauan dalaman dan maklum balas • Mesyuarat agung	Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh Kecemerlangan Operasi Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan	• Memastikan mekanisme aduan FGV boleh diakses oleh semua kakitangan • Memperkenalkan rangka kerja baharu/diperbaiki untuk mewujudkan budaya berprestasi tinggi • Menyemak polisi-polisi untuk memasukkan peruntukan baharu bagi memastikan perhubungan dan kebajikan kakitangan yang saksama
Tenaga Kerja Perladangan			
• Melakukan kerja di lapangan dan menuai hasil tanaman • Mengumpul, mengangkut dan memproses tanaman • Mampu memberi kesan kepada tanaman dan pengeluaran hasil FGV	• Mengemas kini laman web dan media sosial syarikat • Intranet/surat berita syarikat • Mesyuarat Dalaman/Luaran • Persidangan/Forum/Seminar • Acara/Aktiviti syarikat • Mesyuarat agung • Lawatan tapak/audit • Tinjauan dalaman dan maklum balas	Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh Perhubungan Bersama Kakitangan	• Menjalankan sesi induksi dan kesedaran untuk memastikan kakitangan lapangan memahami hak mereka • Semak semula kontrak dengan agensi pengambilan • Memastikan kebajikan pekerja di lapangan dan mematuhi undang-undang dan peraturan berhubung dengan hak asasi manusia dan piawaian buruh
FELDA & Peneroka FELDA			
• FELDA sebagai pemegang kepentingan utama Syarikat • Peneroka FELDA terdiri daripada kira-kira 112,638 peneroka di sekitar ladang dan kilang FGV yang mendapat manfaat daripada pendapatan perladangan melalui FELDA. Keuntungan kami menguntungkan FELDA dan seterusnya peneroka	• Mesyuarat pengurusan bulanan bersama pengurus FELDA • Persidangan/Forum/Seminar • Taklimat penganalisis • Nasihat teknikal mengenai agronomi dan latihan kesedaran industri	Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh Pensijilan Kelestarian Tindakan Iklim	• Menjalankan sesi mengenai pembangunan tanah dan industri minyak sawit, cabaran dan keperluan kawal selia antara FELDA & penerokanya • Meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat di sekitar kawasan di mana kami beroperasi melalui tanggungjawab sosial korporat

Penglibatan Pemegang
Kepentingan

Kepentingan Mereka	Inisiatif dalam Perhubungan	Perkara Material Untuk Pemegang Kepentingan	Reaksi Kami
Pelabur & Pembekal Modal			
• Sumber modal melalui pelaburan • Mampu menganalisis peluang dari sudut yang berbeza, dan meminimumkan risiko sambil memaksimumkan pulangan	• Mengemas kini laman web dan media sosial syarikat • Mesyuarat agung • Taklimat penganalisis • Siri jelajah • Lawatan tapak • Tinjauan dan maklum balas luaran	Pensijilan Kelestarian Kebolehjejakan, Penyumberan Bertanggungjawab & Pengurusan Rantaian Bekalan Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh	• Memastikan kesinambungan perniagaan dan pendekatan yang lestari diterapkan merentasi rantaian nilai • Melaksanakan kawalan dalaman dan memantau sebarang kes ketidakpatuhan • Memastikan produktiviti dan kecekapan dalam operasi perniagaan
Usaha sama & Rakan Niaga			
• Bekerjasama dengan pakar industri	• Mengemas kini laman web dan media sosial syarikat • Mesyuarat Dalaman/Luaran • Persidangan/Forum/Seminar • Intranet/Surat berita syarikat • Lawatan tapak/audit • Tinjauan dan maklum balas luaran	Kebolehjejakan, Penyumberan Bertanggungjawab & Pengurusan Rantaian Bekalan Pensijilan Kelestarian Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh	• Bekerjasama dengan rakan usaha sama (JV)/rakan kongsi dan melancarkan pelbagai kempen termasuk aktiviti promosi media • Membangunkan model dengan rakan usaha sama/kongsi perniagaan FGV untuk mengenal pasti risiko kelestarian yang dikaitkan dengan kawasan geografi tertentu untuk memastikan kebolehjejakan produk lebih baik
Media			
• Dapat berkongsi pandangan daripada orang ramai • Bertanggungjawab untuk melaporkan berita dan maklumat semasa industri perniagaan	• Mengemas kini laman web dan media sosial syarikat • Taklimat media • Mesyuarat Dalaman/Luaran • Persidangan/Forum/Seminar • Acara/Aktiviti syarikat • Mesyuarat agung • Tinjauan dan maklum balas luaran • Siaran akhbar	Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh Tindakan Iklim Tadbir Urus, Etika & Integriti	• Mengambil bahagian dalam program kesedaran dan pemuliharaan alam sekitar • Menyumbang kepada komuniti tempatan melalui bantuan kewangan dan bukan kewangan
Badan Bukan Kerajaan			
• Menggalakkan nilai sosial dan inisiatif sivik serta tempatan • Memastikan kami mengikuti perkembangan sosioekonomi yang boleh memberi kesan kepada perniagaan FGV	• Mengemaskini laman web dan media sosial syarikat • Mesyuarat luar • Persidangan/Forum/Seminar • Acara/Aktiviti syarikat • Mesyuarat agung • Lawatan tapak/audit	Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh Pensijilan Kelestarian Tindakan Iklim	• Menyediakan persekitaran kerja yang baik dan selamat dengan berkomunikasi secara berterusan dengan kakitangan • Membangunkan program modal insan untuk meningkatkan lagi kebajikan kakitangan dan budaya kerja

HASIL

Matriks Keutamaan Pemegang Kepentingan menunjukkan pendekatan kami dalam menguruskan kumpulan pemegang kepentingan FGV.

Matriks Keutamaan Pemegang Kepentingan 2021

Berdasarkan perkara di atas, kumpulan pemegang kepentingan diurus berdasarkan kedudukan mereka berdasarkan kuadran:

MAKLUMKAN

Komunikasi sehala diwujudkan di mana pemegang kepentingan adalah penerima maklumat pasif. FGV menyediakan maklumat yang seimbang dan objektif kepada pemegang kepentingan melalui laporan yang dikemukakan.

MENGHUBUNGKAN

Komunikasi dua hala diwujudkan di mana pemegang kepentingan mempunyai pengaruh yang besar ke atas tindakan/rancangan kami. Kami mendapat maklum balas berkala daripada pemegang kepentingan dan menggunakannya sebagai garis panduan operasi kami.

MELIBATKAN

Komunikasi dua hala diwujudkan dan pendapat pihak berkepentingan tentang perkara material dibincangkan. FGV memastikan kebimbangan dan pendapat pihak berkepentingan dicerminkan dengan baik dalam laporan dan pelan tindakan, sambil memberikan maklum balas yang konsisten tentang cara input diurus.

Hubungkait Perkara Material
kepada Risiko dan Strategi

Perkara Material	Kepentingannya kepada FGV	Hubungkait kepada Risiko Utama	Reaksi Kami semasa tahun 2021
Menegakkan Hak Asasi Manusia & Piawaian Buruh	Menghormati dan melindungi hak asasi manusia bagi tenaga kerja kami dengan memastikan layanan adil dan menegakkan piawaian buruh antarabangsa yang ditetapkan	Risiko Buruh Risiko Pandemik Risiko Kelestarian	• Meningkatkan perhubungan pemegang kepentingan dengan membangunkan Pelan Komunikasi yang berkesan dan cekap • Memperkukuh pengambilan dan pengurusan pekerja asing yang bertanggungjawab dengan menyemak semula kontrak dengan agensi pengambilan
Kecemerlangan Operasi	Penambahbaikan hasil pengeluaran dan peningkatan operasi, memanfaatkan inovasi, Penyelidikan & Pembangunan (R&D) serta polisi dan amalan alam sekitar serta iklim yang lestari tanpa menjejaskan hak asasi manusia & piawaian buruh	Risiko Perdagangan & Pasaran Risiko Buruh Risiko Kelestarian Risiko Keselamatan Siber	• Bekerjasama dengan institusi R&D/syarikat pertanian lain untuk mempercepatkan hasil R&D bagi bahan tanaman yang tahan lasak • Memperkukuh pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Amalan-Amalan Pemuliharaan Lembapan semasa aktiviti penanaman semula
Pensijilan Kelestarian	Pematuhan piawaian kelestarian yang diiktiraf seperti Prinsip dan Kriteria Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) untuk tujuan pensijilan dan penjajaran amalan dengan piawaian kelestarian yang diterima secara meluas untuk industri minyak sawit	Risiko Kelestarian Risiko Perdagangan & Pasaran Risiko Perdagangan Antarabangsa	• Memperkukuh maklumat kebolehkesanan, menyasarkan 100% kebolehkesanan ke ladang
Tadbir Urus, Etika & Integriti	Pematuhan terhadap keperluan kawal selia dan prinsip tadbir urus korporat yang baik	Risiko Rasuah	• Meningkatkan tadbir urus Kumpulan dengan memulakan dasar dan prosedur yang komprehensif dan lebih ketat di seluruh Kumpulan • Menggalakkan budaya kerja berintegriti tinggi
Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan	Inisiatif untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat dan sihat kepada tenaga kerja kami dan pemegang kepentingan luar seperti pembekal, vendor dan penyedia perkhidmatan	Risiko Kawal Selia Risiko Kesihatan & Keselamatan	• Mengurangkan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan dengan menerima pakai Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kerajaan 2020 • Menyediakan komunikasi yang berkesan mengenai prosedur kesihatan dan keselamatan • Menjalankan Audit Kesihatan dan Keselamatan seperti Maklumat Prestasi Kerja dan Audit Sistem Pengurusan
Tindakan Iklim	Inisiatif untuk mengurangkan dan menyesuaikan diri dengan kesan buruk perubahan iklim kepada operasi perniagaan, dan melaksanakan langkah-langkah tadbir urus iklim terbaik untuk memastikan kesinambungan perniagaan	Risiko Cuaca & Iklim	• Berikrar untuk mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) sebanyak 45% menjelang 2030 melalui Inventori GHG • Menjalankan Audit Tenaga melalui analisis corak tenaga dan kadar penggunaan
Kebolehkesanan, Penyumberan Bertanggungjawab & Pengurusan Rantaian Bekalan	Penubuhan sistem kebolehjejakan dan proses perolehan untuk memastikan amalan bertanggungjawab dan lestari dalam rantaian nilai minyak sawit	Risiko Perdagangan & Pasaran Risiko Kelestarian Risiko Keselamatan Siber	• Meningkatkan pengurusan rantaian bekalan yang cekap, bertujuan untuk mengurangkan kos operasi • Penyumberan strategik dengan transaksi rundingan lebih baik dan proses dalaman lebih baik

Butiran lanjut mengenai risiko utama Kumpulan (ditandakan dengan ikon merah), boleh didapati dalam Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman pada muka surat 141 dan 142.

	Pautan ke Teras Strategik	Impak kepada Modal
• Menyediakan kuarantin dan induksi yang bersesuaian di pusat penerimaan pekerja asing • Menjalankan projek Penilaian Kerentanan Pekerja Migran dan Rantaian Bekalan Buruh • Mematuhi peraturan pandemik dan polisi sekatan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan, serta arahan Jawatankuasa Pengurusan Krisis dan Prosedur Operasi Standard (SOP) • Mengembangkan kaedah *Mechanical Assisted Infield Collection* dan *Mechanical Assisted Collection Transport* di bawah proses mekanisasi	Pengukuhan Kewangan & Keupayaan Penambahbaikan Operasi	Manusia Sosial dan Perhubungan
• Aktiviti pemasaran secara intensif untuk mempromosikan pelancaran jenama baharu dan mengembangkan keupayaan dalam tanaman strategik lain • Meningkatkan tumpuan kepada inisiatif untuk mengurangkan pembaziran sambil menguruskan kos dengan berkesan • Memperbaiki proses pengumpulan dan memastikan loji dan kilang diurus dengan lebih teliti dengan cekap • Melindungi nilai pada jualan hadapan dan pembelian bahan mentah untuk mengurangkan pendedahan kepada risiko harga • Membolehkan enskripsi untuk perkhidmatan web yang sensitif, ujian penembusan keselamatan terpilih dan pendidikan keselamatan siber berterusan untuk pengguna	Penambahbaikan Operasi Penembusan Produk & Pasaran Bidang Pertumbuhan Baru	Semulajadi Pembuatan Intelek
• Membangunkan dan memantau pelan tindakan pensijilan RSPO agar selaras dengan keperluan piawai • Penglibatan dan kerjasama dengan pemegang kepentingan utama untuk menangani isu berkaitan kelestarian • Menguatkuasa dan memantau pematuhan oleh pembekal terhadap keperluan Polisi Kelestarian FGV	Penambahbaikan Operasi Penembusan Produk & Pasaran	Sosial & Perhubungan Pembuatan Insan
• Menjalankan latihan dan meningkatkan kesedaran tentang tadbir urus, integriti dan etika untuk meningkatkan piawai tadbir urus – Latihan dan Kesedaran Tadbir Urus dan Integriti – Audit Dalaman Anti-Rasuah – Peningkatan Modul Kesedaran Integriti – Peningkatan Tadbir Urus Korporat dan Integriti Perniagaan kepada Pelan Pencegahan Rasuah FGV	Pengukuhan Kewangan & Keupayaan	Kewangan Sosial & Perhubungan Insan
• Menaik taraf sistem pemadaman kebakaran dan menambah baik peralatan operasi dan persekitaran kerja • Menilai kecukupan perlindungan perubatan untuk kakitangan dan menjejaki penggunaannya • Memantau pengurusan wabak dan bimbingan oleh Pasukan Petugas Pengurusan COVID-19, dan seterusnya Jawatankuasa Pengurusan Krisis • Bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk program kesihatan seperti vaksinasi atau ujian saringan besar-besaran • Meningkatkan pematuhan melalui Program Audit Pematuhan Kawal Selia Alam Sekitar Berkala di seluruh Kumpulan FGV	Pengukuhan Kewangan & Keupayaan Penambahbaikan Operasi	Insan Sosial & Perhubungan
• Bekerjasama dengan Pusat Teknologi Hijau & Perubahan Iklim Malaysia untuk meneroka sistem pengurusan tenaga yang lestari • Menjalankan pemantauan banjir setiap hari dan mempertingkatkan sistem pengairan • Menjalankan kajian kebolehlaksanaan berkaitan penggunaan sistem ARUS *(Autonomous Solar Powered Single-Point Water Plant Using Ultrafiltration Technology)* • Memperkenalkan susunan penuaian yang fleksibel untuk kawasan yang mudah banjir	Pengukuhan Kewangan & Keupayaan Penambahbaikan Operasi	Semulajadi Sosial & Perhubungan
• Menjalankan sesi suai kenal dengan pembekal untuk menyelaraskan keperluan dan amalan kelestarian FGV • Memastikan semua bahan mentah diperoleh daripada sumber lestari sejajar dengan komitmen Polisi Kelestarian Kumpulan kami • Memanfaatkan kecekapan teknologi pendigitalan seperti Data Raya, Internet Pelbagai Benda (IoT), Pengkomputeran Awan, Integrasi Sistem dan Sistem Autonomi	Pengukuhan Kewangan & Keupayaan	Semulajadi Pembuatan Intelek

Model Penciptaan
Nilai Kami

CADANGAN NILAI STRATEGIK KAMI → **PENAMBAHBAIKAN OPERASI**

MODAL UTAMA

Modal Kewangan

- Ekuiti Pemegang Saham **RM5.42 bilion**
- Jumlah Aset **RM17.96 bilion**
- Deposit, Tunai dan Baki Bank **RM2.03 bilion**

Modal Semulajadi

Bank Tanah
438,885 Ha

Kawasan Mekanisasi
115,000 Ha

Jumlah Kawasan Tanaman Semula:
Penebangan **13,127 Ha**
Bertanam semula **2,815 Ha**

Kawasan Bertanam:

Kelapa Sawit
336,315 Ha

Getah
7,668 Ha

Tanaman Lain
3,352 Ha

Modal Pembuatan

- **67** Kilang
- **13** terminal simpanan pukal
- **8** kilang penapisan minyak sayuran
- Kapasiti storan **1.08 juta MT**
- **549** lori tangki cecair, lori kargo dan lain-lain
- **2** kilang penapisan gula
- **6** Gudang (termasuk gudang gula bertapis)

Modal Intelek

- **58** penyelidik berkelayakan tinggi
- **17** ahli agronomi
- **3** pusat pengeluaran benih
- **3** pusat R&D
- Pembangunan bahan tanaman premium melalui program genomik dan pembiakan
- Pengurusan bersepadu makhluk perosak dan penyakit
- Pembangunan amalan mekanisasi terbaik dan pendigitalan untuk ladang sawit dan operasi kilang
- Teknologi Makanan dan Bukan Makanan

Modal Insan

Tenaga Kerja FGV

Jumlah: **43,583**

86%

14%

Pekerja Ladang

Jumlah: **26,973**

Tempatan
4,766

Migran
22,207

Lain-lain				
10,038	6,962	2,967	2,218	22

Modal Sosial & Perhubungan

- Bekerjasama dan menyokong **112,638** peneroka FELDA
- 97% kompleks kilang yang diperakui MSPO
- 45% kompleks kilang yang diperakui RSPO

PERNIAGAAN KAMI



PRODUK & PENEMBUSAN PASARAN | **BIDANG PERTUMBUHAN BAHARU** | **PENGUKUHAN KEWANGAN & KEUPAYAAN**

GULA

- **Penapisan**
  - **Pembangunan Produk Gula Premium**
  - **Jualan dan Pengedaran**

PERNIAGAAN BAHARU

- **Pertanian Bersepadu**
- **Produk Pengguna**

KELUARAN UTAMA	HASIL	KESEIMBANGAN
MODAL KEWANGAN		
• Hasil **RM19.57 bilion** • Dividen dibayar kepada pemegang saham untuk TK2020 **RM109 juta** • Dividen sebanyak **8 sen sesaham** telah diisytiharkan untuk TK2021	Keputusan kewangan dan dividen yang lebih baik untuk para pemegang saham kami	Pelaburan Modal Kewangan diperlukan untuk pelan strategik jangka panjang dan untuk memastikan semua Modal lain digunakan dengan berkesan untuk kelancaran dan pertumbuhan aktiviti perniagaan kami
MODAL SEMULAJADI		
• Pengeluaran BTS **3.98 juta MT** • Hasil BTS **15.69 MT/Ha** • Purata umur pokok kelapa sawit **14.25 tahun**	Kecemerlangan operasi dan usaha kelestarian selanjutnya untuk memanfaatkan pemegang kepentingan kami dengan kesinambungan dan produktiviti perniagaan	Pelaburan ke arah kelestarian jangka panjang perniagaan minyak sawit melalui normalisasi agihan umur pokok kelapa sawit dan penggunaan tanah yang bertanggungjawab
MODAL PEMBUATAN		
• BTS diproses **13.04 juta MT** • Kadar Perahan Minyak **20.54%** • Pengeluaran MSM **2.68 juta MT** • Jumlah jualan Minyak & Lemak **0.40 juta MT** • Jumlah jualan biodiesel **0.60 juta MT** • Pengeluaran gula bertapis **0.89 juta MT**	Mempelbagaikan pengeluaran MSM kepada pelbagai produk untuk mengoptimumkan pulangan	Pelaburan dalam Modal Pembuatan untuk meningkatkan prestasi kilang dan kilang penapisan kami, sambil membolehkan pembangunan produk dan barisan perniagaan baharu. Pertukaran dengan Modal Intelek dan Modal Kewangan kami ini adalah untuk memastikan Kumpulan akan dapat mengimbangi sifat kitaran perniagaan
MODAL INTELEK		
• Pengeluaran benih sebanyak **21 juta unit** • Peranti penentududukan FGV Geotagger untuk pemodenan penanaman semula • Membangunkan **lima produk makanan baharu** untuk Hiliran • Pengklonan **pelbagai tanaman bernilai tinggi** untuk pertanian bersepadu	Mewujudkan kepimpinan dalam perniagaan tani kami melalui ekosistem yang produktif, mampan dan inovatif	Pelaburan dalam Modal Intelek meningkatkan kecekapan dan kelestarian Modal Semulajadi dan Modal Pembuatan kami. Tukar ganti ini perlu untuk mengekalkan kelebihan daya saing dan memberikan nilai jangka panjang kami
MODAL INSAN		
• **95,701** jam latihan • Pengoptimuman tenaga kerja dan kos yang berterusan	Memupuk tenaga kerja yang mahir dan sihat serta budaya kerja yang inovatif	Pelaburan dalam Modal Insan dan kos berkaitan memacu keuntungan Modal Kewangan dalam jangka panjang. Tiada kompromi untuk tukar ganti ini kerana ia menjamin masa depan jangka panjang perniagaan kami
MODAL SOSIAL & PERHUBUNGAN		
• Minyak sawit kami **100%** boleh dijejak ke kilang • Menggunakan garis panduan dan prosedur untuk pengambilan pekerja asing yang bertanggungjawab • Menyumbang sekitar **RM15 juta** untuk aktiviti berkaitan CSR • Penubuhan Jawatankuasa Kesaksamaan Gender dan Pemerkasaan Wanita • Perluasan pemuliharaan hidupan liar dan pengurusan konflik manusia-hidupan liar	Komited dalam memastikan pembangunan sosioekonomi peneroka FELDA dan pemegang kepentingan lain	Hubungan baik dengan pemegang kepentingan menyediakan ekosistem bermanfaat untuk pertumbuhan mampan dan memberi kesan kepada Modal Kewangan dan Modal Insan kami. Kami melabur dalam membina hubungan dengan pemegang kepentingan melalui penglibatan dengan tenaga kerja, pembekal, jurulatih, rakan kongsi perniagaan, badan kawal selia dan komuniti sekitar

Landskap
Operasi

PANDANGAN DUNIA

Tahun 2021 merupakan tahun mencabar yang belum pernah terjadi sebelumnya di seluruh dunia. Dunia masih dalam fasa pandemik dengan ketidaktentuan dalam bidang ekonomi dan sosial. Keadaan cuaca yang melampau telah melanda beberapa kawasan yang membawa kesan buruk terhadap pengeluaran tanaman. Secara amnya, permintaan untuk komoditi pertanian telah menunjukkan trend yang tinggi tetapi dicabar oleh gangguan rantaian bekalan, polisi penyahkarbonan yang ketat dan perlindungan perdagangan. Inflasi harga yang ketara merentasi rantaian nilai perniagaan tani dan ekonomi umum.

Ekonomi global beransur pulih daripada impak gangguan pandemik COVID-19. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Dunia melantun semula kepada 5.9% pada tahun 2021 daripada 3.1% pada tahun 2020. Pertumbuhan itu dijangka stabil pada 4.9% pada tahun 2022/3 mencerminkan peningkatan kes COVID-19 dan ketidakpastian mengenai kemunculan varian baharu, cabaran dalam mengubal polisi, peningkatan inflasi dan kebimbangan terhadap perubahan iklim.

> KDNK Malaysia dijangka terus berkembang pada 2022, dirangsang oleh program vaksinasi yang berkesan dan belanjawan berorientasikan pemulihan yang menangani langkah untuk memacu pemulihan ekonomi, meningkatkan daya tahan negara, memangkin pembaharuan di seluruh negara dan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam.

Gangguan rantaian bekalan akibat pandemik telah mengakibatkan kenaikan harga makanan, minyak dan arang batu di seluruh dunia. Walaupun harga dijangka stabil apabila sekatan pandemik semakin dilonggarkan, terdapat jangkaan untuk inflasi pasaran yang berpanjangan pada tahun 2022 dan peningkatan ketidakpuasan sosial.

Perlindungan dasar dan peristiwa politik dunia merumitkan perdagangan global dengan jangkaan yang tidak stabil. Pada masa ini, ia meliputi perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China, penubuhan pakatan keselamatan tiga hala antara Australia, Amerika Syarikat dan United Kingdom di rantau Indo-Pasifik, dan pencerobohan Rusia ke atas Ukraine.

TREND PASARAN

1	**Jenama Teguh dalam Industri Diterajui Pengguna Terus Berkembang**	Kuasa harga oleh barangan pengguna berjenama terhadap produk pengguna, perkhidmatan komunikasi dan industri teknologi maklumat telah meningkat semasa tempoh kelembapan global. Lebih daripada 75% syarikat S&P 5004 dengan kuasa jenama telah mengatasi unjuran tahun ini walaupun kos input yang lebih tinggi.
2	**Meningkatkan Pelaburan dan Pulangan daripada Perniagaan-Perniagaan ESG**	Desakan untuk penyelesaian kelestarian sedang melanda dunia. Industri semakin terjejas oleh peraturan Kerajaan dan polisi alam sekitar ke arah amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) yang baik. Sebagai salah satu pengeluar minyak sawit terbesar di dunia, Malaysia komited untuk mencapai sasaran ekonomi neutral karbon menjelang 2050. Dalam usaha ini, kami memastikan kesinambungan perniagaan dan membuka peluang dalam teknologi hijau dan sektor bernilai tinggi bagi meningkatkan komitmen kelestarian kami.
3	**Teknologi dan Inovasi Mengubah Peluang Saksama**	Kekuatan digital dan teknologi serta inovasi adalah faktor pengubah dalam era perniagaan baharu ini. Perniagaan perlu menerima kemajuan teknologi untuk meningkatkan rantaian nilai dan mencapai sasaran pendapatan per kapita yang lebih tinggi sebagaimana yang dikenal pasti oleh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).
4	**Lonjakan Permintaan untuk Tenaga Boleh Diperbaharui**	Permintaan global terhadap tenaga bersih telah meningkat apabila Kerajaan dan organisasi menyokong lebih banyak projek tenaga hijau. Dalam pasaran tenaga boleh diperbaharui, Indonesia telah mendorong pelaksanaan biodiesel B40 pada tahun 2022, manakala di Malaysia, pelaksanaan pelan biofuel B20 disasarkan menjelang akhir tahun 2022 untuk sektor pengangkutan. Polisi tenaga Malaysia juga secara khusus menggalakkan industri minyak sawit untuk mencapai sisa sifar dan menukar sisa minyak sawit kepada biojisim.
5	**Kesan Berkekalan Norma COVID-19**	Normal baharu telah memangkinkan penerimaan e-dagang dan peningkatan permintaan terhadap sanitiser, detergen dan sabun disebabkan kesedaran kebersihan yang lebih baik dan protokol yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Ini adalah trend gaya hidup utama untuk dimanfaatkan oleh para peniaga.

[3] *Sumber: Tinjauan Ekonomi Dunia IMF (Oktober 2021)*
[4] *Sumber: FactSet*
[5] *Sumber: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)*

PROSPEK 2022

MINYAK SAWIT

Pengeluaran dan penggunaan minyak sayuran dunia dijangka meningkat didorong oleh pertumbuhan penduduk. Pasaran minyak sawit global bersedia untuk menjana pendapatan ASD33 bilion menjelang 2022 disebabkan permintaan yang diramalkan meningkat sebanyak 6.50% pada 2022[6]. China dan India, dua negara paling ramai penduduk di dunia masih menjadi pengimport utama minyak sawit.

Bekalan

- Pada tahun 2022, harga purata MSM dijangka kekal tinggi, antara RM4,000/Tan Metrik (MT) hingga RM4,500/MT disebabkan oleh bekalan semasa yang rendah dan prospek pengeluaran yang lemah untuk kacang soya berikutan musim kemarau di Amerika Selatan.
- Bekalan rendah semasa juga disebabkan oleh kesan ramalan cuaca La Nina berpanjangan yang boleh menurunkan pertumbuhan pengeluaran minyak sawit Indonesia dan Malaysia pada 2022.

Permintaan

- Tinjauan permintaan dijangka berkembang berikutan aktiviti ekonomi yang lebih baik di peringkat tempatan dan global.
- Kesedaran global terhadap kesan perubahan iklim telah meningkatkan keperluan dasar penyahkarbonan. Hal ini boleh menjadi pemacu terhadap permintaan biodiesel. Mandat biodiesel yang akan mendatang dari Amerika Syarikat dan Indonesia adalah dinanti-nantikan kerana minyak sawit akan menjadi minyak sayuran alternatif terbaik untuk mengisi kekurangan permintaan biodiesel.
- Walau bagaimanapun, permintaan untuk minyak sawit boleh berkurangan apabila India meningkatkan kadar duti importnya dan China menerima lebih banyak bekalan minyak kacang soya dan lemak babi. Satu lagi kesan yang ketara terhadap permintaan ialah kempen anti-minyak sawit yang agresif di Eropah di mana penggunaan minyak sawit sebagai bahan mentah biodiesel akan dihentikan sepenuhnya menjelang 2030.

Perkembangan Terkini

Pada suku pertama 2022, harga Minyak Sawit Mentah (MSM) telah meningkat lagi ke paras tertinggi yang tidak dijangka iaitu RM8,000/MT disebabkan beberapa faktor:

- Langkah awal Indonesia untuk menyekat eksport dengan Polisi Obligasi Pasaran Domestik (DMO). Polisi ini telah dimansuhkan dan digantikan dengan mengenakan levi eksport yang lebih tinggi.
- Ketegangan geopolitik yang disebabkan oleh perang Rusia dan Ukraine memberi kesan kepada harga minyak sayuran berikutan kebimbangan gangguan bekalan. Persidangan Minyak Sawit 2022 menyerlahkan ketidaktentuan ini dengan pakar memberikan ramalan harga purata RM4,000/MT hingga RM9,000/MT bergantung kepada situasi peperangan ini.

Minyak Sayur Sedunia (Juta MT)



Sumber: OECD-FAO Agricultural Outlook (2021)

GULA

Terdapat jangkaan penurunan harga gula mentah NY11 berikutan prospek tanaman tebu lebih baik di Brazil, India dan Thailand. Penggunaan global dan domestik yang semakin meningkat juga menjadi trend dengan dorongan pengambilan vaksin dan kini dunia bebas bergerak tanpa sekatan perjalanan.

- **Segmen Borong:** Permintaan dijangka bertambah baik kerana operasi kedai makan dan runcit dibuka semula dan sektor pelancongan dan hospitaliti meningkat.
- **Segmen Industri:** Pengambilan industri semakin meningkat apabila operasi penuh disambung semula.
- **Eksport:** Permintaan semakin meningkat dengan Asia Pasifik merekodkan 4 juta MT setahun untuk gula bertapis.
- Kos pengangkutan dan kontena semakin berkurangan apabila permintaan pulih.

Imbangan Gula Dunia (Juta MT)



Sumber: Tinjauan Pertanian OECD-FAO (2021)

LOGISTIK & LAIN-LAIN

- Industri logistik global terus berkembang didorong oleh peningkatan dalam aktiviti e-dagang dan perdagangan. Malaysia melihat pertumbuhan dalam perdagangan global sebagai peluang untuk menjadikan negara sebagai hab logistik serantau.

  Memandangkan aktiviti ekonomi dan sosial dibenarkan beroperasi sebaik pandemik diisytiharkan sebagai endemik, sektor perkhidmatan Malaysia dijangka berkembang, sebahagiannya didorong oleh peningkatan permintaan dalam perdagangan runcit dan borong, pengangkutan & penyimpanan serta makanan & minuman.

  Projek infrastruktur utama yang diterus dan dipercepatkan seperti Transit Aliran Ringan Jajaran 3 (LRT3), Transit Aliran Massa 3 (MRT3) dan Sistem Transit Rapid Johor-Singapura juga akan terus menyokong pertumbuhan industri.

  Aktiviti perjalanan dan pelancongan yang dibenarkan semula mempercepatkan pemulihan dalam industri hospitaliti dan restoran yang akan meningkatkan permintaan untuk perkhidmatan logistik dan pengangkutan.

- Industri maklumat dan komunikasi dijangka berkembang dipacu oleh penggunaan internet yang lebih luas sejajar dengan lonjakan berterusan dalam e-dagang, e-pembelajaran, aktiviti hiburan dalam talian dan transformasi digital ke arah Analitis Data Raya, Kepintaran Buatan (AI), Internet Pelbagai Benda (IoT) dan Pengkomputeran Awan. Pelaksanaan projek infrastruktur di bawah Rangkaian Digital Nasional (JENDELA) juga akan memudahkan peralihan kepada spektrum rangkaian selular (5G) generasi kelima, seterusnya meningkatkan kelajuan rangkaian dan liputan internet.

[6] *Sumber: Laporan Tinjauan Bekalan dan Permintaan Minyak Sawit 2022 oleh Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit*
[7] *Wilmar*

Strategi Perniagaan

FGV sedang bergerak maju di atas landasan strategik yang jelas untuk memacu pertumbuhan masa hadapan dan penciptaan nilai lestari ke arah menjadi salah satu kumpulan perniagaan tani yang lestari terkemuka di dunia. Kami bercita-cita untuk menjadi penembus pasaran, pemilik jenama dan pencipta produk inovatif pada masa hadapan. Memanfaatkan sinergi perniagaan, kami kini menyelaraskannya sebagai Komoditi dan Produk Pengguna, memanfaatkan infrastruktur yang dikongsi untuk akses pasaran, penjenamaan dan inovasi.

KEHADIRAN FGV DI SELURUH RANTAIAN NILAI



Pada masa hadapan, FGV terus mengoptimumkan sinergi dan merasionalisasikan perniagaan yang disusun berdasarkan fungsi supaya kami boleh bergerak ke hadapan sebagai satu kumpulan untuk mendapatkan kepimpinan melangkaui produk minyak sawit huluan.

Untuk merealisasikannya, Kumpulan sedang mempergiat pelaksanaan empat teras strategik yang akan menyaksikan pengukuhan infrastruktur, pasaran dan keupayaan penjenamaan Kumpulan sambil membina sumber manusia, kewangan dan kelestariannya.

PENAMBAHBAIKAN OPERASI

Fokus pada penambahbaikan bagi seluruh operasi, memaksimumkan produktiviti, meningkatkan kualiti dan mengurangkan kos. Inisiatif utama di bawah teras ini termasuk mempergiatkan pemulihan tanaman, melaksanakan pelaksanaan GAP di ladang kami, penanaman semula yang berkualiti dan rasionalisasi kilang.

PRODUK & PENEMBUSAN PASARAN

Memberi penekanan untuk memaksimumkan nilai rantaian nilai sawit, gula dan logistik melalui inisiatif seperti menerokai margin produk Hiliran yang lebih tinggi, gula khusus dan kepelbagaian logistik. Kami juga mengembangkan kehadiran produk kami di pasaran serantau dan antarabangsa.

BIDANG PERTUMBUHAN BARU

Telah menekankan identifikasi bagi bidang pertumbuhan baharu dan sinergi untuk menjana prestasi jangka panjang. Ini termasuk pelaburan strategik, pertanian bersepadu dan tenusu, dan mencipta nilai dengan mengkomersialkan produk sampingan berasaskan sawit.

PENGUKUHAN KEWANGAN & KEUPAYAAN

Inisiatif ini berkaitan menekankan kedudukan kewangan dan potensi modal insan untuk memacu perniagaan kami ke hadapan, seperti pengurusan kewangan yang lebih baik serta pemulihan perniagaan yang tidak berprestasi. Kami memerlukan tenaga kerja yang sesuai, menambah baik sistem imbuhan dan membina keupayaan yang betul.

MATLAMAT STRATEGIK 2022

Hala tuju dan matlamat ke hadapan yang jelas telah ditetapkan untuk setiap bahagian perniagaan dalam Kumpulan FGV, selaras dengan teras strategik yang dikenal pasti.

SEKTOR PERLADANGAN

Bahagian Huluan — **MEMPERKUKUH DAN MEMPERBAIKI**

1. Mempergiat pemindahan tanaman dan mempercepat penanaman semula.
2. Pemodenan dan peningkatan mekanisasi.
3. Memperjuang hak asasi manusia dan amalan buruh yang adil.
4. Mengoptimumkan kos melalui kecekapan operasi.

Bahagian Hiliran — **PERTUMBUHAN**

1. Membangunkan produk baharu dan premium.
2. Meluaskan pasaran dan kehadiran produk.
3. Mengoptimumkan kos dan pematuhan kepada piawaian keselamatan.

Bahagian R&D — **PENCIPTAAN NILAI**

1. Meningkatkan hasil minyak sehektar.
2. Mengurangkan baja bukan organik.
3. Mengurangkan tenaga kerja melalui mekanisasi lapangan dan pendigitalan.
4. Membangunkan produk untuk portfolio pendapatan baharu.

Bahagian Pemasaran & Perdagangan — **MEMPERBAIKI**

1. Strategi agresif untuk mendapatkan margin dagangan yang lebih tinggi.
2. Meluaskan kehadiran kami di pasaran destinasi.

Operasi Getah — **PEMBEZAAN**

1. Membangunkan produk baharu dan margin tinggi.
2. Kawalan kos yang ketat.

Bahagian Tenaga Boleh Diperbaharui — **EKONOMI KITARAN**

1. Pengoptimuman operasi dan fokus produk.
2. Rasionalisasi aset tidak berbayar.

SEKTOR GULA — DAYA TAHAN

1. Pembuatan secara lestari.
2. Meningkatkan prestasi jualan.
3. Transformasi digital.

SEKTOR LOGISTIK & LAIN-LAIN — PERLUASAN

1. Meningkatkan kapasiti simpanan pukal dan pengangkutan.
2. Meluaskan perniagaan sedia ada dan memasuki pasaran baharu.

SEKTOR PRODUK PENGGUNA — PEMBINAAN JENAMA

1. Mengembangkan kehadiran jenama di pasaran tempatan dan antarabangsa.
2. Meningkatkan bahagian pasaran dalam kategori produk bahan masakan.

BAHAGIAN PERTANIAN BERSEPADU — PASARAN BARU

1. Meningkatkan pengeluaran tanaman kontan, tenusu, padi dan makanan haiwan.
2. Pembangunan produk.

Strategi
Perniagaan

RANGKA TINDAKAN STRATEGIK - KOMODITI DAN PRODUK BERNILAI LEBIH TINGGI

Kami secara strategik menggunakan sumber yang sesuai terhadap perniagaan-perniagaan sinergi bernilai tinggi dengan margin keuntungan yang lebih stabil, pulangan lebih tinggi dan saiz pasaran lebih besar bagi menyampaikan matlamat tahun 2022 dan pada masa yang sama mengekalkan minyak sawit sebagai tunjang utama perniagaan kami.

Keputusan kami untuk mewujudkan kehadiran yang kukuh dan dinamik dalam Produk Pengguna dan Perladangan Bersepadu adalah berdasarkan strategi pertumbuhan jangka panjang berhemat yang mampu memberikan pulangan lestari untuk semua pemegang kepentingan. Laluan pertumbuhan baharu dalam aktiviti ekonomi nilai tambah yang lebih tinggi ini boleh mengurangkan beberapa trend aliran utama yang dihadapi oleh industri perladangan Malaysia sejak beberapa tahun kebelakangan ini, seperti:

- Peningkatan kos disebabkan pertumbuhan berterusan pendapatan per kapita Malaysia yang membawa kepada struktur kos yang lebih tinggi
- Kemerosotan margin daripada komoditi apabila kos terus meningkat manakala harga MSM tertakluk kepada kuasa pasaran
- Kemungkinan jangka panjang perniagaan huluan dan pertengahan minyak sawit Malaysia diusahakan oleh negara pengeluar minyak sawit berpendapatan rendah kerana struktur kosnya yang lebih rendah

Bil import makanan Malaysia yang besar berjumlah kira-kira RM60 bilion setahun mewakili peluang penggantian import besar untuk peniaga tempatan yang mampu mengeluar dan menjual produk berkualiti tinggi yang serupa tetapi pada harga yang lebih baik. Pelan Perniagaan Strategik FGV membimbing kami ke arah memenuhi jurang sedia ada ini melalui Produk Pengguna dan Pertanian Bersepadu.

PRODUK PENGGUNA

Nilai pasaran makanan berpakej Malaysia diramalkan sebanyak RM33.21 bilion pada 2021 dan segmen ini dijangka berkembang sebanyak 2.30% pada tahun 2022[7]. Pada dekad yang lalu, FGV telah melancarkan dan memperkenalkan beberapa jenama produk makanan pengguna, serta memimpin pasaran dalam segmen minyak masak bertapis dan marjerin. FGV melihat potensi dalam segmen perniagaan ini dan komited untuk melabur dalam pembangunan jenama dan strategi pemasaran yang inovatif untuk membentuk jenama-jenama ini menjadi produk pengguna berjenama yang bernilai lebih tinggi di peringkat tempatan, dan pada masa hadapan di peringkat antarabangsa. Dengan aspirasi ini, kami telah menubuhkan Sektor Produk Pengguna sebagai cabang komersial untuk FGV membina dan mengembangkan produk-produk Barangan Pengguna Bergerak Pantas (FMCG). Sektor Produk Pengguna akan menyediakan strategi laluan ke pasaran Kumpulan dengan memberi tumpuan kepada pemasaran dan pengedaran produk-produk FMCG FGV kepada pengguna dan pelanggan industri.

Kini, aspirasi Produk Pengguna FGV adalah untuk mengukuhkan lagi kedudukan peneraju kami dalam segmen minyak masak bertapis dan marjerin, ke arah mencapai pengiktirafan produk yang kukuh sebagai jenama FMCG terkemuka di pasaran domestik.

Pada tahun 2021, beberapa langkah telah dibuat dalam bidang ini, yang membawa kepada pencapaian-pencapaian berikut:

1. Mencapai **hasil jualan minyak masak bertapis 33% lebih tinggi** pada 2021
2. Video sambutan Hari Raya Saji **"Mangkuk Tingkat Mak Teh"** yang diilhamkan daripada kisah kehidupan sebenar, telah dinobatkan sebagai **Video Raya 3 Teratas** oleh Marketing Magazine dan The Star
3. Video perayaan Merdeka Saji **"Gelora"** yang menggambarkan keadaan semasa bagi mereka yang terjejas oleh pendemik, telah **dianugerahkan video 10 Teratas** oleh Marketing Magazine

[7] *Sumber: Euromonitor*

PROSPEK 2022 BAGI PRODUK PENGGUNA

Dengan pemansuhan sekatan pandemik, tumpuan kepada pasaran produk pengguna akan ditingkatkan. Kos yang lebih tinggi dalam senario pasaran semasa akan menjadikan segmen minyak dan lemak mencabar tetapi Kumpulan optimistik perniagaan Produk Pengguna kami akan terus berkembang dalam pasaran domestik, sementara kami memperkemas operasi dan proses untuk melindungi margin.

Kami telah menetapkan matlamat dan keutamaan jelas untuk mencapai pertumbuhan jualan sebanyak 12% pada tahun 2022. Ini akan didorong oleh pengukuhan kedua-dua kepimpinan syer pasaran Saji & Seri Pelangi dalam kategori masing-masing.

Dengan memanfaatkan kejayaan jenama Saji, kami akan berusaha untuk mengembangkan rangkaian produk Saji dalam portfolio keperluan memasak. Ini termasuk pembangunan produk-produk baharu yang memenuhi keperluan penyediaan makanan sejajar dengan trend gaya hidup yang semakin meningkat di kalangan lebih ramai isi rumah yang memilih untuk memasak makanan ringkas dan sihat di rumah.

Bagi pengukuhan pada masa hadapan, kami akan terus menjalankan penyelidikan untuk membangunkan dan melancarkan produk-produk dapur isi rumah yang mendapat permintaan tinggi oleh pengguna. Di bahagian pemasaran, kami memberi tumpuan khusus untuk mengembangkan pengedaran kami di kawasan pinggir bandar dan luar bandar. Kami menyasarkan untuk meluaskan pengedaran pasaran produk kami secara agresif, meningkatkan keterlihatan dan keberadaan stok dagangan semasa di kesemua kawasan jenama tersebut dijual.

Kami akan meneruskan penglibatan dalam pembinaan jenama perdana FGV seperti Saji, Adela dan Seri Pelangi untuk mengembangkan kesetiaan pelanggan sambil mendapatkan pelanggan baharu melalui pembinaan jenama yang agresif, promosi dalam kedai dan aktiviti pemacu keterlihatan.

PERTANIAN BERSEPADU

Bahagian Pertanian Bersepadu FGV merupakan usaha strategik Kumpulan ke arah mengoptimumkan nilai daripada aset tanah dalam keseluruhan operasi perniagaan kami, dan memanfaatkan sektor pertumbuhan baharu dalam perniagaan tani. Ia berteraskan prinsip ekonomi kitaran dan untuk memenuhi matlamat lestari yang menyumbang kepada Strategi Keselamatan Makanan Negara, memberi peluang kepada petani tempatan untuk mengambil bahagian dalam rantaian bekalan makanan diterajui FGV sebagai syarikat utama, serta memanfaatkan pasaran agro makanan premium dengan tumpuan untuk memupuk kehidupan sihat.

Perniagaan ini merangkumi lima sektor agro makanan yang dikenal pasti, dipilih secara berhemat untuk disesuaikan dengan keadaan tanah, dan memanfaatkan kelebihan daya saing Kumpulan dan sinergi di seluruh rangkaian perniagaan Kumpulan bagi menjana pendapatan tambahan.

1. Tanaman kontan (nanas MD2, pisang *cavendish*, mangga harumanis dan jagung manis) melalui Pertanian Selingan Kelapa Sawit Berskala Besar dan Pertanian Kontrak
2. Ladang kontrak beras wangi wangi berskala besar untuk pengeluaran beras berteknologi tinggi bersepadu sepenuhnya daripada benih ke pinggan pengguna dan pemprosesan Beras Wangi Malaysia (MRQ76) untuk pengeluaran beras Saji
3. Makanan haiwan berasaskan PKE, mineral dan makanan tambahan untuk industri ternakan dan ayam
4. Pengeluaran susu segar bersepadu sepenuhnya untuk produk tenusu segar
5. Platform e-dagang GOGOPASAR untuk pemasaran dan pengedaran hasil segar

Kitaran nilai yang dihasilkan oleh lima perniagaan ini akan memastikan kelestarian perniagaan masa hadapan FGV dan memperkukuh impak kami merentasi rantaian nilai perniagaan tani. Ia juga merangkumi tenaga boleh diperbaharui untuk memaksimumkan potensi pulangan di dalam rantaian ekonomi.

Kemajuan yang dijadualkan dalam pelaburan telah disempurnakan pada tahun 2021. Pengambilalihan 4,499 Hektar (Ha) tanah di Lembah Agro Chuping dari MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) yang dimuktamadkan pada 29 September 2021, telah membolehkan kami untuk memulakan rancangan kami untuk membangunkan kawasan pertanian berskala besar bagi aktiviti pertanian utama. Kemajuan yang memberangsangkan juga telah dapat dicapai dalam pembinaan kilang pemprosesan susu di Linggi, Negeri Sembilan yang disasarkan siap pada tahun 2022.

Strategi
Perniagaan

MAKANAN TERNAKAN

Pencapaian
- Pelancaran jenama makanan haiwan berkualiti tinggi ALMA dengan 12 jenis makanan ternakan, lapan mineral & makanan tambahan
- Perlantikan 16 pengedar di seluruh Malaysia
- Menambahbaik 10 jenis formulasi makanan ternakan seperti lembu tenusu, lembu pedaging, kambing bebiri, ayam itik dan arnab

Kami menghasilkan makanan ternakan dan makanan tambahan untuk lembu, kambing, ayam, itik dan arnab di bawah jenama ALMA. Kami memanfaatkan keupayaan R&D untuk merumuskan produk termasuk formulasi pelet baharu, Finisher Plus untuk kambing dan biri-biri, dan aditif Lactation Plus+ untuk meningkatkan pengeluaran susu harian apabila ditambah kepada makanan ternakan tenusu.

TANAMAN KONTAN

Pencapaian
- Pengambilalihan tanah untuk pembangunan Lembah Agro FGV Chuping
- Melancarkan jenama Ladang'57
- Hasil dapat menembusi pasaran AEON Big dan Village Grocer terpilih

Keupayaan kami dalam penanaman tanaman kontan dalam operasi perladangan kami diperkukuh melalui pembangunan dalaman dan perkongsian. Sekaligus dapat mengoptimumkan penggunaan 15,000 Ha tanah tanaman semula sawit setiap tahun oleh FGVPM. Ujian terhadap daya maju perniagaan telah memperkemas penawaran tanaman kami kepada nanas MD2, pisang *cavendish*, mangga harumanis dan pengeluaran jagung manis.

LADANG TENUSU

Pencapaian
- 250 ekor lembu tenusu dimport dari Australia
- Pembangunan produk susu segar berperisa baharu dan tawaran yogurt dalam bungkusan kecil

Usaha kami dalam penternakan lembu tenusu telah menempatkan kami dalam sektor pasaran susu segar dan produk tenusu yang semakin berkembang. Ia juga menyokong matlamat negara untuk mencapai tahap sara diri bagi produk makanan utama.

Pada tahun 2021, FGV telah memetrai perjanjian perladangan kontrak dengan petani tempatan dan membantu mereka menjadi usahawan tani FGV. Kami juga bekerjasama dengan pekebun kecil dan penternak tenusu komersial untuk mendapatkan bekalan susu mentah bagi produk tenusu segar kami, yang dipasarkan di bawah jenama Bright Cow. Ini merangkumi pilihan produk tenusu segar yang baik, termasuk susu segar, yogurt, kefir dan keju segar. Sasaran kami adalah untuk meluaskan dan menembusi pasaran ke semua kedai rangkaian runcit di seluruh negara dan pada masa yang sama meningkatkan keupayaan kilang pemprosesan susu kepada 88% menjelang 2026. Ini akan dipermudahkan dengan penyiapan kilang pemprosesan susu berkapasiti 10 juta liter pada 2022.

PADI & BERAS

Pencapaian
- Pengeluaran ladang benih beras wangi MRQ76
- Mendapat lesen borong dari Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

Kami telah memperoleh kawasan seluas 600 Ha untuk penanaman beras wangi MRQ76 yang terletak di Barat Laut Selangor dan Seberang Perak. Keluasan kawasan sawah akan meningkat setiap tahun dan akan diperluaskan dari Perak dan Selangor ke Kedah, Pahang dan Kelantan bagi mencapai sasaran 10,000 Ha menjelang 2026.

Bagi penanaman padi berskala besar, kami telah melaksanakan model perniagaan ladang kontrak untuk mengurangkan risiko ke atas aktiviti operasi. Walau bagaimanapun, semua petani kontrak digalakkan untuk mematuhi SOP yang telah disediakan dibawah program *Fortified Field* yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan dengan penyertaan agensi Kerajaan seperti Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Pertanian (DOA) dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA). Usaha ini bukan sahaja membawa faedah komersial tetapi juga memberi peluang kepada komuniti B40 untuk berkembang sebagai usahawan tani dalam perniagaan padi.

PLATFORM E-DAGANG GOGOPASAR

Pencapaian
- Melancarkan portal GOGOPASAR dan aplikasi mudah alih sebagai pasaran runcit dalam talian untuk hasil segar
- Pembangunan lengkap gudang dan pusat pengedaran GOGOPASAR untuk hasil ladang segar

GOGOPASAR membolehkan FGV meningkatkan penglibatan dalam rantaian bekalan perniagaan tani dengan menawarkan hasil ladang bersepadu terus kepada pengguna. Ia adalah satu lonjakan bagi FGV untuk memulakan penyelesaian rantaian bekalan makanan bersepadu hujung ke hujung yang inovatif serta perniagaan runcit maya untuk hasil segar. Pelaburan strategik ini juga akan memudahkan matlamat jangka panjang FGV untuk menjadi peneraju pasaran dalam industri makanan dan FMCG bersepadu sepenuhnya.

Gudang ini dilengkapi dengan pelbagai asas kemudahan termasuk bilik sejuk pelbagai suhu, kawasan penyimpanan kering, dan kawasan besar yang ditetapkan untuk aktiviti pemprosesan dan pembungkusan berjumlah tinggi.

Produk kami kini boleh didapati secara dalam talian melalui **GOGOPASAR** dan **ladang57.com.my**. Juga dijual secara runcit di 12 cawangan AEON Big dan 4 Village Grocer.

FGV terus menumpukan pada peningkatan produktiviti merentasi semua operasi dan berusaha dalam meningkatkan kualiti serta kos yang lebih rendah.

SEKSYEN 3

Perbincangan & Analisis Pengurusan

44 Tinjauan Strategik Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

48 Tinjauan Kewangan Kumpulan

55 Tinjauan Perniagaan Kumpulan



n



FGV berhasrat untuk membentangkan pandangan yang holistik dan tepat tentang pemikiran strategik dan tindak balas terhadap isu landskap operasi kami. Di masa hadapan, kami akan terus mencipta kemajuan yang ketara untuk mempercepat transformasi dan meningkatkan prestasi sebagai perniagaan tani bersepadu global yang memberikan nilai kepada pemegang kepentingan kami.

Tinjauan Strategik
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

"FGV terus mencatatkan kemajuan strategik baik, dan mencapai rekod keuntungan disokong oleh harga yang meningkat. Saya berbesar hati untuk membentangkan kepada anda tinjauan strategik pada tahun ini.

Dalam keadaan pasaran yang menyaksikan peraturan global kian ketat dan memberikan kesan kepada komoditi, FGV yang baharu bakal muncul. Syarikat yang mampu mengharungi turun naik harga komoditi, disokong oleh pulangan yang stabil daripada jenama terkenal dan produk nilai tambah yang lain. FGV yang menggunakan kitaran ekonomi dan menerajui perniagaan tani yang lestari. Selain itu, FGV yang menyampaikan mandatnya secara lestari kepada pemegang kepentingan utama dalam jangka panjang.

Visi kami adalah jelas dan hala tuju telah ditetapkan. Dengan mematuhi pelan hala tuju strategik kami, tahun 2021 merupakan tahun untuk FGV "Kukuh dan Berkembang", didorong oleh pelaksanaan Inisiatif Strategik Utama dalam seluruh perniagaan FGV. Sebagai satu Kumpulan, kami mengenal pasti cara untuk mengoptimum dan memanfaatkan sinergi dalam prestasi kami. Hal ini membawa kepada kemajuan yang baik dalam beberapa aspek dan peningkatan kewangan apabila harga MSM global terus melonjak. Dengan memanfaatkan keuntungan, kami kini berada di kedudukan yang kukuh untuk memenuhi matlamat yang ditetapkan dalam Pelan Perniagaan Strategik kami.

TAHUN KEMAJUAN YANG STRATEGIK

FGV Holdings Berhad (FGV) kekal responsif untuk memberikan pencapaian strategik walaupun dibelenggu oleh beberapa cabaran operasi, seperti:

Cabaran-cabaran 2021

Peningkatan kos pengeluaran kerana kenaikan kos bahan, kos overhed dan cukai
Mata wang/forex yang tidak stabil disebabkan ketidaktentuan pasaran dan ketegangan geopolitik
Kekurangan pekerja asing serta yang melarikan diri hingga menjejaskan produktiviti FGV
Penggantungan pensijilan RSPO untuk kompleks kilang FGV
Cabaran pandemik COVID-19 yang membawa kepada peningkatan kos dan ketidakcekapan rantaian bekalan
Ketidakpastian yang menyelubungi WRO CBP minyak sawit dan produk minyak sawit Kumpulan
Cuaca buruk kerana ketidaktentuan perubahan iklim

Dengan kekal berdaya tahan, kami terus berusaha mengatasi cabaran dan mengakhiri tahun ini dengan catatan peningkatan lapan kali ganda dalam Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Tidak Mengawal (PATAMI) sebanyak RM1.17 bilion. Keputusan ini telah meletakkan kami dalam kedudukan yang baik sebagai langkah maju ke hadapan.

Butiran lanjut mengenai Strategi Perniagaan FGV boleh didapati di muka surat 36.

PENAMBAHBAIKAN OPERASI

Kekurangan tenaga kerja dan cuaca buruk memberi kesan kepada industri perladangan pada 2021. Seperti pengusaha-pengusaha perladangan lain, FGV mengalami tahun yang mencabar. Usaha penanaman semula masih diteruskan, namun disebabkan cabaran tahun ini, kami hanya berjaya menyelesaikan penebangan seluas 13,127 Hektar (Ha) dan menanam semula 2,815 Ha. Di masa hadapan, kami komited untuk kembali ke perancangan asal dengan usaha penanaman semula yang disasarkan sebanyak 15,000 Ha setiap tahun.

Kami mencapai kemajuan yang memberangsangkan dalam rancangan mekanisasi, dengan menambah 30,391 Ha ke kawasan mekanisasi. Kini, kami mempunyai bank tanah seluas 115,000 Ha yang dijenterakan sepenuhnya menggunakan kaedah *Mechanised Assisted Infield Collection* (MAIC). Dari perspektif pembajaan, pada tahun ini, kami menggunakan 297,178 Tan Metrik (MT) baja di ladang kami, dengan mencapai liputan sasaran sebanyak 100%. Hal ini akan meningkatkan prestasi ladang kami dalam jangka panjang.

Sektor Gula di bawah MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) telah dianugerahkan kontrak yang dianggarkan bernilai RM290 juta bersama Syarikat Coca-Cola bagi pengeluaran domestik dan antarabangsa. Ini adalah pencapaian yang penting bagi mengukuhkan kedudukannya sebagai pengeluar gula bertapis terkemuka dan pilihan Malaysia.

Sektor Logistik & Lain-lain (LO) juga berkembang dalam keupayaan dan kekuatan untuk memaksimumkan potensi perniagaan yang belum direalisasikan untuk pasaran luar. Saiz armada kami berkembang kepada 549 unit melalui perolehan aset baharu, dan jumlah kapasiti penyimpanan cecair melepasi 1 juta MT melalui 10 tangki baharu, selain gudang baharu di Kuantan untuk 20,000 MT ruang simpanan. Pada tahun ini, segmen tersebut telah merekodkan keluaran simpanan oleokimia sebanyak 0.95 juta MT, iaitu yang tertinggi dicapai oleh Kumpulan.

PENEMBUSAN PRODUK DAN PASARAN

Sebagai sebahagian daripada strategi Penembusan Produk dan Pasaran, kami berjaya membangunkan tujuh produk baharu pada 2021, bagi kedua-dua kategori makanan dan bukan makanan. Bagi kategori bukan makanan, tiga formulasi pelet baharu, olein IV tinggi dan Pecahan Pertengahan Minyak Sawit (PMF) telah kami rumuskan. Bagi kategori makanan, resipi yang lebih sihat untuk marjerin Adela dan marjerin pastri baharu telah dihasilkan.

Strategi untuk meningkatkan nilai jenama dalam perniagaan Hiliran dan Gula telah membuahkan hasil. Pada tahun ini, kami memulakan kempen penjenamaan untuk jenama utama kami; Saji dan Seri Pelangi, serta Gula Prai, yang dicipta untuk menjadi peneraju jenama masing-masing. Kami sangat berbesar hati apabila Gula Prai menduduki tempat ke-3 serta Saji di tempat ke-7 sebagai jenama FMCG terpilih di Malaysia[8].

Pada tahun ini, Bahagian Penyelidikan & Pembangunan (R&D) telah menghasilkan prototaip yang dipanggil FGV Geotagger iaitu sebuah peranti yang mampu meningkatkan produktiviti penanaman semula kelapa sawit melalui penanaman yang tepat serta berpotensi mampu menjimatkan kos sebanyak RM2 juta setahun, dan hasil tambahan sebanyak RM6 juta untuk kawasan penanaman semula seluas 15,000 Ha setahun.

Selain itu, Sektor Gula telah menandatangani perjanjian bersama Wilmar Sugar Pte Ltd (Wilmar) yang berpangkalan di Singapura untuk mewujudkan rantaian bekalan gula yang lestari. Memandangkan Singapura merupakan pasaran eksport yang berpotensi untuk perniagaan Gula kami, perjanjian ini akan membuka laluan kepada Kumpulan dan akhirnya meningkatkan jumlah jualan dalam jangka masa panjang.

Sektor LO telah memperluas perkhidmatannya ke arah bidang yang lebih khusus termasuklah perkhidmatan, mengangkut peralatan ketenteraan dari luar negara, aktiviti penghantaran yang melibatkan pelepasan kastam, pengangkutan laut, serta pelepasan masuk dan pengangkutan darat di mana perkhidmatan yang disediakan ini melebihi perkhidmatan pengangkutan konvensional.

BIDANG PERTUMBUHAN BARU

Bagi mengembangkan kebolehannya, LO mengukuhkan dan menyokong Kumpulan dalam memenuhi permintaan yang meningkat dan pengurusan logistik cekap untuk segmen pasaran luar. Sektor ini memperkenalkan perkhidmatan pengangkutan rantaian sejuk untuk Barangan Pengguna Bergerak Pantas (FMCG), setelah memperoleh 10 trak peti sejuk pada tahun ini.

Dalam usaha Pertanian Bersepadu baharu kami, setelah usaha pengambilan tanah untuk projek Lembah Agro FGV Chuping telah berjaya, bermakna kami kini bersedia untuk memulakan transformasi kawasan itu menjadi ladang berskala besar untuk aktiviti pertanian utama. Matlamatnya adalah untuk membangunkan ladang bersepadu tanaman kontan bernilai tinggi dengan potensi pembangunan penternakan tenusu berskala besar.

Pada tahun 2021, kami menuai 600 Ha Beras Wangi *Fortified Field*, yang menghasilkan 3,751 MT beras wangi dibawah jenama "Saji Aroma". Usaha ini adalah bagi menyokong aspirasi kami untuk berkembang sebagai salah satu peneraju pasaran perniagaan tani bagi menghasilkan pelbagai perkhidmatan dan produk dari ladang kepada pengguna.

[8] *Berdasarkan Jejak Jenama Asia Kantar 2021*

Tinjauan Strategik
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

PENGUKUHAN KEWANGAN & KEUPAYAAN

Dengan memajukan Pengukuhan Kewangan & Keupayaan, FGV telah memulakan latihan menanda aras secara menyeluruh dengan syarikat setanding untuk mengukur kekuatan dan memahami kelemahan semasa.

Melalui langkah tersebut, kami telah mengenal pasti cara untuk memaksimumkan margin berdasarkan aset sedia ada, meningkatkan penembusan pasaran global dan memperjuangkan agenda Keselamatan Makanan Negara. Langkah ini juga telah mengetengahkan keperluan untuk meningkatkan lagi Kewangan, Modal Insan dan Kelestarian untuk mencapai matlamat kami.

KEWANGAN

Harga Minyak Sawit Mentah (MSM) yang tinggi pada tahun ini telah membawa keuntungan pada fasa evolusi kami. Di samping itu, kami telah berjaya melancarkan program Sukuk Murabahah bernilai RM500 juta pada Disember 2021 bagi menyediakan laluan alternatif untuk penjanaan modal dengan semua hasil yang digunakan untuk tujuan patuh Syariah. Rangsangan modal adalah petunjuk yang baik terhadap kekuatan kedudukan kewangan dan bertindak sebagai pemangkin untuk memperhalusi model perniagaan FGV yang berbeza, seperti dalam Pelan Perniagaan Strategik kami.

Butiran lanjut mengenai prestasi kewangan FGV boleh didapati di bawah Tinjauan Kewangan Kumpulan di muka surat 48.

MODAL INSAN

Pemboleh utama kepada fokus masa depan kami adalah bakat yang kukuh dan setia. Sejak kebelakangan ini, kepelbagaian bakat yang semakin meningkat dialu-alukan ke dalam keluarga FGV. Tugas kini adalah untuk menyelaraskan perubahan minda seluruh Kumpulan dalam memacu prestasi sebagai entiti peringkat tinggi yang sedang berkembang. Beberapa sorotan utama dalam memperkukuh Modal Insan termasuk:

- Memastikan protokol kerja yang selamat dalam norma baharu dan mewujudkan polisi vaksinasi COVID-19 terhadap seluruh Kumpulan untuk memastikan persekitaran kerja yang selamat.
- Melancarkan program pelatih siswazah bagi menarik dan membentuk graduan universiti sebagai bakat baharu kepada Kumpulan.
- Pelaksanaan DACUM (Pembangunan Kurikulum) Fasa 1 - iaitu untuk mengenal pasti proses kerja semasa, set kemahiran dan piawaian prestasi yang disasarkan kepada jawatan kritikal di FGV bagi meningkatkan keupayaan pekerja dalam memastikan kesediaan tenaga kerja masa hadapan.
- Memulakan inisiatif Pelan Pembangunan Individu (IDP) sebagai alat untuk mengenal pasti dan mengekalkan bakat dalam Kumpulan dengan menyediakan rancangan pembangunan kerjaya ke arah peranan kepimpinan masa hadapan.

KELESTARIAN

Agenda kelestarian kekal menjadi keutamaan dalam usaha penciptaan nilai kepada pemegang kepentingan kami. Kami menjangkakan penarikan balik larangan Perintah Tahanan Pelepasan (WRO) dan penggantungan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) di samping mengatur langkah ke arah operasi perniagaan impak sifar. Ianya terpakai merentasi operasi kami mengikut Rangka Kerja Kelestarian Kumpulan yang menggabungkan komponen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), bersama-sama inovasi dan transformasi sebagai pemacu utama agenda kelestarian kami.

Sorotan utama untuk tahun ini termasuk:

- Menubuhkan Jawatankuasa Kesaksamaan Gender dan Pemerkasaan Wanita untuk menyediakan peluang yang sama rata dalam semua operasi kami.
- Sebagai peneraju syarikat makanan dan pertanian pertama di Malaysia yang mengesahkan komitmen dengan menandatangani Hasrat Perniagaan, initiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk ikrar 1.5°C. Dalam usaha mencapai usaha ini, FGV perlu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau sebanyak 45% menjelang 2030 dan mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050.
- Peningkatan kedudukan SPOTT kepada kedudukan ke-19 daripada ke-23, yang menunjukkan ketelusan yang lebih baik dalam pendedahan berkaitan isu ESG kami.

Sila rujuk Laporan Kelestarian untuk butiran lanjut.

Imbas di sini untuk melihat Laporan Kelestarian kami

PROSPEK MASA HADAPAN

Kami meramalkan tahun pertumbuhan yang dinamik, disokong oleh penjajaran kepentingan negara sambil kami terus mengubah dan menyusun semula model perniagaan kami di masa hadapan.

Pelan masa hadapan kami adalah untuk memastikan peniagaan-perniagaan FGV tersusun berdasarkan fungsi yang akan membolehkan FGV mengubah model perniagaan kepada penembus pasaran, pemilik jenama dan pembangun produk yang inovatif.

Kami berhasrat untuk meningkatkan daya saing dalam setiap sektor perniagaan dengan menjadi:

- Responsif kepada keperluan pasaran
- Boleh dipercayai dalam menyampaikan bekalan produk berkualiti yang konsisten
- Inovatif dalam memaksimumkan nilai dan kecekapan
- Mampu memenuhi permintaan yang tepat pada masanya dan bertanggungjawab

Merentasi seluruh operasi Perladangan, pengunaan aset sepenuhnya diperlukan untuk menambah baik metrik operasi utama. Kami akan mengoptimumkan rantaian nilai bagi meluaskan jangkauan, penawaran pasaran dan kehadiran produk. Ia akan disokong oleh pembangunan dan peningkatan modal insan, pengurusan kos yang berhemat dan kecekapan pengeluaran yang dipertingkatkan.

Dalam perniagaan Gula, kami akan memaksimumkan penggunaan aset dan mengoptimumkan kehadiran tempatan melalui strategi jualan yang agresif, penembusan eksport serantau dan aktiviti perniagaan nilai tambah. Kecekapan perniagaan akan dibina berdasarkan pendigitalan dan penambahbaikan operasi.

Kami berhasrat untuk mengembangkan lagi keupayaan dan potensi LO melalui pengembangan dan kepelbagaian pasaran sambil meningkatkan keberkesanan operasi.

Bagi Pertanian Bersepadu, kami akan menumpukan usaha merealisasikan nilai pelaburan melalui penambahbaikan dalam perniagaan tanaman kontan, padi, tenusu dan makanan haiwan.

Apabila nilai perniagaan kami berkembang, pertumbuhan melalui penembusan pasaran akan menjadi langkah yang seterusnya sambil kami mengembangkan ekuiti jenama dan kehadiran antarabangsa.

Penyusunan semula struktur dalaman sedang dijalankan kerana kami berhasrat untuk merealisasikan Perkhidmatan Korporat yang berkesan dan bernilai tambah bagi mempercepat kemajuan.

Keutamaan teras yang merangkumi semua pelan hala tuju masa hadapan kami adalah termasuk memperjuangkan kelestarian melalui sasaran dan matlamat ESG yang jelas. Kami sedar bahawa masa depan baharu FGV melalui lensa pasaran global, kelestarian menjadi pemacu perniagaan utama dan saya pasti bahawa kami akan diberi ganjaran yang sewajarnya. Industri minyak sawit tertakluk kepada piawaian ketat tenaga buruh, alam sekitar dan perubahan iklim. Memandangkan kedudukan FGV yang unik dalam industri, dan kami juga mengambil berat tentang kepentingan pekebun kecil, kami mempunyai halangan yang lebih besar untuk diatasi berbanding syarikat perladangan biasa.

MENYAMPAIKAN NILAI BERSAMA

Dengan kerjasama bersama FELDA, saya percaya cabaran yang menanti, walaupun bahawa kami mampu mengharungi cabaran yang mendatang. Persekitaran pasaran semasa telah memberi ruang untuk membina kekuatan baharu. Dengan komitmen dan sokongan para pemegang saham, kami akan memanfaatkan aset dan mempercepat momentum pertumbuhan ini.

Sokongan dan bimbingan Lembaga Pengarah yang pelbagai merupakan salah satu sumber kekuatan dalam perjalanan kami untuk maju ke hadapan. Saya bersyukur kerana FGV dipimpin oleh Lembaga Pengarah yang pelbagai latar belakang dan pengalaman. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan rasa kehilangan dengan pemergian Timbalan Pengerusi kami ke Rahmatullah, Allahyarham Dato' Yusli Mohamed Yusof dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga beliau. Jasa beliau bersama FGV akan terus diingati dan kami menghargai sumbangan bermakna beliau.

Melalui sokongan dan perkongsian pemegang kepentingan, dan laluan strategik yang jelas ke hadapan, saya yakin FGV akan dapat merialisasikan visi kami. Saya amat berbangga kerana diberi peluang untuk memimpin FGV ke arah masa hadapan yang baharu dalam perniagaan tani dan bersemangat untuk meneruskan perjalanan bersama pasukan pengurusan yang berdedikasi, tenaga kerja yang setia dan pemegang saham yang sentiasa memberi sokongan.

Mohd Nazrul Izam Mansor
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Tinjauan Kewangan
Kumpulan

Hasil

39%

2021

RM19,566 JUTA

2020: RM14,076 juta

Keuntungan Operasi Sebelum LLA dan Rosot Nilai

>100%

2021

RM1,842 JUTA

2020: RM837 juta

Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai

>100%

2021

RM1,714 JUTA

2020: RM346 juta

RINGKASAN PRESTASI

FGV terus mencatatkan prestasi luar biasa pada TK2021 dirangsang oleh lonjakan 37% bagi harga purata MSM. Kumpulan mencatatkan pertumbuhan hasil sebanyak 39% dan PATAMI sebanyak RM1.17 bilion, meningkat lapan kali ganda daripada RM146 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya, iaitu keuntungan tertinggi yang diperoleh sejak penyenaraian Kumpulan pada 2012. Pencapaian ini sangat membanggakan walaupun terdapat kekangan operasi yang berterusan disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang turut menyebabkan kekurangan buruh yang meruncing, pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah, ringgit yang lemah dan peningkatan kos pengeluaran.

Purata harga jualan MSM yang dicapai oleh Kumpulan sebanyak RM3,671/MT berbanding RM2,675/MT pada tahun sebelumnya, telah membawa kepada peningkatan sebanyak RM19.57 bilion, daripada RM14.08 bilion pada TK2020. Sejajar dengan itu, Keuntungan Sebelum Zakat dan Cukai (PBZT) Kumpulan meningkat kepada RM1.71 bilion pada TK2021 berbanding RM346 juta daripada tahun sebelumnya. PBZT yang lebih tinggi ini disokong oleh peningkatan dalam margin produk sawit, pemulihan perniagaan Gula dan peningkatan dalam jumlah produk bernilai tinggi dan kos berubah operasi yang lebih rendah dalam perniagaan Logistik kami.

- Sektor Perladangan mencatatkan peningkatan ketara dalam keuntungan sebanyak RM1.60 bilion daripada RM401.99 juta pada TK2020. Prestasi positif cemerlang Sektor itu adalah disebabkan oleh peningkatan margin sejajar dengan harga MSM lebih tinggi dan caj nilai saksama yang lebih rendah ke atas Perjanjian Pajakan Tanah (LLA) sebanyak RM3.98 juta berbanding RM158.49 juta yang dicatatkan pada TK2020. Kerugian rosot nilai berkurangan kepada RM82.75 juta berbanding RM215.83 juta yang diiktiraf pada tahun sebelumnya, ditambah dengan margin operasi yang lebih baik oleh bahagian baja dan getah, telah meningkatkan lagi prestasi Sektor tersebut.
- Sektor Gula kami mencatatkan pertumbuhan keuntungan walaupun dalam persekitaran perniagaan yang mencabar dan peningkatan kos pengangkutan yang telah menekan margin keuntungan operasi secara keseluruhan. Sektor Gula mencatatkan keuntungan RM85.68 juta, pulih daripada kerugian RM34.55 juta yang dicatatkan pada TK2020. Peningkatan ini didorong terutamanya oleh peningkatan margin yang disebabkan oleh Harga Jualan Purata (ASP) yang lebih tinggi. Pada tahun sebelumnya, keputusan perniagaan Gula turut terjejas oleh hapus kira dan kemerosotan nilai tumbuhan penghasil berjumlah RM63 juta.
- Keuntungan Sektor LO kami meningkat kepada RM90.35 juta daripada RM50.49 juta yang dicatatkan tahun sebelumnya, disebabkan oleh pengembangan pasaran yang membawa kepada peningkatan jumlah produk bernilai tinggi dan kos operasi pembolehubah yang lebih rendah.

Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Zakat dan Cukai Mengikut Sektor

Perladangan

>100%

2021

RM1,602 juta

2020: RM402 juta

Gula

>100%

2021

RM86 juta

2020: (RM35 juta)

Logistik & Lain-lain

79%

2021

RM90 juta

2020: RM50 juta

KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN

Jumlah aset Kumpulan pada TK2021 meningkat sebanyak 5% kepada RM17.96 bilion daripada RM17.18 bilion yang dicatatkan pada TK2020. Ini disebabkan oleh peningkatan nilai inventori sebanyak 61% akibat harga dan kuantiti yang lebih tinggi, serta peningkatan tunai sebanyak 18%.

Jumlah liabiliti berkurang sebanyak 3% disebabkan penurunan di dalam liabiliti LLA dan pinjaman, masing-masing sebanyak 10% dan 7%, tetapi sebahagiannya telah diimbangi oleh peningkatan di dalam belum bayar sebanyak 35%.

Jumlah ekuiti bagi Kumpulan pada 2021 berjumlah RM7.19 bilion, meningkat sebanyak 18% daripada RM6.10 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya.

ALIRAN TUNAI

Jumlah baki tunai Kumpulan pada 31 Disember 2021 meningkat 18% kepada RM2.03 bilion daripada RM1.73 bilion yang dicatatkan pada TK2020 berikutan peningkatan dalam tunai bersih daripada operasi.

INDIKASI UTAMA LAIN

Pada TK2021, nisbah penggearan bertambah baik kepada 0.56 kali daripada 0.70 kali pada TK2020 disebabkan oleh pinjaman yang lebih rendah dan peningkatan jumlah ekuiti, hasil daripada keuntungan yang tinggi. Sementara itu, nisbah kecairan meningkat kepada 1.22 pada TK2021 daripada 1.07, dicatatkan pada TK2020.

Kumpulan mencatatkan aset bersih sesaham yang lebih baik sebanyak RM1.49 berbanding RM1.17 pada TK2020. Perolehan sesaham juga meningkat dengan ketara kepada 32 sen daripada 4 sen pada tahun sebelumnya, seiring dengan peningkatan dalam keputusan Kumpulan.

PENGISYTIHARAN DIVIDEN

Berdasarkan keputusan yang baik pada TK2021, Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 8 sen sesaham biasa berjumlah RM291.85 juta dan telah dibayar pada 31 Mac 2022.

Sorotan Kewangan Utama

	TK2021	TK2020	Perubahan (%)
Tunai dan Setara Tunai (RM juta)	**2,032**	1,729	+18%
Jumlah Pinjaman (RM juta)	**3,998**	4,293	-7%
Nisbah Kecairan (kali)	**1.22**	1.07	+14%
Nisbah Penggearan (kali)	**0.56**	0.70	-20%
Pendapatan Sesaham (sen)	**32.0**	4.0	>100%
Dividen (sen)	**8.0**	3.0	>100%

Tinjauan Kewangan
Kumpulan

Dari kiri • Mohd Izam Pariz – Akauntan Kumpulan, Sektor Logistik & Lain-lain • Haslinda Abdul Rahim – Akauntan Kumpulan, Polisi Kewangan & Tadbir Urus dan Akaun Syarikat • Sri Anita Mashat – Pengurus Besar, FGV Shared Service Centre Sdn Bhd • Aznur Kama Azmir – Pengawal Kewangan Kumpulan • Hisham Bakar – Pengurus Besar, FGV Capital Sdn Bhd • Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid – Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan • Sumarni Zubir – Pengurus Besar, Pelaporan & Penyatuan Kewangan Kumpulan • Shahril Ibrahim – Akauntan Kumpulan, Sektor Perladangan • Pang Poh Ling – Akauntan Kumpulan, Pelaporan Kewangan & Belanjawan • Noor Azimah Abdul Aziz – Akauntan Kumpulan, Bahagian Hiliran dan R&D • Rahayu Alias – Akauntan Kumpulan, Bahagian Huluan

SOROTAN OPERASI KEWANGAN

Pada TK2021, Kewangan Kumpulan FGV melaksanakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan prestasi operasi kewangan Kumpulan.

- Polisi dan Prosedur Kewangan Kumpulan telah dikemas kini untuk memastikan konsistensi amalan kewangan di seluruh Kumpulan FGV dan selaras dengan Had Kuasa (LOA) Kumpulan FGV terkini yang diluluskan dan perubahan dalam Piawaian Perakaunan.
- Kumpulan telah memulakan pelaksanaan Sistem Penyatuan Kewangan Kumpulan untuk meningkatkan keberkesanan dan memendekkan kitaran masa penyatuan dan pengesahan data kewangan daripada semua anak syarikat. Ini bagi menyokong pengurusan kewangan dan penyediaan laporan penyatuan berkanun dan dijangka selesai pada 2022.
- Pelaksanaan Proses Automasi Robotik di FGV Shared Services Centre Sdn Bhd untuk meningkatkan keupayaan operasi perniagaan dan mewujudkan aliran kerja yang lebih cekap. Ia memproses tugasan yang berulang dan yang memerlukan pemprosesan manual yang panjang dan data diseragamkan untuk Meja Bantuan Pusat Perkongsian Perkhidmatan, Akaun Belum Terima dan Penyesuaian Bank.
- Pada Disember 2021, FGV membuat terbitan pertama Sukuk Murabahah RM500 juta dalam nilai nominal menurut Program Sukuk Murabahah. Hasil daripada Program Sukuk Murabahah digunakan untuk membiayai semula pembiayaan dan pinjaman sedia ada kami.

RISIKO KEWANGAN & MITIGASI

Kumpulan terdedah kepada pelbagai risiko pasaran, termasuk risiko mata wang asing, risiko harga komoditi dan risiko kredit yang timbul daripada aktiviti perniagaannya. Instrumen kewangan derivatif yang relevan digunakan untuk melindung nilai risiko pendedahan kewangan tersebut. Bagi risiko kredit, Kumpulan berurusan dengan pelanggan yang mempunyai sejarah kredit yang sesuai, mendapatkan jaminan yang mencukupi di mana sesuai termasuk pembayaran pendahuluan. Belum terima dipantau rapi oleh Jawatankuasa Kredit Kumpulan. Ini ditadbir oleh LOA Kumpulan dan Polisi dan Prosedur Kewangan, di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga.

PROSPEK

Kami mengekalkan komitmen yang teguh untuk memberikan hasil yang lebih baik, dari segi operasi dan kewangan di masa hadapan untuk mencipta lebih nilai bagi para pemegang saham kami. Ini termasuklah inisiatif ke arah perlindungan alam sekitar, pelepasan sifar bersih dan amalan buruh yang baik. Kami juga menjangkakan penamatan penggantungan pensijilan RSPO dan isu WRO dalam masa terdekat, setelah memulakan semua langkah yang perlu untuk menangani perkara tersebut.

Melalui strategi ini, semua Sektor akan bergerak lebih maju, meningkatkan daya saing dan kepelbagaian. Penumpuan berterusan untuk memaksimumkan keuntungan dan disiplin kewangan yang lebih ketat dapat meningkatkan prestasi operasi. Disokong oleh ekonomi yang semakin pulih, prestasi berkemungkinan besar menjadi lebih baik pada tahun akan datang. Kami juga menjangkakan sumbangan hasil daripada perniagaan baharu akan dapat mendatangkan hasil dalam beberapa tahun akan datang.

Harga MSM diramalkan akan kekal tinggi pada tahun 2022 berikutan kekangan jumlah pengeluaran. Dengan itu, kami optimis akan dapat mengekalkan keuntungan pada tahun akan datang walaupun terdapat kekurangan buruh yang berpanjangan dan gangguan operasi berkaitan pandemik COVID-19.

PEROLEHAN KUMPULAN

FGV telah menjadi lebih berhati-hati terhadap perbelanjaan perolehan dan memperkenalkan langkah untuk meminimumkan ketirisan. Oleh kerana ini, kami memperoleh penjimatan sebanyak 16.6% daripada aktiviti perolehan pada TK2020 yang diterjemahkan kepada RM176 juta. Keputusan ini adalah hasil daripada proses dan strategi rundingan lebih baik. Penjimatan terbesar dicapai dalam perolehan baja dan perbelanjaan ladang dan kilang.

Kumpulan meneruskan usaha ini pada TK2021 dan mencapai RM134 juta atau, 134% dalam penjimatan berbanding sasaran dalaman Kumpulan sebanyak RM100 juta, walaupun pandemik COVID-19 mengurangkan aktiviti perolehan. Kami akan terus memantau dengan teliti perbelanjaan perolehan sebagai sebahagian daripada pendekatan untuk mengurangkan kos operasi.

Mencapai
17%
Penjimatan Kos daripada Aktiviti Perolehan pada TK2021

SUMBER STRATEGIK

- **Perbelanjaan lebih bijak** dengan pendekatan "beli apa yang diperlukan apabila diperlukan" untuk mengelakkan pembaziran.
- **Model kos penyumberan terendah** untuk membeli daripada sumber global/serantau/tempatan terendah tanpa menjejaskan kualiti dan perkhidmatan.
- **Projek penyumberan mega** yang menggabungkan jumlah, keperluan barangan dan perkhidmatan biasa di seluruh Kumpulan, menghasilkan pelan perolehan yang lebih cekap dan menghapuskan pertindihan.
- **Fokus teknologi** untuk mengurus permintaan Kumpulan seperti tempat kerja tanpa kertas melalui automasi dan pendigitalan untuk meningkatkan kelajuan ke pasaran.
- **Bekerjasama dan memanfaatkan rakan kongsi strategik utama untuk faedah menang-menang** bagi memacu kecekapan kos bekalan dan meningkatkan pengalaman pelanggan.
- **Integriti sebagai asas perolehan**, dengan toleransi sifar untuk ketidakpatuhan dan pengurusan akibat.

PENJIMATAN KOS

- Berbanding sasaran dalaman Kumpulan sebanyak RM100 juta, kami memberikan RM134 juta atau 34% melebihi sasaran, dalam penjimatan kos pada 2021.

KECEMERLANGAN OPERASI

- **Program Dalaman untuk Meningkatkan Kemahiran Kakitangan Perolehan**
  Menjalankan pelbagai perkongsian pengetahuan Perolehan dalam Perolehan Kumpulan, Pusat Korporat, antara syarikat serta organisasi profesional lain. Objektifnya adalah untuk menggalakkan perspektif dan pada masa yang sama mengukuhkan pemahaman yang mendalam tentang proses perolehan dan mengurus isu pematuhan. Inisiatif ini telah terbukti sebagai salah satu kaedah terbaik yang membantu menghubungkan, meningkatkan prestasi dan meningkatkan kecekapan sebagai profesional perolehan.

- **Pendigitalan Proses Perolehan**
  Melaksanakan beberapa penambahbaikan sistem ePerolehan, tadbir urus/kawalan proses dan penyepaduan pangkalan data dalam sistem Perancangan Sumber Perusahaan (ERP) sedia ada. Inisiatif pendigitalan ini adalah untuk membolehkan automasi, menambah baik masa pemulihan, meningkatkan kualiti data dan ketelusan proses, yang membantu menyelaraskan kitaran tanpa kertas hujung ke hujung.

Tinjauan Kewangan

Kumpulan

EKSTRAK PENYATA KEUNTUNGAN ATAU KERUGIAN

	2021 RM'000	2020 RM'000	+/-%
Hasil	**19,565,891**	**14,075,712**	+39%
Keuntungan operasi	**1,778,776**	**444,517**	>100%
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	**1,713,980**	**346,064**	>100%
Keuntungan bagi tahun kewangan	**1,175,578**	**134,193**	>100%
Keuntungan boleh diagih kepada:			
Pemilik Syarikat	**1,167,874**	**146,156**	>100%
Kepentingan tidak kawalan	7,704	(11,963)	>100%
	1,175,578	**134,193**	>100%

EKSTRAK PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

	2021 RM'000	2020 RM'000	+/-%
Hartanah, loji dan peralatan	7,674,392	7,810,463	-2%
Kepentingan dalam usaha sama dan syarikat bersekutu	519,788	479,604	+8%
Aset bukan semasa yang lain	3,885,779	4,171,113	-7%
Aset bukan semasa	**12,079,959**	**12,461,180**	-3%
Aset semasa tidak termasuk wang tunai	3,844,769	2,989,127	+29%
Deposit, tunai dan baki bank	2,031,666	1,729,194	+18%
Aset semasa	**5,876,435**	**4,718,321**	+25%
Jumlah aset	**17,956,394**	**17,179,501**	+5%
Modal dan rizab			
Ekuiti boleh diagihkan kepada Pemilik Syarikat	5,420,601	4,261,703	+27%
Kepentingan tidak mengawal	1,765,917	1,838,504	-4%
Jumlah ekuiti	**7,186,518**	**6,100,207**	+18%
Pinjaman	3,998,162	4,292,952	-7%
Liabiliti LA	3,804,790	4,213,824	-10%
Liabiliti bukan semasa yang lain	976,566	1,118,746	-13%
Liabiliti semasa yang lain	1,990,358	1,453,772	+37%
Jumlah liabiliti	**10,769,876**	**11,079,294**	-3%
Jumlah ekuiti dan liabiliti	**17,956,394**	**17,179,501**	+5%

Sila rujuk Penyata Kewangan Diaudit 2021 untuk butiran lanjut.

Imbas di sini untuk melihat Penyata Kewangan Diaudit kami

EKSTRAK PENYATA ALIRAN TUNAI

	2021 RM'000	2020 RM'000
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja	2,554,567	1,580,302
Perubahan modal kerja	(401,901)	267,968
Tunai dijana daripada operasi	**2,152,666**	**1,848,270**
Pendapatan kewangan	22,728	39,612
Bayaran cukai dan zakat	(229,419)	(129,840)
Bayaran manfaat persaraan	(4,089)	(2,363)
Tunai bersih dijana daripada aktiviti operasi	**1,941,886**	**1,755,679**
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	**(569,263)**	**(361,856)**
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan	**(1,087,941)**	**(1,289,600)**
Peningkatan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	**284,682**	**104,223**
Kesan daripada kadar pertukaran mata wang asing	17,052	(7,100)
Tunai dan kesetaraan tunai pada permulaan tahun kewangan	**1,665,457**	**1,568,447**
Peningkatan dalam aset dipegang untuk jualan	–	(113)
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun kewangan	**1,967,191**	**1,665,457**
Deposit, baki tunai dan di bank	**2,031,666**	**1,729,194**
Tolak: Tunai terhad	(64,475)	(63,737)
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan	**1,967,191**	**1,665,457**

Sila rujuk Penyata Kewangan Diaudit 2021 untuk butiran lanjut.

Imbas di sini untuk melihat Penyata Kewangan Diaudit kami

Tinjauan Kewangan
Kumpulan

PENYATA NILAI TAMBAH

	2021 RM'000	2020 RM'000
Hasil	19,565,891	14,075,712
Kos Langsung & Tidak Langsung	(10,140,761)	(8,084,149)
Pembelian BTS daripada peneroka	(5,333,216)	(3,345,816)
Nilai Ditambah daripada Operasi	**4,091,914**	**2,645,747**
Lain-lain Pendapatan Operasi	95,113	132,499
Lain-lain Keuntungan	87,959	42,456
Bahagian Keputusan Daripada Syarikat Usahasama & Bersekutu	39,409	23,807
Pendapatan Kewangan	22,728	39,612
Jumlah Nilai Ditambah	**4,337,123**	**2,884,121**

PENYATA NILAI DIAGIHKAN

	2021 RM'000	2020 RM'000
Pekerja	1,720,201	1,586,655
Kerajaan dan Masyarakat	549,141	218,642
Pembekal Modal		
Dividen kepada Pemilik Syarikat	109,445	72,693
Kos kewangan	126,933	161,872
Kepentingan tidak mengawal	7,704	(11,963)
Pelaburan semula	1,823,699	856,222
Jumlah Nilai Diagihkan	**4,337,123**	**2,884,121**

Tinjauan Perniagaan Kumpulan

Perladangan

Sektor Perladangan adalah penjana hasil terbesar dan membentuk teras Kumpulan FGV. Disokong oleh lebih 50 tahun kepakaran dalam perniagaan Huluan, kami adalah pengeluar minyak sawit bersepadu dengan perniagaan merentasi rantaian nilai, merangkumi bahagian Huluan, Hiliran, Penyelidikan & Pembangunan, Pemasaran & Perdagangan dan Tenaga Boleh Diperbaharui.

Fokus utama Sektor Perladangan adalah untuk memajukan potensi minyak sawit merentasi rantaian nilai minyak sawit, malah melangkaui dalam memanfaatkan Tenaga Boleh Diperbaharui melalui produk sampingan minyak sawit.

Di Bahagian Huluan, kami menguruskan bank tanah seluas 438,885 Ha dengan keluasan kawasan tanaman seluas 347,335 Ha (kelapa sawit, getah dan tanaman lain) di seluruh Malaysia dan Indonesia. Kami mengeluarkan 2.68 juta MT MSM dari 67 kilang kami yang semuanya terletak di Malaysia. Bahagian Hiliran menyokong operasi Huluan dengan menyediakan jaminan pengambilan MSM yang ditapis menjadi pelbagai produk berasaskan minyak sawit seperti minyak masak, lemak menggoreng, lemak industri dan khusus, serta derivatif oleo. FGV juga terkenal sebagai salah satu pengeluar getah terkemuka di ASEAN dengan mempunyai enam kemudahan pemprosesan getah.

Bagi pemerluasan kekuatan operasi dan mencipta peluang baharu kepada Sektor, kami komited ke arah membangun dan menambah baik teknologi serta mewujudkan pendekatan inovatif yang digunakan dalam operasi kami melalui Bahagian R&D. Perniagaan Pemasaran & Perdagangan secara konsisten memupuk pasaran sedia ada yang telah lama wujud serta menerokai pasaran baharu untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan kami. Perniagaan Tenaga Boleh Diperbaharui dengan gigih meningkatkan inisiatif *Waste-to-Wealth* Kumpulan sambil mempromosikan ekonomi kitaran. Penggunaan biojisim sepenuhnya di kilang kelapa sawit bagi menghasilkan bahan bakar serta penghasilan tenaga elektrik dan biogas termampat bagi grid nasional dan grid luar bandar.

Tinjauan Perniagaan Kumpulan
Perladangan

GAMBARAN KESELURUHAN TK2021

Tahun kewangan yang dilaporkan ini terus dicabar oleh impak pandemik yang menyebabkan kekurangan tenaga kerja, penurunan permintaan dan penggunaan serta peningkatan kos pengeluaran. Sekatan yang tidak menentu juga menyebabkan gangguan terhadap logistik dan penuaian, yang menyebabkan kemerosotan dalam hasil dan kekurangan pengeluaran.

Walaupun begitu, Sektor Perladangan FGV mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM1.60 bilion pada TK2021 berbanding RM401.99 juta yang dicatatkan tahun sebelumnya.

Harga Purata MSM
(RM/MT)



Harga Purata PK
(RM/MT)



Penyumbang utama kepada peningkatan keuntungan adalah disebabkan oleh harga purata MSM yang lebih tinggi yang direalisasikan sebanyak RM3,671/MT berbanding RM2,675/MT pada TK2020.

Prestasi Sektor Perladangan juga meningkat disebabkan oleh caj nilai saksama yang lebih rendah terhadap LLA sebanyak RM3.98 juta berbanding RM158.49 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Kerugian rosot nilai lebih rendah sebanyak RM82.75 juta berbanding RM215.83 juta yang diiktiraf pada tahun sebelumnya dan margin operasi lebih baik bagi segmen baja dan getah pada TK2021 telah meningkatkan lagi pencapaian Sektor ini.

Tumpuan pada tahun semasa adalah untuk operasi Huluan merekodkan produktiviti lebih tinggi dan kos lebih rendah dengan menambah baik hasil melalui penanaman semula dan inisiatif mekanisasi. Sebanyak 13,127 Ha bank tanah telah ditebang dan 2,815 Ha telah ditanam semula untuk menambah baik profil umur kelapa sawit kami. Walau bagaimanapun, seperti syarikat perladangan lain, FGV turut terjejas oleh cabaran industri yang menghalang pelaksanaan terancang bagi inisiatif penambahbaikan ini.

Kumpulan percaya terhadap kepentingan untuk mengembangkan perniagaan nilai tambah yang lebih tinggi, dengan menumpukan kepada pengembangan Bahagian Hiliran. Pada tahun ini, kami berjaya menyempurnakan pembangunan produk baharu iaitu yang berkaitan dengan bahan mentah, minyak premium dan produk makanan berasaskan sawit.

Sektor Perladangan

Hasil
RM16,920 juta
2020 : RM11,573 juta

PBZT
RM1,602 juta
2020 : RM402 juta

Berdiri: (dari kiri) • Mohd Aris Omar – Ketua, Kejuruteraan Perladangan • Zulkifli Othman – Ketua, Bahagian Hiliran dan Pembangunan & Strategi Perniagaan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Delima Oil Products Sdn Bhd & FGV Refineries Sdn Bhd • Norli Manaf – Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Rubber Industries Sdn Bhd • Abdul Latib Derassit – Ketua Bahagian Tenaga Boleh Diperbaharui • Suhaidi Hamzah – Ketua Bahagian Penyelidikan & Pembangunan • Zarif Zainul – Ketua, Tenaga Kerja Lapangan & Penglibatan Peneroka • Abdul Malik Sekak – Ketua, Kilang & Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Palm Industries Sdn Bhd • Rahimi Hissan Wahid – Ketua, Estet & Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd • Johari Ismail – Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Security Services Sdn Bhd

Duduk: (dari kiri) • Zur'ain Madon – Ketua, Bahagian Kecemerlangan Operasi • Jasni Muhamad – Ketua, Bahagian Pemasaran & Perdagangan • Mohd Sarian Md. Sahid – Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perladangan & Ketua Bahagian Huluan • Mohamad Fauzi Hassan – Pegawai Bertanggungjawab, Ketua Pegawai Sumber Manusia & Ketua, Sektor Perladangan HR • Mazatul Aishah Aziz – Ketua, Hal Ehwal Korporat

PRESTASI KEWANGAN

HULUAN

Hasil daripada Bahagian Huluan meningkat sebanyak 45% kepada RM11.49 bilion (TK2020: RM7.92 bilion) dan PBZT meningkat kepada RM1.44 bilion (TK2020: RM279 juta). Pertumbuhan terhadap keuntungan disumbangkan oleh penambahbaikan margin produk sawit seiring dengan harga MSM yang kukuh.

Walau bagaimanapun, penurunan sebahagian prestasi kewangan disebabkan oleh kenaikan 8% dalam kos penghasilan MSM dari kilang berikutan daripada hasil Buah Tandan Segar (BTS) dan jumlah pengeluaran MSM yang menurun sebanyak 7% dan cukai keuntungan yang dibayar berdasarkan harga MSM tinggi yang dicatatkan pada tahun tersebut.

Hasil
RM11,486 juta
2020 : RM7,917 juta

PBZT
RM1,440 juta
2020 : RM279 juta

HILIRAN

Hasil hiliran meningkat sebanyak 48% kepada RM4.98 bilion (TK2020: RM3.38 bilion). Walau bagaimanapun, Bahagian Hiliran merekodkan PBZT yang lebih rendah sebanyak RM105 juta disebabkan oleh margin keuntungan Minyak Isirung Sawit Mentah (CPKO) dan Minyak Isirung Sawit Ditapis, Diluntur Dinyahbau (RBDPKO) yang lebih rendah akibat lonjakan kos MSM. Pengurangan keuntungan yang ketara juga disebabkan oleh tiada keuntungan daripada pelupusan pelaburan berjumlah RM31 juta yang diiktiraf pada tahun sebelumnya.

Hasil
RM4,983 juta
2020 : RM3,375 juta

PBZT
RM105 juta
2020 : RM157 juta

R&D

Hasil dari Bahagian R&D ialah RM451 juta (TK2020: RM281 juta) merekodkan peningkatan PBZT sebanyak RM57 juta (TK2020: LBZT RM34 juta). Pencapaian ini disumbangkan terutamanya oleh margin dan jumlah jualan yang lebih tinggi daripada baja dan biji benih sawit.

Peningkatan permintaan benih sawit dari dalam dan luar negara serta penjualan baja adalah disebabkan oleh harga MSM yang tinggi yang direkodkan pada TK2021.

Hasil
RM451 juta
2020 : RM281 juta

PBZT
RM57 juta
2020 : (RM34 juta)

RINGKASAN PRESTASI MENGIKUT BAHAGIAN

HULUAN

Kekuatan Semasa

- **Antara pengeluar MSM global terkemuka dunia** yang menyumbang 4% daripada pengeluaran dunia
- **Ketersediaan bahan tanaman** DXP Yangambi yang baik (potensi hasil yang tinggi)

Bank Tanah

Bank tanah (Ha)	2021	2020	2019
Malaysia			
• Semenanjung Malaysia	252,451	252,543	252,509
• Sabah & Sarawak	163,856	164,154	164,144
Indonesia			
• Anak Syarikat	22,578	22,578	22,578
• Usaha Sama (JV)	–	42,824	42,824
Jumlah bank tanah (tidak termasuk JVs)	**438,885**	**439,275**	**439,230**
Kawasan tanaman (kelapa sawit)			
• Tidak matang	56,660	59,842	74,953
• Matang	279,655	275,562	263,484
Jumlah kawasan tanaman (kelapa sawit)	**336,315**	**335,404**	**338,437**

Tinjauan Perniagaan Kumpulan
Perladangan

Profil Umur Kelapa Sawit

2021: 14.25 tahun



Pengeluaran BTS
(Juta MT)



Hasil BTS
(MT/Ha)



BTS Diproses
(Juta MT)



Pengeluaran MSM
(Juta MT)



Kos MSM Dari Kilang
(RM/MT)



Faktor Penggunaan Kilang
(%)



OER
(%)



KER
(%)



Kesan daripada cuaca buruk yang tidak menentu, impak gangguan pandemik dan kekurangan penuai mahir telah menghalang produktiviti Huluan kami pada tahun 2021.

Cuaca kering yang berpanjangan untuk beberapa tahun sebelumnya dan suku pertama tahun 2021 telah menyebabkan perbungaan jantan yang lebih tinggi dan pengguguran perbungaan bagi pokok sawit muda yang matang dan berumur, mengakibatkan pengeluaran tandan yang rendah untuk tahun tersebut. Selain itu, hasil pokok sawit tua juga merosot menjelang akhir tahun.

Kami juga menghadapi kekurangan buruh pada tahun ini disebabkan peningkatan cuti perubatan pekerja di lapangan semasa proses vaksinasi intensif di seluruh negara, dan penutupan sempadan yang mengakibatkan ketiadaan pekerja asing. Menjelang akhir tahun 2021, tenaga kerja perladangan FGV mencapai 68% daripada jumlah keperluan, bermakna kekurangan penuai mahir untuk ladang kami. Hal ini membawa kepada kerugian hasil keseluruhan pada 2021. Impak pandemik COVID-19 dianggarkan pada 70,197 MT atau 0.28 MT/Ha.

Tambahan pula, pengaplikasian baja dan pusingan pembajaan yang tidak lengkap yang tertangguh pada tahun sebelumnya telah memberi kesan pengurangan yang berganda ke atas hasil BTS pada tahun 2021. Walau bagaimanapun, apabila kami mengambil langkah proaktif untuk meningkatkan produktiviti, kami berjaya mengaplikasikan 297,178 MT baja ke kawasan ladang kami, meliputi 100% daripada sasaran tahun 2021. Hal ini akan meningkatkan hasil BTS pada tahun akan datang.

Disebabkan oleh semua faktor ini, pengeluaran BTS menurun kepada 3.98 juta MT, susut 7% daripada 4.29 juta MT pada TK2020. Selain itu, BTS yang dituai tidak mencapai tahap kematangan optimum disebabkan oleh faktor cuaca dan profil umur kelapa sawit.

Tiada impak yang ketara kesan daripada banjir besar yang memberi kesan kepada negara pada akhir tahun 2021. Hanya 2% daripada kawasan tanaman kami yang terjejas dan kami segera mengalihkan penuai kami ke kawasan yang tidak terjejas semasa musibah itu bagi memastikan keselamatan mereka dan kesinambungan perniagaan FGV. BTS yang lebih rendah yang diterima di kilang memberi kesan kepada pengeluaran MSM kami. Pada tahun ini, FGV mengeluarkan MSM sebanyak 2.68 juta MT. Kami memproses BTS sejumlah 13.04 juta MT, menurun sebanyak 8% daripada 14.13 juta MT, sejajar dengan penurunan 5% bagi penggunaan kilang iaitu 65% daripada 70% pada tahun sebelumnya. Faktor penggunaan kilang terhalang disebabkan sekatan pergerakan dan kawalan yang dikenakan sepanjang tahun di beberapa kawasan tertentu yang terjejas.

Walau bagaimanapun, Kadar Perahan Minyak (OER) dan Kadar Perahan Isirung Sawit (KER) menunjukkan sedikit peningkatan disebabkan prestasi kilang yang lebih baik berikutan kami terus menumpukan pada kawalan proses yang ketat.

Kesukaran dalam mengambil pekerja asing telah disulitkan lagi oleh penutupan sempadan yang dijangka berterusan sehingga suku ketiga 2022. Walaupun kami terlibat dalam susulan berkala dengan Kerajaan berhubung maklumat terkini pembukaan semula pengambilan pekerja asing, kami sedang berusaha untuk mencapai 100% keperluan tenaga kerja perladangan dengan melanjutkan khidmat pekerja asing sedia ada secara sukarela, Untuk mempercepat pengambilan pekerja asing dan mempertingkatkan program kami iaitu memrekrut, mengekalkan serta menghantar pulang (3R) bagi meningkatkan kadar bilangan pekerja asing yang akan datang setelah sekatan pergerakan ditarik balik, kami telah menyediakan pusat kuarantin dimana mereka akan tinggal dan apabila tiba, mereka melalui proses induksi sejajar dengan Prosedur Pengambilan Pekerja FGV selaras dengan keperluan dan garis panduan semasa Kerajaan.

Tenaga Kerja Ladang



Untuk mengekalkan tenaga kerja , kami menambah baik penginapan pekerja kami, meningkatkan aktiviti rekreasi dan kebajikan untuk kehidupan yang lebih baik, menyediakan jaminan gaji melalui aplikasi e-dompet dan e-produktiviti FGV, serta memberikan akses penuh kepada pasport mereka.

Di samping itu, FGV telah mengadakan perbincangan dengan penduduk tempatan di sekitar ladang dan kilang untuk kempen mengenai faedah menjadi sebahagian dari tenaga kerja FGV sebagai laluan kerjaya yang menarik. Inisiatif ini telah diperluaskan dengan menyediakan latihan kemahiran keusahawanan dan kemahiran berkaitan bagi meningkatkan pemindahan pengetahuan, usaha untuk meningkatkan kebajikan masyarakat, dan menambah baik piawai kerja dengan pelaksanaan mekanisasi di ladang dan kilang.

Tinjauan Perniagaan Kumpulan
Perladangan

Mekanisasi
(Ha)



Peningkatan mekanisasi di ladang kami telah diperkenalkan untuk meningkatkan produktiviti penuaian dan menyediakan penyelesaian alternatif kepada kekurangan buruh. Permulaan yang baik telah dilakukan pada tahun ini di mana kami mencapai MAIC merentasi 30,391 Ha ladang kami, melepasi sasaran awal sebanyak 25,500 Ha.

Untuk meningkatkan kecekapan kos dan penggunaan kilang kami, pelan rasionalisasi telah dimulakan pada tahun 2021 yang menyasarkan dua kilang yang berprestasi di bawah kapasiti. Cadangan tersebut adalah untuk kilang terpilih yang memproses sepenuhnya tanaman bagi pihak ketiga dengan menarik minat pembekal melalui mekanisme harga yang dinamik. Ini membolehkan penggunaan yang lebih baik dan meningkatkan jualan produk sampingan bagi memperkukuh margin keuntungan. Perubahan radikal dalam proses kerja kami terbukti mencabar untuk dilaksanakan kerana perlu mendapat persetujuan peneroka. Walau bagaimanapun, kami berjaya memulakan inisiatif melalui penglibatan pengurusan dan taklimat bersama pihak Pengurusan FELDA dan peneroka. Satu pelan rasionalisasi telah dilaksanakan pada Julai 2021, dan satu lagi akan dimulakan pada 2022.

Dalam usaha berterusan bagi memanfaatkan sinergi, FGV kerap melakukan kerap terlibat dengan komuniti pekebun kecil untuk bekerjasama dan prihatin terhadap perkara berkaitan mereka. Kami komited mengukuhkan hubungan dengan semua pihak berkaitan dengan usaha kami untuk menjadi yang terbaik dalam pencapaian prestasi perniagaan tani dengan memberikan nilai tambah kepada pemegang berkepentingan.

Inisiatif Bahagian Kecemerlangan Operasi

- **Amalan terbaik & kaedah kerja -** kawalan proses kilang & keseimbangan bahan, peningkatan OER, sistem pelaporan elektronik, penuaian & pemindahan tanaman, e-Rekod Selang Penuaian (e-HIR), Bahagian Buruh, Bahagian Pendapatan
- **Penambahbaikan proses -** Sisih, Susun, Sapu, Seragam, Sentiasa Amal (5S), Kaizen, Inovasi & Kreatif (ICC), *Lean six sigma*, penyelenggaraan autonomi, *Total Productive Maintenance* (TPM)
- **Amalan & metodologi OE -** 5S, *Lean six sigma*, penyelenggaraan autonomi, Kualiti Berasaskan Tingkah Laku TPM
- **Behaviour Based Quality** - Titik Kawalan & Titik Kawalan Kritikal (CP&CCP), Program Kesihatan, Keselamatan dan Alam Sekitar, Program Kelestarian & Kebajikan

HILIRAN

Kekuatan Semasa

- **Peneraju pasaran** bagi segmen minyak masak menerusi jenama utama, Saji dengan bahagian pasaran minyak masak bertapis sebanyak **42% menjadikannya jenama FMCG ke-7 terpilih di Malaysia** berdasarkan Jejak Jenama Asia Kantar 2021
- **41% bahagian pasaran untuk pasaran marjerin Malaysia** melalui jenama **Seri Pelangi**
- Menawarkan pelbagai kategori rangkaian produk untuk keperluan dapur keperluan asas rumahtangga seperti minyak masak, beras, santan, krimer, marjerin
- **Akses terus kepada bekalan minyak sawit** Huluan
- Operasi terletak secara strategik di seluruh Malaysia dan Amerika Syarikat (US)

Bahagian Hiliran FGV terlibat dalam penapisan dan pembuatan produk makanan berasaskan sawit dan operasi oleokimia. Bahagian ini memainkan peranan penting dalam mempengaruhi rantaian nilai Kumpulan untuk menangani harga komoditi yang tidak menentu dan memperoleh margin yang lebih tinggi untuk produk tapisan.

Impak pandemik merentas spektrum rantaian bekalan merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh Bahagian Hiliran pada tahun tersebut. Disebabkan oleh Prosedur Operasi Standard (SOP) dan peraturan yang lebih ketat, kami mengalami penutupan pelabuhan, tempoh penghantaran yang lebih lama dan kelewatan logistik yang lain. Peningkatan kos pengangkutan akibat daripada cabaran ini menyebabkan penurunan permintaan eksport. Selain itu, pensijilan semula status RSPO yang akan berlaku telah menyekat jualan produk laurik dan biodiesel kami.

Margin hiliran bagi tahun 2021 telah tercabar kerana kenaikan harga MSM. Walau bagaimanapun, peningkatan permintaan dalam produk sampingan oleokimia seperti gliserin dan ester, bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat untuk detergen, produk pembersih dan sanitiser, mendorong kami ke arah prestasi yang membanggakan. Ia disertai dengan penjimatan kos lebih tinggi daripada unjuran sebanyak RM15.66 juta daripada kejayaan program Penghapusan Kerugian pada tahun 2021. Tambahan pula, dengan memanfaatkan lonjakan permintaan pengguna dan disokong oleh trend peningkatan aktiviti memasak di rumah semasa fasa sekatan sempadan dan pergerakan terhad. Hal ini membantu menebus kerugian dalam perniagaan segmen pasaran HORECA (Hotel/Restoran/Kafe) di mana perniagaan terjejas akibat penutupan yang berpanjangan.

Hal ini menyebabkan Bahagian Hiliran dapat mencapai PBZT yang membanggakan sebanyak RM105 juta untuk tahun tersebut walaupun dicabar oleh kos yang melambung tinggi.

Pencapaian utama lain adalah kejayaan pembangunan tujuh barisan produk baharu pada tahun 2021 yang merangkumi tiga formulasi pelet makanan haiwan baharu, olein IV tinggi, PMF, resipi lebih sihat bagi marjerin Adela dan marjerin pastri.

Kami juga berbangga menerima beberapa anugerah pada tahun ini yang mencerminkan budaya integriti dan kebertanggungjawaban yang semakin meningkat dalam kalangan tenaga kerja kami, disebabkan oleh penerapan nilai teras PRIDE FGV.

Kami sedar bahawa keperluan memenuhi kehendak pelanggan adalah kritikal untuk kejayaan di masa hadapan. Tumpuan yang lebih besar pada pengembangan produk sedang dalam perancangan sambil kami terus meneroka manfaat kesihatan berpatutan untuk produk makanan kami selaras dengan permintaan gaya hidup baharu bagi pilihan makanan lebih sihat. Walau bagaimanapun, kami akan memberi keutamaan kepada meningkatkan tanggungjawab memenuhi jangkaan kelestarian dan melibatkan diri dalam membuat keputusan industri bagi bertindak balas secara positif terhadap pendirian pasaran global seperti hasrat untuk menghentikan import minyak sawit dari Indonesia dan Malaysia secara berperingkat menjelang 2030. Dua inisiatif utama yang sedang dilaksanakan ketika ini adalah rantaian nilai bersih-sifar pelepasan GHG FGV dan Pemetaan Sisa.



PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN

Kekuatan Semasa

- Memiliki salah satu pusat **penyelidikan kelapa sawit terbesar** di rantau ini
- Menghasilkan Yangambi FGV ML161, iaitu biji benih cambah sawit yang **memenangi anugerah dengan penguasaan pasaran sebanyak 43% jualan** biji cambah Malaysia
- **Antara pengeluar baja termuka negara** dengan kapasiti pengeluaran tahunan sebanyak **700,00 MT**

Dengan cabaran yang dihadapi, bahagian FGV R&D memainkan peranan sebagai pusat dalam mengesyorkan penyelesaian inovatif untuk pertumbuhan berterusan dan berkembang apabila terdapat pelbagai cabaran.

Pengkomersialan bahan tanaman kelapa sawit premium dan baja telah menjadi sumber pendapatan yang penting. FGV Innovation Centre di Bandar Enstek, Negeri Sembilan, memberi tumpuan kepada pembangunan bahan tanaman kelapa sawit dan bahan tanaman lain yang bernilai tinggi melalui kultur tisu.

Perniagaan baja, yang ditubuhkan pada tahun 1975, telah berkembang menjadi antara pengeluar baja kompaun yang utama dan berdaya saing di rantau ini, dan mampu menghasilkan pelbagai rangkaian produk untuk memenuhi keperluan pelanggan. Pelanggan ditawarkan jenama baja terbaik serta formulasi khusus.

R&D memacu Projek Peningkatan Hasil BTS dan OER untuk Kumpulan FGV dan FELDA melalui teknologi mekanisasi dan pendigitalan dalam mencapai OER sebanyak 23% dan hasil BTS sebanyak 25 tan/Ha. Pencapaian Kilang Model di Maokil kini berada di landasan yang betul dan akan diaplikasi di semua kilang. R&D berfungsi untuk memodenkan perladangan dan kilang FGV melalui teknologi.

Usaha R&D sedang diperluas dalam bidang penyelidikan yang lestari seperti tenaga boleh diperbaharui; dan penyelidikan untuk meminimumkan kesan perubahan iklim melalui bahan tanaman dengan peningkatan toleransi kemarau, pengairan inovatif dan pelepasan baja secara perlahan. Selain itu, segmen ini menerajui kesediaan FGV untuk Revolusi Industri 4 (IR4.0) dengan mewujudkan penjejakan dan pemantauan produktiviti ladang menggunakan IoT, melaksanakan analisis Data Raya untuk unjuran hasil dan pengurusan rumpai melalui dron penyemburan udara.

Pada tahun 2021, kami telah membangunkan lima formulasi makanan untuk FGV Delima Oil Products. Selain formulasi makanan, R&D telah menjalankan penyelidikan pembangunan produk berasaskan Hampas Isirung Kelapa Sawit (PKE) untuk makanan haiwan dan formulasi baharu untuk meningkatkan pengeluaran tenusu.

Tinjauan Perniagaan Kumpulan
Perladangan

Apabila harga MSM meningkat, permintaan untuk bahan tanaman, baja dan racun tikus meningkat. Pada 2021, segmen R&D melaporkan peningkatan jumlah jualan keseluruhan benih dan anak benih masing-masing sebanyak 42% dan 30%. Trend yang sama telah dilihat dalam produk baja dan racun tikus kami apabila jumlah jualan meningkat masing-masing sebanyak 52% dan 3%.

Kami sedang mengambil langkah proaktif untuk mengekang kenaikan berterusan harga bahan mentah baja yang akan memberi kesan kepada keuntungan kami pada tahun akan datang. Salah satunya adalah untuk mula mendapatkan kuantiti bahan mentah yang mencukupi untuk keperluan 2022 bagi mengelakkan gangguan operasi, terutamanya sumber nitrogen dan potash.

Pencapaian Bahagian ini adalah termasuk penghasilan prototaip FGV Geotagger yang merupakan, penyelesaian untuk membantu aktiviti penanaman semula kelapa sawit dalam meningkatkan produktiviti melalui penanaman yang tepat. Mesin ini menyediakan kemudahan untuk membaris asas sebelum penebangan pokok kelapa sawit lama dan juga digunakan untuk penanaman kelapa sawit baru yang boleh memberi penjimatan kos sebanyak RM2 juta dan hasil tambahan sebanyak RM6 juta bagi kawasan penanaman semula seluas 15,000 Ha setahun.

Bahagian R&D juga mengeluarkan buku panduan pengurusan perosak untuk industri kelapa sawit bertajuk Musuh & Perosak Tanaman Kelapa Sawit. Buku ini menyediakan maklumat terperinci dengan gambar-gambar perosak seperti tikus, ulat bungkus dan serangga dalam panduan langkah demi langkah untuk pengurusan perosak yang mampan.

Projek-projek lain yang sedang dijalankan termasuk mempertingkatkan pengeluaran klon pokok - pokok bernilai tinggi dan bertumbuh pesat untuk mempelbagaikan perniagaan pengklonan FGV. Kami sedang menerokai tanaman lain seperti pelbagai jenis orkid vanila, nanas, buluh, nangka dan spesies tumbuhan berubi. Di samping itu, kami menjalankan pembaikan tanah untuk mengurangkan penggunaan baja bukan organik bagi kelapa sawit dengan menggunakan produk bio-baja.



PEMASARAN & PERDAGANGAN

Kekuatan Semasa

- **Pusat sehenti** untuk penjualan produk pukal, menyediakan perkhidmatan rantaian bekalan hujung ke hujung
- Menjual dan **memperdagangkan lebih dua juta MT** MSM setiap tahun
- Berpengalaman dalam menguruskan penghantaran ke pelabuhan tersenarai yang **meluas di seluruh dunia**
- Keupayaan pengangkutan darat untuk pembeli tempatan

Di Bahagian Pemasaran & Perdagangan, jualan dan perdagangan perniagaan minyak pukal FGV merupakan salah satu penyumbang hasil utama kepada Sektor Perladangan. Kami memberi tumpuan kepada sentiasa memupuk pasaran sedia ada yang telah lama wujud dan meneroka pasaran baharu untuk mempercepatkan pertumbuhan perniagaan.

Kami terdiri daripada Pedagang *(Traders)* yang berpengalaman dalam mengendalikan produk yang boleh dimakan dan tidak boleh dimakan. Kami mempunyai hubungan baik dengan pelbagai pemegang kepentingan dalam industri untuk menyediakan perkhidmatan yang cemerlang kepada pembeli, dan mempunyai akses kepada perkhidmatan khusus dalam fungsi rantaian bekalan Kumpulan. Kepakaran ini termasuk pembelian BTS, logistik dan operasi untuk pengangkutan darat dan penghantaran, aklumat kecerdasan pasaran dan juga pematuhan terhadap proses dan undang-undang. Kami memanfaatkan sinergi ini dalam rantaian bekalan dan operasi untuk memaksimumkan margin perdagangan dalam jualan dan perdagangan produk sawit dan laurik pukal kami.

Pada 2021, Bahagian ini menguruskan penjualan 2.8 juta MT MSM pukal dan Minyak Sawit Diproses (PPO) yang menyumbang 15% daripada pengeluaran negara. Margin dagangan yang lebih tinggi telah dicapai pada tahun tersebut hasil daripada strategi jualan dan perdagangan yang padu, dan pengurusan rantaian bekalan.

Fokus kami pada 2022 adalah untuk terus menyokong Bahagian Hiliran dengan membekalkan bahan mentah di pasaran destinasi. Ini bagi meningkatkan keuntungan di segmen minyak premium untuk MSM dan CPKO bagi RSPO daripada Imbangan Bahan (Mass Balance), Pensijilan Kelestarian dan Karbon Antarabangsa MSM *(CPO International Sustainability and Carbon Certification (MSM ISCC))*, dan olein IV yang tinggi serta PMF ketika kami menyasarkan untuk mencapai margin lebih tinggi untuk semua produk segmen.

GETAH

Kekuatan Semasa

- **50 tahun pengalaman** dalam perniagaan getah
- Salah satu pengeluar **Getah Piawaian Teknikal (TSR) terkemuka dengan lima kemudahan pemprosesan getah** dan **satu loji lateks pekat** di seluruh ASEAN
- **Pengeluar tunggal** produk Getah Mesra Alam di Malaysia

Pasaran Sektor Perladangan dan strategi penembusan produk bagi perniagaan minyak sawit juga boleh digunapakai untuk perniagaan getah FGV. Dengan gabungan kapasiti pengeluaran sebanyak 238,000 MT, ia sesuai dengan pelan jangka masa panjang Kumpulan untuk menjadi salah satu perniagaan tani bersepadu dan lestari terkemuka di dunia dengan kepelbagaian produk pengguna.

Perniagaan getah kami kini sedang mempelbagaikan pengeluaran bahan Getah Mesra Alam. Getah Mesra Alam ialah Getah Asli diubah suai yang mempunyai ciri-ciri yang boleh menggantikan Getah Sintetik untuk semua jenis tayar dan aplikasi kejuruteraan. Ini adalah selaras dengan cita-cita FGV untuk memajukan perniagaan mampan dan membantu mengurangkan penggunaan getah sintetik yang merupakan bahan berasaskan petroleum. Untuk meningkatkan perniagaan ini, kami sedang menyelidik dan membangunkan peningkatan kualiti produk.

TENAGA BOLEH DIPERBAHARUI

Kekuatan Semasa

- Satu-satunya **syarikat perladangan sawit** di dunia dengan 28 kilang biogas
- **Membangunkan projek biogas termampat berasaskan sawit** berskala komersial pertama di dunia dengan kerjasama MPOB di Kilang Sawit Sg Tengi

FGV adalah pengguna awal sistem ekonomi kitaran dan telah memulakan inisiatif tenaga boleh diperbaharui sejak awal tahun 2000. Bahagian Tenaga Boleh Diperbaharui adalah tulang belakang projek *Waste-to-Wealth* Kumpulan di mana biojisim (gas, pepejal, cecair) daripada kilang sawit digunakan untuk menghasilkan bahan api biojisim dan biogas untuk Feed-in-Tariff (FiT), sambungan grid tempatan dan luar bandar, dan bio-CNG.

Kami membekal dan memperdagangkan 14 jenis produk sampingan biojisim seperti Tempurung Isirung Sawit (PKS), minyak sawit enap cemar dan gentian Tandan Sawit Kosong (EFB) dicincang, yang menyumbang hasil tambahan kepada Kumpulan. Perniagaan Tenaga Boleh Diperbaharui memacu inisiatif Kumpulan dalam pengurangan pelepasan karbon melalui operasi 28 loji biogas, mengurangkan sehingga 117,246 MT pelepasan karbon pada 2021, selain menggunakan biogas untuk menjana kuasa FiT dan Projek Elektrifikasi Luar Bandar di lapan tapak yang terletak di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Kumpulan telah mengurangkan bersamaan lebih daripada 100,000 tan karbon dioksida (CO_2) melalui inisiatif kami seperti mengesan dan memusnahkan metana melalui kilang biogas dan bio-CNG kami, serta penggantian bahan api fosil (diesel).

Pada tahun 2022, kami akan meningkatkan sokongan kami terhadap agenda Kumpulan bagi mengurangkan jejak karbon. Oleh itu, kami sedang membina satu lagi loji FiT 2 Megawatt (MW) di Keratong 9, Pahang yang dijadualkan beroperasi pada suku kedua 2022. Sebaik sahaja siap, projek tersebut akan menambah satu lagi pencapaian kepada FGV dengan jumlah kapasiti kuasa 11.30 MW untuk Projek FiT dan Elektrifikasi Luar Bandar.

Tinjauan Perniagaan Kumpulan
Perladangan

MENGURANGKAN CABARAN TAHUN INI

Cabaran	Pelan Tindakan	Hasil
Pandemik COVID-19 mengakibatkan ketidakcekapan rantaian bekalan dan gangguan pengeluaran	• Mewujudkan pasukan petugas COVID-19 untuk memastikan pematuhan ketat SOP dan komunikasi berbilang saluran dengan pelanggan • Sentiasa mengikuti semua perkembangan berkaitan dengan penutupan, peraturan baharu, SOP baharu dan semakan konsisten terhadap primer kemudahan utama bagi memastikan kesediaan merentasi rantaian bekalan	Pada 31 Disember 2021, semua isu berkaitan COVID-19 dikendalikan mengikut arahan dan SOP Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak berkuasa lain yang berkaitan, dan ini telah meningkatkan keberkesanan dalam menguruskan penularan jangkitan selanjutnya dan kemungkinan masa henti pengeluaran yang berpanjangan serta gangguan perniagaan. Secara keseluruhan, 73 projek di bawah Bahagian Huluan telah ditutup (wajib & sukarela) berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan arahan KKM
Keadaan cuaca buruk memberi impak kepada tuaian	• Melaksanakan amalan dan teknik penanaman inovatif	Estet kami mengambil pendekatan segera ini untuk mengurangkan kesan buruk keadaan cuaca: • Cuaca kering: – Memperkukuh pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP) terutamanya semasa penanaman semula – Amalan Pemuliharaan Kelembapan • Cuaca lembap: – Susunan penuaian yang fleksibel untuk kawasan banjir – Estet mempraktikkan mengalihkan penuai ke kawasan tanah tahap tinggi yang tidak terjejas dan kembali ke kawasan terjejas selepas banjir surut – Pembinaan bund untuk tebatan banjir estet terpilih
Kekurangan migran dan buruh mahir	• Melaksanakan 3R (Rekrut, Kekal, Hantar Pulang) dan pengambilan pekerja tempatan • Meningkatkan usaha mekanisasi, pemulihan tanaman dipergiatkan dan mengikut GAP	• Sejak Disember 2020, FGV telah memacu pengambilan pekerja tempatan secara aktif di seluruh negara. Setakat Disember 2021, FGV telah menerima lebih 900 pertanyaan dari penduduk tempatan dan sesi temu duga sedang dijalankan dengan hampir 600 warga tempatan diambil bekerja setakat ini • Mengutamakan mobilisasi pekerja am untuk penuaian • Melatih penuai untuk menambah bilangan penuai mahir • Pengurusan mikro estet yang lebih berkesan, melaksanakan sistem penugasan & memastikan penuaian bulanan lengkap (= 2.5 pusingan sebulan) • Pelaksanaan sistem penuaian C1R2 (1 Pemotong, 2 Pembawa)

Cabaran	Pelan Tindakan	Hasil
Peningkatan harga dan kos bahan mentah	• Mengguna pakai strategi penempatan yang baik dalam perolehan bahan mentah • Memantau rapat pengurusan harga dan inventori bahan mentah untuk mengurangkan pendedahan risiko harga • Melaksanakan inisiatif penjimatan kos untuk meningkatkan margin • Tertumpu pada produk permintaan tinggi yang menyediakan pulangan lebih tinggi	• Lindung nilai dan perdagangan strategik untuk MSM bagi meningkatkan margin keuntungan, memastikan operasi lancar, dan menyampaikan bekalan mampan • Kawalan kos pemprosesan diperketatkan dengan faktor penggunaan maksimum kilang/loji, dan pengurusan kawalan inventori yang cekap untuk mengurangkan lonjakan harga bahan mentah • Penglibatan berterusan dengan pembekal tanaman luar telah menambah baik bekalan bahan mentah kepada kilang dan loji untuk operasi mampan • Bertindak balas terhadap perubahan tingkah laku pengguna dan kenaikan harga semasa pandemik dengan menawarkan pelbagai saiz pembungkusan untuk meningkatkan kemampuan di pasaran, dan dengan menceburi bidang produk pembungkusan pengguna lain seperti sos dan rempah ratus
Larangan oleh US CBP dan penggantungan RSPO yang berterusan menyebabkan sekatan jualan kepada pelanggan utama dan di pasaran destinasi	• Sentiasa membuat susulan ke atas penggantungan RSPO • Penerokaan pasaran baru dan penglibatan secara berterusan dengan pembuat keputusan industri • Memastikan pembeli dimaklumkan mengenai pelan tindakan FGV menangani penggantungan dan larangan untuk mengekalkan minat membeli mereka • Berpegang teguh kepada amalan buruh yang adil dan memperjuangkan hak asasi manusia	• Panel Aduan (CP) RSPO masih belum membuat keputusan. CP kini sedang mendapatkan pengesahan daripada Assurance Service International (ASI) mengenai laporan pengesahan audit berhubung pelaksanaan arahan CP, yang dikendalikan oleh juruaudit bebas yang dilantik oleh sekretariat RSPO • Penerokaan untuk pasaran baharu dengan memasuki kawasan Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) serta Asia Tenggara (SEA) telah pun bermula dan pada masa ini, sedang mengenal pasti kesesuaian bakal rakan kongsi dan pengedar • FGV memastikan pemegang kepentingan dimaklumkan melalui siaran akhbar berkala, taklimat penganalisis dan media setiap suku tahun, dan melalui komunikasi langsung yang memperincikan maklumat terkini mengenai penggantungan pensijilan RSPO dan CBP Amerika Syarikat (US) • FGV telah membangunkan program jangka panjang dan komprehensif bersama-sama dengan *Fair Labor Association* (FLA) untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menyelaraskan semula amalan buruh kepada piawaian antarabangsa dan memperjuangkan hak kakitangan kami. Kemajuan kami di bawah FLA adalah tertakluk kepada pengesahan mereka dan tersedia untuk orang ramai melalui laman web kami

Tinjauan Perniagaan Kumpulan
Perladangan

SOROTAN KELESTARIAN

97%

daripada kompleks kilang adalah diperakui mempunyai pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO). 45% daripada kompleks kilang adalah diperakui RSPO

Kepatuhan
pembekal BTS
kepada **Polisi Kemampanan Kumpulan FGV**

Mempelbagaikan produk
Getah Mesra Alam

Kumpulan pembekal BTS terbesar kami,
FELDA dan **FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd (FGVPM)**
juga diperakui **MSPO**

Melancarkan inisiatif
Kemas Kini Pendaftaran Pembekal BTS
sebagai pematuhan kepada keperluan RSPO dan FLA

Mengurangkan kertas fizikal
dengan lebih banyak penggunaan e-brosur berbanding katalog produk secara konvensional

Botol PET* minyak masak baharu
dengan **reka bentuk lebih ergonomik** mengutamakan kelestarian dan manfaat seperti **pengurangan kertas, plastik dan pelepasan karbon lebih rendah semasa pengangkutan**.

** Polyethylene terephthalate*

Memperkemas produk
(Adela, Mariana, Marina, Nadim dll) di bawah jenama Adela sebagai sebahagian daripada usaha untuk **mengurangkan pembaziran dan pencetakan pelbagai jenama barangan** (kurang cetakan dan pembaziran)

Pengagihan beg rezeki Ikhlas daripada Saji
kepada golongan yang memerlukan dan menyediakan barangan Saji ke lokasi bank makanan terpilih (Yayasan Food Bank Malaysia, Infak Corner, Insaf Malaysia)

Seruan Kongsi Rezeki Sesama Kita (Makanan Media Sosial)
melalui saluran Facebook Saji dan Seri Pelangi bagi mereka yang terlibat dalam perniagaan perkhidmatan makanan yang terjejas akibat PKP. **Inisiatif ini telah berjaya membantu 11 penyedia perkhidmatan makanan untuk mempromosikan dan memberi pendedahan** kepada perniagaan mereka melalui platform media sosial Saji dan Seri Pelangi

PROSPEK

Harga purata MSM dijangka berada antara RM4,000/MT hingga RM4,500/MT sepanjang tahun 2022.

Walau bagaimanapun, perlu diambil maklum bahawa harga MSM kekal tinggi pada suku pertama 2022. Hal ini sebahagiannya disebabkan oleh bekalan jangka pendek yang rendah disebabkan oleh kekurangan buruh, dan kebimbangan mengenai kelewatan penghantaran eksport minyak sawit ekoran polisi eksport baharu Indonesia.

Harga sawit yang lebih tinggi membawa kepada penyebaran yang lebih luas antara minyak sawit dan minyak gas disebabkan oleh harga minyak mentah yang lebih lemah. Premium minyak sawit berbanding minyak gas bukan sahaja menjejaskan pengadunan, tetapi turut mengancam mandat biodiesel.

Berdasarkan situasi pasaran ketika laporan ini dihasilkan, harga MSM dijangka berkurangan pada suku akhir 2022 dengan jangkaan pengeluaran bertambah baik dan penyambungan semula pengambilan pekerja asing. Sementara itu, Sektor Perladangan FGV akan terus menumpukan pada penambahbaikan dalam penuaian, pemulihan tanaman dan usaha penanaman semula untuk kekal membuahkan hasil jangka masa panjang.

Permintaan minyak sawit dan produk minyak sawit dijangka bertambah pada kapasiti yang lebih baik daripada 2021, berikutan gerakan pengambilan vaksin yang berjaya memberikan keyakinan lebih besar dalam membuka sempadan dan sektor perniagaan. Walau bagaimanapun, kami sedar bahawa pengimport mungkin mengehadkan pembelian mereka, dan sebarang penstrukturan semula import minyak sawit dan cukai eksport akan memberi kesan tambahan kepada tahap inventori negara pengeluar.

2022 STRATEGI

HULUAN

Estet

- 3R (Rekrut, Kekal, Hantar Pulang)
- Mempergiat pemulihan tanaman dan melaksanakan GAP
- Mempercepat penanaman semula
- Pengambilan semula *Mechanical Assisted Infield Collection* secara beransur-ansur
- Memaksimumkan penggunaan tanah melalui tanaman semasa fasa penanaman semula
- Berpegang teguh kepada amalan buruh yang adil dan memperjuangkan hak asasi manusia
- Pelan penggunaan baja mekanikal

Kilang

- Mempertingkatkan OER
- Mengkhususkan kilang memproses 100% BTS luar
- Pengoptimuman kos kilang
- Memperkukuh dan memodenkan proses kilang

PEMASARAN & PERDAGANGAN

- Meluaskan pasaran di destinasi melalui kerjasama dan perkongsian strategik
- Strategi jualan dan perdagangan yang agresif untuk tempatan dan eksport bagi memperoleh margin dagangan lebih tinggi
- Peningkatan kecekapan merentas rantaian bekalan FGV iaitu estet, kilang, kilang penapisan, logistik dan operasi
- Meningkatkan hubungan kerja dan perhubungan dengan pembekal BTS seperti pekebun kecil, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan peniaga untuk memastikan bekalan BTS berkualiti baik yang stabil

HILIRAN

- Perluasan pasaran eksport seperti Asia Tenggara, Asia dan Timur Tengah dan Afrika Utara
- Pengeluaran Pengganti Mentega Koko
- Pembangunan Produk Baharu
- Gliserin Premium Bertapis [Titik Kawalan Kritikal Analisis Bahaya (HACCP) & Amalan Pengilangan Baik (GMP) yang disahkan]
- Terokai platform produk berasaskan sayuran penuh
- Pengoptimuman Kos melalui program penghapusan kerugian
- Menaik taraf kapasiti loji biodiesel sebanyak 20%

PENYELIDIKAN & PEMBANGUNAN

- R&D untuk menyokong peningkatan hasil minyak sehektar di seluruh Kumpulan
- Pengurangan penggunaan dan kos baja bukan organik melalui bio-baja dan peningkatan kualiti tanah
- Pengurangan buruh di lapangan keseluruhan melalui mekanisasi dan pendigitalan
- Pemodenan kilang untuk meningkatkan kecekapan
- Menyokong portfolio pendapatan baharu
- Menghasilkan produk baharu untuk tanaman alternatif bernilai tinggi seperti buluh, nanas, saccha inchi dan articok
- Meningkatkan hasil melalui produk pertanian

GETAH

- Menjamin premium yang baik dan margin keuntungan yang tinggi
- Mengurangkan kos pemprosesan dan meningkatkan faktor penggunaan keseluruhan
- Mengurangkan penggunaan diesel
- Menambah baik dan menstabilkan operasi Getah Mesra Alam (Pengeluaran dan Kualiti)
- Bekerjasama dengan Kumpulan Syarikat FGV untuk menggunakan Getah Mesra Alam dan mempromosikan penggunaan getah
- Melantik ejen pemasaran di beberapa negara dan wilayah

Tinjauan Perniagaan Kumpulan

Gula

Gula terus menjadi komoditi teras dengan kepentingannya dalam pelbagai aplikasi makanan yang semakin berkembang. Ia membentuk asas penting bagi kepimpinan FGV dalam industri perniagaan tani. Pegangan saham kami dalam MSM dan jenama Gula Prai memperkukuh lagi kekuatan dan kedudukan kami melalui keuntungan kewangan yang teguh dan reputasi globalnya yang semakin meningkat.

MSM mengeluarkan, memasarkan dan menjual produk gula bertapis di bawah jenama utamanya, Gula Prai.

Perniagaan Gula kami di Malaysia adalah teras sebagai pengeluar gula bertapis utama negara untuk pasaran domestik dan eksport. Kami merupakan salah satu daripada pengeluar gula bertapis terbesar di dunia mengikut kapasiti.

Kami juga sedang mengembangkan pasaran eksport gula bertapis kami dan juga meneroka pasaran produk berkaitan gula bernilai tambah.

PRESTASI KEWANGAN

Perniagaan Gula melaporkan keuntungan sebanyak RM86 juta, setelah pulih daripada kerugian sebanyak RM35 juta pada TK2020. Keputusan perniagaan gula pada tahun sebelumnya turut terjejas oleh hapus kira dan kemerosotan nilai tanaman hasil berjumlah RM63 juta.

Hasil

RM2,260 juta

2020 : RM2,185 juta

P/(L)BZT*

RM86 juta

2020 : (RM35 juta)

** P/(L)BZT berbeza daripada yang dilaporkan di Kumpulan MSM kerana ini termasuk beberapa pelarasan di peringkat Kumpulan FGV*

Jumlah Import Gula Mentah (Juta MT)



Jumlah Pengeluaran Gula Bertapis (Juta MT)



Jumlah Jualan Eksport (Juta MT)



Jumlah Jualan Dalam Negeri (Juta MT)



Faktor Penggunaan (%)



RINGKASAN PRESTASI

Kekuatan Semasa

- **Salah satu pengeluar gula bertapis terbesar dalam industri gula global** dengan kapasiti pengeluaran 2.05 juta tan
- **Pengalaman lebih 57 tahun dalam pengeluaran gula bertapis**
- Memberi khidmat kepada lebih **260 pelanggan tempatan dan antarabangsa**
- MSM memegang **8% pasaran eksport** di rantau Asia Pasifik
- Jenama **Gula Prai menduduki tempat ke-3 sebagai jenama FMCG terpilih**[9]

Perniagaan Gula FGV di bawah MSM mencatatkan prestasi pemulihan pada TK2021 selepas pelaksanaan strategi untuk menyelaraskan sumber, melindungi kos secara proaktif, mengukuhkan perhubungan dengan pelanggan dan meningkatkan komitmen ESG. Dalam menghadapi tahun yang mencabar berikutan impak pandemik yang berpanjangan, tindakan proaktif dan responsif telah memimpin syarikat maju ke hadapan.

Peningkatan ketara dalam keuntungan bagi tahun tersebut diperoleh melalui keuntungan margin lebih kukuh yang disokong oleh pencapaian Harga Jualan Purata (ASP) gula bertapis lebih tinggi dan harga lindung nilai lebih rendah bagi gula mentah dalam persekitaran permintaan lemah yang berterusan.

Respons pantas kepada gangguan dan kelewatan operasi yang tidak dijangka telah memastikan kemajuan kukuh dalam beberapa aspek termasuk menambah baik penggunaan kapasiti kilang penapisan gula di Johor dan mengurangkan kerugian rosot nilai ke atas gula bertapis yang diimport.

Tahun ini juga menyaksikan beberapa kebimbangan pematuhan alam sekitar yang dibangkitkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berhubung pembuangan sisa kilang penapisan gula. Ini telah ditangani melalui penglibatan positif dengan pihak berkuasa dan komuniti terjejas, yang membawa kepada kerjasama afirmatif dengan JAS Pulau Pinang mengenai inisiatif hijau untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

Kemuncak bagi tahun ini termasuk mendapatkan kontrak bernilai anggaran RM290 juta untuk membekalkan gula bertapis kepada Syarikat Coca-Cola bagi pengeluaran domestik dan antarabangsa, memacu pengembangan perniagaan ke pasaran yang lebih luas di seluruh rantau ini. Pencapaian tersebut adalah bukti kebolehpercayaan, kualiti dan komitmen kami terhadap kemampanan merentas rantaian nilai penapisan gula. MSM juga telah menandatangani perjanjian pembekal gula mentah untuk sentiasa mendapatkan bekalan yang mampan.

[9] *Berdasarkan Jejak Jenama Asia Kantar 2021*

Dari kiri • Sanuri Saari – Ketua Operasi, Gudang Sungai Buloh • Cheah Poh Lye – Ketua Operasi, MSM Prai Berhad • Wan Anniza S.M. Jamaluddin – Ketua, Hal Ehwal Undang-Undang • Mohd Bakhtiar Mohd Pahroraji – Ketua, Sumber Manusia Kumpulan • Hasni Ahmad – Ketua Pegawai Operasi Kumpulan • Syed Feizal Syed Mohammad – Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan • Ab Aziz Ismail – Ketua Pegawai Kewangan • Ahmad Fer-Rouse Ahmad Khairuddin – Ketua, Tadbir Urus Korporat & Pengurusan Risiko • Abdul Hadi Karim – Ketua, Strategi Korporat & Perhubungan Pelabur • Muhammad Irfan Gobinath Abdullah – Ketua Operasi, MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd

Tinjauan Perniagaan Kumpulan
Gula

MENGURANGKAN CABARAN TAHUN INI

Cabaran	Pelan Tindakan	Hasil
Peningkatan kos gula mentah NY11 dan pengangkutan	Lindung nilai berhemat diamalkan untuk menjamin harga NY11 mengikut belanjawan. Dengan mendapatkan harga lindung nilai yang lebih rendah dan mengimbangi peningkatan kos ke atas sumber penting, perniagaan gula kami mencapai margin penapisan yang lebih baik untuk tahun ini	MSM berjaya melindung nilai sebahagian besar daripada keperluan borongnya pada TK2022 pada harga lebih rendah dari harga pasaran
Peningkatan kos gas asli	Kos gas asli ialah komponen utama kos penapisan sektor Gula FGV. Harga gas asli domestik dikaitkan dengan ketidaktentuan niaga hadapan Minyak Mentah Brent. MSM melindung nilai risiko ini dengan derivatif berkaitan Brent seperti kontrak pilihan dan akan datang	Risiko kenaikan harga tenaga dikurangkan dengan perlindungan berhemat pada kontrak derivatif berkaitan Brent
Margin dihimpit oleh kos yang lebih tinggi	Margin juga diperkukuh melalui pencapaian ASP lebih tinggi di pasaran domestik untuk mengimbangi kos pengeluaran yang lebih tinggi. Ia berlaku melalui rundingan industri dan menangani isu matriks harga dengan pelanggan termasuk menawarkan harga lebih rendah dengan tahap dagangan lebih tinggi	Hasil dan keuntungan mampan dicapai, memastikan keperluan operasi dipenuhi dan pembayaran dividen kepada pemegang saham
UF dan hasil dalam operasi Kilang Penapisan MSM Johor	Terdapat tumpuan yang dipergiatkan ke arah menambah baik penggunaan kapasiti MSM Johor Refinery Sdn Bhd (MSM Johor) untuk mengurangkan kos penapisan dan pengeluaran. Sasaran strategik telah ditetapkan untuk meningkatkan prestasi kewangan MSM Johor pada 2022 dengan rancangan untuk meningkatkan pengeluaran MSM Johor selepas proses *debottlenecking*	MSM Johor telah menetapkan sasaran strategik untuk meningkatkan prestasi keseluruhannya pada TK2022
COVID-19 menyebabkan gangguan operasi	Terdapat penutupan sementara kilang di MSM Prai Berhad (MSM Prai) disebabkan oleh peningkatan kes COVID-19. Untuk memastikan kemampanan bekalan gula dan sekuriti makanan, MSM berusaha untuk menguruskan proses vaksinasi secepat mungkin kepada pekerjanya di kilang penapisan dan meningkatkan tahap rizab gula bertapis melalui pengimportan	Bekalan gula domestik yang mampan dipastikan dengan tahap inventori gula bertapis yang mencukupi
Kekangan ruang gudang	Gudang penuh membawa kepada kelembapan dalam pengeluaran dan peningkatan kos operasi seunit. MSM sedang membina gudang tambahan dengan kapasiti simpanan 10,000 tan metrik gula bertapis di Johor dan sedang mempertimbangkan untuk menubuhkan sebuah pusat pengedaran di wilayah utara	Ruang penyimpanan yang luas untuk gula bertapis mengoptimumkan kos pengagihan dan penjimatan perbelanjaan sewa
Lesen alam sekitar untuk beroperasi	MSM telah mengambil usaha penglibatan proaktif dengan hasil berikut: • Program percubaan antara MSM Johor dan FGV Fertiliser Sdn Bhd untuk menjadikan sisa mendapan sebagai baja telah dimulakan pada Oktober 2021, dan potensi kerjasama dengan pihak ketiga serta komuniti penyelidikan untuk membekal dan mengkaji sisa mendapan sedang diterokai • MSM Prai menandatangani Sijil Kerjasama dengan JAS Pulau Pinang bagi melaksanakan inisiatif hijau dan memulihara alam sekitar pada 13 Oktober 2021	Hasil kejayaan usaha yang diambil: • Pada TK2021, JAS bersetuju dan meluluskan bahawa sisa mendapan yang dijana sebagai produk sampingan oleh kilang penapisan tidak lagi dikategorikan sebagai Sisa Terjadual, dan oleh itu boleh diterokai penggunaannya sebagai baja • Kerjasama dengan JAS Pulau Pinang dimulakan dengan menjayakan program penanaman semula bakau di tebing sungai Sungai Perai

SOROTAN KELESTARIAN

100%
pekerja Syarikat menandatangani **Ikrar Integriti**

Pemenang Tempat
Ke-3
dalam Pertandingan Sisa Elektronik

Program penanaman semula
Pokok Bakau

Sijil Kerjasama dengan JAS Pulau Pinang
melaksanakan inisiatif hijau dalam memelihara dan memulihara alam sekitar

Kempen **"Janji...Gula Peket Hijau"**
untuk menggalakkan perpaduan masyarakat

Pelancaran Program Prodigy
sebagai sebahagian daripada sumbangan untuk mengurangkan pengangguran

PROSPEK

Walaupun penggunaan gula Malaysia semakin pulih pasca pandemik, hala tuju perniagaan Gula FGV adalah untuk mengurangkan pergantungan kepada permintaan pasaran domestik dan melihat ke arah peningkatan kepelbagaian dan pasaran eksport. Pasaran eksport diramalkan berkembang sebanyak 150,000 MT memberikan peluang baik untuk meningkatkan keupayaan dan pengeluaran bagi melaksanakan pelan strategik bagi pertumbuhan yang lebih agresif dalam segmen Produk Tambah Nilai (VAP).

Cabaran yang akan datang ialah jangkaan peningkatan kos pengeluaran seperti harga gula mentah dan gas asli. Sebagai langkah awal, kami telah memperoleh sebahagian besar keperluan gula mentah untuk 2022 pada harga yang berpatutan. Langkah mitigasi lain termasuk lindung nilai strategik dan rundingan mengenai perjanjian dengan pihak pembekal.

Pada awal 2022, pencerobohan Rusia di Ukraine telah menyebabkan kejutan kepada bekalan tenaga global. Harga Minyak Mentah Brent telah melonjak ke paras tertinggi baharu dalam sejarah dan sebarang penurunan mungkin berlaku dalam jangka pertengahan. Sebagai mitigasi, syarikat telah memulakan lindung nilai derivatif berkaitan Brent.

Tinjauan Perniagaan Kumpulan
Gula

Peraturan-peraturan industri domestik negara adalah salah satu faktor yang perlu dipertimbangkan pada tahun akan datang. Memandangkan kenaikan kos operasi kami berhubung terus dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk menyemak harga siling untuk memastikan margin kami tidak terjejas apabila kos meningkat. Kami berhasrat untuk meningkatkan penglibatan dengan pelanggan kami mengenai isu ini. Pengenalan Cukai Gula pada 2019 dan Cukai Makmur ke atas syarikat yang membuat keuntungan adalah peraturan lain yang sedang kami pantau dengan berhati-hati untuk memastikan keuntungan kami tidak terjejas dengan ketara.

Ancaman varian COVID-19 baharu dan larangan pergerakan selanjutnya yang boleh menyebabkan gangguan operasi juga semakin meningkat, dan boleh menjejaskan prestasi pengeluaran. Berhubung perkara ini, kami secara aktif mencatatkan kemajuan yang baik dalam memastikan kadar vaksinasi tinggi di kalangan kakitangan MSM, pematuhan ketat kepada SOP di tempat kerja, dan langkah-langkah pembendungan berkesan bagi potensi penularan baharu bagi memastikan kesinambungan perniagaan.

STRATEGI 2022

PRESTASI PENGILANGAN LESTARI
- Sasaran untuk mengoptimumkan pengeluaran mengurangkan kos penapisan bagi setiap MT
- Penambahbaikan operasi dengan perunding pakar operasi
- Meningkatkan kebolehpercayaan proses dan ketersediaan pengeluaran

MENINGKATKAN KELESTARIAN OPERASI DENGAN GUNA TENAGA YANG LEBIH BAIK
- Meningkatkan pengurusan tenaga dan mengurangkan pelepasan karbon melalui solar dan penerokaan biojisim
- Pengauditan tenaga, perancangan dan pengoptimuman untuk mengurangkan jejak karbon dan kos tenaga
- Menerokai penjualan produk sampingan seperti sisa mendapan dan kalsium karbonat sebagai baja

MENINGKATKAN PRESTASI JUALAN
- Menumpukan kepada mengembangkan segmen VAP dengan harga jualan dan premium lebih tinggi
- Mengembangkan unit dagangan, dengan pembungkusan yang lebih kecil untuk pasaran runcit
- Program pengukuhan jenama berterusan

PENJIMATAN KOS JUALAN & AGIHAN
- Pengoptimuman aset dalaman MSM Logistics Sdn Bhd (MSM Logistics) dalam Lembah Klang
- Menggunakan keupayaan logistik pihak ketiga untuk kawasan luar
- Lokasi gudang strategik untuk mengoptimumkan perancangan permintaan dan bekalan
- Pengurusan Armada Pintar untuk menambah baik perancangan laluan dan produktiviti

MEMPERLUASKAN EKSPORT MELALUI PERKONGSIAN STRATEGIK
- Meneroka perkongsian strategik untuk mengukuhkan segmen eksport dan seterusnya memperoleh nilai sinergi

PENGURUSAN MODAL STRATEGIK
- Pembiayaan strategik dengan gabungan optimum pinjaman jangka pendek dan jangka panjang
- Meningkatkan peminjaman ASD untuk lindung nilai semula jadi sejajar dengan peningkatan jumlah terima ASD daripada eksport

TRANSFORMASI DIGITAL KE ARAH INDUSTRI 4.0
- Meningkatkan produktiviti dan mempercepatkan proses perniagaan
- Meningkatkan visualisasi data dan analitik bagi membuat keputusan yang lebih baik
- Melaksanakan sistem pintar IR4.0 antara lain dalam pembuatan, jualan dan logistik

Tinjauan Perniagaan Kumpulan

Logistik & Lain-lain

Kekuatan yang membezakan FGV dalam perniagaan tani adalah pada penyimpanan, logistik, teknologi maklumat dan komunikasi yang kukuh, selain perkhidmatan pelancongan yang membantu mengoptimumkan kecekapan, keselamatan dan kebolehpercayaan dalam menyampaikan produk ke dalam rantaian bekalan. Perkhidmatan oleh pelbagai anak syarikat ini dikategorikan di bawah Sektor LO.

Sepanjang tahun kewangan, Sektor LO telah mengubah fokus perniagaan secara strategik ke arah meningkatkan kekuatan dan berkembang sebagai pemain yang lebih berdaya saing dan bersepadu untuk memberi khidmat kepada pasaran yang lebih luas. Penambahbaikan perniagaan dan operasi dipertingkatkan apabila Sektor ini memberi tumpuan kepada memaksimumkan peluang perniagaan tani dalam gula, baja dan produk tenusu serta membuka peluang pasaran luar. Ini membawa kepada jumlah produk tambah nilai lebih tinggi yang menyumbang kepada pertumbuhan hasil tahun tersebut dengan ketara. Perniagaan baharu diwujudkan bagi menampung permintaan yang semakin meningkat terhadap tenaga boleh diperbaharui, rantaian sejuk, khidmat luaran Teknologi Maklumat (IT) untuk Minyak & Gas (O&G), dan e-dagang runcit.

Di bawah Sektor LO, perniagaan pengangkutan kami memainkan peranan penting dalam mencapai matlamat Kumpulan untuk menjadi penyedia penyelesaian logistik yang lengkap di Malaysia, sebagai pengangkut produk sawit terbesar di negara ini.

Tinjauan Perniagaan Kumpulan
Logistik & Lain-lain

PRESTASI KEWANGAN

Sektor LO mencatatkan peningkatan keuntungan sebanyak 79% kepada RM90.35 juta daripada keuntungan RM50.49 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Keuntungan daripada Bahagian Logistik meningkat sebanyak 18% disebabkan oleh purata kadar pengendalian dan pendapatan lain yang lebih tinggi manakala Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT) dan Lain-lain mencatatkan peningkatan yang disokong oleh perbelanjaan lebih rendah yang ditanggung dalam perniagaan IT dan mengurangkan perbelanjaan pemasaran dalam perniagaan pelancongan disebabkan sekatan perjalanan antara negeri dan penutupan sempadan negara di bawah PKP.

Simpanan Pukal

Hasil	PBZT
RM210* juta	**RM80 juta**
2020 : RM201 juta	2020 : RM73 juta

Pengangkutan

Hasil	PBZT
RM245* juta	**RM11 juta**
2020 : RM229 juta	2020 : RM4 juta

** Hasil Simpanan Pukal dan pengangkutan termasuk kedua-dua hasil luaran dan dalaman*

Berdiri: (dari kiri) • Abdul Halim Ab Wahid – Pengurus Besar Kanan (Projek Khas) • Omar Affan – Ketua, Strategi & Pembangunan Perniagaan • Kamaradin Selamat – Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Syarikat FGVJB • Rahmat Mohamed – Ketua, Sumber Manusia • Amirul Hadi – Ketua Pegawai Eksekutif, Felda Travel Sdn Bhd

Duduk: (dari kiri) • Jainal Ismail – Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Transport Services Sdn Bhd • Azman Ahmad – Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor LO • Ali Mustafa – Ketua Pegawai Eksekutif, FGV Prodata

RINGKASAN PRESTASI MENGIKUT BAHAGIAN

PUKAL & STORAN

Kekuatan Pasaran Semasa

- **Salah satu kemudahan penyimpanan terbesar** dan **termoden di dunia** untuk minyak sayuran dan kargo kering dengan jumlah kapasiti lebih 1 juta MT
- **13 terminal** di seluruh Malaysia, Indonesia dan Pakistan
- Lebih **45 tahun kepakaran** dalam operasi penyimpanan
- **Lokasi strategik** di pelabuhan-pelabuhan utama di Malaysia
- **BURSA telah meluluskan Pemasangan Tangki Pelabuhan di Pasir Gudang dan Pelabuhan Klang untuk MSM & CPKO** dan mengembangkan perdagangan masa hadapan bagi MSM di Lahad Datu, Sabah pada Oktober 2021

Pada tahun 2021, FGV mengukuhkan kekuatan Simpanan Pukal dan penyimpanan kami dengan mengembangkan lagi aset penyimpanan dalam Kumpulan FGV Johor Bulkers (Kumpulan FGVJB). Pemasangan 10 tangki baharu di Langsat Bulkers, Johor kini menyumbang tambahan 16,200 MT kepada kapasiti simpanan cecair kami. Selain itu, kami telah menambah gudang di Kuantan yang menawarkan kapasiti penyimpanan 20,000 MT. Tahun ini juga mencatatkan pencapaian truput oleokimia tertinggi yang dikendalikan pada 0.95 juta MT. Hal ini telah membuktikan bahawa kami bersedia untuk menarik kepelbagaian peluang daripada industri lain dalam mengembangkan potensi perniagaan kami.

Perancangan sedang dilakukan untuk pengembangan perniagaan tempatan dan antarabangsa. Ia akan meliputi pelabuhan-pelabuhan di seluruh Malaysia seperti Pasir Gudang dan Tanjung Langsat di Johor, Pelabuhan Klang di Selangor dan Lahad Datu di Sabah. Kami menyasarkan untuk mengembangkan lagi kehadiran perniagaan kami di peringkat antarabangsa pada tahun hadapan.

Penubuhan Bahagian Tenaga Boleh Diperbaharui yang memberi tumpuan kepada PKS, Efluen Kilang Sawit (POME) dan Minyak Masak Terpakai (UCO) mengoptimumkan lagi sumber semasa dan potensi perniagaan.

Jumlah pengeluaran pada 2021 menurun sebanyak 0.1% kepada 8.21 juta MT berbanding TK2020 disebabkan permintaan yang lebih rendah daripada pelanggan. Kadar penggunaan tangki simpanan kekal mendatar mengikut jumlah pengeluaran.

Jumlah Storan
(Juta MT)



Kapasiti Simpanan Pukal/ Penyimpanan
(Juta MT)



Kadar Penggunaan Tangki Penyimpanan
(Masa)



* *Jumlah, kapasiti dan kadar dalam carta di atas meliputi Kumpulan FGVJB sahaja*

FGV ialah salah satu penyedia kemudahan penyimpanan terbesar dan tercanggih di dunia untuk minyak sayuran.

Tinjauan Perniagaan Kumpulan
Logistik & Lain-lain

PENGANGKUTAN

Kekuatan Pasaran Semasa

- **Lebih 47 tahun beroperasi**, dan dilengkapi dengan **549 unit** kenderaan daripada pelbagai jenis
- Melabur dalam peningkatan perkakasan dan perisian dengan **teknologi nilai tambah**
- **Pengkhususan dalam logistik Projek Kargo** dengan lesen Operator Pengangkutan Multimodal (MTO), lesen penghantaran dan lesen khas oleh Tabung Haji untuk mengendalikan bagasi haji untuk jemaah

Perniagaan pengangkutan kami, iaitu FGV Transport Services Sdn Bhd menjadi penyedia penyelesaian logistik lengkap di Malaysia, merupakan pengangkut produk sawit terbesar di negara ini dengan pertumbuhan armada trak tangki cecair, trak kargo dan trak tirai tepi, di mana perkhidmatan ini adalah penting dalam mencapai matlamat Kumpulan kami. Pada tahun 2021, kemajuan telah dibuat untuk melangkaui kecekapan yang sedia ada termasuklah memberi perkhidmatan kepada perniagaan dalaman bagi penyelesaian perniagaan bersepadu baharu untuk memenuhi keperluan pelanggan yang lebih luas. Ini termasuk menembusi industri O&G dan menceburi perkhidmatan pengangkutan rantaian sejuk.

Permulaan perkhidmatan pengangkutan rantaian sejuk yang melibatkan penggunaan 10 trak rangkaian sejuk telah dilancarkan pada September 2021 untuk berkhidmat di pasaran FMCG.

Pencapaian-pencapaian lain dalam mengembangkan lagi daya maju komersial perniagaan kami termasuk dilantik sebagai salah satu penyedia perkhidmatan khidmat masuk logistik dan pengangkutan darat untuk Padiberas Nasional Berhad (BERNAS), mengendalikan penghantaran barang ke Malaysia Timur untuk MSM Johor dan memenangi kontrak selama tiga tahun sebagai pembekal logistik untuk penghantaran Getah Piawai Malaysia (SMR)/*Shrinkwrap* bagi MARDEC Procession Sdn Bhd (MARDEC).

Isipadu Pengangkutan
(Juta MT)



Jumlah pengangkutan pada TK2021 menurun sedikit sebanyak 0.1% kepada 5.71 juta MT berbanding TK2020 disebabkan pengeluaran MSM dan Isirung Sawit (PK) yang lebih rendah.

TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Kekuatan Pasaran Semasa

- **Rekod prestasi yang baik dalam mengendalikan perkhidmatan IT** secara menyeluruh atau jumlah penyumberan luar IT
- **Rakan Kongsi berstatus Emas dan Penjual Nilai Tambahan kepada SAP**
- **Peneraju kepada proses dan kepakaran di dalam industri tempatan** untuk sektor perladangan berskala besar
- **Memiliki lebih 100 hak Harta Intelek (IP) dan tujuh IP yang dipatenkan**

Melalui cabang ICT kami, FGV Prodata Systems, telah berjaya dalam penjenamaan sebagai penyepadu sistem dan penyedia penyelesaian terkemuka Malaysia, serta mengukuhkan kedudukan kami di pelbagai kementerian, agensi Kerajaan, GLC, sektor kewangan, sektor pendidikan, O&G, pertahanan dan sektor lain sejak 1995. Kami menyediakan kepakaran dalam menyediakan penyelesaian ICT yang menyeluruh yang dilengkapi dengan sistem yang cekap dan padu untuk memenuhi keperluan pelanggan.

Dalam mengekalkan momentum kami untuk bersaing dengan kemajuan ICT yang bergerak pantas, beberapa langkah penting telah dibuat pada tahun 2021 dengan memanfaatkan permintaan yang semakin meningkat untuk penyelesaian digital. Sistem Pengurusan Gudang (WMS) kami telah disempurnakan dan diguna pakai pada Jun 2021, dan Penyelesaian Pengurusan Perladangan Pintar (SPMS) 2.0 telah digunakan dengan mengaplikasi teknologi dron bagi meningkatkan proses pengumpulan dan pemantauan data perladangan FELDA.

Sebagai sebahagian daripada hala tuju FGV ke arah mengembangkan lagi pelanggan luaran, kami menembusi Sektor O&G melalui kontrak Penyelenggaraan Infra & Sistem Telekomunikasi (TISM) yang dianugerahkan oleh Petronas Refinery & Petrochemical Corporation (PRPC); serta kontrak Pemasangan Infrastruktur Meter Termaju (AMI) Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Bagi memanfaatkan ICT sebagai pemangkin pertumbuhan, kami juga sedang membangunkan penyelesaian perniagaan baharu seperti *Software-as-a-Service* (SaaS) kepada pelanggan dalaman dan luaran. Pelan pengembangan sedang dalam perancangan dengan cadangan penubuhan anak syarikat ICT khusus menumpukan kepada industri telekomunikasi dan pertahanan.

PELANCONGAN

Kekuatan Pasaran Semasa

- Agensi pelancongan yang disokong oleh **salah satu syarikat perladangan terbesar** di Malaysia
- **Pasukan perunding pelancongan yang berpengalaman**
- **Ejen Persatuan Pengangkutan Udara Antarabangsa (IATA) yang lengkap**

Tahun ini merupakan tahun yang mencabar bagi industri pelancongan berikutan kesan berterusan COVID-19 kepada sektor pelancongan di Malaysia. Walau bagaimanapun, di dalam ketidaktentuan ini, pengunaan e-dagang telah menjadi pemangkin kepada pertumbuhan aktiviti di platfom KedaiFGV dan berfungsi sebagai pusat setempat bagi pembelian barang keluaran FGV.

Memandangkan terdapat peluang untuk pelancongan domestik dan antarabangsa serta potensi kelonggaran SOP berkaitan COVID-19 untuk Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE), kami ingin memanfaatkan kedudukan kami sebagai salah satu agensi pelancongan Bumiputera terkemuka serta salah satu penyedia perkhidmatan Umrah dan Haji pilihan di negara ini. Kami juga adalah penyedia penyelesaian perjalanan untuk pekerja di bawah industri perladangan.

MENGURANGKAN CABARAN TAHUN INI

Cabaran	Pelan Tindakan	Hasil
Pengangkutan • Penembusan Pasaran yang perlahan dalam O&G kerana had keupayaan dan pergantungan pada rakan kongsi • Kebergantungan tinggi kepada perniagaan dalaman dan perniagaan pengangkutan pedalaman	• Mencipta peluang bagi perkhidmatan baharu seperti pengangkutan rantai sejuk, logistik pihak ketiga (3PL), logistik kontrak, pengangkutan, e-dagang dan pengurusan rekod. Dengan peningkatan kapasiti dan keupayaan, kami kini boleh mengembangkan dan mempelbagaikan jangkauan pasaran, rangkaian produk, perkhidmatan dan pangkalan pelanggan • Memperluas perkhidmatan untuk membawa produk FMCG dan barangan pengguna untuk Sektor O&G, MSM, Produk Minyak Delima, F&N Coca-Cola, BERNAS dan Petronas Chemical Malaysia • Meneroka pasaran baharu di wilayah selatan untuk perniagaan POME seperti Pasir Gudang Edible Oil (PGEO), Vance Bioenergy Sdn Bhd, dan Kuala Lumpur Kepong Berhad (KLK)	• Mendapat kontrak daripada MARDEC, Sinergi, BERNAS, Narsco, MSM dan Felcra • Pengangkutan - Merancang untuk membeli 15 penggerak utama, tiga pemuat tepi dan rangka treler, dan sedang mendapatkan permit daripada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) • Perkhidmatan rantaian pengangkutan sejuk - Memulakan operasi dengan 10 unit trak secara pajakan • 3PL - Mendapat kontrak untuk menghantar alat ganti MAN • Memperluaskan pasaran O&G melalui pengangkutan darat • Dilantik sebagai pengangkut ad-hoc untuk Coca-Cola Bottlers Malaysia Sdn Bhd
Simpanan Pukal • Kekurangan representasi di pelabuhan antarabangsa/hab • Peralihan pasaran kepada kontena simpanan pukal • Persaingan daripada terminal/pelabuhan lain mengurangkan bahagian pasaran (iaitu kemudahan kapal berlabuh lebih baik atau draf yang dalam) • Kilang penapisan diberikan akses terus ke jeti dan pengurangan kebergantungan pada terminal bebas • Kenaikan tarif gas asli	• Plan berterusan untuk meningkatkan representasi perniagaan di tempatan dan luar negara • Kerjasama dengan rakan kongsi yang kukuh untuk meluaskan pasaran • Usaha berterusan untuk kerjasama dengan operator pelabuhan iaitu Pelabuhan Tanjung Langsat dan Johor Port Berhad untuk mendapatkan keutamaan dan memudahkan Kumpulan FGVJB • Menambah baik kemudahan dan perkhidmatan untuk membina keyakinan pelanggan terhadap penyelesaian storan kami • Menyediakan pakej yang bersesuaian, membolehkan pengambilan konsainan besar dan memberikan kadar kompetitif untuk mengukuhkan pangkalan pelanggan (kekalkan pelanggan sedia ada dan menarik pelanggan baharu) • Melaksanakan kos program kawalan yang berkesan untuk kos berubah (bahan api, pembaikan & penyelenggaraan, elektrik, air, lebih masa)	• Memulakan portfolio perniagaan tenaga boleh diperbaharui di Langsat Bulkers mengenai pengendalian POME dan pengendalian Minyak Sisa, termasuk UCO • Kerjasama dalam penerokaan perniagaan bersama pemain utama minyak sawit untuk kedua-dua projek tempatan dan luar negara di terminal penyimpanan pukal dan gudang • Menambah kapasiti gudang ke 15,000 MT, untuk menampung permintaan tambahan daripada pelanggan di FGV Grains Terminal • Mengembangkan Pemasangan Tangki Pelabuhan Bursa di Pemasangan Simpanan Pukal Lahad Datu (LDBI) pada Oktober 2021. Menaik taraf kemudahan simpanan pukal di LDBI untuk memastikan aktiviti operasi tidak terganggu dan cekap • Kumpulan FGVJB empat saluran baharu eksport yang tahan karat ke Dermaga No 2 untuk mengendalikan produk premium dengan cekap

Tinjauan Perniagaan Kumpulan
Logistik & Lain-lain

Cabaran	Pelan Tindakan	Hasil
		• Penggantian saluran paip di Terminal Pukal Kuantan (KBI) Kuantan • Peningkatan pendapatan daripada pelanggan luar • Mengendalikan enam pelanggan baharu dengan jumlah pengeluaran sebanyak 237,000 MT • Melepasi lebih daripada 80% tinjauan kepuasan pelanggan selama tujuh tahun berturut-turut • Berjaya mengurangkan kos berubah
ICT • Trend teknologi cepat berubah • Cabaran oleh pesaing tempatan dan pemain global • Kemampuan R&D terhad	• Kerjasama strategik dan pintar dengan syarikat terpilih atau Institusi Pengajian Tinggi • Mentranformasikan syarikat kami daripada Penyepadu Perisian (SI) ke Pemain Teknologi dengan mengubah dan mengkomersialkan IP hak milik kami sebagai SaaS on Cloud. • Menubuhkan Pusat Makmal Inovasi untuk R&D tentang Teknologi serta mencari dana penyelidikan/geran bagi teknologi baharu	• Menubuhkan Unit Kerjasama & Perkongsian Perniagaan Prodata untuk merangsang potensi kerjasama strategik dan pintar. Unit ini sedang memuktamadkan perkongsian utama yang melibatkan: – Perkongsian bagi Jualan & Pemasaran – Kerjasama universiti untuk R&D dan Perancangan Sumber • Memberi tumpuan kepada IP Prodata yang boleh dikomersialkan seperti: – WMS – Sistem Pengurusan Logistik Bersepadu (ILDS) • Menjelang tahun 2022, Prodata menyasarkan untuk memasarkan produk Perisian sebagai Perkhidmatan (SaaS) kepada pihak umum. Antara produk perintis ialah: – Peralatan Prestasi Pengurusan Projek – Sistem Meja Perkhidmatan Profesional • Prodata telah menubuhkan Pusat Makmal Inovasinya di bawah Unit Pengurusan Strategi & Teknologi. Unit ini secara aktif mengkomersialkan IP, membangunkan produk Perisian sebagai Perkhidmatan (SaaS), dan mengadakan kerjasama strategik untuk dana/geran penyelidikan baharu
Pelancongan • Permintaan yang berkurangan untuk pelancongan berikutan perintah kawalan pergerakan • Pergantungan yang tinggi kepada perniagaan dalaman • Pasaran yang kompetitif untuk Umrah	• Fokus untuk mengembangkan KedaiFGv dan platform e-dagang yang merupakan perniagaan yang bukan berasaskan pelancongan • Mengambil bahagian dalam tender dan menawarkan perkhidmatan kepada pelanggan korporat baharu untuk urusan tiket • Menawarkan pakej Umrah yang menarik • Menubuhkan sistem ejen untuk mengukuhkan tenaga jualan kami	• Jualan untuk KedaiFGV meningkat 15 kali ganda pada TK2021 • Berjaya membuka akaun korporat baharu untuk perniagaan tiket. Pelanggan baharu adalah seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) • Berjaya merekrut 70 ejen baru dari seluruh Malaysia untuk fokus pada jualan Umrah

SOROTAN KELESTARIAN

Operasi pengangkutan kami komited bagi meningkatkan kecekapan tenaga dan pengurangan karbon. Antara program yang sedia ada adalah:

Pengoptimuman Laluan
untuk trak FGV bagi **mengurangkan jarak perbatuan**

Kawalan Automatik (CAN-Bus)
untuk kenderaan berat ke arah **pengurangan pelepasan**

Pendigitalan melalui
***e-Delivery Order* (eDO)**
dan **kad Smart Fuel**
untuk kemudahan pengisian minyak di mana-mana stesen minyak

Kawal Selia Dalaman dan Piawaian Penyelenggaraan ke arah kecekapan operasi yang optimum dan memacu kenderaan berenjin Euro-5 untuk pelepasan yang lebih bersih

PROSPEK

Tahun 2022 diramalkan menjadi tahun bulis dengan jangkaan permintaan tinggi terhadap minyak sayuran, oleokimia, biodiesel dan sisa minyak.

Pengangkutan dan simpanan pukal menjangkakan peluang pasaran yang berkembang pesat. Sektor LO memberi tumpuan kepada penambahbaikan dalaman di samping kekal bersedia untuk meningkatkan pasaran luar dengan mengembangkan keupayaan dan kapasiti melalui pengembangan, pengambilalihan dan pelaburan.

Langkah kawalan kos yang dipertingkatkan ke atas kos berubah, utiliti dan perbelanjaan serta inisiatif pengurangan kerugian akan diteruskan merentasi semua perniagaan dalam Sektor ini. Kami juga menyasarkan untuk mengembangkan jumlah kendalian melalui peluang perniagaan dalaman gula, pertanian bersepadu dan produk tenusu.

Peningkatan keupayaan sedang dalam perancangan kerana perniagaan Pengangkutan sedang berusaha menambah aset pengangkutan bagi mengembangkan perkhidmatan kami. Di operasi penyimpanan pukal, kepelbagaian pengendalian produk sedang dirancang, serta keupayaan di dalam pengendalian produk premium seperti oleokimia dan biodiesel sedang ditingkatkan. Ini akan disertakan dengan tawaran pakej yang lebih kompetitif kepada pemain pasaran.

Bagi perniagaan ICT, kami berusaha untuk memanfaatkan pendapatan mampan daripada projek jangka panjang sambil turut bersaing secara lebih agresif untuk projek pengurusan IT dan pembekal perkhidmatan baharu dalam industri pertahanan, telekomunikasi dan O&G. Kepelbagaian perniagaan untuk mengkomersialkan IP, platform e-dagang Halal dan R&D melalui penubuhan pusat makmal inovasi untuk teknologi, serta kerjasama pintar dengan institusi pengajian tinggi, juga sedang dalam perancangan.

Memandangkan pemulihan dijangka beransur-ansur, kami akan mengambil peluang dalam segmen pelancongan untuk mengukuhkan pemerolehan strategik bagi akaun pelanggan tiket melalui rakan kongsi korporat yang sedia ada meningkatkan rangkaian kumpulan dalaman serta memanfaatkan kekuatan dalam segmen terpilih untuk menjana pakej dan perkhidmatan pelancongan yang kompetitif. Kami melihat peluang untuk menjadi pemain utama MICE, pakej domestik santai dengan kerjasama FELDA Residences dan Kumpulan Lexis mempromosikan produk Umrah dan Haji serta pakej pelancongan.

STRATEGI 2022

SIMPANAN PUKAL

- Peningkatan dalam pengendalian produk premium seperti oleokimia dan biodiesel
- Menubuhkan dan mengembangkan Bahagian Tenaga Boleh Diperbaharui yang memberi tumpuan kepada PKS, sisa minyak dan POME dengan bekerjasama dengan pemain lain untuk mengembangkan portfolio perniagaan
- Penambahan kapasiti gudang sebanyak 15,000 MT untuk memenuhi permintaan penyimpanan
- Menerokai peluang perniagaan untuk terminal cecair dan kargo kering di Wilayah Tengah (Pelabuhan Klang)

PENGANGKUTAN

- Mencari peluang perniagaan untuk mengoptimasikan pengangkutan darat
- Memaksimumkan Perniagaan Dalaman untuk BTS, gula, pertanian bersepadu & produk tenusu
- Menambah pelanggan luar untuk Pengangkutan Dalam Negeri, MTO, O&G, Kurier & pergudangan 3PL
- Menubuhkan perniagaan pengangkutan sendiri untuk menyokong Multimodal Transport Operator-Lembaga Peperiksaan Malaysia (MTO-LPM) dan syarikat perkhidmatan dalam Kumpulan FGV

TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

- Menembusi industri Teknologi dan Pertahanan sebagai aliran pendapatan luaran
- Mengkomersialkan produk dan penyelesaian dalaman seperti WMS dan ILDS sebagai IPs untuk pemasaran luaran
- Memacu R&D dengan mewujudkan pusat makmal inovasi untuk teknologi dan menjalankan kerjasama pintar dengan institusi pengajian tinggi
- Mendapatkan pendapatan mampan daripada projek jangka panjang

PELANCONGAN

- Memperoleh akaun pelanggan yang strategik
- Memulakan program gandingan korporat dengan Kumpulan FGV dan anak-anak syarikat FELDA
- Meningkatkan jualan KedaiFGV melalui pengembangan pasaran dalam talian dan luar talian
- Memperbaiki pakej Umrah dan Haji serta perkhidmatan tambahan
- Memanfaatkan kekuatan sedia ada dalam segmen terpilih untuk menjana produk berdaya saing

SEKSYEN 4

Tentang Tadbir Urus Kami

84 Sekilas Pandang - Lembaga Pengarah

86 Profil Lembaga Pengarah

94 Sekilas Pandang - Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

95 Profil Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

103 Penyata Tadbir Urus Korporat

140 Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

FGV percaya bahawa tadbir urus korporat yang efektif adalah kritikal dalam penyampaian strategi dan penciptaan nilai lestari jangka panjang untuk pihak kepentingan kami. Sebagai sebuah syarikat tersenarai awam di dalam persekitaran korporat yang pantas berubah, kami komited dalam mematuhi amalan-amalan tadbir urus korporat tanpa kompromi serta membangunkan budaya integriti dan akauntabiliti di seluruh operasi kami.



Lembaga Pengarah

Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi
Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

Dato' Amiruddin Abdul Satar
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

Dato' Shahrol Anuwar Sarman
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

Dato' Dzulkifli Abd Wahab
Pengerusi
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad
Pengarah Kanan Bebas
Bukan Eksekutif

Kasmuri Sukardi
Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin
Pengarah Bebas
Bukan Eksekutif

Datuk Yatimah Sarjiman
Pengarah Bukan Bebas
Bukan Eksekutif

Sekilas Pandang

Lembaga Pengarah

KESEIMBANGAN DAN KOMPOSISI



- Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
- Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

KEPELBAGAIAN JANTINA



- Lelaki
- Wanita

TEMPOH PERKHIDMATAN



- Kurang 1 tahun
- 1-2 tahun
- 2-3 tahun

KEPELBAGAIAN USIA



- 40-49 tahun
- 50-59 tahun
- 60-69 tahun
- 70 tahun ke atas

KEMAHIRAN DAN PENGALAMAN

71%	Pengalaman dan Pengetahuan Industri Khusus
71%	Akumen Kewangan (Kewangan/Perakaunan/Percukaian/IFRS/MFRS)
86%	Pemikiran Strategik, Perancangan dan Komunikasi
71%	Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman
43%	Dasar dan Peraturan Awam
100%	Tadbir Urus Korporat
100%	Pengetahuan Korporat
14%	Perundangan
57%	Penggabungan & Pengambilalihan serta Pengalaman Korporat Global
71%	Kelestarian dan Persekitaran

LEMBAGA PENGARAH

PENGARAH BUKAN BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

WAKIL PEMEGANG SAHAM KHAS FGV

Dato' Dzulkifli Abd Wahab
Dilantik sebagai Pengerusi pada 1 April 2021
Menghadiri 9 daripada 9 mesyuarat Lembaga Pengarah

Dato' Shahrol Anuwar Sarman
Dilantik pada 17 November 2020
Menghadiri 13 daripada 14 mesyuarat Lembaga Pengarah

Datuk Yatimah Sarjiman
Dilantik pada 8 April 2022

Datuk Wira Azhar Abdul Hamid
Dilantik sebagai Pengerusi pada 8 September 2017
Meletak Jawatan pada 1 April 2021
Menghadiri 4 daripada 5 mesyuarat Lembaga Pengarah

Datuk Dr Zunika Mohamed
Dilantik pada 10 Februari 2020
Meletak jawatan pada 11 Mac 2022
Menghadiri 12 daripada 14 mesyuarat Lembaga Pengarah

WAKIL PEMEGANG SAHAM UTAMA FGV

Dato' Amiruddin Abdul Satar
Dilantik pada 26 Oktober 2020
Menghadiri 13 daripada 14 mesyuarat Lembaga Pengarah

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

WAKIL PEMEGANG SAHAM MINORITI FGV DAN ORANG AWAM

Dato' Nonee Ashirin
Dato' Mohd Radzi
Dilantik pada 30 Jun 2021
Menghadiri 6 daripada 6 mesyuarat Lembaga Pengarah

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad
Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif
Dilantik pada 1 Julai 2021
Ditukarkan jawatan sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif pada 30 Mac 2022
Menghadiri 6 daripada 6 mesyuarat Lembaga Pengarah

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin
Dilantik pada 1 Julai 2021
Menghadiri 6 daripada 6 mesyuarat Lembaga Pengarah

Kasmuri Sukardi
Dilantik pada 1 Julai 2021
Menghadiri 6 daripada 6 mesyuarat Lembaga Pengarah

Datuk Mohd Anwar Yahya
Dilantik pada 23 November 2017
Meletak jawatan pada 1 April 2021
Menghadiri 5 daripada 5 mesyuarat Lembaga Pengarah

Dr Mohamed Nazeeb P.Alithambi
Dilantik pada 31 Oktober 2017
Meletak jawatan pada 1 April 2021
Menghadiri 5 daripada 5 mesyuarat Lembaga Pengarah

Datin Hoi Lai Ping
Dilantik pada 6 September 2018
Bersara pada 23 Jun 2021
Menghadiri 8 daripada 8 mesyuarat Lembaga Pengarah

Dr Nesadurai Kalanithi
Dilantik pada 1 Januari 2018
Meletak jawatan pada 24 Jun 2021
Menghadiri 8 daripada 8 mesyuarat Lembaga Pengarah

Dato' Yusli Mohamed Yusoff
Dilantik sebagai Ahli pada 6 September 2018
Ditukarkan jawatan sebagai Timbalan Pengerusi pada 2 Mac 2020
Meninggal dunia pada 10 Mac 2022
Menghadiri 14 daripada 14 mesyuarat Lembaga Pengarah

Nota-nota:
1. *Keseimbangan dan komposisi Lembaga Pengarah, kepelbagaian jantina, tempoh perkhidmatan, kepelbagaian usia, kemahiran dan pengalaman adalah berdasarkan maklumat setakat 21 Mac 2022.*
2. *Kesemua kehadiran mesyuarat adalah untuk TK2021.*
3. *Terdapat satu Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021 di mana Datuk Wira Azhar Abdul Hamid, Datuk Dr Zunika Mohamed, Dato' Amiruddin Abdul Satar dan Dato' Shahrol Anuwar Sarman tidak diperlukan untuk hadir.*

■ Pengerusi ■ Ahli • Pengarah Bebas Bukan Eksekutif • Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad •
Dilantik sebagai Ahli pada 1 Julai 2021
Ditukarkan jawatan sebagai Pengerusi pada 6 September 2021
Menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat

Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi •
Dilantik pada 30 Jun 2021
Menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin •
Dilantik pada 6 September 2021
Menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat

Datuk Yatimah Sarjiman
Dilantik pada 8 April 2022

MELETAK JAWATAN

Datin Hoi Lai Ping •
Dilantik pada 15 Julai 2019
Meletak jawatan pada 23 Jun 2021
Menghadiri 7 daripada 7 mesyuarat

Dr Nesadurai Kalanithi •
Dilantik pada 15 Julai 2019
Meletak jawatan pada 24 Jun 2021
Menghadiri 7 daripada 7 mesyuarat

Dato' Yusli Mohamed Yusoff •
Dilantik pada 6 September 2018
Meletak jawatan pada 6 September 2021
Menghadiri 7 daripada 7 mesyuarat

Datuk Dr Zunika Mohamed •
Dilantik pada 10 Februari 2020
Meletak jawatan pada 11 Mac 2022
Menghadiri 8 daripada 10 mesyuarat

JAWATANKUASA AUDIT

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad •
Dilantik pada 1 Julai 2021
Menghadiri 6 daripada 6 mesyuarat

Dato' Shahrol Anuwar Sarman •
Dilantik pada 17 November 2020
Menghadiri 10 daripada 12 mesyuarat

Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi •
Dilantik pada 30 Jun 2021
Menghadiri 4 daripada 6 mesyuarat

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin •
Dilantik pada 1 Julai 2021
Menghadiri 6 daripada 6 mesyuarat

MELETAK JAWATAN

Datuk Mohd Anwar Yahya •
Dilantik sebagai Pengerusi pada 23 November 2017
Meletak jawatan pada 1 April 2021
Menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat

Datin Hoi Lai Ping •
Dilantik sebagai Ahli pada 6 September 2018
Ditukarkan jawatan sebagai Pengerusi pada 20 April 2021
Meletak jawatan pada 23 Jun 2021
Menghadiri 6 daripada 6 mesyuarat

Dr Nesadurai Kalanithi •
Dilantik pada 17 Mei 2021
Meletak jawatan pada 24 Jun 2021
Menghadiri 2 daripada 2 mesyuarat

Dato' Yusli Mohamed Yusoff •
Dilantik pada 20 April 2021
Meletak jawatan pada 1 Julai 2021
Menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat

JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

Kasmuri Sukardi •
Dilantik pada 1 Julai 2021
Menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad •
Dilantik pada 1 Julai 2021
Menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin •
Dilantik pada 1 Julai 2021
Menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat

Datuk Yatimah Sarjiman
Dilantik pada 8 April 2022

MELETAK JAWATAN

Dr Nesadurai Kalanithi •
Dilantik pada 15 Julai 2019
Meletak jawatan pada 24 Jun 2021
Menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat

Dato' Yusli Mohamed Yusoff •
Dilantik pada 6 September 2018
Meletak jawatan pada 1 Julai 2021
Menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat

Datuk Dr Zunika Mohamed •
Dilantik pada 10 Februari 2020
Meletak jawatan pada 11 Mac 2022
Menghadiri 4 daripada 6 mesyuarat

JAWATANKUASA PELABURAN

Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi •
Dilantik pada 30 Jun 2021
Menghadiri 2 daripada 2 mesyuarat

Dato' Amiruddin Abdul Satar •
Dilantik pada 26 Oktober 2020
Menghadiri 4 daripada 5 mesyuarat

Kasmuri Sukardi •
Dilantik pada 1 Julai 2021
Menghadiri 2 daripada 2 mesyuarat

MELETAK JAWATAN

Dr Mohamed Nazeeb P.Alithambi •
Dilantik pada 23 November 2017
Meletak jawatan pada 1 April 2021
Menghadiri 0 daripada 1 mesyuarat

Datin Hoi Lai Ping •
Dilantik sebagai Ahli pada 6 September 2018
Ditukarkan jawatan sebagai Pengerusi pada 15 Julai 2019
Meletak jawatan pada 23 Jun 2021
Menghadiri 3 daripada 3 mesyuarat

MENINGGAL DUNIA

Dato' Yusli Mohamed Yusoff •
Dilantik pada 15 Julai 2019
Meninggal dunia pada 10 Mac 2022
Menghadiri 5 daripada 5 mesyuarat

JAWATANKUASA KELESTARIAN LEMBAGA
(DITUBUHKAN PADA 1 SEPTEMBER 2021)

Dato' Dzulkifli Abd Wahab •
Dilantik pada 1 September 2021
Menghadiri 1 daripada 1 mesyuarat

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin •
Dilantik pada 1 September 2021
Menghadiri 1 daripada 1 mesyuarat

Kasmuri Sukardi •
Dilantik pada 1 September 2021
Menghadiri 1 daripada 1 mesyuarat

Dato' Amiruddin Abdul Satar •
Dilantik pada 1 September 2021
Menghadiri 1 daripada 1 mesyuarat

MENINGGAL DUNIA

Dato' Yusli Mohamed Yusoff •
Dilantik pada 1 September 2021
Meninggal dunia pada 10 Mac 2022
Menghadiri 1 daripada 1 mesyuarat

JAWATANKUASA TENDER LEMBAGA
(DIBUBARKAN PADA 20 APRIL 2021)

Dr Mohamed Nazeeb P.Alithambi •
Dilantik sebagai Ahli pada 23 November 2017
Ditukarkan jawatan sebagai Pengerusi 26 September 2018
Meletak jawatan pada 1 April 2021
Menghadiri 1 daripada 1 mesyuarat

Dato' Shahrol Anuwar Sarman •
Dilantik pada 17 November 2020
Meletak jawatan pada 20 April 2021
Menghadiri 1 daripada 1 mesyuarat

Datuk Mohd Anwar Yahya •
Dilantik pada 15 Julai 2019
Meletak jawatan pada 1 April 2021
Menghadiri 1 daripada 1 mesyuarat

Profil
Lembaga Pengarah

Dato' Dzulkifli Abd Wahab

Pengerusi
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Umur:
66

Jantina:
Lelaki

Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
1 April 2021

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
< 1 tahun

Tarikh pelantikan semula:
23 Jun 2021

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021:
9 daripada 9 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan sejak pelantikan beliau.

100%

Kelayakan:

Dato' Dzulkifli memegang Ijazah Sarjana Muda Geografi daripada Universiti Malaya. Beliau memperoleh Diploma Pasca Ijazah dalam Strategi dan Inovasi daripada Said Business School, Oxford University, UK. Beliau pernah menghadiri High Performance Boards Programme, International Institute for Management Development, Lausanne, Switzerland, Strategic Leadership Programme (SLP), Said Business School, Oxford University, UK, Industrial Management Programme (Look East Policy), Japan International Cooperation Agency (JICA), Tokyo, Japan dan Advanced Management Programme (AMP), Institut Européen d'Administration des Affaires (INSEAD), Fontainebleau, France.

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:
Dato' Dzulkifli mempunyai 35 tahun pengalaman dalam bidang perladangan, di mana beliau memulakan kerjaya bersama Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) pada 1977. Beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah (DG) FELDA pada 2009 di mana beliau memegang jawatan itu selama tiga tahun sehingga 2012. Sepanjang tempoh jawatan beliau sebagai DG di FELDA, Dato' Dzulkifli telah memantau 450,000 hektar ladang merangkumi kelapa sawit dan getah serta melaksanakan pelbagai pelan tindakan bagi terus memacu nilai-nilai sosio-ekonomi untuk 112,635 peneroka dan keluarga mereka. Beliau juga terlibat dalam penentuan keputusan pengurusan tertinggi berkaitan pelaburan dana FELDA dalam anak-anak syarikat, syarikat-syarikat usahasama dan syarikat-syarikat berkaitan.

Dato' Dzulkifli kemudian dilantik sebagai atase pertanian di Kedutaan Malaysia di Rom, Itali. Semasa menjadi wakil Malaysia, beliau mewakili Malaysia dalam Food and Agriculture Organisation (FAO), World Food Programme and International Finance Agricultural Development, United Nations. Beliau juga dilantik dan berkhidmat selaku Ahli Majlis FAO, Timbalan Pengerusi untuk FAO Asia Group pada 2014 serta Ahli Jawatankuasa untuk Isu-isu Komoditi di FAO pada 2015.

Terkini, Dato' Dzulkifli merupakan ahli National Association of Smallholders Malaysia (NASH) - Kumpulan Think Tank.

Keahlian Lembaga dalam syarikat lain:
- Tiada

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Pengerusi Jawatankuasa Kelestarian Lembaga

Konflik kepentingan dengan Syarikat:
- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:
- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh 5 tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:
- Tiada

Dato' Amiruddin Abdul Satar

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Umur:
58

Jantina:
Lelaki

Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
26 Oktober 2020

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
1-2 tahun

Tarikh pelantikan semula:
23 Jun 2021

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021:
13 daripada 14 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan.
(Nota: Terdapat satu mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021 di mana Dato' Amiruddin tidak diperlukan untuk hadir.)

93%

Kelayakan:

Dato' Amiruddin mempunyai Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Henley Business School, University of Reading, UK. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Akauntan Berkanun Bertauliah (ACCA), UK dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:
Dato' Amiruddin mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang kewangan dan pengurusan. Beliau memulakan kerjaya pada 1989 sebagai Eksekutif Akauntan di UMW Toyota Berhad (UMW). Beliau meninggalkan UMW pada 1990 untuk menjadi Akauntan di Boustead Holdings Berhad, di mana beliau berkhidmat selama dua tahun sehingga 1992. Selepas itu, beliau menyertai INC Sdn Bhd, anak syarikat Lembaga Tabung Haji sebagai Pengurus Kewangan sehingga 1993.

Di KPJ Healthcare Berhad (KPJ), Dato' Amiruddin merupakan Pengurus Kewangan sehingga 1996. Beliau kemudian memegang jawatan Timbalan Pengurus Besar pada 1996 sebelum menjadi Pengurus Besar Kumpulan pada 2003.

Dato' Amiruddin dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi (COO) KPJ pada 2010 di mana beliau berkhidmat selama 2 tahun. Semasa berkhidmat sebagai COO, beliau juga dilantik sebagai Pengarah Eksekutif KPJ pada 2011. Pada 2013, Dato' Amiruddin dilantik sebagai Presiden dan Pengarah Urusan KPJ sehingga Julai 2020.

Terkini, beliau merupakan Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) berkuatkuasa 15 Oktober 2020.

Selain itu, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Penasihat Malaysia untuk ACCA sejak 2018.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain:
- Pengarah, Jentayu Sustainables Berhad (sebelum ini IPMUDA Berhad)

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Kelestarian Lembaga

Konflik kepentingan dengan Syarikat:
- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:
- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh 5 tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:
- Tiada

Profil
Lembaga Pengarah

Dato' Shahrol Anuwar Sarman

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Umur:
48

Jantina:
Lelaki

Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
17 November 2020

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
1-2 tahun

Tarikh pelantikan semula:
23 Jun 2021

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021:
13 daripada 14 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan.
(Nota: Terdapat satu Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021 di mana Dato' Shahrol tidak diperlukan untuk hadir.)

93%

Kelayakan:

Dato' Shahrol Anuwar mempunyai Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari Cardiff University, Wales, UK dan Ijazah Sarjana Muda Kewangan dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia.

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:
Dato' Shahrol Anuwar memulakan kerjaya sebagai Pembantu Setiausaha di Bahagian Pengurusan Pinjaman dan Dasar Kewangan di Kementerian Kewangan (MoF) pada 1996.

Pada 2003, Dato' Shahrol Anuwar menjadi Pembantu Pengarah di Bahagian Pengurusan dan Pentadbiran Sumber Manusia (Ketua Unit Kewangan dan Akaun) di Agensi Pencegahan Rasuah Malaysia. Pada 2004, beliau dilantik sebagai Penolong Setiausaha Utama di Bahagian Industri Balak di bawah Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi, di mana beliau berkhidmat selama 2 tahun. Beliau kemudian berkhidmat selama setahun sebagai Penolong Kanan Setiausaha Utama, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Ketua Menteri Melaka.

Sebelum menjadi Pegawai Khas kepada Setiausaha Agung Perbendaharaan, MoF, pada 2011, Dato' Shahrol Anuwar dilantik sebagai Setiausaha Sulit Kanan kepada Setiausaha Agung Perbendaharaan, MoF dari 2007 hingga 2011. Beliau kemudian dilantik sebagai Penasihat Kanan kepada Pengarah Eksekutif World Bank Group di Washington D.C., AS dari 2012 hingga 2014.

Pada 2014, Dato' Shahrol Anuwar menjadi Setiausaha Kanan Peribadi kepada Setiausaha Agung Perbendaharaan, MoF di mana beliau berkhidmat selama 3 tahun. Beliau kemudian dilantik sebagai Setiausaha Bahagian Pengurusan Strategik Badan Berkanun, MoF dari 2017 hingga 2019. Terkini, beliau merupakan Setiausaha di Bahagian Pelaburan Strategik, MoF.

Dato' Shahrol Anuwar merupakan ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), FELCRA Berhad, MyHSR Corporation Sdn Bhd (MyHSR), Lembaga Pelabuhan Johor (LPJ) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) mewakili MoF.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain:
- Pengarah, FELCRA Berhad

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Ahli Jawatankuasa Audit

Konflik kepentingan dengan Syarikat:
- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:
- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh 5 tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:
- Tiada

Datuk Yatimah Sarjiman

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Umur:
57

Jantina:
Perempuan

Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
8 April 2022

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
< 1 tahun

Tarikh pelantikan semula:
Tidak berkenaan

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021:
Tidak berkenaan

Kelayakan:

Datuk Yatimah memegang Ijazah dalam Sistem Maklumat Perakaunan Perniagaan dan Sistem Maklumat Komputer dari Idaho State University, AS. Beliau juga memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dalam Perakaunan & Kewangan dan Perniagaan Antarabangsa dari International Business from Northrop University, AS.

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:
Datuk Yatimah mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang perancangan, penggubalan dan pengurusan sumber manusia dan organisasi, pengurusan sumber kewangan dan organisasi, sumber kewangan, ekonomi, pentadbiran dan pembangunan wilayah, pentadbiran sosial, hubungan antarabangsa dan hal ehwal asing. Beliau mempunyai kepakaran dalam pembangunan dan pengurusan luar bandar, struktur industri antarabangsa, industri perladangan dan pemerkasaan wanita.

Datuk Yatimah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Agung di Jabatan Perdana Menteri pada 2015 dan kemudian dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Pembangunan Wanita pada 2016. Pada 2018, beliau menjadi Pengarah Bahagian Pertanian, Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri. Terkini, beliau merupakan Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral), EPU di Jabatan Perdana Menteri.

Datuk Yatimah adalah ahli Lembaga Pengarah di Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan FELCRA Berhad.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:
- Pengarah, FELCRA Berhad

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga

Konflik kepentingan dalam Syarikat:
- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:
- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh 5 tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:
- Tiada

Profil
Lembaga Pengarah

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Umur:
71

Jantina:
Lelaki

Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
1 Julai 2021 (Dilantik sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif pada 30 Mac 2022)

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
< 1 tahun

Tarikh pelantikan semula:
Tidak berkenaan

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021:
6 daripada 6 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan sejak pelantikan beliau.

100%

Kelayakan:

Dato' Mohd Rafik merupakan Akauntan Bertauliah dari Institut Malaysia Akauntan (MIA) dan felo Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), UK. Beliau menghadiri Program Pembangunan Eksekutif, Institut Pembangunan Pengurusan Antarabangsa, Lausanne, Switzerland.

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:
Dato' Mohd Rafik mempunyai lebih 33 tahun pengalaman dalam industri makanan di mana beliau memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan, dan selepas persaraan beliau pada 2006, sebagai Pengarah dalam beberapa syarikat. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah dengan MIA.

Dato' Mohd Rafik memulakan kerjaya pada 1973 sebagai Penganalisis dengan Esso Malaysia Berhad. Selepas berkhidmat dalam beberapa syarikat tempatan, beliau menyertai Nestlé pada 1981 dan bersara pada 2006 selepas 25 tahun dalam perkhidmatan operasi. Semasa berkhidmat dengan Nestlé, beliau telah memegang pelbagai jawatan pengurusan kanan di dalam kumpulan syarikat di dalam dan luar negara termasuk Ibu Pejabat Korporat Nestlé di Switzerland.

Selepas bersara dari Nestlé, Dato' Mohd Rafik dilantik sebagai Pengarah Nestlé (Malaysia) Berhad, untuk 12 tahun, sehingga beliau bersara pada April 2021. Sebelum itu, beliau merupakan Pengerusi Malaysian Agrifood Corporation Berhad, Biotropics Malaysia Berhad, antara lainnya. Beliau juga merupakan mantan pengarah FGV sebelum tersenarai awam.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain:
- Tiada

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Pengerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga

Konflik kepentingan dalam Syarikat:
- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:
- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh 5 tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:
- Tiada

Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur:
50

Jantina:
Perempuan

Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
30 Jun 2021

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
< 1 tahun

Tarikh pelantikan semula:
Tidak berkenaan

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021:
6 daripada 6 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan sejak pelantikan beliau.

100%

Kelayakan:

Dato' Nonee memegang Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari University of Wolverhampton, UK. Beliau merupakan Peguamcara Lincoln's Inn, UK. Beliau juga adalah ahli Majlis Peguam Malaysia.

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:

Dato' Nonee Ashirin kini merupakan Rakan Firma di Arthur Yeong Nonee Ashirin Advocates & Solicitors. Sebagai graduan undang-undang, beliau telah melengkapkan ijazah Barrister-at-Law di Lincoln's Inn, United Kingdom dan dipanggil ke Bar Malaysia pada 1999. Beliau memulakan kerjaya pada 2001 sebagai peguam di Mohammad Ali & Co. di mana beliau berkhidmat selama tiga tahun sehingga 2003. Beliau kemudian menyertai industri aero-angkasa dan pertahanan secara sepenuh masa. Beliau menyertai Eurocopter Malaysia (kini Airbus Helicopters Malaysia Sdn Bhd) sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan pada 2003 dan pada 2006 beliau menyertai Unique Globe Sdn Bhd dan dilantik sebagai Naib Presiden, Pembangunan Perniagaan. Beliau kemudian menyertai HELIPARTNER Sdn Bhd pada 2009 sebagai Naib Presiden Pembangunan Perniagaan dan Jualan sehingga 2010. Pada 2011, beliau dilantik sebagai Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif di Global Turbine Asia Sdn Bhd (GTA) di mana beliau berkhidmat selama tujuh tahun sehingga 2017.

Dato' Nonee merupakan salah seorang pakar tersohor dalam Industri Aero-Angkasa Malaysia, dengan pengalaman lebih 20 tahun dalam aero-angkasa, pertahanan dan keselamatan antarabangsa. Beliau terkenal sebagai Pemimpin Berwawasan, memacu GTA menjadi peneraju pasaran domestik dan pihak berkuasa wilayah yang disanjung tinggi dalam sektor Penyelenggaraan, Pembaikan & Baik Pulih (MRO). Rekod pencapaian Dato' Nonee jelas terbukti, memacu GTA sehingga menjadi satu-satunya Organisasi Penyelenggaraan Diluluskan (AMO) di luar Eropah di bawah Peraturan Bahagian 145 European Aviation Safety Agency (EASA) yang merupakan piawai Eropah untuk kelulusan organisasi-organisasi yang melaksanakan penyelenggaraan ke atas kapal terbang dan komponen-komponen kapal terbang. Walaupun kejayaan beliau bersama GTA cukup membanggakan, pencapaian tertinggi Dato' Nonee adalah hubungan dan kerjasama erat beliau di dalam industri, bekerjasama rapat dengan jenama-jenama global sebagai komponen-komponen utama di dalam Ekosistem Aero-Angkasa Malaysia. Nama-nama tersohor seperti Airbus, Safran Group, Dassault Group, Thales Group, Leonardo S.p.A., FLIR Systems, dan Moog USA. Dato' Nonee merupakan penasihat yang dihormati dalam Malaysian Industry Defence and Security Association (MIDES) di bawah bidang kuasa Kementerian Pertahanan, Malaysia. Dengan gabungan pengetahuan dan pengalaman meluas beliau, Dato' Nonee selaku pemimpin industri tersohor, usahanita, perintis dan patriot memiliki gambaran jelas sebagai tenaga penggerak dan pemangkin yang akan membangunkan Malaysia menjadi hab aero-angkasa global. Dato' Nonee juga merupakan ahli lembaga pengarah Malaysian Aerospace Industry Association (MAIA) sejak 2018 dan ketua Jawatankuasa Kecil Teknikal MRO.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:
- Pengarah, Boustead Holdings Berhad dan kumpulan syarikatnya

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan

Konflik kepentingan dalam Syarikat:
- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:
- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh 5 tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:
- Tiada

Profil
Lembaga Pengarah

Kasmuri Sukardi

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur:
71

Jantina:
Lelaki

Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
1 Julai 2021

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
< 1 tahun

Tarikh pelantikan semula:
Tidak berkenaan

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021:
6 daripada 6 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan sejak pelantikan beliau.

100%

Kelayakan:

Kasmuri mempunyai Ijazah Sarjana Pengurusan dari Institut Pengurusan Asia, Manila, Filipina dan pernah menyertai Program Pengurusan Lanjutan (AMP) dari Harvard Business School, Boston, Massachusetts, AS. Bidang pengajian lain beliau termasuk Diploma Bersekutu (AISP) dari Persatuan Peladang Diperbadankan, Malaysia dan Pengurusan Industri Tanaman (DPIM) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:
Kasmuri mempunyai lebih 48 tahun pengalaman dalam pelbagai kapasiti merangkumi perniagaan tani perladangan iaitu kelapa sawit, getah, koko dan kelapa.

Beliau memulakan kerjaya pada 1973 sebagai Penolong/Penolong Kanan Pengurus Ladang di Harrisons & Crosfield PLC (H&C) yang kemudian menjadi Harrisons Malaysian Plantations Berhad (HMPB) dan Golden Hope Plantations Berhad (Golden Hope). Pada 1982, beliau dilantik sebagai Pengurus Ladang dan dinaikkan pangkat sebagai Ejen Pelawat Ladang, Pengurus Besar, Pengarah Ladang dan Pengarah Kumpulan, Pertanian Tani Perladangan sehingga persaraan beliau pada 2006.

Dari 2006 hingga 2008, Kasmuri merupakan Pengarah, Fungsi Khas dan kemudian Perunding, Ketua Pelatih untuk Golden Hope.

Pada 2008, Kasmuri menyertai Poliplant Group, Indonesia & Clarity Resources Ltd, Hong Kong berpengkalan di Jakarta, Indonesia selaku Pengarah Lembaga Pengarah serta Pengarah Korporat & Operasi di mana beliau berkhidmat sehingga 2015.

Sepanjang tempoh ini, beliau berjaya meneraju pembangunan dan pengurusan lebih 50,000 hektar ladang kelapa sawit, yang kebanyakannya daripada padang hijau di Ketapang, Kalimantan Barat, Indonesia.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain:
- Tiada

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Pengerusi Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga
- Ahli Jawatankuasa Pelaburan
- Ahli Jawatankuasa Kelestarian Lembaga

Konflik kepentingan dalam Syarikat:
- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:
- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh 5 tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:
- Tiada

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Umur:
55

Jantina:
Perempuan

Kewarganegaraan:
Malaysia

Tarikh pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah:
1 Julai 2021

Tempoh jawatan sebagai Pengarah:
< 1 tahun

Tarikh pelantikan semula:
Tidak berkenaan

Kehadiran ke Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021:
6 daripada 6 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan di bawah tinjauan sejak pelantikan beliau.

100%

Kelayakan:

Nik Fazila memiliki Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Perakaunan) dari Flinders University of South Australia, Adelaide, Australia. Beliau merupakan Akauntan Bertauliah dari Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Pengalaman bekerja dan pekerjaan:
Nik Fazila merupakan mantan Pengarah Urusan Kumpulan Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM) dari 2017 hingga 2021. Beliau juga mantan Ketua Pegawai Eksekutif CCM dari 2012 sebelum memegang jawatan Pengarah Urusan Kumpulan CCM pada 2017.

Nik Fazila mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan, kewangan, jaminan perniagaan dan urusniaga korporat. Beliau memulakan kerjaya dengan Price Waterhouse (kini PricewaterhouseCoopers) Malaysia di mana beliau berkhidmat selama 10 tahun, terutamanya dalam perkhidmatan nasihat audit & perniagaan. Beliau juga pernah memegang pelbagai jawatan kanan dalam perakaunan, kewangan dan pengurusan termasuk sebagai Ketua Pegawai Kewangan di syarikat-syarikat tersenarai awam di Malaysia, sebelum menyertai Kumpulan CCM.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain:
- Pengarah, MSM Malaysia Holdings Berhad

Jawatankuasa Lembaga Pengarah:
- Ahli Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Ahli Jawatankuasa Audit
- Ahli Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga
- Ahli Jawatankuasa Kelestarian Lembaga

Konflik kepentingan dalam Syarikat:
- Tiada

Hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau pemegang saham Utama:
- Tiada

Sabit kesalahan dalam tempoh 5 tahun lepas (selain saman trafik) dan butiran apa-apa sekatan awam atau penalti yang dikenakan oleh badan kawal selia yang berkaitan semasa tahun kewangan, jika ada:
- Tiada

Sekilas Pandang

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC) ditubuhkan bagi membantu GCEO dalam pengawasan Kumpulan untuk memantau prestasi Kumpulan secara berpusat, menyelaras dan menjajarkan pengurusan dan operasi perniagaan Kumpulan bagi mencapai visi, misi, dan strategi Kumpulan FGV menerusi prinsip tadbir urus korporat yang baik serta amalan perniagaan dan kawalan terbaik berpandukan halatuju, panduan, keputusan dan polisi Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Lembaga Pengarah. GMC telah mengadakan 20 mesyuarat sepanjang TK2021.



Nota:
1. *Semua maklumat setakat 21 Mac 2022.*
2. *Tiada di antara ahli-ahli GMC mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Syarikat, hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau Pemegang Saham Utama atau pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan (selain kesalahan lalu lintas) dalam tempoh lima tahun atau sebarang sekatan awam atau denda yang dikenakan oleh badan kawal selia berkaitan sepanjang tahun kewangan.*

Profil
Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

MOHD NAZRUL IZAM MANSOR
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Warganegara Malaysia	Usia 47	Lelaki

Pelantikan jawatan : **23 Ogos 2021**

Kelayakan Akademik/Profesional:
- Ijazah dalam Perdagangan, University of Queensland, Brisbane, Australia
- Felo Akauntan Bertauliah, CPA Australia
- Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Pengalaman:
Mohd Nazrul adalah Akauntan Bertauliah yang terlatih. Beliau mempunyai lebih 22 tahun pengalaman dalam pelbagai kapasiti di beberapa industri. Sebelum pelantikan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, beliau merupakan mantan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FELCRA Berhad sejak 2018.

Mohd Nazrul memulakan kerjaya pada 1998 sebagai Eksekutif Perakaunan di RHB Unit Trust Management Berhad. Pada 2000, sebelum menyertai PricewaterhouseCoopers sebagai Rakan Sekutu Kanan, beliau merupakan Penolong Juruaudit di Hasyudeen & Co. Sepanjang berkhidmat dengan dua firma perakaunan tersebut, beliau terlibat dalam pelbagai tugasan audit dan jaminan untuk syarikat-syarikat awam dan swasta sederhana dan besar.

Beliau menyertai Padiberas Nasional Berhad pada 2002 dan memainkan peranan utama dalam pengurusan risiko, perancangan korporat dan menjadi Pembantu Eksekutif kepada CEO sehingga 2007. Pada 2009, beliau menyertai Malaysia Building Society Berhad (MBSB) sebagai Ketua Perniagaan Berstruktur.

Pada 2010, beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan di Realmild Sdn Bhd sebelum menyertai N.U.R Power Sdn Bhd sebagai Pengarah Kewangan pada 2013 sehingga 2018 sebelum menyertai Teras Dara Konsortium Sdn Bhd sebagai Pengarah Urusan.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:
- Tiada

DATO' MOHD HAIRUL ABDUL HAMID
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Warganegara Malaysia	Usia 52	Lelaki

Pelantikan jawatan : **2 Januari 2019**

Kelayakan Akademik/Profesional:
- Felo di Association of Chartered Certified Accountants
- Akauntan Bertauliah di Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Pengalaman:
Dato' Mohd Hairul adalah Akauntan Bertauliah yang terlatih. Beliau memulakan kerjaya di Sime Darby Berhad pada 1994 sebagai Pelatih Pengurusan dan menjadi Akauntan Kumpulan pada 1997. Pada Oktober 2002, beliau dilantik sebagai Pengurus Kewangan di Consolidated Plantations Berhad (CPB), anak syarikat milik penuh Sime Darby Berhad. Beliau kemudian dilantik sebagai Pengawal Kewangan Perladangan di CPB dari Julai 2005 hingga Jun 2006, sebelum kembali ke Sime Darby Berhad sebagai Pengurus Besar Kewangan di Bahagian Perladangan. Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan (CFO) Bahagian tersebut pada Jun 2008. Beliau meninggalkan Sime Darby Berhad pada Februari 2012, dengan jawatan terakhir sebagai CFO Bahagian Tenaga & Utiliti.

Sebelum menyertai FGV Holdings Berhad pada Januari 2019, beliau merupakan CFO di Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd dari Mac 2012 hingga Disember 2018. Terkini, beliau juga merupakan Pengarah di Felda Holdings Berhad.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:
- Felda Holdings Berhad

Profil
Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

MOHD SARIAN MD SAHID

Pengarah Bahagian Kumpulan,
Sektor Perladangan

Warganegara Malaysia	Usia 59	Lelaki

Pelantikan jawatan : **1 April 2022**

Kelayakan Akademik/Profesional:
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) - RMIT University - AIM
- Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Pensijilan Profesional STEM Gred 1

Pengalaman:
Mohd Sarian mempunyai pengalaman meluas selama 37 tahun dengan FGV, di mana beliau mula berkhidmat di pelbagai kilang di Felda Palm Industries Sdn Bhd (kini FGV Palm Industries Sdn Bhd) dari 1984 hingga 2001. Di antara 2002 hingga 2006, Mohd Sarian dilantik sebagai Pengurus Besar Wilayah untuk dua zon; Wilayah Kuala Lumpur sebelum meneruskan dalam peranan yang sama selepas beliau berpindah ke Wilayah Sahabat.

Pada 2007, Mohd Sarian memegang jawatan Ketua Zon, di mana beliau berkhidmat sehingga 2013. Pada penghujung 2013, beliau dilantik sebagai Ketua Pembangunan Perniagaan, Pejabat CEO Kumpulan sehingga awal 2014. Selepas memegang jawatan tersebut buat seketika, Mohd Sarian dilantik sebagai Ketua Pembangunan Perniagaan dan Strategi Kluster Getah pada tahun yang sama.

Pada 2017, Mohd Sarian dilantik sebagai Ketua Pengurusan Rantaian Bekalan Global sebelum memegang jawatan CEO di FGV Fertiliser Sdn Bhd pada 2018.

Pada 2019, beliau dilantik sebagai Ketua Bahagian Huluan sebelum dilantik semula sebagai Pegawai Bertanggungjawab untuk Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perladangan pada 2021. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Bahagian Kumpulan, Sektor Perladangan pada April 2022.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:
- Tiada

AZMAN AHMAD

Pengarah Bahagian Kumpulan,
Sektor Logistik & Lain-lain

Warganegara Malaysia	Usia 60	Lelaki

Pelantikan jawatan : **1 Januari 2018**

Kelayakan Akademik/Profesional:
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Pengajian Maritim (Teknologi Maritim), University of Wales Institute of Science and Technology - UWIST, Wales, United Kingdom
- Diploma Pengurusan, Institut Pengurusan Malaysia

Pengalaman:
Azman Ahmad mempunyai pengalaman yang luas melebihi 35 tahun dalam aktiviti-aktiviti marin, pelabuhan dan logistik di FGV Holdings Berhad. Beliau memulakan kerjaya pada 1986 sebagai Eksekutif Operasi di Felda Johore Bulkers Sdn Bhd di Johor. Beliau menjadi Pengurus Besar pada 2006 dan dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun seterusnya, sehingga 2013. Pada 2014, beliau dinaikkan pangkat sebagai Naib Presiden Kanan di bahagian Perdagangan, Pemasaran, Logistik dan Lain-lain.

Pada 2016, Azman Ahmad dilantik sebagai Naib Presiden Eksekutif mengetuai Kluster Hiliran Sawit, FGV Holdings Berhad dan setahun kemudian, ditugaskan semula sebagai Ketua Kluster Logistik sebelum dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Operasi Sektor Logistik & lain-lain pada 2018. Beliau kemudian dijawatankan semula sebagai Pengarah Bahagian Kumpulan Sektor Logistik & Lain-lain pada Disember 2020.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:
- MSM Malaysia Holdings Berhad

SYED FEIZAL SYED MOHAMMAD

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Malaysia Holdings Berhad

Warganegara Malaysia	Usia 57	Lelaki

Pelantikan jawatan : **1 Februari 2021**

Kelayakan Akademik/Profesional:

- Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan (Eksekutif) dari Charles Sturt University, Australia
- Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejuruteraan Elektrikal dari University of Nebraska, Lincoln, USA
- Ahli Institut Pengarah Korporat Malaysia
- Ahli Utama The CEO Action Network (CAN)

Pengalaman:

Dengan lebih 32 tahun pengalaman berkhidmat dalam syarikat-syarikat multinasional dan konglomerat tempatan, Syed Feizal telah berkhidmat di pelbagai sektor korporat dan perniagaan termasuk kejuruteraan dan pembinaan fasiliti minyak dan gas, loji petrokimia dan proses perindustrian, penerokaan dan pengeluaran, infrastruktur (air, pengangkutan dan tenaga) serta perdagangan agro dan komoditi perindustrian (minyak sawit, getah, gula dan beras) dan hidrokarbon. Pengalaman beliau dalam pelbagai projek konsep dan pembangunan modal besar hingga mega merangkumi beberapa negara dan rantau termasuk Asia Pasifik, Asia Selatan dan Timur Tengah.

Sebelum ini, Syed Feizal pernah memegang beberapa jawatan kepimpinan kanan termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, Penaja Projek Eksekutif dan peranan-peranan Lembaga Pengarah, menguruskan organisasi-organisasi besar merangkumi 3,000 pekerja di Malaysia. Beliau juga merupakan ahli kanan Jawatankuasa Eksekutif yang menyelia lebih 7,000 pekerja di Asia Pasifik dengan lebih 15 anak syarikat di seluruh China, Asia Tenggara dan Australia.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:

- Tiada

VINCENT CHUI TEE SUAN

Ketua Pegawai Produk Pengguna dan Pegawai Bertanggungjawab untuk Ketua Pegawai Komunikasi Strategik Kumpulan

Warganegara Malaysia	Usia 53	Lelaki

Pelantikan jawatan : **16 Julai 2020**

Kelayakan Akademik/Profesional:

- Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian dalam Farmakologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

Pengalaman:

Vincent mempunyai hampir 30 tahun pengalaman dalam bidang pemasaran dan pengurusan produk terutamanya dalam industri makan dan minuman, bukan makanan, kewangan dan telekomunikasi. Beliau memulakan kerjaya pada 1993 sebagai Eksekutif Jualan dan Pentadbiran di Herbal Link (M) Sdn Bhd di antara 1995 dan 2000, dan merupakan Pengurus Produk di Fonterra Brands (M) Sdn Bhd selama dua tahun sebelum menyertai The Boots Company (Far East) Pte Ltd. Beliau kemudian menyertai S.C. Johnson & Son (M) Sdn Bhd pada 2000 selama enam tahun menguruskan pemasaran produk-produk pengguna di Malaysia dan Singapura.

Pada 2006, Vincent dilantik sebagai Pengurus Kanan/Ketua Penggunaan 3G, Roaming & IDD di Maxis Communications Bhd menyelia Pemasaran Jenama Maxis untuk Pasca Bayar. Beliau telah memainkan peranan penting dalam jualan silang dan jualan naik produk-produk perkhidmatan di dalam Kumpulan. Beliau kemudian menyertai Tune Money Sdn Bhd pada 2007 sebagai Naib Presiden (Pemasaran) untuk perkhidmatan kewangan, menjadi yang pertama di Malaysia memperkenalkan produk-produk insurans dan kad pra-bayar dalam talian secara terus kepada pengguna.

Beliau kemudian kembali ke industri FMCG dengan menyertai Yeo Hiap Seng (Malaysia) Bhd pada 2009 selama lapan tahun sebagai Naib Presiden Pertama yang menyelia pemasaran produk-produk pengguna di Malaysia, Brunei dan Indonesia. Sebelum menyertai FGV, beliau dilantik sebagai Pengarah Pemasaran Serantau di Lee Kum Kee (Malaysia) Sdn Bhd pada 2017, menguruskan pemasaran serantau produk-produk pengguna di Asia Tenggara, India, Timur Tengah dan Afrika.

Pada April 2022, beliau dilantik sebagai Pegawai Bertugas untuk Ketua Pegawai Komunikasi Strategik Kumpulan. Beliau memegang jawatan ini seiring dengan jawatan terkini beliau.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:

- Tiada

Profil
Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

ABDUL RAZAK AYA
Ketua Pertanian Bersepadu

Warganegara Malaysia	Usia 51	Lelaki

Pelantikan jawatan : **1 Ogos 2019**

Kelayakan Akademik/Profesional:
- Ijazah Sarjana Sains (M.Sc.) dalam Pengurusan Perladangan dan Diploma dalam Pertanian dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Malaysia
- Program Kepimpinan Eksekutif dari Bond University, Gold Coast Australia
- Program Strategi Perniagaan dan Pengurusan Rantaian Bekalan dari National University of Singapore
- Program Pengurusan Perladangan dari Golden Hope Academy, Kepulauan Carey, Malaysia

Pengalaman:
Abdul Razak mempunyai lebih 20 tahun pengalaman terutamanya dalam perancangan strategik dan perniagaan, operasi perladangan dan estet, teknologi bio, pertanian ketepatan, sekuriti bio, pembangunan tanah perladangan, serta kesihatan dan keselamatan pekerjaan. Beliau juga mempunyai pengalaman meluas dalam industri penternakan lembu dan kambing, ayam itik, perikanan/akuakultur, penanaman nanas, herba dan buah-buahan menerusi penglibatan beliau dalam projek-projek ekonomi serantau Kerajaan.

Beliau memulakan kerjaya pada 1992 sebagai Eksekutif Teknologi Maklumat di Creative Technology Computer Sdn Bhd. Beliau menyertai Fakulti Perhutanan di Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 1993 sebagai Penyelidik Penderiaan Jauh Satelit sebelum menyertai Jabatan Pertanian Negeri Johor dari 1994 hingga 1995.

Sebelum penggabungan dengan Sime Darby, beliau dilantik sebagai Pengurus Pembangunan Perniagaan di Golden Hope Plantations Sdn Bhd pada 1995 di mana beliau berkhidmat selama 13 tahun. Kemudian, beliau meneruskan dengan portfolio yang sama selepas penggabungan di syarikat yang kini dikenali sebagai Sime Darby Plantations Sdn Bhd sehingga 2009.

Beliau dilantik sebagai Pengurus Kanan, Pertanian di Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dari 2008 hingga 2014, sebelum menyertai Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) sebagai Ahli Tetap Lembaga Pengelola sehingga 2016. Beliau kemudian berkhidmat sebagai Naib Presiden di Naza World Holdings Sdn Bhd pada 2014, menyelia Bahagian Agro dan Bio. Beliau merupakan Pensyarah Tambahan di Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 2019 sebelum menyertai FGV.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:
- Tiada

SALMAN GHAZALI
Ketua Pegawai Strategi Kumpulan

Warganegara Malaysia	Usia 40	Lelaki

Pelantikan jawatan : **13 September 2019**

Kelayakan Akademik/Profesional:
- Ijazah Sarjana Muda Sains (BSc.) dalam Perakaunan & Kewangan dari London School of Economics & Political Science, London, UK

Pengalaman:
Salman mempunyai 16 tahun pengalaman dalam bidang strategi, pengurusan pelaburan, ekuiti swasta, perbankan perniagaan, kewangan korporat dan pembangunan perniagaan. Beliau memulakan kerjaya pada 2005 di Consolidated Plantations Berhad (CPB), kini Sime Darby Plantation Berhad (SDP), berpindah ke Pejabat Pengarah Urusan di SDP pada 2007 sebagai Eksekutif Kanan, dan kemudian menjadi Penolong Naib Presiden I – Kewangan Korporat di Jabatan Strategi dan Pembangunan Perniagaan.

Semasa di SDP, beliau ditugaskan ke Bahagian Ekonomi Utama Kebangsaan (NKEA) PEMANDU pada 2010 di mana beliau menjadi Ketua Sektor Hiliran berasaskan Makanan Kelapa Sawit & Kesihatan. Beliau kemudian dipinjamkan ke Emery Oleochemicals pada 2011, yang merupakan syarikat usahasama 50:50 di antara SDP dan PTT Global Chemical, bagi menyelia kepentingan SDP di dalam sektor oleokimia merangkumi Strategi Global dan pelaburan. Beliau meninggalkan Emery Oleochemicals dan SDP pada Disember 2011 dan menyertai Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) pada 2012 di Pejabat Naib Presiden Eksekutif sebelum menyertai Khazanah Nasional Berhad sebagai Naib Presiden Pelaburan dan Pegawai Khas kepada Ketua Pegawai Pelaburan sehingga 2015.

Salman kemudian menjadi Rakan Pengurusan di RM Capital Partners & Associates (RMCP), salah sebuah firma ekuiti swasta butik terbesar di Malaysia, di mana beliau memegang pelbagai jawatan pengarah di syarikat-syarikat penerima pelaburan RMCP yang beroperasi dalam industri Pembuatan, Minyak & Gas, Plastik, dan Penjagaan Peribadi. Salman juga merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan (IC) di kedua-dua Dana Satu RMCP dan Dana Dua RMCP. Sebelum menyertai FGV Holdings Berhad pada September 2019, beliau merupakan Ketua Perbankan Perniagaan di Bank Pembangunan Malaysia Berhad.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:
- Tiada

MOHAMAD FAUZI HASSAN

Pegawai Bertanggungjawab Ketua Pegawai Sumber Manusia

Warganegara Malaysia	Usia 53	Lelaki

Pelantikan jawatan : **1 November 2021**

Kelayakan Akademik/Profesional:

- Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Sains Kehidupan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- Program Pengurusan Eksekutif, INSEAD Fontainebleau, in France

Pengalaman:

Mohamad Fauzi memulakan kerjaya di Motorola Technology Sdn Bhd dari 1993 hingga 2000 sebagai Eksekutif Sumber Manusia sehingga Pengurus Sumber Manusia, sebelum menjadi Pengurus Besar, Sumber Manusia Kumpulan di Sapura Technology Berhad dari 2003 hingga 2005.

Pada 2006, Mohamad Fauzi dilantik sebagai Pengarah Sumber Manusia di Carrefour Malaysia dan Singapura, di mana beliau berkhidmat sehingga 2011. Beliau juga dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah Carrefour Malaysia. Beliau kemudian menyertai Sime Darby Plantation Sdn Bhd dari 2011 hingga 2015 dan dilantik sebagai Ketua Sumber Manusia (VP Kanan).

Sebelum menyertai FGV Holdings Berhad pada Oktober 2019, beliau merupakan Pengasas dan Pengarah Urusan Sigma Perintis Sdn Bhd dari 2015 hingga 2019, sebuah Syarikat Perunding.

Mohamad Fauzi memegang jawatan Ketua Sumber Manusia Perladangan di FGV Holdings Berhad pada 2019 sebelum memegang jawatan Pegawai Bertanggungjawab di Pejabat Ketua Sumber Manusia pada masa ini.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:

- Tiada

WAN NORMAN NASIR

Ketua Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Kumpulan

Warganegara Malaysia	Usia 49	Lelaki

Pelantikan jawatan : **1 Mei 2019**

Kelayakan Akademik/Profesional:

- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Nottingham University Business School, UK
- Ijazah Sarjana Muda Perundangan (Kepujian) dari King's College London, UK

Pengalaman:

Wan Norman mempunyai lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang pengurusan risiko dan dasar di institusi-institusi kewangan dan sektor korporat merangkumi, antara lainnya, risiko kredit, risiko operasi, pengurusan kesinambungan perniagaan, tadbir urus korporat dan pematuhan.

Beliau memulakan kerjaya dengan Petronas dan kemudian dengan Arthur Andersen & Co sebelum menyertai jabatan Dasar & Portfolio Citibank Berhad pada 2002, menyelia pengurusan risiko bahagian aset pengguna bank tersebut, di mana beliau kemudiannya menjadi Ketua Risiko Kad. Pada 2011, beliau menyertai Al Rajhi Bank Berhad sebagai Ketua Risiko Runcit yang menguruskan keseluruhan portfolio pembiayaan runcit Islamik bank tersebut.

Beliau kemudian menyertai FGV Holdings Berhad sebagai Ketua Pegawai Risiko yang bertanggungjawab mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko yang mantap di syarikat tersebut. Peranan beliau diperluaskan pada 2019 untuk merangkumi hal-hal berkaitan tadbir urus korporat, etika & integriti, pensijilan Sistem Pengurusan Anti Rasuah serta mekanisme Pemberi Maklumat apabila beliau dinaikkan pangkat sebagai Ketua Pegawai Risiko & Tadbir Urus.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:

- Tiada

Profil
Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

NURUL HASANAH AHAMED HASSAIN MALIM
Ketua Kelestarian Kumpulan

Warganegara Malaysia	Usia 42	Perempuan

Pelantikan jawatan : **1 Mac 2019**

Kelayakan Akademik/Profesional:
- LLM dalam Undang-undang Hak Asasi Manusia dari University of Nottingham, UK
- LLB (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia
- Pensijilan dalam Program Pembangunan Profesional Berterusan dari University of Glasgow, Scotland
- Anugerah Felo British Foreign Commonwealth Office
- Alumni Program Kepimpinan Pelawat Antarabangsa oleh Biro Hal Ehwal Pendidikan dan Budaya, United States Department of State

Pengalaman:
Nurul Hasanah memiliki pengalaman lebih 17 tahun dalam bidang hak asasi manusia, undang-undang, dan pembangunan dasar. Beliau bekerja dengan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia selama 15 tahun, di mana beliau memulakan kerjaya sebagai Pegawai Perundangan pada 2003. Beliau menjadi Ketua Bahagian Aduan & Siasatan pada 2006, sebelum mengetuai Bahagian Siasatan Kebangsaan selama 2 tahun bermula 2010. Dari 2013 hingga 2015, beliau merupakan Ketua Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan Dasar. Beliau dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kumpulan Bekerja Dasar dan Undang-Undang pada 2015 dan meninggalkan Suruhanjaya pada 2018 bagi menyertai Yayasan Earthworm, sebuah organisasi bukan berkeuntungan antarabangsa, yang dulu dikenali sebagai The Forest Trust. Dalam Yayasan Earthworm, beliau bertanggungjawab menyelia program sawit di Malaysia, dengan tumpuan ke atas Alam Sekitar, Sosial dan Hak Asasi Manusia.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain:
- Tiada

NOR MARHAMAH YAHYA
Penasihat Undang-undang Kumpulan

Warganegara Malaysia	Usia 45	Perempuan

Pelantikan jawatan : **1 Ogos 2019**

Kelayakan Akademik/Profesional:
- Ijazah Sarjana Muda Perundangan (Kepujian) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

Pengalaman:
Nor Marhamah mempunyai lebih 19 tahun pengalaman sebagai peguam korporat dan komersil. Beliau memulakan kerjaya sebagai Pembantu Perundangan di BUSTAMAN pada 2002, sebelum menjadi Rakan Firma di M.Y. Nor & Partners pada pertengahan 2006. Beliau meninggalkan firma tersebut pada Jun 2008 untuk menyertai Astro Entertainment Sdn Bhd sebagai Eksekutif Kanan Perundangan dan seterusnya menjadi Penolong Naib Presiden di MEASAT Broadcast Network Systems Sdn Bhd.

Pada Oktober 2012, beliau menyertai FGV Holdings Berhad di Bahagian Perundangan Kumpulan sebagai Pengurus Kanan, dan dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar pada 2015 sebelum dilantik sebagai penasihat Awam pada Ogos 2019.

Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain:
- Tiada

SHAHARIZAN YUNUS

Ketua Kesihatan, Keselamatan & Persekitaran Kumpulan

Warganegara Malaysia	Usia 43	Male

Pelantikan jawatan : **15 November 2019**

Kelayakan Akademik/Profesional:
- Pensijilan Pegawai Keselamatan dan Kesihatan dan Pensijilan Train the Trainer dari NIOSH Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Marin dari Universiti Kebangsaan Malaysia

Pengalaman:
Shaharizan adalah Juruaudit Dalaman Bertauliah untuk Sistem Pengurusan QMS, EMS, OHSAS dan Komander Perak Bertauliah Sistem Arahan Insiden. Beliau memulakan kerjaya sebagai Eksekutif di Bahagian Keselamatan Pekerjaan di NIOSH Malaysia pada 2002. Di antara Mei 2004 dan Disember 2008, beliau berkhidmat di Gas Malaysia Berhad (sebelum ini Gas Malaysia Sdn Bhd) dan KLCC Urusharta Sdn Bhd sebagai Eksekutif Kesihatan, Keselamatan, Alam Sekitar (HSE) dan Kualiti. Beliau kemudian menyertai IGB Corporation Berhad pada Disember 2008 sebagai Pengurus Keselamatan & Kesihatan, sebelum menjadi penasihat Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan di ABB Malaysia Sdn Bhd pada Oktober 2010.

Shaharizan dilantik sebagai Ketua HSE Negara oleh Llyod's Register (LR) Malaysia & Brunei pada November 2011, sebelum berpindah ke RAPID Pengerang Project Package sebagai Pengurus HSE pada Mei 2017. Beliau menyertai FGV Holdings Berhad sebagai Pengurus Bahagian HSE Kumpulan pada Julai 2018, dan dinaikkan pangkat sebagai Ketua Jabatan pada November 2019.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:
- Tiada

ZALILY MOHAMED ZAMAN KHAN

Ketua Juruaudit Dalaman

Warganegara Malaysia	Usia 55	Perempuan

Pelantikan jawatan : **1 Mac 2012**

Kelayakan Akademik/Profesional:
- Juruaudit Dalaman Bertauliah di Institute of Internal Auditors Inc. (IIA), USA
- Pensijilan dalam Penilaian Kendiri Kawalan yang diberikan oleh Institute of Internal Auditors Inc. (IIA), USA
- Pensijilan dalam Jaminan Pengurusan Risiko yang diberikan oleh Institute of Internal Auditors Inc. (IIA), USA
- Ijazah Sarjana Muda dalam Perakaunan dari University of South Australia
- Akauntan Bertauliah dari Malaysian Institute of Accountants
- Felo, CPA Australia

Pengalaman:
Zalily adalah Akauntan Bertauliah yang terlatih. Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam audit luar dan dalaman. Beliau memulakan kerjaya sebagai juruaudit luar di Hanafiah Raslan & Mohamed pada 1990, yang kemudian bergabung menjadi Arthur Andersen & Co.

Zalily menyertai Sapura Telecommunications Bhd pada 1994 sebagai Pengurus Kewangan Kumpulan menyelia fungsi kewangan empat anak syarikat dalam segmen pengedaran Telco tersebut.

Beliau memulakan kerjaya sebagai juruaudit dalaman apabila berpindah ke Golden Hope Plantations Berhad pada tahun 2000 memegang jawatan Timbalan Pengurus Besar untuk Jabatan Audit Dalaman. Dengan penggabungan tiga syarikat perladangan pada 2007, beliau dilantik sebagai Naib Presiden Jabatan Jaminan Korporat Kumpulan bagi Bahagian Perladangan Sime Darby Berhad. Pada 2008, beliau menjadi Pengurus Besar dan Ketua Audit Dalaman Kumpulan Boustead Holdings Berhad di mana beliau meneraju audit dalaman merangkumi tiga anak syarikat tersenarai. Pada 2012, beliau menyertai FGV sebagai Ketua Juruaudit Dalaman, serta audit dalaman MSM Malaysia Holdings Berhad.

Beliau juga pernah menjadi ahli jawatankuasa Penyelidikan dan Penasihat Teknikal Institut Juruaudit Dalaman Malaysia untuk beberapa tahun.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:
- Tiada

Profil
Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan

KOO SHUANG YEN

Setiausaha Syarikat

Warganegara Malaysia	Usia 59	Perempuan

Pelantikan jawatan : **30 Jun 2014**

Kelayakan Akademik/Profesional:

- Ahli bersekutu Chartered Institute of Management Accountants, UK
- Akauntan Bertauliah Malaysian Institute of Accountants

Pengalaman:

Koo Shuang Yen adalah Akauntan Bertauliah yang terlatih. Beliau mempunyai hampir 30 tahun pengalaman dalam bidang kewangan, perakaunan dan amalan kesetiausahaan korporat, merangkumi pelbagai aktiviti korporat termasuk penyenaraian, penggabungan dan pengambilalihan, serta usahasama.

Koo Shuang Yen merupakan mantan Setiausaha Syarikat Felda Holdings Berhad dan Kumpulan Syarikatnya dari 1995 hingga 2012. Pada masa yang sama, beliau memegang beberapa jawatan lain di pelbagai syarikat di dalam Kumpulan Felda Holdings Berhad. Beliau merupakan Ketua Kewangan di Felda Engineering Services dan Felda Enterprises Sdn Bhd, masing-masing dari 1991 hingga 2006 dan dari 2007 hingga 2008. Pada 2009, beliau menjadi Akauntan Kumpulan bagi Bahagian Penghiliran di Felda Holdings Berhad, dan kemudian sebagai Pengurus Besar Kanan untuk Kewangan Kumpulan pada 2011.

Koo Shuang Yen dilantik sebagai Setiausaha Syarikat untuk MSM Malaysia Holdings Berhad dan Kumpulan Syarikatnya pada 2011, jawatan yang dipegang beliau sehingga kini. Selepas penyenaraian FGV Holdings Berhad pada 2012, beliau memegang jawatan Ketua Unit Kluster & Perakaunan dari 2013 hingga Ogos 2016, dan juga Ketua Unit Belanjawan dari 2015 hingga Ogos 2016. Dari Julai 2016 hingga Disember 2017, beliau merupakan Naib Presiden Kanan di Pejabat Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan di FGV Holdings Berhad.

Keahlian Lembaga di syarikat awam lain:

- Tiada

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat

Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat (CGOS) ini dihasilkan selaras dengan Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (MMLR) dan sejajar dengan prinsip-prinsip dan amalan-amalan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (MCCG 2021). Ia harus dibaca bersama Laporan Tadbir Urus Korporat 2021 (Laporan CG) yang boleh didapati di laman web Syarikat di www.fgvholdings.com.

Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah
- Rangka Kerja Tadbir Urus dan Integriti Kami
- Tanggungjawab, Penyeliaan dan Kebebasan
- Aktiviti-aktiviti Lembaga Pengarah TK2021
- Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah iaitu Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah
- Induksi dan Pembangunan Profesional Berterusan
- Laporan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan
- Imbuhan Para Pengarah
- Imbuhan Pengurusan Kanan

Muka surat 105 – 124

Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan
- Laporan Jawatankuasa Audit
- Hubungan dengan Juruaudit Luar
- Audit Dalaman Kumpulan
- Laporan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Kumpulan

Muka surat 125 – 134

Integriti dalam Pelaporan Korporat dan Libat Urus Bermakna bersama Pihak Berkepentingan
- Komunikasi dengan Pihak Berkepentingan Kami

Muka surat 135 – 139

> Di FGV, kami percaya bahawa budaya yang diterapkan dengan nilai-nilai etika dan integriti harus menjadi tonggak matlamat tadbir urus kami. Pada tahun ini, Kumpulan telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi memupuk kesedaran serta mengukur keberkesanan rangka kerja tadbir urus dan aktiviti-aktiviti integriti kami. Kami dengan sukacitanya melaporkan bahawa tinjauan yang dijalankan oleh FGV dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia menggunakan Alat Penilaian Integriti menunjukkan skor 81% berbanding 68% pada tahun 2018. Ini bermakna Kumpulan berada pada landasan yang betul ke arah mempertingkatkan integriti dan tadbir urus korporat FGV. Kami, Lembaga Pengarah, akan terus berusaha memastikan bahawa nilai-nilai tadbir urus dan integriti diterapkan dalam strategi dan operasi-operasi FGV. Ini akan menyokong semua langkah-langkah bagi memastikan FGV dan pekerjanya mengekalkan piawai etika yang tinggi pada setiap masa.
>
> Dato' Dzulkifli Abd Wahab

Lembaga Pengarah sukacita membentangkan CGOS yang menyediakan ringkasan mengenai amalan-amalan tadbir urus korporat FGV sepanjang TK2021 berdasarkan tiga prinsip MCCG:

Prinsip A
Kepimpinan dan Keberkesanan Lembaga Pengarah

Prinsip B
Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan (10 Amalan)

Prinsip C
Integriti dalam Pelaporan Korporat dan Penglibatan Bermakna bersama Pihak Berkepentingan (8 Amalan)

Penyata Tadbir Urus
Korporat

LEMBAGA PENGARAH

Saiz terkini Lembaga Pengarah adalah bersesuaian dengan saiz dan kepelbagaian operasi Kumpulan Syarikat-syarikat FGV (Kumpulan FGV atau Kumpulan). Terdapat juga gabungan kemahiran yang baik kerana keempat-empat Pengarah Bebas membawa bersama pengalaman dan kemahiran khusus dalam bidang perladangan, kewangan, tadbir urus korporat, pengurusan perniagaan, kelestarian dan Hiliran. FGV juga berjaya mengekalkan perwakilan 30% wanita dalam Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah akan terus melantik Pengarah Bebas bagi mencapai jumlah majoriti Pengarah Bebas dalam Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah menyedari kepentingan menerapkan langkah-langkah kelestarian ke dalam operasi harian dan strategi perniagaan bagi mengekalkan kewujudan perniagaannya serta mewujudkan nilai untuk pihak berkepentingan FGV. Sejajar dengan aspirasi FGV, rangka kerja kelestariannya merangkumi komponen-komponen utama Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), inovasi dan transformasi sebagai teras utama agenda kelestarian FGV. Rangka kerja ini akan membantu memperbaiki penilaian ESG FGV dan membolehkan gunapakai rangka kerja kelestarian korporat yang tepat dan komprehensif bagi membantu FGV mencapai matlamatnya menjadi operasi perniagaan dengan impak sifar.

RANGKA KERJA TADBIR URUS DAN INTEGRITI

FGV mempunyai rangka kerja tadbir urus dan integriti yang mantap yang ditanda aras berdasarkan amalan-amalan terbaik serta memenuhi keperluan operasi FGV yang sentiasa berubah. Kumpulan melaksanakan proses tadbir urus di seluruh Kumpulan dan menyemaknya secara kerap bagi memastikan ia kekal relevan kepada operasi Kumpulan.

RINGKASAN INISIATIF-INISIATIF UTAMA PADA TK2021

Pada TK2021, FGV menumpukan perhatian kepada aspek-aspek utama berikut:

Sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk menjadi operasi perniagaan impak sifar, komitmen FGV untuk menjadi entiti sifar pelepasan gas diformalkan menjelang 2050, dengan menandatangani ikrar Aspirasi Perniagaan 1.5°C initiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). FGV juga memperbaiki kedudukan SPOTT ke tangga ke-19 (sebelum ini tangga ke-23).

Langkah-langkah sewajarnya juga telah diambil bagi memperkukuhkan program pencegahan rasuah dengan menyemak dan melaksanakan dasar-dasar dan prosedur-prosedur pemberi maklumat dan pencegahan rasuah untuk Kumpulan yang, pada tahap minima, dipandu oleh Garis Panduan Prosedur yang Mencukupi sejajar dengan Seksyen 17A(5) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta MACC 2009).

Analisis jurang ke atas pelaksanaan dan gunapakai amalan-amalan MCCG berbanding amalan-amalan FGV serta beberapa pelan tindakan juga dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan dan keputusan yang merangkumi gunapakai amalan-amalan MCCG dengan meminda Perlembagaan Lembaga Pengarah, Terma-terma Rujukan (ToR) Jawatankuasa Lembaga Pengarah serta Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC) serta lain-lain dasar berkaitan bagi menutup jurang-jurang tersebut.

FGV juga telah melaksanakan semakan ke atas beberapa dasar utamanya bagi memastikan bahawa dasar-dasar dan prosedur-prosedurnya kekal relevan dengan perniagaan dan operasi Kumpulan.

FGV menerusi pasukan tindakan COVID-19 telah menguruskan pandemik ini dan impaknya dengan melaksanakan langkah-langkah pemantauan dan mitigasi yang sewajarnya termasuk, antara lainnya, mempertingkatkan kadar vaksinasi dalam kalangan pekerjanya dan pengenalan satu dasar baharu bagi mengawal selia pusat-pusat kuarantin dan pengasingan di ladang selain menyediakan bantuan kebajikan kepada pekerja yang terkesan.

PELAKSANAAN MCCG 2021

Untuk TK2021, FGV telah menggunapakai prinsip-prinsip dan amalan-amalan MCCG 2021 serta amalan-amalan Step Up, kecuali untuk Amalan-amalan 5.3, 5.7, 5.10, 8.2 dan 13.5 serta Step Up 8.3 dan 9.4. Butiran mengenai bagaimana Syarikat menggunapakai setiap amalan seperti yang dibentangkan dalam MCCG sepanjang TK2021 serta penjelasan mengenai pelepasannya boleh didapati dalam Laporan Tadbir Urus Korporat Syarikat yang boleh didapati di laman web Syarikat.

Ringkasan penjelasan dinyatakan dalam jadual di bawah:

Amalan	Ringkasan Penjelasan
Amalan 5.3	Tidak berkenaan - Step Up 5.4 digunapakai.
Amalan 5.7	Pernyataan asas persetujuan Lembaga Pengarah mengenai pelantikan semula para Pengarah yang bersara disediakan tetapi pernyataan Lembaga Pengarah mengenai sebab-sebab sokongan Lembaga Pengarah terhadap pelantikan semula para Pengarah yang bersara tidak dinyatakan dalam LBT 2020.
Amalan 5.10	Setakat 31 Disember 2021, tiada dasar kepelbagaian jantina untuk Pengurusan Kanan (ahli-ahli GMC), tiada sasaran berangka kepelbagaian jantina (sasaran peratusan) telah ditetapkan dan tiada mekanisme bagi menjejak prestasi berbanding sasaran-sasaran dan langkah-langkah yang diambil untuk memenuhi sasaran-sasaran tersebut.
Amalan 8.2	Butiran mengenai lima komponen utama imbuhan Pengurusan Kanan (termasuk gaji, bonus, manfaat barangan, dan lain-lain emolumen) atas asas yang dinamakan seperti yang dinyatakan dalam jadual Laporan Tadbir Urus Korporat di bawah Amalan 8.2 tidak didedahkan kepada awam pada TK2021.
Amalan 13.5	Soalan berulang dan kurang penting yang diutarakan oleh pemegang saham tidak didedahkan kepada ahli-ahli mesyuarat semasa Mesyuarat Agung Tahunan ke-13 (MAT) pada 2021.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus

Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga Pengarah

TADBIR URUS DAN INTEGRITI FGV

PERANAN PENGAWASAN & SEMAKAN PENGURUSAN

PAPAN UTAMA
- Perlembagaan Lembaga
- Tatacara Perniagaan
- Tataetika dan Tatakelakuan

JAWATANKUASA LEMBAGA
- Terma-terma Rujukan/ Bidang Tugas

GCEO

JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN
- GCFO
- Ketua-ketua Sektor
- Ketua-ketua Pusat Korporat

Sektor Perniagaan | **Pusat Korporat**



Operasi | **Pusat Sokongan**

PENGAWAL SELIA LUARAN & AMALAN TERBAIK

SYARIKAT BERDAFTAR
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (CCM)
  - Akta Syarikat 2016

SYARIKAT PERLADANGAN
- Lembaga Kelapa Sawit Malaysia (MPOB)
- Majlis Persijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC)
  - Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO)
- Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO)

SYARIKAT TERSENARAI AWAM
- Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Securities)
  - Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama (Keperluan Penyenaraian)
- MCCG 2021

JAMINAN TADBIR URUS | **PROSES & KAWALAN TADBIR URUS** | **KEPERLUAN TADBIR URUS**

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga Pengarah

TANGGUNGJAWAB, PENYELIAAN DAN KEBEBASAN

KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah, menerusi Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, menyemak dari semasa ke semasa saiz dan komposisi Lembaga Pengarah bagi menentukan sama ada Lembaga Pengarah memiliki saiz yang betul dan kepelbagaian yang mencukupi dengan elemen-elemen bebas, mencadangkan pelantikan baharu dalam Lembaga Pengarah dan memantau keperluan penggantian Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mempunyai dasar kepelbagaian yang bertujuan untuk menggunapakai dan mencapai kepelbagaian Lembaga Pengarah berdasarkan sistem meritokrasi tanpa diskriminasi, terutamanya dari segi jantina dan etnik. Lembaga Pengarah berusaha mengekalkan minima 30% Pengarah wanita dalam komposisinya. Lembaga Pengarah menyedari manfaat memiliki Lembaga Pengarah yang berkepelbagaian dan justeru itu mengambil langkah-langkah aktif bagi memastikan kepelbagaian dalam profil Lembaga Pengarah dari segi umur, jantina, perspektif, latar belakang akademik, pengalaman dan kemahiran, berfungsi dalam kombinasi terbaik demi keberkesanan fungsi kepimpinan Lembaga Pengarah. Butiran terperinci mengenai komposisi dan kemahiran Lembaga Pengarah dibentangkan pada mukasurat 84 dalam Laporan ini.

PERLEMBAGAAN LEMBAGA PENGARAH

Perlembagaan Lembaga Pengarah menetapkan peranan, komposisi, dan tanggungjawab Lembaga Pengarah FGV. Ini termasuk nilai-nilai utama, prinsip-prinsip dan falsafah Syarikat. Perlembagaan Lembaga Pengarah bertujuan memandu Lembaga Pengarah FGV dalam peranan kepimpinannya dalam Kumpulan berdasarkan Keperluan Penyenaraian Bursa Securities dan Akta Syarikat 2016. Selain itu, ia berhasrat menggunapakai amalan-amalan dan panduan yang lebih baik daripada MCCG, Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Securities, serta lain-lain peraturan dan kawal selia atau amalan-amalan terbaik.

Semakan terakhir perlembagaan dilakukan pada 30 November 2021.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah bertanggungjawab ke atas pengendalian perniagaan Kumpulan keseluruhannya dan mempunyai kuasa serta tugasan seperti yang dibentangkan dalam Perlembagaan Lembaga Pengarah. Secara amnya, Lembaga Pengarah:

1. Menyemak dan menggunapakai Pelan Strategik yang lestari untuk perniagaan Kumpulan.
2. Menyelia pengendalian perniagaan Kumpulan.
3. Mengenalpasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan kawalan dalaman dan langkah-langkah mitigasi yang sesuai.
4. Menyemak pelan penggantian, pelantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Ahli-ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.
5. Menyelia pembangunan dan pelaksanaan program-program Hubungan Pelabur dan Dasar Komunikasi Pemegang Saham.
6. Menyemak kecukupan dan integriti maklumat pengurusan dan sistem kawalan dalaman Kumpulan, termasuk sistem pematuhan terhadap undang-undang, kawal selia, peraturan, arahan, garis panduan, tadbir urus dan rangka kerja integriti yang berkaitan.

Butiran penuh mengenai peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dinyatakan dalam Perlembagaan Lembaga Pengarah.

PIAWAI ETIKA FORMALISASI

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah mematuhi prinsip-prinsip tatalaku beretika seperti yang terkandung dalam Kod Etika dan Tatalaku Pengarah (CoEC) serta Kod Amalan Perniagaan Pengarah (CoBP). CoEC dan CoBP Pengarah menyenaraikan piawaian-piawaian etika dan tatalaku yang dijangka daripada semua Pengarah Kumpulan FGV. Kesemua Pengarah telah memberi komitmen untuk mematuhi CoEC dan CoBP Pengarah menerusi deklarasi yang ditandatangani. CoEC dan CoBP Pengarah disediakan untuk para Pengarah dan diterbitkan dalam laman web kami.

FGV juga mempunyai Kod Tatalaku dan Etika Perniagaan untuk pekerja (COBCE). COBCE ialah panduan untuk memandu pekerja kami dalam mendukung nilai-nilai Kumpulan dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan menerusi amalan-amalan perniagaan yang jujur, telus, dan beretika. Lembaga Pengarah dan pekerja Kumpulan berusaha mematuhi amalan-amalan terbaik tadbir urus korporat selain memastikan pematuhan piawai integriti dan kelakuan tertinggi oleh FGV, termasuk dalam interaksi bersama para pelanggan, pembekal, pekerja dan rakan-rakan perniagaan di dalam komuniti dan persekitaran di mana FGV beroperasi. COBCE boleh didapati dalam Sistem Pengurusan Pematuhan (hab dalaman) untuk akses mudah pekerja manakala usaha kesedaran berkala dijalankan menerusi jelajah jalanan dan forum.

Kumpulan juga memiliki Dasar Pemberi Maklumat yang membantu komuniti FGV melaporkan sebarang perlakuan tidak wajar tanpa perlu berasa risau tentang hukuman atau layanan tidak adil.

Maklumat lanjut mengenai Perlembagaan Lembaga Pengarah dan COBCE boleh didapati di www.fgvholdings.com.

PERKARA-PERKARA KHUSUS DALAM SELIAAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab kolektif menggalakkan kelestarian dan kejayaan jangka panjang Kumpulan dengan menyediakan kepimpinan keusahawanan dalam rangka kerja dengan kawalan yang berhemah dan berkesan. Justeru, Lembaga Pengarah komited kepada piawai integriti dan etika tertinggi. Perkara-perkara khusus untuk pertimbangan dan keputusan Lembaga Pengarah termasuk:

1. Pelantikan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.
2. Imbuhan Lembaga Pengarah, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.
3. Pelan strategik, pelaburan, pembubaran, pembahagian kuasa dan sebarang perubahan besar kepada halatuju strategik Kumpulan.
4. Belanjawan Tahunan, Penyata Kewangan, Keputusan Suku Tahunan, dividen, hal-hal berkaitan pengurusan risiko dan kawalan serta keputusan kewangan.

HAD KUASA

Pembahagian kuasa Lembaga Pengarah kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan GCEO adalah sejajar dengan Perlembagaan Lembaga Pengarah, yang membentangkan Had Kuasa (LOA) Kumpulan yang diluluskan. Had ini mewujudkan rangka kerja kuasa dan akauntabiliti yang kukuh dalam Kumpulan, termasuk pembahagian tugas, yang membantu pembuatan keputusan yang tepat, efektif dan berkualiti pada tahap sewajarnya dalam hierarki Kumpulan.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Walaupun Lembaga Pengarah mengekalkan jadual seliaan mereka, tanggungjawab Lembaga Pengarah dilaksanakan menerusi pembahagian tugas kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah beroperasi berpandukan Terma Rujukan (ToR) masing-masing seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. ToR ini disemak dan dikemaskini secara kerap bagi memastikan ia kekal relevan kepada operasi FGV serta untuk mematuhi perundangan dan piawai yang berkaitan. Semakan terakhir dilakukan pada 30 November 2021. ToR Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah yang diluluskan boleh didapati di www.fgvholdings.com.

Lembaga Pengarah kini mempunyai lima Jawatankuasa Lembaga Pengarah seperti berikut:

1. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (NRC);
2. Jawatankuasa Audit (AC);
3. Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga (BGRMC);
4. Jawatankuasa Pelaburan (IC); dan
5. Jawatankuasa Kelestarian Lembaga (BSC).

Komposisi dan rekod kehadiran mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah ini boleh didapati pada muka surat 85 Laporan ini. Laporan NRC, Laporan AC dan Laporan BGRMC boleh didapati di muka surat 117 hingga 134 dalam Laporan ini.

Jawatankuasa Kelestarian Lembaga ditubuhkan pada 1 September 2021 bagi membantu Lembaga Pengarah dalam tanggungjawab penyeliaannya berhubung dasar-dasar, strategi-strategi, rangka kerja, inisiatif, sasaran, prinsip-prinsip dan amalan-amalan terbaik Kelestarian Kumpulan.

IC bertanggungjawab memastikan pelaburan yang dibuat sejajar dengan objektif, visi dan selera risiko keseluruhan Kumpulan, manakala BSC bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab penyeliaannya berhubung dasar-dasar, strategi-strategi, rangka kerja, inisiatif, sasaran, prinsip-prinsip dan amalan-amalan terbaik Kelestarian Kumpulan. Jawatankuasa Tender Lembaga Pengarah (BTC) dibubarkan pada 20 April 2021 dan semua tugas pertimbangan di bawah bidang kuasa BTC diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk perbincangan dan kelulusan.

Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah membincangkan isu-isu secara menyeluruh dan mendalam sebelum mencadangkan kepada Lembaga Pengarah diputuskan. Walaupun dengan kewujudan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan badan-badan berkuasa di bawah ToR masing-masing, tanggungjawab utama ke atas hal ehwal FGV dan diputuskan oleh Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah dimaklumkan mengenai perkara-perkara dan resolusi-resolusi penting yang dibincangkan oleh setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah menerusi laporan oleh Pengerusi setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan Minit Mesyuarat setiap Jawatankuasa Lembaga Pengarah dibentangkan pada mesyuarat Lembaga Pengarah seterusnya.

Pada TK2021, tiada Mesyuarat Jawatankuasa Lembaga Pengarah digabungkan dengan mesyuarat Lembaga Pengarah.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga Pengarah

TANGGUNGJAWAB, PENYELIAAN DAN KEBEBASAN

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi Lembaga Pengarah (Pengerusi) tidak memegang jawatan Pengerusi dalam mana-mana Jawatankuasa Lembaga Pengarah kecuali BSC. Oleh kerana kelestarian adalah penting kepada FGV, Pengerusi akan mempengerusikan BSC hingga amalan-amalan kelestarian berakar umbi dalam strategi dan operasi perniagaan harian FGV.

Lembaga Pengarah membahagikan pelaksanaan strategi, operasi dan pengurusan harian Kumpulan kepada GCEO. GCEO melapor terus kepada Lembaga Pengarah.

Jawatan Pengerusi dan GCEO dipegang oleh dua individu berbeza. Ini bagi memastikan keseimbangan kuasa dengan pembahagian tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas. Pembahagian peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan GCEO ditakrif dengan jelas di dalam Perlembagaan Lembaga Pengarah.

GCEO

GCEO bertanggungjawab melaksanakan program-program bagi mencapai matlamat dan visi Syarikat serta Kumpulan, sejajar dengan strategi-strategi, selera risiko, dasar-dasar, program-program dan kehendak prestasi yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Beliau juga bertanggungjawab ke atas pengurusan dan pembangunan Kumpulan.

Polis tambahan FGV bertanggungjawab menjaga keselamatan aset Kumpulan.

JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN

Selain Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah juga membahagikan tanggungjawab kepada GCEO termasuk hal-hal pentadbiran dan kelulusan perkara-perkara yang mana pada dasarnya telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC) ditubuhkan bagi menyokong GCEO. Komposisi GMC dan butiran penuh mengenai tugas dan tanggungjawab GMC dinyatakan pada muka surat 94 Laporan ini.

SETIAUSAHA SYARIKAT

Lembaga Pengarah melantik Setiausaha Syarikat yang memainkan peranan penasihat kepada Lembaga Pengarah. Setiausaha Syarikat juga memantau perkembangan tadbir urus korporat dan membantu Lembaga Pengarah melaksanakan amalan-amalan terbaik bagi memenuhi keperluan Lembaga Pengarah dan jangkaan pihak berkepentingan. Profil Setiausaha Syarikat dibentangkan pada muka surat 102 dalam Laporan ini.

AKSES KEPADA MAKLUMAT DAN NASIHAT

Lembaga Pengarah mempunyai akses penuh dan tanpa had kepada sesiapa di dalam Kumpulan bagi menjalankan siasatan dan mendapatkan maklumat berkenaan Kumpulan, termasuk akses kepada Juruaudit dan perunding Syarikat. Lembaga Pengarah juga boleh mendapatkan nasihat profesional dalaman dan luar di atas perbelanjaan Syarikat.

Lembaga pengarah berusaha menggalakkan persekitaran tanpa kertas dalam semua mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, di mana akses digital diberikan untuk kertas-kertas mesyuarat kecuali untuk edaran salinan cetak.

Agenda dan kertas-kertas mesyuarat diedarkan lebih awal, bagi memberikan ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah masa yang cukup untuk menyemak perkara-perkara yang akan dibincangkan dan bagi membolehkan perbincangan dan pembuatan keputusan yang berkesan semasa mesyuarat.

AKTIVITI LEMBAGA PENGARAH TK2021

AKTIVITI LEMBAGA PENGARAH TAHUN INI

Aktiviti Lembaga Pengarah dijalankan bagi meluluskan, memantau dan menyokong pengurusan eksekutif dalam penyampaian srategi Kumpulan di dalam rangka kerja tadbir urus FGV. Perkara-perkara utama dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah pada TK2021 adalah seperti berikut:

Strategi, Risiko dan Kelestarian

- Analisis Impak COVID-19.
- Rangka Kerja Strategik untuk FGV.
- Belanjawan TK2021 dan Pelan Strategik 3 tahun (Pelan Perniagaan) dengan fokus ke atas peningkatan operasi dan pengukuhan tadbir urus serta akauntabliti sejajar dengan status FGV sebagai syarikat tersenarai awam.
- Penunjuk Prestasi Utama (KPI) TK2021 untuk Pengurusan Kanan.
- Semakan struktur organisasi.
- Laporan suku tahunan merangkumi 10 risiko utama Kumpulan, Penyata Selera Risiko, risiko-risiko utama melangkaui daftar risiko, projek, risiko baru muncul dan risiko reputasi.
- Laporan tahunan kemaskini kelestarian dan inisiatif-inisiatif utama.
- Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US CBP) Perintah Tahanan Pelepasan (WRO) ke atas FGV, anak-anak syarikatnya dan syarikat-syarikat usahasama berkaitan minyak sawit dan produk-produk minyak sawit.
- Pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan Pensijilan Minyak Sawit Lestari Malaysia (MSPO).
- Laporan kebolehjejakan Tandan Buah Segar (BTS).

Pelaburan dan Pembubaran

- Rasionalisasi dan pelan tindakan untuk perniagaan bukan teras dan tidak berprestasi.
- Pembubaran, pencairan dan penghapusan anak syarikat dan syarikat usahasama bukan teras dan tidak berprestasi.
- Perjanjian Usahasama dan Memorandum Persefahaman.
- Tawaran Pengambilalihan Mandatori Tidak Bersyarat oleh FELDA menerusi Maybank Investment Bank Berhad bagi mengambilalih baki saham biasa dalam FGV (Saham FGV) (kecuali saham perbendaharan) yang bukan sedia dipegang oleh FELDA dan pegawai bertindak termasuk semua saham FGV di bawah Pelan Insentif Jangka Panjang FGV (LTIP) untuk pertimbangan tunai RM1.30 sesaham.

Pelan Penggantian, Pelantikan, Imbuhan dan Lain-lain

- Penilaian Prestasi Lembaga Pengarah/Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah.
- Pelan Peningkatan Lembaga Pengarah.
- Penilaian tahunan kebebasan Pengarah Bebas.
- Semakan komposisi Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.
- Pelantikan Pengarah Lantikan Kerajaan (Pengerusi, Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif) dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.
- Pelantikan Pengurusan Kanan.
- Pelantikan semula Pengarah FGV.
- Yuran tahunan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.
- Bayaran bonus prestasi dan merit kepada pekerja Kumpulan FGV.
- Kenaikan gaji untuk pekerja Kumpulan FGV.
- Pelarasan gaji Pengurusan Kanan.

Tadbir Urus

- Gunapakai Garis Panduan Suruhanjaya Sekuriti mengenai tatalaku Pengarah syarikat-syarikat tersenarai dan anak syarikat mereka.
- Semakan Perlembagaan Lembaga Pengarah dan ToR Jawatankuasa Lembaga Pengarah.
- Semakan dasar-dasar Kumpulan.
- Jadual Mesyuarat Lembaga Pengarah FGV untuk tahun 2022.
- Analisis jurang gunapakai prinsip-prinsip dan amalan-amalan dalam MCCG 2021.
- Kemaskini litigasi material di dalam Kumpulan.
- Siasatan dalaman.
- Proses berkaitan pelaburan lalu Kumpulan.
- Penubuhan Polisi Vaksinasi COVID-19 & Variannya

Kewangan

- Penyata kewangan diaudit untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020 bersama Laporan Pengarah dan Juruaudit.
- Laporan suku tahunan keputusan digabungkan.
- Laporan suku tahunan urusniaga berulang pihak berkaitan Kumpulan FGV.
- Pelantikan semula juruaudit luar untuk TK2021.
- Yuran audit Kumpulan FGV untuk TK2021.
- Khidmat bukan audit oleh PricewaterhouseCoopers PLT.
- Dividen untuk Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020.
- Prestasi kewangan Kumpulan berbanding belanjawan dan sasaran prestasi utama.
- Langkah penjimatan kos pada TK2021 untuk Kumpulan FGV.
- Pekeliling kepada pemegang saham mengenai cadangan pembaharuan mandat pemegang saham dan cadangan mandat baharu pemegang saham untuk urusniaga berulang pihak berkaitan bersifat perolehan atau perdagangan untuk Kumpulan FGV.
- Laporan Bersepadu Tahunan FGV 2020 termasuk Penyata Pengerusi, Utusan GCEO, Perbincangan & Analisis Pengurusan, CGOS, Laporan Tadbir Urus Korporat, Laporan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman serta Penyata Kelestarian.
- Terbitan program Sekuriti Jangka Pendek Patuh Syariah (Sukuk Murabahah) sehingga RM500.0 juta dalam nilai nominal berdasarkan prinsip Syariah murabahah (menerusi pengurusan tawarruq).

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga Pengarah

PENILAIAN PRESTASI LEMBAGA PENGARAH/PENILAIAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH

FGV menjalankan penilaian prestasi Lembaga Pengarah iaitu Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEA) secara tahunan. Proses BEA adalah seperti berikut:



BEA 2021 dijalankan bagi menilai keberkesanan Lembaga Pengarah secara amnya, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah serta setiap Pengarah sejajar dengan Perenggan 15.08A(3)(c) Keperluan Penyenaraian Bursa Securities, Amalan 6.1 MCCG serta Dasar dan Prosedur Pencalonan dan Pemilihan Lembaga Pengarah (Dasar BNE), termasuk tempoh jawatan setiap Pengarah, penilaian kebebasan Pengarah Bebas, semakan prestasi Lembaga Pengarah dalam menangani risiko dan peluang kelestarian material Syarikat serta semakan tempoh jawatan dan prestasi AC dan ahli-ahlinya bagi menentukan sama ada mereka telah menjalankan tugas mengikut ToR AC.

Mengikut Dasar BNE, seorang perunding bebas profesional (perunding luar) dilantik bagi membantu NRC mengendalikan BEA yang objektif dan telus.

KPMG Management & Risk Consulting Sdn Bhd (KPMG) dilantik untuk menjalankan BEA 2021. Seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah, BEA 2021 adalah berdasarkan pendekatan penilaian bilateral iaitu dinilai oleh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.

Borang penilaian dirangka oleh KPMG berdasarkan borang penilaian sedia ada dalam Dasar BNE. Borang penilaian/kaji selidik kemudian diedarkan dan dilengkapkan oleh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.

KPMG mengadakan temuramah bersama Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Pengurusan Kanan terpilih secara sulit bagi mendapatkan pandangan mengenai maklumbalas borang penilaian tersebut.

Maklumbalas borang penilaian dan semasa temuramah dikumpul dan dianalisis oleh KPMG.

Keputusan BEA 2021 dibentangkan oleh KPMG kepada Pengerusi dan Timbalan Pengerusi dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah.

Dalam Laporan BEA 2021, KPMG menggariskan kekuatan Lembaga Pengarah termasuk pelan penggantian Lembaga Pengarah, pengalaman dalam bilik lembaga pengarah, kepimpinan kewangan serta komitmen dan sikap proaktif. KPMG juga memberi saranan untuk pertimbangan penambahbaikan termasuk vektor pelaporan FGV, hubungan kerja di antara Lembaga Pengarah dan Pengurusan, kecekapan fungsi pencalonan dan konfigurasi lembaga pengarah serta aliran maklumat dan pentadbiran bilik lembaga pengarah.

KPMG juga mengeluarkan kad laporan untuk setiap Pengarah yang merangkumi cadangan latihan yang diperlukan oleh mereka berdasarkan penilaian bilateral. Skor bagi setiap Pengarah ditabulasi berdasarkan maklumbalas kaji selidik yang dikumpul oleh Pengerusi dan Timbalan Pengerusi.

Lembaga Pengarah telah memulakan Pelan Penambahbaikan Lembaga Pengarah berdasarkan cadangan-cadangan tersebut.

PEMILIHAN SEMULA PENGARAH

Untuk tujuan menentukan kelayakan Pengarah untuk dipilih semula pada MAT ke-14, Lembaga Pengarah menerusi NRC menilai setiap Pengarah yang akan bersara dan mempertimbangkan yang berikut:

- Prestasi dan sumbangan Pengarah berdasarkan keputusan BEA 2021;
- Tahap sumbangan Pengarah kepada perbincangan Lembaga Pengarah menerusi kemahiran, pengalaman dan kekuatan kualiti beliau; dan
- Tahap kebebasan yang ditunjukkan oleh Pengarah Bebas serta kemahiran beliau untuk bertindak demi kepentingan Syarikat dalam pembuatan keputusan.

Penilaian ke atas kebebasan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (INED) juga dijalankan berdasarkan kriteria di bawah Keperluan Penyenaraian, dan kedua-dua NRC dan Lembaga Pengarah bersetuju bahawa INED yang layak untuk pemilihan semula pada MAT ke-14 telah mengekalkan kebebasan mereka sepanjang tempoh jawatan sebagai Pengarah Syarikat.

Berdasarkan keputusan penilaian di atas, Lembaga Pengarah meluluskan saranan NRC bahawa Pengarah yang bersara harus dipilih semula. Profil para Pengarah untuk pemilihan semula dibentangkan pada muka surat 86 hingga 93 dalam Laporan ini. Sebab-sebab untuk sokongan Lembaga Pengarah bagi pemilihan semula ini dinyatakan di bawah.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga Pengarah

PENILAIAN PRESTASI LEMBAGA PENGARAH/PENILAIAN KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH

PERSARAAN MENGIKUT GILIRAN SEJAJAR DENGAN KLAUSA 97 PERLEMBAGAAN SYARIKAT

Klausa 97 Perlembagaan Syarikat menyatakan bahawa pada setiap MAT, satu pertiga (1/3) daripada Pengarah terkini, atau jika angka tersebut bukan dalam gandaan tiga, angka terdekat kepada satu pertiga (1/3) dengan minimum seorang harus bersara dari jawatan. Selain itu, setiap Pengarah harus bersara sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun tetapi layak untuk pemilihan semula. Klausa 98 Perlembagaan Syarikat menyatakan bahawa Pengarah yang akan bersara adalah yang telah berkhidmat paling lama sejak pelantikan terakhir, tetapi untuk dua individu yang dilantik kali terakhir sebagai Pengarah pada hari yang sama, mereka yang bersara akan ditentukan oleh undian (kecuali dipersetujui sesama mereka).

Oleh kerana berkhidmat paling lama, Dato' Amiruddin Abdul Satar akan bersara pada MAT ke-14 dan layak untuk pemilihan semula sebagai Pengarah Syarikat.

- Dato' Amiruddin Abdul Satar dilantik sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (NINED) Syarikat pada 26 Oktober 2020. Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang kewangan dan pengurusan. Sejak pelantikan beliau, Dato' Amiruddin bukan sahaja telah mendalami pengurusan perniagaan korporat dalam syarikat awam, tetapi juga telah memperkayakan gabungan kemahiran Lembaga Pengarah menerusi pengetahuan mendalam beliau dalam tadbir urus kerajaan. Dengan jadual kerja yang padat, beliau menunjukkan komitmen beliau terhadap Syarikat dengan menghadiri 13 daripada 14 (93%) mesyuarat Lembaga Pengarah. Dato' Amiruddin adalah ahli IC dan BSC. Beliau dihormati oleh rakan-rakan dalam pasukan Pengurusan. Beliau mendukung nilai kepercayaan dalam kalangan ahli-ahli Lembaga Pengarah dan menunjukkan sikap profesionalisme dan pandangan objektif. Dari segi sumbangan dan prestasi, Dato' Amiruddin berhubung secara aktif dengan Pengurusan dan mengadakan perbincangan bermanfaat dengan rakan-rakan sekerja beliau.

  Pemilihan semula terakhir Dato' Amiruddin sejajar Klausa 103 Perlembagaan Syarikat adalah pada MAT ke-13 pada 23 Jun 2021. Pada MAT ke-14 akan datang, Dato' Amiruddin akan bersara mengikut giliran sejajar dengan Klausa 97 Perlembagaan Syarikat dan bersetuju untuk dilantik semula sebagai NINED Syarikat untuk tahun akan datang. Berdasarkan penilaian bilateral ke atas prestasi Dato' Amiruddin sepanjang tahun sebagai Pengarah, beliau didapati mempunyai prestasi dan memberi sumbangan yang baik di dalam Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mencadangkan pelantikan semula Dato' Amiruddin untuk pertimbangan pemegang saham.

PELANTIKAN SEMULA PENGARAH SEJAJAR DENGAN KLAUSA 103 PERLEMBAGAAN SYARIKAT

Klausa 103 Perlembagaan Syarikat menyatakan bahawa Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah akan memegang jawatan sehingga penutup MAT Syarikat akan datang dan layak untuk pemilihan semula.

Dato' Nonee Ashirin, Dato' Mohd Radzi, Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad, Puan Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin dan Encik Kasmuri Sukardi yang dilantik sebagai INED Syarikat sejak MAT lepas akan bersara pada MAT ke-14 dan layak untuk pemilihan semula sebagai Pengarah Syarikat. Mereka telah menghadiri dan melengkapkan Program Akreditasi Mandatori (MAP) seperti yang dikehendaki oleh Keperluan Penyenaraian.

- Dato' Nonee Ashirin dilantik sebagai INED Syarikat pada 30 Jun 2021. Beliau adalah Pengerusi IC dan ahli AC serta NRC. Beliau adalah peguam korporat dan komersil dengan pengalaman lebih 20 tahun dalam pelbagai industri. Dengan latar belakang perundangan dan profesional beliau, beliau memberi input berharga dari perspektif industri dan perundangan untuk perbincangan Lembaga Pengarah.

  Pada MAT ke-14 akan datang, Dato' Nonee Ashirin akan bersara sejajar dengan Klausa 103 Perlembagaan Syarikat dan bersetuju untuk dilantik semula sebagai INED Syarikat untuk tahun akan datang. Berdasarkan penilaian bilateral ke atas prestasi Dato' Nonee Ashirin sepanjang tahun sebagai Pengarah, beliau didapati mempunyai prestasi dan memberi sumbangan yang baik di dalam Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mencadangkan pelantikan semula Dato' Nonee Ashirin untuk pertimbangan pemegang saham.

- Dato' Mohd Rafik dilantik sebagai INED Syarikat pada 1 Julai 2021. Beliau ditukarkan jawatan sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif pada 30 Mac 2022. Beliau juga merupakan Pengerusi AC dan NRC serta ahli BGRMC. Beliau mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam industri makanan dan multinasional. Dengan pengalaman dan pengetahuan meluas dalam bidang kewangan dan pengurusan, beliau terus memberi input mengenai hal-hal kewangan dan strategik Syarikat, dan mampu mencabar pengurusan secara kritikal. Beliau lantang bersuara mengutarakan pendapat, serta aktif dalam perbincangan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

  Pada MAT ke-14 akan datang, Dato' Mohd Rafik akan bersara sejajar dengan Klausa 103 Perlembagaan Syarikat dan bersetuju untuk dilantik semula sebagai INED Syarikat untuk tahun akan datang. Berdasarkan penilaian bilateral ke atas prestasi Dato' Mohd Rafik sepanjang tahun sebagai Pengarah, beliau didapati mempunyai prestasi dan memberi sumbangan yang baik di dalam Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mencadangkan pelantikan semula Dato' Mohd Rafik untuk pertimbangan pemegang saham.

- Puan Nik Fazila dilantik sebagai INED Syarikat pada 1 Julai 2021. Beliau adalah ahli BGRMC, NRC, AC dan BSC. Beliau adalah akauntan bertauliah dengan lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang perakaunan. Dengan pengalaman lalu sebagai Ketua Pegawai Kewangan, Ketua Pegawai Operasi Kumpulan dan Pengarah Urusan Kumpulan dalam sebuah syarikat tersenarai, beliau seorang yang analitikal dan mampu memberi pandangan fokal dari perspektif pengurusan. Sebagai INED dalam Syarikat, Puan Nik Fazila mampu memberi input kritikal dan penilaian mengenai isu-isu dari sudut pandang Pengarah dan pengurusan. Beliau memberi maklumbalas kritikal dan pandangan mengenai pelbagai aspek, terutamanya berkaitan kewangan, pelaburan, modal insan dan hal-hal strategik.

  Pada MAT ke-14 akan datang, Puan Nik Fazila akan bersara sejajar dengan Klausa 103 Perlembagaan Syarikat dan bersetuju untuk dilantik semula sebagai INED Syarikat untuk tahun akan datang. Berdasarkan penilaian bilateral ke atas prestasi Puan Nik Fazila sepanjang tahun sebagai Pengarah, beliau didapati mempunyai prestasi dan memberi sumbangan yang baik di dalam Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mencadangkan pelantikan semula Puan Nik Fazila untuk pertimbangan pemegang saham.

- Encik Kasmuri dilantik sebagai INED Syarikat pada 1 Julai 2021. Beliau adalah Pengerusi BGRMC serta ahli IC dan BSC. Beliau mempunyai lebih 48 tahun pengalaman dalam bidang perladangan dan memiliki pengetahuan mendalam mengenai perladangan minyak sawit. Beliau mempunyai sifat ingin tahu dan lantang bersuara dalam mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

  Pada MAT ke-14 akan datang, Encik Kasmuri akan bersara sejajar dengan Klausa 103 Perlembagaan Syarikat dan bersetuju untuk dilantik semula sebagai INED Syarikat untuk tahun akan datang. Berdasarkan penilaian bilateral ke atas prestasi Encik Kasmuri sepanjang tahun sebagai Pengarah, beliau didapati mempunyai prestasi dan memberi sumbangan yang baik di dalam Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah mencadangkan pelantikan semula Encik Kasmuri untuk pertimbangan pemegang saham.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga Pengarah

INDUKSI DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN

Program induksi diadakan untuk Pengarah yang baharu dilantik oleh ahli-ahli GMC bagi menyediakan mereka dengan maklumat yang sepatutnya bagi membantu mereka memahami operasi Kumpulan, isu-isu terkini dan strategi-strategi korporat, serta struktur Pengurusan Kumpulan. Semua Pengarah telah menghadiri dan melengkapkan MAP yang diperlukan di bawah Keperluan Penyenaraian Bursa Securities.

Semua Pengarah digalakkan menghadiri program pendidikan berterusan, ceramah, seminar, bengkel dan persidangan bagi mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka, dan bagi memastikan para Pengarah mengikuti perkembangan dan perundangan terkini yang berkaitan dengan perniagaan. FGV terus mengenalpasti persidangan dan seminar-seminar yang bermanfaat untuk para Pengarah. FGV menyediakan belanjawan khusus untuk tujuan pembangunan berterusan para Pengarah.

Pada 2021, para Pengarah telah menghadiri program-program latihan berikut:

PROGRAM-PROGRAM LATIHAN DIHADIRI LEMBAGA PENGARAH PADA 2021

Senarai Program Latihan	Penganjur
Dato' Dzulkifli Abd Wahab	
Induction Programme (Program Dalaman FGV)	FGV Group Secretarial Division (GSD)
The New Geopolitics of Palm Oil from Neo-Colonialism to Post COVID-19	Universiti Putra Malaysia's Institute of Tropical Forestry and Forest Products (INTROP) in collaboration with French Agriculture Development Centre (CIRAD) & Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
Board Director 101 Series	Boardroom Corporate Services Sdn Bhd
US Forced Labor Legislation: Impact on Corporate Malaysia	KPMG Board Leadership Center
The New Reality of Cyber Hygiene (Program Dalaman FGV)	KPMG Malaysia & FGV GSD
Science and Sustainability Engagement Series 3	Malaysian Palm Oil Council (MPOC)
Why Climate Change Governance is Urgently Needed and the Role of Directors	Climate Governance Malaysia (CGM)
Board Visit to FGV Palm Industries Sdn Bhd and FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd in Johor, Negeri Sembilan and Kelantan	FGV Management
Board of Directors' Strategic Retreat Roundtable Discussion (Program Dalaman FGV)	FGV Group Strategy
COVID Creates Unique Governance Issues	Minority Shareholders Watch Group (MSWG)

Senarai Program Latihan	Penganjur
Dato' Amiruddin Abdul Satar	
Anti-Bribery Management Systems (ABMS) Briefing (Program Dalaman FGV)	FGV Group Governance and Risk Management Division (FGV GGRM)
Board of Directors' Strategic Retreat Roundtable Discussion (Program Dalaman FGV)	FGV Group Strategy
Dato' Shahrol Anuwar Sarman	
ABMS Briefing (Program Dalaman FGV)	FGV GSD & FGV GGRM
Why Climate Change Governance is Urgently Needed and the Role of Directors	CGM
Board of Directors' Strategic Retreat Roundtable Discussion (Program Dalaman FGV)	FGV Group Strategy
COVID Creates Unique Governance Issues	Minority Shareholders Watch Group (MSWG)
Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad	
Induction Programme (Program Dalaman FGV)	FGV GSD
Why Climate Change Governance is Urgently Needed and the Role of Directors	CGM
Board of Directors' Strategic Retreat Roundtable Discussion (Program Dalaman FGV)	FGV Group Strategy
Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi	
Induction Programme (Program Dalaman FGV)	FGV GSD
Corporate Liability Implementation in FGV (Program Dalaman FGV)	FGV GGRM
Why Climate Change Governance is Urgently Needed and the Role of Directors	CGM

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga Pengarah

INDUKSI DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN

Senarai Program Latihan	Penganjur
Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin	
Induction Programme (Program Dalaman FGV)	FGV GSD
Corporate Liability Implementation in FGV (Program Dalaman FGV)	FGV GGRM
Webinar on Securities Commission's Guidelines on the Conduct of Directors of Listed Corporations and Their Subsidiaries	Securities Commission
Why Climate Change Governance is Urgently Needed and the Role of Directors	CGM
Board of Directors' Strategic Retreat Roundtable Discussion (Program Dalaman FGV)	FGV Group Strategy
ESG, Islamic Finance and The Accountancy Profession: The Way Forward	Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)
Plantation Sector Roundtable Series (Program Dalaman)	FGV Group Divisional Plantation Sector
The Net-Zero Journey: What Board Members Need to Know	CGM
Khazanah Megatrends Forum 2021 - The Invention of Tomorrow: Crafting Our New Collective Narrative	Khazanah Nasional Berhad
2nd Future-Proofed Oil Summit (FPPO) 2021	Confexhub Group and the Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT)
Kasmuri Sukardi	
Induction Programme (Program Dalaman FGV)	FGV GSD
Corporate Liability Implementation in FGV (Program Dalaman FGV)	FGV GGRM
MAP	The Iclif Leadership and Governance Centre
Why Climate Change Governance is Urgently Needed and the Role of Directors	CGM
Board Visit to FGV Palm Industries Sdn Bhd and FGV Plantations (Malaysia) Sdn Bhd in Johor, Negeri Sembilan and Kelantan	FGV Management
Board of Directors' Strategic Retreat Roundtable Discussion (Program Dalaman FGV)	FGV Group Strategy

LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

Pengerusi

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad

Ahli-ahli

Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan (NRC) dianggotai secara eksklusif oleh para Pengarah Bukan Eksekutif yang majoritinya adalah Pengarah Bebas. Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad menjadi Pengerusi NRC pada 6 September 2021. Beliau adalah Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif. Lembaga Pengarah percaya bahawa komposisi terkini NRC adalah seimbang dari segi kemahiran, pengetahuan dan pengalaman bagi melindungi kepentingan pemegang saham dan bagi memenuhi keperluan Kumpulan.

NRC telah mengadakan 10 mesyuarat pada 2021, dua daripadanya dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah sebagai jemputan. Beliau dijemput bagi memberi pemahaman mengenai perkara-perkara yang dibincangkan berkaitan tahap jawatan, imbuhan dan rangka kerja penggantian.

FGV mempunyai dasar kesesuaian dan kewajaran iaitu Dasar dan Prosedur Pencalonan dan Pemilihan Lembaga Pengarah (Dasar BNE) yang merasmikan dasar-dasarnya mengenai Komposisi Lembaga Pengarah, Kebebasan, Konflik Kepentingan dan Penilaian Lembaga Pengarah. Dasar BNE diwujudkan bagi memastikan setiap individu yang dilantik sebagai Pengarah FGV memiliki karakter, integriti, kecekapan, kemahiran dan komitmen yang sewajarnya berserta gabungan kemahiran, kebebasan dan kepelbagaian yang diperlukan bagi memenuhi keperluan Kumpulan. Dasar BNE menghalang Pencalonan Individu Aktif Politik (Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Majlis Tertinggi parti politik atau ahli berjawatan peringkat bahagian di dalam sesebuah parti politik) untuk menjadi Pengarah FGV. Penjelasan lanjut Dasar BNE berserta proses pencalonan dan pemilihan Lembaga Pengarah dan kriteria pemilihan yang digunakan NRC diterbitkan di dalam Laporan Tadbir Urus Korporat ini.

Penilaian prestasi iaitu BEA untuk TK2021 mengenai keberkesanan Lembaga Pengarah secara amnya, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap Pengarah dijalankan sejajar dengan Perenggan 15.08A(3)(c) Keperluan Penyenaraian Bursa Securities. Proses BEA 2021 dijelaskan dalam muka surat 100 hingga 111 dalam Laporan ini.

Komposisi NRC untuk TK2021, termasuk nama, jawatan, dan bilangan mesyuarat NRC pada TK2021 dan butiran kehadiran setiap ahli NRC boleh didapati di muka surat 85 dalam Laporan ini.

Butiran lanjut mengenai ToR NRC boleh didapati di laman web kami di www.fgvholdings.com. Laporan ini harus dibaca bersama Laporan Tadbir Urus Korporat kami, yang juga boleh didapati di laman web kami.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga Pengarah

LAPORAN JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN

RINGKASAN KERJA

Pada 2021, NRC telah menyemak aktiviti-aktiviti utama berikut dalam menjalankan tanggungjawabnya:

PROSES PENCALONAN DAN PEMILIHAN SERTA PROSES PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA/PEMILIHAN SEMULA

a. Pelantikan Pengerusi, Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (Lantikan Kerajaan) dan empat Pengarah Bebas.

b. Pelantikan Calon Pengarah Kumpulan FGV dan Calon Pengarah Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad dalam Kumpulan FGV.

c. Pelantikan semula Pengarah.

d. Semakan komposisi Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

e. Pelantikan Pengurusan Kanan.

PERKARA-PERKARA BERKAITAN IMBUHAN

a. Yuran tahunan dan manfaat untuk Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

b. Imbuhan dan manfaat pekerja Kumpulan FGV.

c. Bayaran bonus prestasi kepada pekerja Kumpulan FGV.

d. Kenaikan gaji untuk pekerja Kumpulan FGV.

e. Pelarasan gaji Pengurusan Kanan.

PENGURUSAN PRESTASI

a. Menyemak Rangka Kerja PMS.

b. Menilai keberkesanan pengurusan prestasi.

INDUKSI DAN PROGRAM PENDIDIKAN BERTERUSAN

a. Menyemak laporan program latihan yang dihadiri oleh Lembaga Pengarah dan program induksi untuk Pengarah baharu.

PENILAIAN LEMBAGA PENGARAH

a. BEA untuk TK2020 – penilaian keberkesanan Lembaga Pengarah secara amnya, Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah dan setiap Pengarah sejajar dengan Perenggan 15.08A(3)(c) Keperluan Penyenaraian Bursa Securities, MCCG dan Dasar BNE, termasuk semakan ke atas tempoh jawatan setiap Pengarah, penilaian kebebasan Pengarah Bebas, semakan prestasi Lembaga Pengarah dalam menangani risiko dan peluang kelestarian material Syarikat serta semakan ke atas terma jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit (AC) dan setiap ahlinya bagi menentukan samada mereka telah melaksanakan tugas sejajar ToR AC.

DASAR PELAN PENGGANTIAN

a. Cadangan Pelan Penggantian untuk Pengurusan Kanan.

b. Semakan dasar Modal Insan Kumpulan.

PENYATA DIRANGKUMKAN DALAM LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN FGV 2020

a. Menyemak pendedahan Penyata Tadbir Urus Korporat dan Laporan Tadbir Urus Korporat berkaitan:
   - Prosedur pencalonan dan pemilihan Lembaga Pengarah berdasarkan gabungan kemahiran, kebebasan dan kepelbagaian (termasuk kepelbagaian jantina) yang diperlukan bagi memenuhi keperluan FGV
   - Keseimbangan dan komposisi Lembaga Pengarah termasuk tempoh jawatan dan kepelbagaian jantina
   - Pemetaan kemahiran dan pengalaman Lembaga Pengarah
   - Proses BEA
   - Latihan yang dihadiri para Pengarah semasa tahun kewangan dan program induksi, sejajar Keperluan Penyenaraian Bursa Securities
   - Imbuhan Pengarah sejajar dengan peruntukan Keperluan Penyenaraian Bursa Securities dan Akta Syarikat 2016

b. Menyemak pendedahan Laporan NRC berkaitan:
   - Bagaimana keperluan dalam perenggan 2.20A Keperluan Penyenaraian Bursa Securities dipenuhi
   - Komposisi NRC
   - Bilangan mesyuarat NRC yang diadakan dan butiran kehadiran setiap ahli
   - Ringkasan kerja dan aktiviti NRC serta perkara-perkara yang diambilkira oleh NRC dalam menjalankan fungsi dan tugasnya serta bagaimana ia memenuhi tanggungjawabnya

PERKARA-PERKARA UTAMA DILAPORKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi NRC mengemaskini Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara penting yang dibincangkan pada mesyuarat NRC dan saranan-saranannya. Salinan sah minit mesyuarat NRC juga diedarkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang seterusnya. Antara perkara-perkara penting yang dipertimbangkan oleh NRC semasa TK2021 adalah seperti berikut:

	Perkara-perkara penting	Bagaimana perkara-perkara ini ditangani oleh NRC
1	**Cadangan pelantikan Pengerusi, Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (Pengarah Lantikan Kerajaan) berkuatkuasa 1 April 2021 dan empat Pengarah Bebas masing-masing berkuatkuasa 30 Jun 2021 dan 1 Julai 2021**	Menilai kesesuaian calon, mengambilkira kriteria pemilihan berdasarkan Dasar BNE.
2	**Cadangan pelantikan Pengurusan Kanan**	Mempertimbangkan cadangan pelantikan Pengurusan Kanan dengan mengambilkira keperluan terkini dan masa hadapan FGV, termasuk kehendak kepelbagaian.

TINJAUAN PRESTASI

Semasa tahun kewangan, Lembaga Pengarah menilai prestasi NRC dan tahap sehingga NRC memenuhi keperluan ToR-nya, termasuk terma jawatan dan prestasi untuk NRC dan setia ahlinya. Penilaian prestasi ini merangkumi sebahagian BEA tahunan, berkaitan penilaian Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Laporan ini dibuat sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 30 Mac 2022.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga Pengarah

IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH

IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH

Dasar Imbuhan Lembaga Pengarah membentangkan proses dan prosedur dalam menentukan imbuhan para Pengarah.

Dasar Imbuhan Lembaga Pengarah menyatakan bahawa Lembaga Pengarah, menerusi NRC, akan menjalankan semakan tahap tinggi dan tanda aras menyeluruh ke atas pakej imbuhan Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali dalam dua tahun bagi memastikan kesaksamaan dan persaingan yang relatif dengan pasaran (berdasarkan kedudukan pasaran, perolehan, prestasi, jumlah aset, keuntungan selepas cukai, dan pemodalan pasaran kumpulan pembanding), bagi menarik minat, mengekalkan dan mendorong Lembaga Pengarah.

Pakej imbuhan Lembaga Pengarah kali terakhir disemak, ditanda aras dan diluluskan oleh pemegang saham pada 2019. Pada 2020, pemegang saham meluluskan bayaran elaun bulan Timbalan Pengerusi dan pada TK2021, pemegang saham meluluskan kenaikan elaun mesyuarat menerusi telekonferens disebabkan pandemik serta elaun mesyuarat luar negara dengan masa penerbangan <= 8 jam.

Dato' Dzulkifli Abd Wahab bersetuju mengetepikan yuran dan elaun mesyuarat sebagai Pengerusi BSC.

RINGKASAN DASAR IMBUHAN LEMBAGA PENGARAH

Pakej imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif menggambarkan pengalaman, kepakaran dan tahap tanggungjawab para Pengarah Bukan Eksekutif. Imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif termasuk yuran, manfaat barangan, dan lain-lain manfaat termasuk elaun mesyuarat.

Struktur yuran terkini Pengarah Bukan Eksekutif adalah seperti berikut:

LEMBAGA PENGARAH/ JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH	YURAN SETAHUN
Lembaga Pengarah	RM300,000.00 (Pengerusi) RM120,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
AC	RM64,000.00 (Pengerusi) RM32,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
NRC	RM35,000.00 (Pengerusi) RM20,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
BGRMC	RM32,000.00 (Pengerusi) RM16,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
IC	RM32,000.00 (Pengerusi) RM16,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
BSC*	RM32,000.00 (Pengerusi) RM16,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)
BTC**	RM32,000.00 (Pengerusi) RM16,000.00 (Pengarah Bukan Eksekutif)

* *BSC ditubuhkan pada 1 September 2021. Yuran dan elaun mesyuarat BSC akan dibentangkan kepada pemegang saham untuk kelulusan.*
** *BTC dibubarkan pada 20 April 2021.*

Kerjasama • Hormat • Integriti • Dinamisme • Semangat (PRIDE) adalah nilai-nilai yang tertanam dalam hati warga kerja FGV.

Struktur imbuhan terkini Pengarah Bukan Eksekutif (tidak termasuk yuran Pengarah) adalah seperti berikut:

Elaun Mesyuarat

Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif

- **Tempatan:** RM2,000.00
- **Luar Negara** (Masa penerbangan <= 8 jam): RM3,000.00
- **Luar Negara** (Masa penerbangan > 8 jam): RM5,000.00
- **Telekonferens:** RM2,000.00

Manfaat Lain

Pengerusi Bukan Eksekutif

- Elaun kereta Syarikat (RM15,000.00 sebulan termasuk petrol, tol dan penyelenggaraan kereta)
- Pemandu (sebenar)
- Keahlian kelab (RM10,000.00 setahun)
- Bil telefon mudah alih (sebenar)
- Hiburan peribadi (RM24,000.00 setahun)
- Seorang pengawal peribadi Pengerusi di dalam Malaysia (sebenar)
- Perlindungan perubatan (RM100,000.00 setahun)
- Perlindungan insurans Kemalangan Peribadi Kumpulan (RM200,000.00 setahun)

Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif

- Elaun (RM3,000.00 sebulan)
- Perlindungan perubatan (RM100,000.00 setahun)
- Perlindungan insurans Kemalangan Peribadi Kumpulan (RM200,000.00 setahun)

Pengarah Bukan Eksekutif

- Perlindungan perubatan (RM100,000.00 setahun)
- Perlindungan insurans Kemalangan Peribadi Kumpulan (RM200,000.00 setahun)

Butiran lanjut ringkasan struktur imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif boleh didapati di www.fgvholdings.com.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga Pengarah

IMBUHAN PARA PENGARAH

Imbuhan para Pengarah pada TK2021 secara agregat daripada FGV dan Kumpulan, dalam kategori komponen, membezakan di antara Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, dinyatakan di bawah:

NAMA PENGARAH	YURAN TAHUNAN[1]			
	LEMBAGA PENGARAH (RM)	JAWATANKUASA AUDIT (RM)	JAWATANKUASA PENCALONAN DAN IMBUHAN (RM)	JAWATANKUASA PELABURAN (RM)
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif				
Dato' Dzulkifli Abd Wahab[4]	225,000.00	–	–	–
Dato' Amiruddin Abdul Satar	120,000.00	–	–	16,000.00
Dato' Shahrol Anuwar Sarman	120,000.00	32,000.00	–	–
Datuk Dr Zunika Mohamed[5]	120,000.00	–	20,000.00	–
Datuk Wira Azhar Abdul Hamid[6]	75,000.00	–	–	–
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif				
Dato' Yusli Mohamed Yusoff[7]	120,000.00	6,400.00	23,877.00	16,000.00
Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi[8]	60,333.33	16,219.00	10,137.00	16,219.00
Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad[9]	60,000.00	32,263.00	14,890.00	–
Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin[10]	60,000.00	16,132.00	6,411.00	–
Kasmuri Sukardi[11]	60,000.00	–	–	8,066.00
Datuk Mohd Anwar Yahya[12]	30,000.00	15,956.00	–	–
Datin Hoi Lai Ping[13]	57,666.67	20,953.00	9,534.00	15,255.00
Dr Mohamed Nazeeb P.Alithambi[14]	30,000.00	–	–	3,989.00
Dr Nesadurai Kalanithi[15]	58,000.00	3,419.00	9,589.00	–
JUMLAH	**1,196,000.00**	**143,342.00**	**94,438.00**	**75,529.00**

Nota:
1 Yuran tahunan tidak termasuk Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).
2 Jawatankuasa Kelestarian Lembaga ditubuhkan pada 1 September 2021.
3 Jawatankuasa Tender Lembaga Pengarah dibubarkan pada 20 April 2021.
4 Dato' Dzulkifli Abd Wahab dilantik sebagai Pengerusi, Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 1 April 2021.
5 Datuk Dr Zunika Mohamed meletak jawatan sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 11 Mac 2022.
6 Dato' Yusli Mohamed Yusoff meninggal dunia pada 10 Mac 2022.
7 Datuk Wira Azhar Abdul Hamid meletak jawatan sebagai Pengerusi, Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 1 April 2021.
**** Dato' Dzulkifli Abd Wahab bersetuju mengetepikan yuran berjumlah RM10,696.00 sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kelestarian Lembaga.***
***** Dato' Dzulkifli Abd Wahab bersetuju mengetepikan elaun mesyuarat Jawatankuasa Kelestarian Lembaga berjumlah RM2,000.00.***

JAWATANKUASA PENGURUSAN TADBIR URUS DAN RISIKO LEMBAGA (RM)	JAWATANKUASA KELESTARIAN LEMBAGA[2] (RM)	JAWATANKUASA TENDER LEMBAGA[3] (RM)	YURAN TAHUNAN DARIPADA ANAK SYARIKAT (RM)	MANFAAT BARANGAN (RM)	LAIN-LAIN MANFAAT (RM)	JUMLAH (RM)
–	10,696.00*	–	–	44,685.58	150,000.00**	430,381.58
–	5,348.00	–	–	1,118.08	36,000.00	178,466.08
–	–	4,822.00	–	1,118.08	48,000.00	205,940.08
16,000.00	–	–	–	1,118.08	48,000.00	205,118.08
–	–	–	–	30,492.80	53,000.00	158,492.80
15,956.00	5,348.00	–	–	1,118.08	102,000.00	290,699.08
–	–	–	–	1,118.08	30,000.00	134,026.41
8,066.00	–	–	–	1,582.36	36,000.00	152,801.36
8,066.00	5,348.00	–	28,625.72	1,402.76	48,000.00	173,985.48
16,132.00	5,348.00	–	–	1,530.42	24,000.00	115,076.42
–	–	3,989.00	–	1,530.42	18,000.00	69,475.42
–	–	–	–	1,118.08	48,000.00	152,526.75
–	–	7,978.00	–	1,530.42	12,000.00	55,497.42
7,671.00	–	–	–	1,118.08	40,000.00	119,797.08
71,891.00	**32,088.00**	**16,789.00**	**28,625.72**	**90,581.32**	**693,000.00**	**2,442,284.04**

8 Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 30 Jun 2021.
9 Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 1 Julai 2021. Ditukarkan jawatan sebagai Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif pada 30 Mac 2022.
10 Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 1 Julai 2021.
11 Kasmuri Sukardi dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 1 Julai 2021.
12 Datuk Mohd Anwar Yahya meletak jawatan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 1 April 2021.
13 Datin Hoi Lai Ping bersara sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 23 Jun 2021.
14 Dr Mohamed Nazeeb P.Alithambi bersara sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 1 April 2021.
15 Dr Nesadurai Kalanithi bersara sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif pada 24 Jun 2021.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Kepimpinan & Keberkesanan Lembaga Pengarah

IMBUHAN PENGURUSAN KANAN

Rangka kerja imbuhan untuk pekerja termasuk Pengurusan Kanan dipandu oleh Dasar Pampasan Kumpulan (Dasar GC). NRC menyemak rangka kerja imbuhan Pengurusan Kanan dengan mengambilkira amalan-amalan terbaik, pandangan pakar industri, mendapatkan dan menganalisis data sedia ada, pihak berkepentingan dan pasaran secara amnya. NRC juga menyemak pakej imbuhan untuk Pengurusan Kanan seperti yang sedia ada dalam LOA Kumpulan dan memastikan tahap imbuhan mencukupi bagi menarik minat, mengekalkan dan mendorong individu-individu berkaliber tinggi yang berkelayakan, berkemahiran, berbakat dan berpengalaman.

Struktur imbuhan Pengurusan Kanan terdiri daripada imbuhan tetap dan boleh ubah. Modal Insan Kumpulan (GHC) ditugaskan menyemak dan menghubungkan imbuhan Pengurusan Kanan terutamanya yang berasaskan prestasi kepada prestasi individu dan sumbangan kepada Kumpulan serta menanda aras berbanding industri bagi memastikan keselarian dan imbuhan yang kompetitif. GHC membentangkan cadangan kepada NRC termasuk berkaitan kenaikan gaji tahunan, bonus prestasi, kenaikan pangkat, pelarasan gaji, pelarasan kenaikan pangkat, lain-lain manfaat dan manfaat barangan.



Lembaga Pengarah bertanggungjawab menilai prestasi GCEO, Setiausaha Syarikat dan Ketua Audit Dalaman manakala Pengurusan Kanan dinilai oleh GCEO. Bonus prestasi Pengurusan Kanan ditentukan berdasarkan prestasi berasingan Kumpulan, Sektor/Bahagian/Syarikat. Kadar relatif (%) bagi prestasi perniagaan dan individual ditentukan berdasarkan kedudukan pekerja dalam Syarikat *(line-of-sight)*, agar boleh dipertanggungjawabkan secara terus untuk impak dan pencapaian masing-masing serta prestasi keseluruhan Syarikat.

Pada TK2021, Pengurusan Kanan dengan Penunjuk Prestasi Utama (KPI) berkaitan kelestarian dan alam sekitar adalah GCEO, Ketua Kelestarian Kumpulan, Pengarah-pengarah Bahagian Kumpulan dan Ketua Pegawai Komunikasi Strategik. Justeru, risiko dan peluang kelestarian Syarikat material telah dibincangkan sewajarnya semasa semakan prestasi Pengurusan Kanan TK2021.

Melangkah ke TK2022, KPI untuk semua Pengurusan Kanan akan merangkumi item berkaitan risiko dan peluang kelestarian material.

Sebelum ini, Pelan Insentif Jangka Panjang (LTIP) merupakan sebahagian daripada struktur imbuhan Pengurusan Kanan dalam bentuk skim geran saham yang ditadbir oleh Undang-undang Kecil LTIP. LTIP merangkumi geran saham terhad (RS) dan geran saham prestasi (PS) yang telah berkuatkuasa selama 10 tahun bermula 3 Februari 2016. RS yang digerankan pada 1 Jun 2018 mempunyai tempoh letak hak selama tiga tahun dan terletak hak sepenuhnya atau dilucuthak pada 31 Disember 2020. LTIP dihentikan pada Januari 2021. Tiada baki geran yang menanti letak hak dan tiada RS atau PS yang digerankan pada TK2021. Semua baki saham di bawah LTIP dianggap sebagai sebahagian daripada Saham Tawaran di bawah Tawaran Pengambilalihan Mandatori Tidak Bersyarat oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Dasar GC disemak kali terakhir pada penghujung 2019 dan ringkasan imbuhan Pengurusan Kanan boleh didapati di laman web kami di www.fgvholdings.com.

IMBUHAN LIMA PENGURUSAN KANAN UTAMA PADA TK2021

Dato' Haris Fadzilah Hassan
GCEO
(Meletak jawatan berkuatkuasa 15 Mei 2021)
RM1,750,001 hingga RM1,800,000

Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid
GCFO
RM1,700,001 hingga RM1,750,000

Syed Mahdhar Syed Hussain
Pengarah Bahagian Sektor Perladangan Kumpulan
(Berhenti berkuatkuasa 1 November 2021)
RM1,550,001 hingga RM1,600,000)

Azman Ahmad
Pengarah Bahagian Logistik & Sektor Lain Kumpulan
RM1,100,001 hingga RM1,150,000

Syed Feizal Syed Mohammad
GCEO MSM Malaysia Holdings Berhad
(Dilantik berkuatkuasa 1 Februari 2021) RM1,050,001 hingga RM1,100,000

Imbuhan termasuk gaji, bonus, manfaat barangan dan lain-lain emolumen.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus

Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Pengerusi

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad

Ahli-ahli

Dato' Shahrol Anuwar Sarman

Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin

Jawatankuasa Audit (AC) secara eksklusif terdiri daripada para Pengarah Bukan Eksekutif, yang mana majoritinya adalah adalah Pengarah Bebas. Tiada ahli AC yang pernah menjadi rakan firma bagi juruaudit luar Syarikat. Berkenaan dengan MCCG, FGV telah tidak menggunapakai Amalan Yang Dipertingkatkan 9.4 agar komposisi AC terdiri sepenuhnya daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif kerana Dato' Shahrol Anuwar Sarman adalah Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif. Lembaga Pengarah menganggap penyertaan Dato' Shahrol Anuwar bermanfaat kepada AC berdasarkan pengalaman dan pengetahuan beliau dalam perbendaharaan Kerajaan.

Pengerusi AC adalah Akauntan Bertauliah dari Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan felo Association of Chartered Certified Accountants (ACCA), UK. Puan Nik Fazila juga merupakan Akauntan Bertauliah dari Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA) dan MIA. Kesemua ahli-ahli AC adalah berpengetahuan dalam bidang kewangan dan boleh menganalisis serta mentafsir Penyata-penyata Kewangan bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka dengan berkesan. Justeru, AC memenuhi keperluan perenggan 15.09(1)(c) Keperluan Penyenaraian yang menetapkan bahawa sekurang-kurangnya seorang ahli AC haruslah seorang akauntan bertauliah.

AC telah mengadakan 12 mesyuarat yang dihadiri oleh GCEO, GCFO, Ketua Audit Dalaman dan Pengurusan sebagai jemputan AC. AC juga telah mengadakan pelbagai sesi tertutup dengan juruaudit luar.

AC bertujuan membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab utama berikut:

- Memastikan integriti maklumat kewangan
- Menilai risiko dan persekitaran kawalan
- Memantau dan menyemak pengurusan proses risiko kewangan, perakaunan dan amalan-amalan pelaporan kewangan Kumpulan
- Menyemak fungsi perakaunan, pelaporan kewangan dan sistem kawalan dalaman Kumpulan
- Menilai proses dan keputusan audit dalaman dan luar bagi memastikan kebebasan fungsi audit luar dan dalaman
- Menyemak situasi konflik kepentingan dan urusniaga pihak berkaitan
- Menjalankan siasatan dalam rangkuman ToR atau seperti yang diarahkan oleh Lembaga Pengarah
- Melaksanakan fungsi lain seperti yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa

Kewujudan AC tidak menghapuskan tanggungjawab berkanun dan fidusiari Lembaga Pengarah untuk pembuatan keputusan berkaitan fungsi-fungsi dan tugas AC.

Komposisi AC untuk TK2021, termasuk nama, jawatan dan bilangan mesyuarat AC yang diadakan sepanjang TK2021 serta butiran kehadiran setiap ahli AC boleh didapati di muka surat 85 Laporan ini.

Butiran lanjut mengenai ToR AC diterbitkan di laman web kami di www.fgvholdings.com.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

RUMUSAN KERJA

Pada TK2021, AC telah membantu Lembaga Pengarah memastikan tadbir urus yang berkesan ke atas kewajaran pelaporan kewangan Kumpulan, termasuk kecukupan pendedahan berkaitan, prestasi kedua-dua fungsi audit dalaman dan juruaudit luar, serta penyeliaan ke atas sistem kawalan dalaman Kumpulan, risiko-risiko perniagaan dan aktiviti-aktiviti pematuhan yang berkaitan. AC juga melaksanakan aktiviti-aktiviti utama berikut dalam melaksanakan tanggungjawabnya:

PELAPORAN KEWANGAN

a. Menyemak laporan juruaudit luar daripada semakan Penyata Kewangan suku tahunan dan audit kewangan berkanun tahunan mereka pada setiap mesyuarat. Antara aspek tumpuan dalam laporan tersebut adalah penilaian rosot nilai dan peruntukan pendedahan untuk pelbagai aset, pajakan tanah, muhibah ke atas pelaburan dan kontrak yang membebankan berdasarkan piawai pelaporan kewangan.
b. Bermesyuarat dengan juruaudit dalam dua sesi tertutup semasa tahun kewangan tanpa kehadiran Pengurusan iaitu pada 23 Mac 2021 dan 23 Ogos 2021.
c. Menyemak impak COVID-19 ke atas operasi perniagaan Kumpulan.
d. Menilai laporan tahunan dan suku tahunan penyata gabungan kewangan bagi setiap suku tahun dan menilai analisis keputusan secara terperinci. Di mana perlu, AC menyediakan halatuju dan mendapatkan lebih banyak maklumat mengenai analisis gabungan keputusan untuk membuat cadangan kepada Lembaga Pengarah mengenai laporan suku tahunan tersebut. AC juga meminta maklumat lanjut mengenai beberapa perkara-perkara penting untuk mendapat pemahaman mendalam serta menyediakan halatuju yang sepatutnya ke atas perkara-perkara tersebut.
e. Menilai andaian dan jangkaan aliran tunai, mencadangkan pembayaran dividen dan ujian kesolvenan.
f. Menilai pengiraan Liabiliti Pajakan Tanah kepada FELDA dan impaknya ke atas Penyata Kewangan.
g. Menilai dan menyokong semakan dasar berkaitan perakaunan, kewangan, tadbir urus, dan kawalan dalaman untuk kelulusan Lembaga Pengarah.
h. Menyemak LOA Kumpulan, Dasar dan Prosedur Kewangan Kumpulan serta Dasar dan Prosedur Juruaudit Luar.

Pengerusi AC telah mengadakan dua mesyuarat tertutup dengan juruaudit luar untuk taklimat mengenai butiran keputusan kewangan Syarikat dan Kumpulan.

RISIKO DAN KAWALAN PERSEKITARAN DALAMAN

a. Menilai laporan penilaian risiko dan persekitaran kawalan berdasarkan semakan maklumat kewangan suku tahunan juruaudit luar pada setiap suku tahunan serta audit kewangan berkanun pada akhir tahun.
b. Menyemak lima laporan suku tahun daripada Ketua Audit Dalaman yang meringkaskan pemerhatian utama daripada laporan audit dalaman yang dikeluarkan, merangkumi maklumat berkaitan untuk penilaian risiko dan persekitaran kawalan.
c. Mempertimbangkan penarafan keseluruhan laporan-laporan audit dalaman yang dikeluarkan pada TK2021 bagi menggambarkan keberkesanan keseluruhan sistem kawalan dalaman berdasarkan kehendak-kehendak risiko, persekitaran kawalan dan pematuhan Kumpulan.
d. Menerima jaminan daripada GCEO dan GCFO bahawa pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan pada TK2021 beroperasi dengan secukupnya dan berkesan, dalam semua aspek penting.
e. Menyemak kemajuan pelaksanaan Sistem Penilaian Kendiri Kawalan.
f. Menyemak laporan perunding bebas mengenai mekanisme tadbir urus, proses pengurusan risiko dan kesediaan kesempatan siber FGV.
g. Menyemak perkara-perkara ESG berkaitan operasi perniagaan Kumpulan.

Pada setiap mesyuaratnya, AC memberi panduan yang relevan kepada peningkatan persekitaran risiko dan kawalan Kumpulan, terutamanya dalam aspek perdagangan komoditi, pengurusan penghutang, pengurusan inventori, pengurusan projek pembinaan, pengurusan pemerolehan, penyelenggaraan kilang penapis dan operasi perladangan, yang merupakan cabaran utama Kumpulan semasa tahun kewangan.

PROSES AUDIT LUARAN DAN HASILNYA

a. Menilai keterangkuman pelan audit oleh juruaudit luar untuk TK2021 dan memastikan koordinasi dengan firma-firma audit lain selain PricewaterhouseCoopers PLT (PwC) yang terlibat dalam audit luar beberapa anak-anak syarikat.
b. Menilai pelantikan semula juruaudit luar untuk TK2021 berdasarkan Dasar Juruaudit Luar yang tersedia dan mencadangkan pelantikan semula mereka kepada Lembaga Pengarah. AC juga mengambilkira maklumbalas Pengurusan mengenai penilaian mereka ke atas juruaudit luar berdasarkan perkhidmatan yang diberikan pada TK2020.
c. Menyemak yuran audit juruaudit luar untuk TK2021 dan memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan.

d. Menerima jaminan bertulis daripada juruaudit luar dalam pelan audit mereka untuk TK2021 yang mengesahkan bahawa mereka adalah, dan akan kekal, bebas sepanjang pengendalian audit sejajar dengan ToR untuk semua kehendak profesional dan kawal selia yang berkaitan.

PROSES AUDIT DALAMAN DAN HASILNYA

a. Menerima dan menyemak kesemua 39 laporan audit dalaman yang dikeluarkan pada TK2021 kepada Pengerusi dan ahli-ahli AC. Laporan-laporan ini adalah daripada tugasan-tugasan pelan audit dalaman dan mana-mana siasatan tidak dirancang dan tugasan khas yang dilaksanakan oleh Audit Dalaman Kumpulan.
b. Menyemak yang berikut pada setiap mesyuarat suku tahunan pada TK2021:
   - Laporan yang meringkaskan pemerhatian utama daripada laporan audit dalaman yang dikeluarkan pada suku tahun berkaitan. AC memberi arahan kepada Pengurusan mengenai perkara-perkara penting yang memerlukan perhatian khusus dan segera Pengurusan. AC melaporkan kepada Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara penting ini
   - Laporan progres pelaksanaan pelan audit dalaman pada TK2021, termasuk status sumber-sumber audit dalaman bagi menyokong pelaksanaan pelan audit dalaman yang diluluskan dan kemajuan pekerja audit dalaman
   - Laporan progres pelaksanaan cadangan-cadangan daripada laporan audit dalaman yang dikeluarkan. Lembaga Pengarah dimaklumkan mengenai kelewatan pelaksanaan cadangan-cadangan tersebut
c. Melaksanakan yang berikut:
   - Menyemak dan meluluskan pelan audit dalaman untuk TK2021 berserta skop, fungsi, sumber-sumber, belanjawan dan KPI bagi fungsi audit dalaman Kumpulan dan melaporkannya kepada Lembaga Pengarah
   - Menilai prestasi Ketua Audit Dalaman, merangkumi penilaian keberkesanan fungsi audit dalaman Kumpulan dengan merujuk kepada Rangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman
   - Menilai prestasi Ketua Audit Dalaman, kenaikan gaji, pelarasan bonus dan pembaharuan kontrak kerja beliau

Pengerusi AC telah mengadakan tujuh mesyuarat dan perbincangan tertutup dengan Ketua Audit Dalaman dan pasukan Pengurusan beliau bagi membincangkan perkembangan berkaitan kerja-kerja audit dalaman, memberi halatuju untuk pelan audit yang lebih berkesan, untuk dinilai atau memberi panduan mengenai pemerhatian audit dalaman utama dan mana-mana perkara bagi meningkatkan proses tadbir urus, risiko dan kawalan Kumpulan FGV.

URUSNIAGA BERULANG PIHAK BERKAITAN PEMANTAUAN KUMPULAN

a. Menyemak laporan suku tahunan mengenai urusniaga berulang pihak berkaitan Kumpulan dan mengambil maklum bahawa urusniaga pihak berkaitan tersebut terangkum dalam mandat pemegang saham.
b. Menyemak Pekeliling kepada pemegang saham untuk tujuan mendapatkan mandat untuk urusniaga berulang pihak berkaitan pada MAT ke-13 pada 2021.
c. Menyemak laporan audit dalaman mengenai semakan urusniaga berulang pihak berkaitan.
d. Menyemak justifikasi urusniaga berulang pihak berkaitan Kumpulan FGV yang tidak disokong oleh harga semasa.

HASIL PENYIASATAN DAN PENDAPAT PERUNDANGAN BERKAITAN

a. Mempertimbangkan laporan siasatan, laporan penilaian, pendapat perundangan dan maklumat berkaitan dari siasatan forensik dan dalaman.
b. Jawatankuasa membincangkan hasil dapatan dan mendapatkan penjelasan yang berkaitan bagi memuaskan diri mereka bahawa siasatan dan pendapat perundangan tersebut adalah menyeluruh.

PENYATA YANG DISERTAKAN DALAM LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN 2020 FGV

Menyemak laporan AC, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, Penyata Tadbir Urus Korporat, Perbincangan & Analisis Pengurusan, Penyata Pengerusi dan Utusan GCEO yang terangkum dalam Laporan Bersepadu Tahunan 2021 serta Laporan Tadbir Urus Korporat dan memberi cadangan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman disemak menggambarkan laporan-laporan juruaudit luar dan dalaman mengenai persekitaran risiko dan kawalan Kumpulan dan perkara-perkara yang telah dibawa kepada perhatian AC dan Lembaga Pengarah semasa tahun kewangan.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

PERKARA-PERKARA UTAMA DILAPORKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi AC memaklumkan Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara penting yang dibincangkan dalam mesyuarat AC berserta cadangan-cadangannya. Salinan minit-minit mesyuarat AC yang sah juga diedarkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman pada mesyuarat Lembaga Pengarah yang seterusnya. Antara perkara-perkara penting yang dipertimbangkan oleh AC sepanjang TK2021 adalah seperti berikut:

Perkara-perkara penting	Bagaimana perkara-perkara ini ditangani oleh AC
1 **Pelaporan Kewangan**	Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah keputusan kewangan suku tahunan dan Penyata Kewangan akhir tahun FGV dan Kumpulan, dengan tumpuan ke atas perubahan-perubahan dalam piawai pelaporan kewangan termasuk penilaian impak mereka ke atas Penyata Kewangan, sebab-sebab turun naik di antara tempoh, penjelasan pencapaian belanjawan, unjuran dan perkara-perkara yang memerlukan penilaian Pengurusan, terutamanya perolehan semula aset, amalan-amalan perakaunan, peristiwa-peristiwa luar biasa dan pelarasan penting.
2 **Kawalan Dalaman**	Menyediakan halatuju untuk peningkatan kawalan dalaman mengenai perkara-perkara yang dilaporkan Audit Dalaman Kumpulan terutamanya semasa COVID-19 di mana tiada pergerakan fizikal. Mendorong pengurusan untuk mengutamakan peningkatan berdasarkan laporan Audit Dalaman Kumpulan.
3 **Urusniaga Berulang Pihak Berkaitan**	Mempertimbangkan samada urusniaga berulang pihak berkaitan dilaksanakan pada terma-terma komersial sejajar dengan prosedur-prosedur yang disediakan di dalam mandat oleh pemegang saham.
4 **Dasar Kewangan Kumpulan**	Menyemak dan mencadangkan kepada Lembaga Pengarah semakan LOA Kumpulan, Dasar-dasar dan Prosedur-prosedur Kewangan Kumpulan serta dasar-dasar dan Prosedur-prosedur Juruaudit Luar.

HUBUNGAN DENGAN JURUAUDIT LUAR

FGV memiliki Dasar dan Prosedur Juruaudit Luar mengenai perkara-perkara berikut berkaitan hubungan dengan Juruaudit Luar:

- Pelantikan dan pelantikan semula Juruaudit Luar
- Keberkesanan Juruaudit Luar
- Menilai kebebasan Juruaudit Luar
- Penggiliran rakan audit
- Penyampaian dan pelaporan audit
- Penglibatan Juruaudit Luar untuk khidmat bukan audit
- Penyingkiran Juruaudit Luar

Butiran mengenai Dasar dan Prosedur Juruaudit Luar boleh didapati di Amalan 9.3 di dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.

Bidang Tugas AC disemak pada 30 November 2021 bagi merangkumi kehendak MCCG bahawa semua khidmat bukan audit harus diluluskan oleh AC. Untuk tujuan praktikal, AC telah memberi kelulusan awal untuk jumlah kumulatif RM100,000 untuk Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan Penyata Kewangan berkaitan latihan dan kerja-kerja khidmat bukan audit oleh juruaudit luar untuk Pengurusan. Perkara ini harus dilaporkan kepada AC setiap suku tahunan.

YURAN BERBAYAR/PERLU DIBAYAR KEPADA JURUAUDIT LUAR

Yuran berbayar/perlu dibayar kepada juruaudit luar, PwC, pada TK2021 adalah seperti berikut:

YURAN DIBAYAR/BELUM DIBAYAR KEPADA PwC PADA 2021	RM'000
Yuran Audit	
• PwC Malaysia	3,941
• Ahli firma PwC International Limited (PwCIL)	1,222
Yuran Berkaitan Audit	
• PwC Malaysia dan ahli firma PwCIL	1,484
Lain-lain yuran bukan audit dibayar kepada PwC Malaysia dan ahli firma PwCIL	157
Jumlah	**6,804**

AUDIT DALAMAN KUMPULAN

Fungsi Audit Dalaman Kumpulan adalah bebas dan melapor terus kepada AC dan secara pentadbiran kepada GCEO. Tatacara Audit Dalaman Kumpulan adalah berdasarkan Perlembagaan Audit Dalaman Kumpulan, yang diwujudkan selari dengan kehendak-kehendak Kerangka Kerja Amalan Profesional Antarabangsa Institut Juruaudit Dalaman dan diluluskan oleh AC seperti yang disahkan menerusi Semakan Jaminan Kualiti yang dijalankan sekali setiap lima tahun, di mana yang terakhir dijalankan pada 2019.

Terdapat 55 juruaudit dalaman pada 31 Disember 2021 merangkumi aktiviti-aktiviti Kumpulan. Kelayakan, status profesional dan latihan pembangunan berterusan untuk juruaudit luar bersama kebebasan dan pandangan objektif mereka dibentangkan dalam Amalan 11.1 and 11.2 dalam Laporan Tadbir Urus Korporat. Latihan pembangunan berterusan bertujuan meningkatkan dan menyelaraskan kecekapan dan pengetahuan juruaudit luar kepada risiko-risiko baru muncul dan kehendak-kehendak audit.

Jumlah kos yang ditanggung oleh Audit Dalaman Kumpulan pada TK2021 adalah RM8.5 juta (TK2020 adalah RM8.2 juta). Jumlah ini merangkumi kos dan manfaat pekerja, perbelanjaan perjalanan dan kos operasi sistem pengurusan Audit Dalaman Kumpulan.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan

AUDIT DALAMAN KUMPULAN

RINGKASAN KERJA OLEH AUDIT DALAMAN KUMPULAN PADA TK2021

JAMINAN

Kerja jaminan sepanjang 2021 merangkumi tadbir urus, risiko dan kawalan pada peringkat pusat korporat dan peringkat operasi perniagaan. Tumpuan adalah ke atas aspek-aspek berikut:

- Pada peringkat operasi perniagaan, skop audit utama adalah ke atas pembelian Buah Tandan Segar (BTS), pengurusan inventori minyak sawit mentah (MSM), rantaian bekalan perolehan dan pengurusan pembilan BTS kepada MSM dan isirung sawit, perdagangan dan lindung nilai MSM dan PPO, pengurusan produk OEM, pengurusan projek, pengurusan keselamatan dan pelaporan maklumat operasi. Untuk Kluster Perniagaan utama iaitu Huluan, skop audit utama merangkumi mekanisasi, pengurusan kebajikan pekerja migran, pengurusan gaji, pemerolehan, pengurusan inventori, pengurusan keselamatan, pengurusan produk sampingan serta pengurusan projek jalanraya & jambatan. GIA juga menjalankan Penilaian Kendiri Kawalan untuk 147 estet FGVPM pada 2021.

- Proses tadbir urus korporat dan pengurusan risiko ke arah mempertingkatkan amalan-amalan dan budaya tadbir urus serta pengurusan risiko secara amnya.

- Semakan ke atas urusniaga berulang pihak berkaitan dengan tujuan menasihati AC mengenai pematuhan Kumpulan kepada Dasar Urusniaga Pihak Berkaitan dan Urusniaga Berulang Pihak Berkaitan.

- Semakan pembuatan keputusan pelaburan dan pembubaran serta pelaksanaan proses.

- Tadbir urus dan kawalan Teknologi Maklumat (IT) yang merangkumi aplikasi semakan fungsi, integriti data, kawalan akses pengguna dan keselamatan sistem termasuk keselamatan siber.

SIASATAN

Audit Dalaman Kumpulan menjalankan siasatan audit atas permintaan dan maklumat daripada Jawatankuasa Pemberi Maklumat, Pengurusan, AC dan Lembaga Pengarah. Hasil siasatan dilaporkan kepada Jawatankuasa Pemberi Maklumat, Pengurusan, AC dan Lembaga Pengarah. Cadangan-cadangan dan resolusi-resolusi yang timbul daripada laporan siasatan yang dibentangkan disampaikan kepada Pengurusan untuk tindakan sewajarnya.

Siasatan dan semakan khas Audit Dalaman Kumpulan sepanjang 2021 mengenalpasti peningkatan dalam aspek-aspek berikut:

- Perakaunan perolehan
- Pengurusan operasi
- Pengurusan stok
- Pengurusan pemerolehan
- Pengurusan projek
- Pengurusan sumber manusia

PERUNDINGAN

Audit Dalaman Kumpulan memainkan peranan aktif dalam menasihati Kumpulan mengenai pelbagai perkara. Pada TK2021, nasihat rundingan disediakan menerusi platform-platform berikut:

- Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Projek IT dan Jawatankuasa Kerja bagi menyediakan panduan mengenai pengurusan projek IT dan pembangunan sistem atau proses pelaksanaan.
- Penyertaan dalam jawatankuasa kerja mengenai isu-isu berkaitan sekatan produk-produk minyak sawit oleh Amerika Syarikat.
- Memberi maklumbalas dan pertanyaan mengenai perkara-perkara yang diserahkan kepada GMC untuk kelulusan berhubung proses, kejelasan dan ketelusan maklumat yang disampaikan. Tumpuan ke atas maklumbalas Audit Dalaman Kumpulan ke atas dokumen-dokumen tersebut adalah dari aspek pematuhan kepada kehendak-kehendak kawal selia, merangkumi amalan-amalan terbaik dan peningkatan tadbir urus serta pengurusan risiko.
- Penyertaan dalam mesyuarat dengan Pengurusan Bahagian dan Pengurusan Sektor bagi menutup jurang berkaitan isu-isu audit yang berulang.

TINJAUAN PRESTASI

Semasa tahun kewangan, Lembaga Pengarah menilai prestasi AC dan sejauh mana AC memenuhi keperluan Bidang Tugasnya, termasuk tempoh pegangan jawatan dan prestasi AC dan setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini merangkumi sebahagian daripada BEA tahunan, berkaitan penilaian Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Laporan ini dibuat sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 30 Mac 2022.

LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

Pengerusi

Kasmuri Sukardi

Ahli-ahli

Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad

Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin

Tujuan Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga (BGRMC) adalah untuk membantu Lembaga Pengarah memenuhi tanggungjawab berkanun dan fidusiarinya dalam memformulasi, menyelia dan menerapkan amalan-amalan dan budaya tadbir urus, pengurusan risiko dan kelestarian dalam Kumpulan FGV.

BGRMC secara eksklusif dianggotai oleh para Pengarah Bukan Eksekutif yang mana majoritinya adalah Pengarah Bebas. Pengerusi BGRMC adalah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif.

Tanggungjawab BGRMC adalah seperti berikut:

Tadbir Urus, Etika & Integriti

- Menyemak dan memantau pelaksanaan rangka kerja tadbir urus dan integriti termasuk menyemak dan mengekalkan dokumen dan dasar tadbir urus
- Memastikan sumber-sumber yang mencukupi bagi memantau dan melaksanakan dasar dan proses tadbir urus

Pengurusan Risiko

- Mencadangkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan dan/atau pindaan kepada rangka kerja, strategi, dasar-dasar, prosedur, sistem, kebolehan dan parameter pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan
- Menyemak secara berkala rangka kerja, strategi, dasar-dasar, prosedur, sistem, kebolehan dan parameter pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan bagi memastikan pelaksanaan dan pematuhan
- Menilai kecukupan dan keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko, pelan mitigasi dan kawalan dalaman Kumpulan, struktur Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Kumpulan, proses pengurusan risiko dan sistem sokongan bagi mengenalpasti, menilai, memantau, mengurus dan mengurangkan risiko-risiko utama Kumpulan
- Melaporkan kepada Lembaga Pengarah risiko-risiko perniagaan utama dan kemaskini berkaitan, strategi pengurusan risiko-risiko perniagaan utama, keberkesanan pelan mitigasi dan kemajuan pengurusan risiko-risiko perniagaan utama

Kelestarian

- Mengarah dan memantau formulasi strategi dan inisiatif kelestarian keseluruhan Kumpulan, termasuk prinsip dan dasar yang sejajar dengan kawal selia dan piawai yang berkaitan
- Memantau pelaksanaan strategi dan inisiatif kelestarian keseluruhan Kumpulan, termasuk prinsip-prinsip dan dasar-dasar berkaitan
- Menyemak Laporan Kelestarian atau Penyata Kelestarian atau maklumat dengan impak kewangan dan/atau reputasi yang besar ke atas Kumpulan, untuk diterbitkan kepada awam oleh Kumpulan atau dimasukkan ke dalam Laporan Bersepadu Tahunan Syarikat
- Menguruskan isu-isu legasi kelestarian seperti RSPO dan Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US CBP) yang mempunyai impak ke atas operasi perniagaan dan prestasi Syarikat

Berkuatkuasa 1 September 2021, perkara-perkara berkaitan kelestarian menjadi agenda Jawatankuasa Kelestarian Lembaga yang baru ditubuhkan.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus
Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan

LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA

Lain-lain

- Menyemak mana-mana pelaporan perkara kepada pemegang saham dan/atau badan berkuasa berkaitan serta penyata untuk dimasukkan ke dalam Laporan Bersepadu Tahunan Syarikat serta lain-lain penyata yang dimandatkan oleh Bursa Malaysia atau yang berkaitan dengan tadbir urus dan pengurusan risiko
- Memastikan bahawa keputusan audit berkaitan hal-hal rasuah, semakan penilaian risiko, langkah-langkah kawalan dan prestasi dilaporkan kepada Lembaga Pengarah dan diambil tindakan (hal-hal berkaitan rasuah harus dilaporkan kepada Lembaga Pengarah serta-merta selepas selesainya audit dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah secara kerap. Untuk isu-isu risiko tinggi atau sensitif, perubahan-perubahan material yang mengakibatkan peningkatan risiko rasuah, hasil siasatan dan sebagainya, harus dilaporkan kepada Lembaga Pengarah serta-merta selepas selesainya audit dan mengemaskini Lembaga Pengarah setiap suku tahunan)
- Menggariskan kepada Lembaga Pengarah pada setiap suku tahunan, penunjuk risiko utama Kumpulan dan tahap toleransi risiko, serta pelan mitigasi
- Melaksanakan fungsi-fungsi lain seperti yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa

Komposisi BGRMC pada TK2021, termasuk nama, jawatan, bilangan mesyuarat BGRMC sepanjang TK2021 serta butiran kehadiran setiap ahli BGRMC boleh didapati pada muka surat 85 Laporan ini.

Butiran lanjut mengenai Bidang Tugas Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga boleh didapati di laman web kami di www.fgvholdings.com. Laporan ini harus dibaca bersama dengan Laporan Tadbir Urus Korporat, yang juga boleh didapati di laman web kami.

RINGKASAN KERJA

Pada 2021, BGRMC menjalankan aktiviti utama berikut:

TADBIR URUS, ETIKA DAN INTEGRITI

a. Menyemak:
- Semakan Dasar & Prosedur Kelulusan Matriks dan Tadbir Urus
- Semakan dasar Modal Insan Kumpulan
- Penubuhan Dasar Vaksinasi COVID-19 & Variannya
- Penubuhan Rangka Kerja Keselamatan IT
- Status pematuhan kepada MCCG
- Pelan aktiviti-aktiviti tadbir urus untuk 2022 dan inisiatif-inisiatif yang telah lengkap

b. Diberi taklimat mengenai:
- Keputusan Audit dalaman Pencegahan Rasuah dan Audit Pengawasan SIRIM
- Keputusan tinjauan Instrumen Penilaian Integriti (IAT) oleh Institut Integriti Malaysia
- Peningkatan dasar-dasar FGV
- Status pemberi maklumat termasuk bilangan kes, jenis kes, apa yang dipelajari dan senarai peningkatan

PENGURUSAN RISIKO

a. Menilai dan membincangkan status risiko Kumpulan menerusi Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV merangkumi 10 risiko utama, Pemantau Profil Risiko, risiko-risiko utama selain daripada daftar risiko strategik, risiko reputasi dan baru muncul, dan pengurusan risiko utama serta aktiviti tadbir urus

b. Menilai laporan mengenai:
- Penilaian Risiko Projek Usahasama Baharu Pasca Semakan untuk tiga projek terpilih
- Analisis Impak COVID-19
- Pelan 2022 untuk aktiviti-aktiviti pengurusan risiko dan inisiatif-inisiatif yang telah siap

KELESTARIAN

a. Diberi taklimat mengenai:
   - Laporan suku tahunan mengenai kemaskini dan inisiatif utama kelestarian
   - Pengemaskinian mengenai pertalian FGV dengan *Fair Labor Association* (FLA)
   - Pengemaskinian mengenai pemilihan juruaudit bebas bagi menguruskan Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US CBP) Perintah Tahanan Pelepasan (WRO) ke atas FGV, anak-anak syarikatnya dan syarikat usahasama berkaitan minyak sawit dan produk-produk minyak sawit
   - Laporan berkaitan audit pengesahan oleh Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO)
   - Laporan berkaitan pensijilan RSPO/ISCC/MSPO
   - Laporan berkaitan sumber kebolehjejakan
   - Pengemaskinian mengenai Program Buruh, Program Pemuliharaan, Program Pengurusan Pembekal dan Program Tindakan Iklim
   - Laporan berkaitan status FGV dalam penarafan ESG *(Sustainability Policy Transparency Toolkit-Spott)* berbanding syarikat-syarikat perladangan lain di Malaysia

b. Menilai dan membincangkan komitmen FGV terhadap Sasaran Berasaskan Sains dan cita-cita sifar bersih

PENYATA TERANGKUM DALAM LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN 2020 FGV

a. Menyemak Laporan BGRMC, Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat dan Penyata Kelestarian yang dirangkumkan di dalam Laporan Bersepadu Tahunan 2020 FGV serta Laporan Tadbir Urus Korporat dan mencadangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah

PERKARA-PERKARA PENTING DILAPORKAN KEPADA LEMBAGA PENGARAH

Pengerusi BGRMC mengemaskini Lembaga Pengarah mengenai perkara-perkara penting yang dibincangkan pada mesyuarat BGRMC serta cadangan-cadangannya. Salinan minit mesyuarat BGRMC yang sah juga diedarkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman pada mesyuarat Lembaga Pengarah seterusnya. Antara perkara-perkara penting dibincangkan oleh BGRMC sepanjang TK2021 adalah:

Perkara-perkara	Bagaimana perkara-perkara ini ditangani oleh BGRMC
1 **Laporan Analisis Impak COVID-19**	• Menyemak semua empat laporan dan membincangkan penilaian risiko daripada empat perspektif: global, Malaysia, industri minyak sawit dan operasi FGV; impak pandemik dan langkah mitigasi • Berdasarkan laporan, FGV meningkatkan kadar vaksinasi di kalangan pekerjanya, menyediakan kaunseling bagi menggalakkan vaksinasi, memantau bilangan kes serius, kematian dan penutupan tapak kerja, dan memaklumkan BGRMC bilangan jangkitan harian
2 **Dasar Kumpulan**	• Mencadangkan semakan berikut untuk kelulusan Lembaga Pengarah: a. Matriks Kelulusan Dasar Matriks Kelulusan Dasar Lembaga Pengarah & Prosedur Tadbir Urus Lembaga Pengarah b. Dasar Modal Insan Kumpulan c. Dasar Vaksinasi COVID-19 & Variannya d. Rangka Kerja Sekuriti Teknologi Maklumat

Bagaimana Kami Ditadbir Urus

Audit dan Pengurusan Risiko yang Berkesan

LAPORAN JAWATANKUASA TADBIR URUS & PENGURUSAN RISIKO LEMBAGA PENGARAH

Perkara-perkara	Bagaimana perkara-perkara ini ditangani oleh BGRMC
3 **Penilaian Risiko Projek Usahasama Baharu Pasca Semakan**	• Kemaskini isu-isu, pelan tindakan dan hasil berkaitan usaha sama baharu FGV
4 **Laporan Risiko Suku Tahunan Kumpulan FGV**	• Membincangkan risiko-risiko utama berkaitan perniagaan dan operasi Kumpulan merangkumi 10 risiko utama dan langkah mitigasi. Memaklumkan Lembaga Pengarah mengenai risiko-risiko yang memerlukan perhatian khusus serta profil dan pandangan risiko sedia ada • Menyemak dan meluluskan sistem pengguna baharu untuk ikrar integriti dalam talian para pekerja
5 **Pemberi Maklumat**	• Menyemak dan membincangkan bilangan kes pemberi maklumat, kategori masing-masing, apa yang dipelajari dan cadangan kes siasatan
6 **Laporan Kelestarian Kumpulan**	• Menerima status kemaskini mengenai inisiatif-inisiatif utama kelestarian, antara lain, Pertalian FGV dengan *Fair Labor Association* (FLA) dan program-program buruh berkaitan, Status Pensijilan RSPO/MSPO/ISCC, Program Pemuliharaan FGV (2021-2022), Program Pengurusan Kebolehjejakan dan Pembekal, Program Tindakan Iklim
7 **Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US CBP) Perintah Tahanan Pelepasan (WRO) ke atas minyak sawit dan produk minyak sawit keluaran FGV, anak-anak syarikat dan syarikat usaha sama**	• Menerima status kemaskini mengenai kemajuan pemilihan penilai bebas dan penasihat perundangan bagi menangani Perintah Tahanan Pelepasan (WRO) oleh Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US CBP)

Berkuatkuasa 1 September 2021, hal-hal berkaitan kelestarian menjadi agenda Jawatankuasa Kelestarian Lembaga yang baru ditubuhkan.

SEMAKAN PRESTASI

Semasa tahun kewangan, Lembaga Pengarah menilai prestasi BGRMC dan tahap di mana BGRMC memenuhi kehendak ToR, termasuk tempoh jawatan dan prestasi BGRMC dan setiap ahlinya. Penilaian prestasi ini adalah sebahagian daripada BEA tahunan, berkaitan penilaian Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Laporan ini dibuat sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 30 Mac 2022.

Bagaimana Kami Ditadbir Urus

Integriti Pelaporan Korporat dan Hubungan Bermakna dengan Pihak Berkepentingan

KOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

PENGLIBATAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

FGV komited untuk terus mengemaskini pihak berkepentingan dengan sebarang perkembangan dan strategi yang boleh meningkatkan nilai jangka panjang pihak berkepentingan. Hubungan Pelabur (IR) bertanggungjawab menyampaikan komunikasi berkesan kepada pihak berkepentingan bagi memastikan dialog berterusan dan telus dengan syarikat selain menyediakan platform untuk mereka menerima pandangan yang seimbang mengenai prestasi dan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Kumpulan FGV.

Dipandu oleh Dasar Komunikasi Pemegang Saham, FGV memastikan bahawa pemegang saham disediakan dengan maklumat yang tepat, benar, lengkap, jelas, dan tersebar meluas sejajar dengan rangka kerja dan garis panduan yang mentadbir pelepasan bahan-bahan dan maklumat sensitif, sejajar dengan kehendak pendedahan.

Saluran komunikasi utama dengan pihak berkepentingan termasuk:

LAMAN WEB KORPORAT

Menyediakan platform penting untuk para pelabur dan pihak berkepentingan mendapat akses kepada maklumat. Ia dikemaskini secara berkala bagi memastikan maklumat terkini dan tepat mengenai FGV tersedia dan boleh diakses oleh pihak berkepentingan.

MESYUARAT PIHAK BERKEPENTINGAN

GCEO dan Pengurusan Kanan mengadakan mesyuarat berkala dengan pihak berkepentingan bagi berkongsi dan membincangkan prestasi perniagaan dan pelan strategik Kumpulan. Pada TK2021, FGV meningkatkan jumlah pertemuan dengan komuniti pelabur dan mengadakan pelbagai mesyuarat bagi menangani kebimbangan pelabur.

Kebimbangan Utama Pihak Berkepentingan

FGV komited untuk terus berhubung dengan pihak berkepentingan dalam pelbagai cara, termasuk mengadakan mesyuarat secara maya semasa sekatan pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19. Berikut adalah antara kebimbangan pihak berkepentingan dan maklumbalas FGV:

Topik	Maklumbalas FGV
Perjanjian Pajakan Tanah (LLA)	• FGV terus berusaha meningkatkan nilai tanah LLA dengan mengadakan program-program penanaman semula dan pemulihan pokok yang akan memberi manfaat jangka panjang kepada Kumpulan • FGV telah memenuhi sepenuhnya tanggungjawab ke atas LLA berjumlah RM248 juta setahun kepada FELDA. Secara keseluruhan, FGV telah membayar lebih RM3.14 bilion kepada FELDA dari 2012 hingga 2021 • Hingga kini, FGV tidak menerima sebarang notis penamatan LLA

KALENDAR HUBUNGAN PELABUR 2021

26/02/2021
Q4 TK2020 Taklimat Penganalisis

24/03/2021
Pertemuan dengan Bank Negara Malaysia

31/03/2021
Q1 TK2021 Taklimat Penganalisis

14/06/2021
Pertemuan dengan Pemegang Saham utama

17/06/2021
Pertemuan dengan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG)

23/06/2021
MAT FGV ke-13

13/07/2021
Pertemuan dengan Pengurus Dana

30/08/2021
Q2 TK2021 Taklimat Penganalisis

19/10/2021
Pertemuan dengan Pengurus Dana

01/12/2021
Q3 TK2021 Taklimat Penganalisis

Bagaimana Kami Ditadbir Urus

Integriti Pelaporan Korporat dan Hubungan Bermakna dengan Pihak Berkepentingan

KOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Topik	Maklumbalas FGV
Kemaskini Operasi & Kewangan	• Untuk tahun kewangan di bawah tinjauan, pengeluaran BTS, hasil dan Kadar Perahan Mintak (OER) FGV adalah lebih rendah berbanding tahun lepas ekoran impak gangguan pandemik yang mengakibatkan kekurangan pekerja, permintaan dan penggunaan yang rendah, dan peningkatan kos • FGV memanfaatkan peningkatan harga MSM dengan purata RM4,470/MT pada 2021, peningkatan 37% dari tahun sebelumnya ekoran pengurangan pengeluaran minyak sawit, ringgit yang lemah dan harga minyak mentah yang meningkat • Banjir yang melanda negara pada Disember 2021 memberi impak minima kepada ladang-ladang FGV, meliputi 2% kawasan penanaman FGV • Aktiviti sepanjang tahun merangkumi aktiviti penanaman semula. Kami komited menetapkan jadual penanaman semula untuk lebih kurang 15,000 Hektar dengan peruntukan RM300 juta setahun. Program penanaman semula bertujuan memperbetulkan profil usia purata pokok kelapa sawit kami • Dengan pengumuman Kerajaan untuk membawa masuk 32,000 pekerja migran, FGV menjangka peningkatan produktiviti 2H pada TK2022
Kemaskini Kelestarian	• FGV terus mempertingkatkan amalan buruhnya di bawah perkaitan dengan FLA. Penilaian Luar Bebas (IEA) oleh FLA melibatkan beberapa penilaian lapangan dilengkapkan pada TK2021 di beberapa kilang dan ladang FGV. Keputusan IEA akan digunakan untuk membangunkan beberapa inisiatif bagi meningkatkan amalan buruh FGV • FGV terus membuat susulan dengan Sekretariat RSPO mengenai penggantungan pensijilan oleh Panel Aduan RSPO. Terkini, FGV memiliki 30 kilang dengan pensijilan RSPO • FGV telah melantik penilai pihak ketiga, ELEVATE, bagi menilai operasi FGV berbanding penunjuk buruh paksa. ELEVATE sedang memuktamadkan analisis jurang berdasarkan semakan desktop dan temuramah dengan pengurusan. Penilaian tapak dijangka bermula pada suku kedua 2022 • FGV komited untuk menjadi perniagaan sifar bersih menjelang 2050. FGV adalah syarikat makanan dan perniagaan pertanian Malaysia yang pertama memformalkan komitmen ini dengan menandatangani inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Ikrar Aspirasi Perniagaan untuk 1.5° C, yang mendorong pengurangan pemanasan global kepada 1.5°C. Untuk tujuan ini, FGV sedang memuktamadkan Inventori GHG yang komprehensif dengan membangunkan sasaran pengurangan untuk Kumpulan
Kemaskini COVID-19	• FGV mengambil langkah pencegahan COVID-19 di kalangan pekerja dengan serius. Justeru, FGV mengambil langkah memaksimakan kadar vaksinasi di kalangan pekerja, memastikan pematuhan tegas kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) dan langkah pengekangan yang efektif demi kesinambungan perniagaan • Kebanyakan operasi FGV tidak terjejas oleh MCO kecuali untuk penutupan mandatori Kerajaan. Bagaimanapun, jika ada kes positif COVID-19 di ladang, kilang atau loji, FGV akan menutup operasi serta-merta sejajar kehendak Majlis Keselamatan Negara (MKN)

Topik	Maklumbalas FGV
Strategi Perniagaan dan Pembubaran	**Strategi perniagaan FGV untuk 12 bulan seterusnya** **Perladangan** • FGV akan terus mempertingkatkan produktiviti dan mengurangkan kos dengan meningkatkan hasil menerusi inisiatif-inisiatif penanaman semula dan mekanisasi selain meningkatkan OER dari kawalan proses yang ketat **Gula** • MSM memberi tumpuan kepada peningkatan hasil dan penggunaan kapasiti, yang akan mengurangkan kos penapisan • Untuk pelan pemaksimaan aset, MSM terus meluaskan kehadiran eksport serantaunya dan menggandakan volum ke destinasi eksport utama seperti Vietnam, Singapura, dan Korea Selatan **LO** • LO telah memulakan khidmat logistik pihak ketiga (3PL) dengan memanfaatkan *curtain siders* baharunya serta Sistem Pengurusan Gudang (WMS) • LO mempunyai portfolio pelanggan yang berkepelbagaian dari beberapa industri termasuk minyak & gas, pelabuhan, telekomunikasi, tenaga, pertahanan, automotif, Barangan Pengguna Bergerak Pantas (FMCG) dan e-dagang bagi memperkukuhkan kedudukan perniagaan LO • Memberi tumpuan kepada pengembangan dan kepelbagaian pasaran disamping meningkatkan keberkesanan operasinya
Penswastaan FGV	• Bursa Malaysia telah memberi FGV lanjutan ketiga sehingga 3 Ogos 2022 untuk FGV memperbetulkan sebaran pegangan saham • FELDA menerusi surat bertarikh 23 Februari 2022 menegaskan semula hasratnya untuk tidak mengekalkan status penyenaraian FGV • FELDA akan memaklumkan FGV atau membuat pengumuman berkaitan apabila FELDA bersedia nanti

Bagaimana Kami Ditadbir Urus

Integriti Pelaporan Korporat dan Hubungan Bermakna dengan Pihak Berkepentingan

KOMUNIKASI DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN

TAKLIMAT KEPUTUSAN SUKU TAHUNAN

FGV secara konsisten mengadakan taklimat dan/atau persidangan dengan penganalisis dan media perniagaan berikutan pengumuman keputusan suku tahunan kami. Dipengerusikan oleh GCEO atau GCFO, platform ini membolehkan pasaran lebih memahami prestasi Kumpulan dan untuk mendapatkan penjelasan mengenai sebarang kebimbangan, jika ada. Pada 2021, kebanyakan taklimat Keputusan Suku Tahunan telah diadakan secara maya.

Sejajar dengan pengumuman keputusan suku tahunan Kumpulan kepada Bursa Malaysia, FGV akan mengadakan sesi taklimat kepada media dan penganalisis bagi memberi pemahaman lanjut mengenai prestasi FGV untuk tahun di bawah tinjauan. Taklimat lazimnya adalah menerusi interaksi muka-ke-muka menggunakan kemudahan panggilan persidangan bagi memastikan akses penuh kepada audiens yang sepatutnya. Bagaimanapun, keadaan semasa memerlukan penggunaan saluran digital, dengan komunikasi menerusi taklimat maya. Seperti amalan sebelumnya, GCEO akan membentangkan prestasi suku tahunan kepada audiens sebelum meneruskan dengan sesi Soal Jawab (Q&A).

LIPUTAN MEDIA

Satu lagi platform yang digunakan FGV untuk berhubung dengan orang awam ialah media. Media membantu FGV membina imej positif dan memastikan orang awam maklum mengenai perkembangannya. Kumpulan juga berkongsi kemaskini di platform media sosial (Facebook, Instagram, LinkedIn dan YouTube) dengan purata lima muat naik perkongsian setiap minggu. FGV membina hubungan baik dengan rakan-rakan media dengan memberikan maklumbalas segera dan tepat kepada pertanyaan mereka.

MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat agung adalah platform utama interaksi bersemuka dan kekal sebagai forum dialog utama di antara pemegang saham dan Syarikat diwakili oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan.

Menurut Perlembagaan Lembaga Pengarah, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan bahawa mesyuarat agung Syarikat dijalankan secara efisien dan bertindak sebagai mekanisme penting untuk komunikasi pemegang saham. Unsur utama adalah penyediaan maklumat yang komprehensif dan tepat kepada pemegang saham serta galakan untuk penyertaan aktif di mesyuarat-mesyuarat agung. Menerusi penggunaan teknologi, pemegang saham boleh mengambil bahagian dari jauh dan mengundi secara elektronik. Ini membolehkan lebih ramai pemegang saham mengambil bahagian. Pemegang saham boleh menonton aturcara MAT ke-13 menerusi penstriman langsung menggunakan kemudahan LUMI AGM di https://web.lumiagm.com. Atur cara MAT ke-13 secara maya sepenuhnya dibentangkan di bawah Amalan 13 dalam Laporan Tadbir Urus Korporat.

Minit mesyuarat penuh untuk MAT ke-13 yang diadakan pada 23 Jun 2021 berserta pembentangan Pegawai Bertugas, maklumbalas FGV kepada soalan-soalan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) dan senarai lengkap 82 soalan yang ditanyakan oleh pemegang saham berserta maklumbalas FGV boleh didapati di laman web korporat FGV di www.fgvholdings.com.

Sila rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat mengenai penjelasan lanjut aturcara MAT ke-13.

PERTANYAAN

Pemegang saham dijemput bertanya soalan mengenai Kumpulan sepanjang tahun. Komunikasi dan maklumbalas daripada pemegang saham boleh disalurkan kepada pasukan IR atau pasukan Komunikasi Strategik Kumpulan. Pemegang saham juga boleh bertanya soalan mengenai perihal pegangan saham mereka kepada Pendaftar Saham Syarikat dan mengutarakan kebimbangan kepada Pengarah Bebas yang memegang peranan INED Kanan. Butiran maklumat hubungan adalah seperti berikut:

Pasukan Perhubungan Pelabur

Nurul Syazatul Aiman Taifor
Ketua Hubungan Pelabur
Aras 20, Wisma FGV
Jalan Raja Laut
50350 Kuala Lumpur
Malaysia

03 2789 0000
03 2789 0001
fgv.investors@fgvholdings.com

Pasukan Komunikasi Strategik Kumpulan

fgv.enquiries@fgvholdings.com

Share Registrar

bsr.helpdesk@boardroomlimited.com

Platfom untuk Pihak Berkepentingan/ Pemegang Saham bertanya

sid@fgvholdings.com

PELAPORAN DAN PENDEDAHAN KEWANGAN

Lembaga Pengarah komited dalam menyediakan penilaian yang adil dan objektif mengenai kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan di dalam keputusan kewangan suku tahunan, Penyata Kewangan Tahunan, Laporan Bersepadu Tahunan dan semua laporan yang dikeluarkan oleh Kumpulan.

Lembaga Pengarah juga memastikan bahawa semua pengumumannya dibuat pada masa yang sewajarnya. Penyata Kewangan Kumpulan mematuhi kehendak-kehendak yang dinyatakan dalam MFRS, Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS), Kehendak Penyenaraian Bursa Securities dan Akta Syarikat 2016, selain undang-undang dan peraturan di negara-negara di mana FGV beroperasi. Penyata Kewangan Tahunan kami serta laporan suku tahunan juga disemak oleh Jawatankuasa Audit bagi memastikan ia mewakili Kumpulan dan Syarikat dengan adil.

Lembaga Pengarah komited dalam menyediakan penilaian yang adil dan objektif mengenai kedudukan kewangan dan prospek Kumpulan di dalam keputusan kewangan suku tahunan, Penyata Kewangan Tahunan, Laporan Bersepadu Tahunan dan semua laporan atau penyata kepada pemegang saham, pelabur dan badan kawal selia berkaitan.

Butiran lanjut mengenai Penyata Tanggungjawab Pengarah berkaitan penyediaan Penyata Kewangan Diaudit FGV dibentangkan pada muka surat 1.

LAPORAN BERSEPADU TAHUNAN

Ini merupakan Laporan Bersepadu Tahunan ke-7 FGV dan Laporan Tahunan ke-10 sejak penyenaraian kami di Bursa Securities pada 28 June 2012. LBT menyediakan liputan komprehensif mengenai operasi dan prestasi kewangan Kumpulan pada TK2021.

Butiran lanjut mengenai versi dalam talian AIR juga boleh didapati di laman web kami di www.fgvholdings.com.

PENGIKTIRAFAN

Komitmen FGV dalam mematuhi piawai ketelusan dan akauntabiliti tertinggi telah menerima pengiktirafan antarabangsa. Semasa tahun tinjauan, FGV disenaraikan sebagai di antara 100 penerima Anugerah *MSWG-ASEAN Corporate Governance Award 2020* untuk pendedahan tadbir urus korporat.

FGV juga telah menerima Anugerah Kecemerlangan untuk syarikat dengan RM2 bilion–RM10 bilion dalam pemodalan pasaran (Emas) dan Anugerah Khas Laporan Tahunan Terbaik dalam Bahasa Malaysia (Perak) dariapda NACRA 2021.

PELAN UNTUK TK2022

Pada 2022, keutamaan tadbir urus bagi menyokong dan menyelaraskan strategi-strategi dan pelan-pelan perniagaan FGV adalah seperti berikut:

- Memacu pengoptimaan aset operasi teras FGV seperti perladangan, gula, logistik dan pertanian bersepadu serta mencari cara untuk memaksimakan pengekstrakan rantaian nilai untuk pulangan yang lebih baik
- Memulakan program-program bagi meningkatkan kemahiran dan mengekalkan bakat
- Mencari dan menilai peluang-peluang dengan menggunakan alat penilaian risiko projek FGV bagi membangunkan perniagaan menerusi urusniaga korporat yang terpilih dan meningkatkan nilai
- Memperkukuh dan meningkatkan mekanisme pengurusan risiko, pencegahan rasuah dan pemberi maklumat FGV termasuk mempertingkatkan sistem pemberi maklumat, memperluaskan dasar-dasar yang berkaitan kepada anak-anak syarikat antarabangsa atau perniagaan-perniagaan baharu, memperbaiki pengurusan vendor dan menyemak daftar risiko sedia ada

PENYATA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah telah membincangkan, menyemak dan meluluskan Penyata ini dan kecuali seperti yang didedahkan, berpuas hati bahawa Kumpulan telah memenuhi tanggungjawabnya di bawah perenggan-perenggan berkaitan dalam Kehendak Penyenaraian Bursa Securities, Akta Syarikat 2016, MCCG, Panduan Tadbir Urus Korporat Bursa Securities serta lain-lain undang-undang dan peraturan yang berkaitan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

Lembaga Pengarah komited membentuk sebuah organisasi yang bertanggungjawab dan akan menyemak serta memperhalusi secara kerap amalan-amalan tadbir urus korporat Kumpulan bagi mengekalkan rangka kerja yang wajar dan mantap untuk tadbir urus yang berkesan demi kepentingan pemegang saham dan pihak berkepentingan.

Penyata ini dibuat sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 30 Mac 2022.

Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Lembaga Pengarah dengan sukacita membentangkan Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman, sejajar dengan Bab 15, Perenggan 15.26(b) Kehendak-kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan Prinsip B Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021, dengan panduan daripada Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman: Garis Panduan untuk para Pengarah Syarikat-syarikat Tersenarai.

TANGGUNGJAWAB DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN

LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah mengesahkan tanggungjawab dan komitmennya dalam menerapkan amalan-amalan pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang mantap dalam operasi Kumpulan. Lembaga Pengarah juga memastikan bahawa amalan-amalan pengurusan risiko dan kawalan dalaman adalah mencukupi untuk mengenalpasti, menilai, memantau dan mengurus risiko-risiko utama Kumpulan dalam mencapai objektif strategik. Setiap tahun, Lembaga Pengarah menyemak keberkesanan, kecukupan dan integriti sistem-sistem ini.

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah disokong oleh Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah (BGRMC) serta Jawatankuasa Audit (AC) bagi perkara-perkara berkaitan pengurusan risiko dan kawalan dalaman. Salah satu peranan utama BGRMC adalah untuk mengarah dan memantau formulasi mekanisme berstruktur bagi menerapkan budaya pengurusan risiko yang mantap di dalam Kumpulan. BGRMC membantu Lembaga Pengarah menyemak risiko-risiko perniagaan utama Kumpulan, kemajuan langkah-langkah mitigasi termasuk kawalan dalaman yang berkaitan serta menyediakan panduan berhubung strategi-strategi mitigasi risiko-risiko tersebut. BGRMC juga menyemak secara berkala proses pengurusan risiko bagi memastikan proses tersebut membantu dalam pengenalpastian dan penilaian risiko-risiko yang baru dikenalpasti.

Jawatankuasa Audit menjalankan semakan secara bebas mengenai kecukupan dan keberkesanan proses pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman.

JAWATANKUASA PENGURUSAN KUMPULAN

Jawatankuasa Pengurusan Kumpulan (GMC), adalah sebagai platform yang menggabungkan pandangan Pengurusan Utama FGV Holdings Berhad (FGV), memainkan peranan utama dalam mengenalpasti dan menganalisis risiko-risiko perniagaan utama FGV. GMC membincangkan status tindakan dan strategi-strategi mitigasi. Pada tahun 2022, FGV akan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi memberi perhatian khusus ke atas pengurusan risiko-risiko Kumpulan bagi membolehkan GMC menumpukan perhatian kepada aktiviti dan prestasi perniagaan.

GMC disokong oleh proses pengurusan risiko yang ditadbir oleh Bahagian Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko Kumpulan (GGRM) yang ditugaskan untuk menerapkan amalan dan budaya pengurusan risiko di dalam FGV. GGRM bekerja rapat dengan perniagaan dengan menyediakan kepakaran dan sokongan bagi proses pemikiran dan cabaran pengurusan risiko, selain memantau risiko-risiko perniagaan yang dikenalpasti.

Kumpulan juga bergantung kepada kerja Audit Dalaman Kumpulan (GIA) bagi mendapatkan input penambahbaikan proses-proses pengurusan risiko dan pengenalpastian kelemahan kawalan dalaman yang berkaitan dengan mitigasi risiko-risiko utama.

Butiran lanjut mengenai GIA boleh didapati di bawah Penyata Tadbir Urus Korporat pada mukasurat 103.

RANGKA KERJA PENGURUSAN RISIKO

Rangka kerja pengurusan risiko FGV diwujudkan bagi memberi garis panduan jelas mengenai tahap risiko yang boleh diterima oleh Kumpulan. Rangka kerja ini yang dicipta bagi memastikan pengurusan risiko dan proses yang sewajarnya adalah ditanda aras berbanding Piawaian Pengurusan Risiko ISO 31000.

Rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan merangkumi proses pengenalpastian, penilaian dan pengurusan berterusan risiko-risiko yang boleh menghalang pencapaian strategi dan objektif jangka panjang dan jangka pendek Kumpulan. Rangka kerja ini bermatlamat menerapkan kesedaran risiko dalam semua pembuatan keputusan dan merupakan komitmen bagi menguruskan risiko secara proaktif dan berkesan.

Rangka kerja pengurusan risiko ini menyediakan Lembaga Pengarah dan pengurusannya dengan alat-alat yang boleh menjangka dan menguruskan risiko-risiko sedia ada dan berpotensi, dengan mengambilkira perubahan profil risiko ekoran perubahan dalam strategi perniagaan, operasi, persekitaran luar dan perubahan kawal selia.

Proses pengurusan risiko FGV diringkaskan seperti berikut:



RISIKO-RISIKO UTAMA KUMPULAN FGV

Menerusi proses yang berterusan bagi pengurusan risiko pada tahap pengurusan dan perbincangan agenda yang dibawa ke Lembaga Pengarah, perkara-perkara ini dinilai berbanding risiko pencapaian objektif dan strategi-strategi Kumpulan. Berikut adalah risiko-risiko utama FGV pada TK2021, serta langkah-langkah mitigasinya:

DAGANGAN & PASARAN

Kumpulan terdedah kepada risiko harga komoditi sejak harga Minyak Sawit Mentah (MSM) dan derivatifnya tertakluk kepada turun naik berikutan faktor luar jangkaan seperti cuaca, perubahan dalam permintaan dan pengeluaran global, harga minyak mentah dan pengeluaran global untuk tanaman serupa dan bersaing.

Lembaga Pengarah telah meluluskan dasar dagangan komoditi bagi memastikan risiko dagangan ditangani di dalam had yang ditetapkan. Dasar ini juga memerlukan Pengurusan memantau trend MSM, forex dan lain-lain pergerakan harga komoditi dengan had ke atas jualan hadapan dan lindung nilai.

BURUH

Operasi ladang kami sangat bergantung kepada tenaga buruh terutamanya buruh asing. Kekurangan buruh pada tahun tinjauan adalah disebabkan oleh sekatan sempadan yang menjejaskan kecekapan operasi ladang dan seterusnya menyebabkan hasil pengeluaran, jualan dan keuntungan yang lebih rendah. Risiko kekurangan buruh kekal menjadi cabaran kepada sektor minyak sawit.

Justeru, FGV menggunakan tenaga kerjanya dengan lebih cekap dengan meningkatkan mekanisasi dan melaksanakan lebih banyak kerja pemulihan tanaman blok berstruktur bagi meminimakan kesan kekurangan buruh. Selain itu, pelbagai usaha dijalankan bagi meningkatkan bilangan pekerja tempatan.

KELESTARIAN

Industri minyak sawit terus mendapat perhatian untuk isu-isu kelestarian, samada dari segi hak buruh, dakwaan pembalakan atau impak ke atas perubahan iklim. Dakwaan isu-isu buruh menunjukkan bagaimana risiko kelestarian boleh menjejaskan reputasi dan perniagaan FGV seperti yang dilihat dengan penggantungan pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO) dan sekatan Jabatan Kastam dan Perlindungan Sempadan Amerika Syarikat (US CBP), yang telah menjejaskan jualan produk-produk minyak sawit kami ke beberapa pasaran antarabangsa.

Usaha secara meluas dilaksanakan bagi menguruskan risiko-risiko berkaitan kelestarian FGV. FGV mengambil inisiatif memperbaiki keadaan tempat kerja dan tempat tinggal pekerja, selain mempertingkatkan proses pengambilan kerja serta terma-terma pekerjaan untuk tenaga buruh kami.

FGV bekerjasama dengan *Fair Labor Association* (FLA), sebuah persatuan antarabangsa, dalam mempromosi dan melindungi hak asasi pekerja dan memperbaiki keadaan tempat kerja di seluruh dunia. FGV juga mendapatkan khidmat penilai bebas bagi mengesahkan dan menutup jurang dalam situasi buruh kami seperti yang didakwa oleh US CBP. FGV juga telah melancarkan Pelan Tindakan Iklim termasuk komitmennya terhadap ikrar inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk Ikrar Aspirasi Perniagaan untuk 1.5° C dan pelepasan gas sifar dalam sepanjang rantaian nilainya.

Penyata Pengurusan Risiko
dan Kawalan Dalaman

PANDEMIK

Ketidaktentuan pandemik COVID-19 kekal menjadi risiko utama kepada operasi kami dengan penutupan tapak-tapak operasi, pengurangan produktiviti, cabaran dalam bekalan dan logistik, dan kerugian pendapatan. Dengan varian baharu coronavirus yang mungkin muncul, risiko pandemik terhadap perniagaan kami harus dipandang serius walaupun pandemik ini telah memasuki tahun ketiga.

Pelbagai langkah mitigasi telah disediakan termasuk menjejak dan meningkatkan kadar vaksinasi di kalangan pekerja dengan kerjasama erat agensi-agensi Kerajaan, penyediaan pusat-pusat kuarantin dan pengasingan di ladang-ladang, serta pematuhan ketat kepada Tatacara Pengendalian Piawai (TTP) yang dikeluarkan Kerajaan.

KESELAMATAN SIBER

Dengan peningkatan digitalisasi ekonomi dan virtualisasi operasi harian, semua syarikat menghadapi ancaman serangan siber. Pengoperasian dan keselamatan sistem Teknologi Maklumat (IT) mungkin gagal akibat serangan siber, pengintipan dan tatalaku penggunaan yang kurang baik. Gangguan sistem boleh menjejaskan kecekapan operasi dan membawa kepada kerugian kewangan.

Bagi menangani ancaman siber, FGV telah melaksanakan pelbagai program keselamatan siber bagi melindungi aset dan maklumat perniagaan kami. FGV memiliki Rangka Kerja Keselamatan IT yang diluluskan berdasarkan ISO 27001, yang antara lain merangkumi saluran penyulitan untuk khidmat web, pengerasan dan penyulitan pelayan, ujian penerobosan sekuriti untuk infrastruktur dan aplikasi IT, serta pendidikan mengenai serangan keselamatan IT.

Semasa tahun tinjauan, Lembaga Pengarah telah mendapatkan khidmat perunding bebas bagi menyemak dan mempertingkatkan kesediaan FGV menghadapi ancaman keselamatan siber.

RANGKA KERJA KAWALAN DALAMAN

Unsur-unsur utama rangka kerja kawalan dalaman FGV yang dibangunkan oleh Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

NILAI-NILAI TERAS KUMPULAN

Budaya korporat Kumpulan termaktub dalam nilai-nilai terasnya iaitu Kerjasama, Hormat, Integriti, Dinamisme dan Semangat (PRIDE). Nilai-nilai teras ini penting dalam membina budaya beretika dan prestasi tinggi bagi mencapai visi Kumpulan dan menyokong objektif serta matlamatnya.

Semua pekerja diberi kesedaran mengenai nilai-nilai ini bagi mewujudkan tatalaku dan budaya yang betul di dalam Kumpulan. Elemen-elemen PRIDE membentuk sebahagian daripada penilaian prestasi tahunan pekerja iaitu 40% daripada markah keseluruhan.

Kod Tatalaku dan Etika Perniagaan untuk Pekerja

FGV mempunyai Kod Tatalaku dan Etika Perniagaan untuk Pekerja (COBCE). COBCE memandu pekerja dalam mendokong nilai-nilai Kumpulan dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan menerusi amalan-amalan perniagaan yang jujur, telus dan beretika.

Dasar Pemberi Maklumat

Dasar Pemberi Maklumat Kumpulan diwujudkan pada 2012 dan disemak setiap tahun dengan semakan terakhir pada November 2020. Dasar ini menyediakan saluran khusus untuk pekerja dan pihak berkepentingan untuk mendedahkan atau menyuarakan kebimbangan mengenai ketidakwajaran, tatalaku tidak wajar atau lain-lain penyelewengan, dalam cara yang telus dan sulit tanpa rasa takut dihukum atau dilayan dengan tidak adil. Dasar ini juga menyediakan platform di mana aduan pemberi maklumat ditangani menerusi saluran yang betul selain melindungi pemberi maklumat tersebut.

Sistem Pengurusan Anti Rasuah

Bagi membuktikan pendirian toleransi sifar FGV terhadap rasuah dan penyelewengan, FGV mewujudkan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah (ABMS) dengan pensijilan ISO bagi mendokong tatalaku perniagaan beretika and integriti tertinggi, sebagai langkah mencukupi bagi mematuhi Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (MACC) bagi melindungi dirinya daripada risiko rasuah dan penyelewengan.

STRUKTUR ORGANISASI DENGAN TANGGUNGJAWAB DAN PEMBAHAGIAN KUASA YANG JELAS

FGV mempunyai struktur organisasi yang mentakrifkan peranan dan tanggungjawab jawatan-jawatan di dalam FGV bagi membolehkannya bertindakbalas dengan pantas terhadap perubahan-perubahan dan persekitaran perniagaan, dan mewujudkan pengawasan dan penyelarasan yang berkesan untuk operasi harian perniagaan.

Had Kuasa (LOA) Kumpulan adalah rujukan teras untuk pembahagian kuasa dalam operasi harian Kumpulan menerusi pemerkasaan pelbagai tahap Pengurusan dalam membuat keputusan dan melaksanakan urusniaga perniagaan Kumpulan di dalam rangkuman toleransi risiko Lembaga Pengarah. LOA tersebut mentakrif tahap kelulusan bagi perbelanjaan yang dianggarkan, tidak dianggarkan, bermodal dan tidak bermodal, serta pelaburan. LOA Kumpulan disemak dan dikemaskini secara berterusan bagi memastikan penggunaanya sesuai untuk operasi dan sejajar kepada dasar-dasar lain dalam Kumpulan.

DASAR & PROSEDUR

Dasar-dasar dan prosedur yang didokumentasi membentuk bahagian penting sistem kawalan dalaman Kumpulan bagi melindungi pelaburan pemegang saham daripada kerugian material. Ia juga memastikan maklumat yang lengkap dan tepat. Dokumen-dokumen ini terdiri daripada dokumen dasar, TTP, pekeliling, manual dan buku panduan yang disemak dan dikemaskini secara berterusan bagi memenuhi keperluan perniagaan dan operasi terkini.

PENILAIAN KENDIRI KAWALAN

Satu mekanisme Penilaian Kendiri Kawalan dilaksanakan pada TK2020 sebagai inisiatif menerapkan budaya pengurusan risiko dan pematuhan yang lebih baik. Pada TK2021, Kesemua estet Kumpulan telah menjalankan Penilaian Kendiri Kawalan menerusi mekanisme kaji selidik untuk proses-proses terpilih. Kaji selidik tersebut dilengkapkan oleh ladang-ladang terbabit dan disahkan oleh GIA, manakala maklumbalas bagi tahap pematuhan diserahkan kepada AC.

PEMANTAUAN PRESTASI

Laporan Pengurusan dibincangkan setiap bulan pada tahap GMC bagi menyemak prestasi kewangan dan operasi perniagaan-perniagaan Kumpulan. Semakan tersebut merangkumi penunjuk prestasi utama kewangan dan bukan kewangan, serta perbezaan di antara belanjawan dan keputusan operasi. Prestasi kewangan dan operasi disemak setiap suku tahun oleh Lembaga Pengarah bagi memantau kemajuan perniagaan FGV berbanding strategi yang diwujudkan dan prestasi Pengurusan berbanding belanjawan dan sasaran tahunan. Menerusi platform ini, tindakan-tindakan dan inisiatif-inisiatif diambil bagi menutup sebarang jurang daripada pencapaian strategi dan belanjawan.

PEMBINAAN KEUPAYAAN

FGV menekankan pengenalpastian dan pembangunan calon-calon berpotensi tinggi untuk pelan penggantian dan bagi menyokong strategi pertumbuhan Kumpulan. Usaha ini adalah perlu bagi membina benteng penggantian yang mantap serta kekuatan bakat yang kukuh menerusi program-program pembangunan kecekapan bagi membina kemahiran yang diperlukan oleh operasi perniagaan.

KECUKUPAN DAN KEBERKESANAN

Pada 2021, penilaian Lembaga Pengarah ke atas kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman adalah berdasarkan laporan suku tahun dan laporan-laporan kepada Lembaga Pengarah daripada BGRMC, AC dan lain-lain Jawatankuasa Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah menyedari laporan oleh perunding bebas yang menyemak proses pengurusan risiko FGV serta semakan GIA ke atas kawalan dalaman 2021 adalah sejajar dengan pelan audit dalaman tahunan. Lembaga Pengarah juga dikemaskini mengenai tindakan-tindakan pembetulan yang diambil dan kemajuan mereka.

SYARIKAT-SYARIKAT USAHASAMA DAN BERSEKUTU YANG PENTING

Pendedahan di dalam penyata ini tidak termasuk amalan-amalan pengurusan risiko dan kawalan dalaman syarikat-syarikat usahasama dan bersekutu penting FGV. Kepentingan FGV dalam kesemua entiti ini dilindungi menerusi pelantikan perwakilan ke lembaga pengarah masing-masing atau menerusi perwakilan yang dicalonkan. Selain itu, di mana perlu, maklumat kewangan penting dan lain-lain maklumat mengenai prestasi entiti-entiti ini didapatkan dan disemak oleh Lembaga Pengarah.

PENDEKATAN PENGURUSAN RISIKO UNTUK ANAK-ANAK SYARIKAT TERSENARAI FGV

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), sebagai anak syarikat tersenarai FGV, menjalankan tanggungjawab pengurusan risiko dan kawalan dalamannya menerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Audit Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Tadbir Urus dan Risiko untuk perbincangan lanjut oleh Lembaga Pengarah MSM. Sebarang risiko yang dikenalpasti mempunyai impak signifikan ke atas Kumpulan FGV dilaporkan kepada BGRMC FGV. Impak langsung ke atas prestasi kewangan Kumpulan dilaporkan kepada AC FGV, dan seterusnya Lembaga Pengarah FGV.

SEMAKAN PENYATA INI OLEH JURUAUDIT LUAR

Seperti dikehendaki Perenggan 15.23 Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, juruaudit luar telah menyemak Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman ini. Semakan jaminan terhad mereka dilakukan sejajar dengan Panduan Amalan Audit dan Jaminan No 3 (AAPG3) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. AAPG3 tidak memerlukan juruaudit luar untuk membentuk pendapat mengenai kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman Kumpulan.

KESIMPULAN LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah dengan sukacita melaporkan bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan membolehkan Kumpulan menguruskan risiko-risikonya dalam mencapai pelan-pelan dan objektif perniagaan strategiknya. Lembaga Pengarah juga menerima jaminan daripada Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO) dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) bahawa rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman Kumpulan beroperasi dengan cukup dan berkesan dalam semua aspek penting. Tumpuan berterusan ke atas langkah-langkah melindungi dan meningkatkan nilai pemegang saham serta kelestarian perniagaan akan kekal menjadi tumpuan teras Kumpulan.

Penyata ini dibuat sejajar dengan resolusi Lembaga Pengarah yang diluluskan pada 30 Mac 2022.

SEKSYEN 5

Memperkuku
Kelestarian

h

FGV beriltizam memacu impak positif menerusi perniagaan berpandukan kelestarian, dan untuk memimpin sebagai sebuah syarikat global yang bertanggungjawab. Kami komited sepenuhnya untuk memastikan bahawa usaha dan inisiatif konsisten dilaksanakan bagi memperbaiki jejak pelepasan karbon kami, penggunaan sumber-sumber hijau, dan sumbangan kepada masyarakat dan alam sekitar.



Penyata Kelestarian

NOTIS PENERANGAN

Bagi TK2021, FGV Holdings Berhad (FGV) akan menerbitkan Laporan Kelestarian secara berasingan. Hal ini sejajar dengan amalan FGV dalam menerbitkan Laporan Kelestarian setiap dua tahun. Dengan pelbagai usaha kelestarian kami, Laporan Kelestarian yang berasingan akan memberikan perspektif yang lebih komprehensif dan mendalam mengenai komitmen, inisiatif dan pencapaian kelestarian kami. Penyata Kelestarian ini menyediakan tinjauan komitmen, pendekatan dan amalan-amalan kelestarian kami.

Imbas di sini untuk melihat Laporan Kelestarian kami

Sila rujuk kepada Laporan Kelestarian untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Skop dan Had Laporan Kelestarian ini.

TINJAUAN

Kelestarian bukan lagi sekadar satu konsep terhadap kesedaran korporat, tetapi telah menjadi aktiviti yang termaktub dalam operasi perniagaan berdasarkan impak keseluruhan ke atas semua spektrum pihak berkepentingan.

FGV menyedari tanggungjawab kami dalam mengimbangi aspirasi ekonomi kami dengan pertimbangan alam sekitar dan sosial yang positif, tanpa menjejaskan tadbir urus dan etika kami. Agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) merupakan kompas yang memandu kami dalam usaha memanfaatkan sinergi dan menyampaikan nilai kepada pihak-pihak berkepentingan dengan cara yang bertanggungjawab. Dalam komitmen kami mendukung agenda ini, tindakan-tindakan kami dipandu oleh tiga tonggak dalam Dasar Kelestarian Kumpulan (GSP) 4.0.

- Mempromosikan Pertumbuhan Ekonomi
- Menghormati Hak Asasi Manusia
- Melindungi Alam Sekitar

Penerapan kelestarian dalam operasi kami adalah kritikal untuk pertumbuhan dan kemakmuran, tetapi lebih penting untuk kelangsungan dan kewujudan, di mana tanpa kelestarian, maka tiadalah masa hadapan. Justeru, kelestarian FGV merangkumi pengukuhan perniagaan kami agar terus berdaya maju, penting dan dinamik.

Komitmen kami terhadap kelestarian telah membawa kepada penarafan FGV di kedudukan ke-19 (terdahulu di kedudukan ke-23) daripada 100 pengeluar minyak sawit yang dinilai berdasarkan 182 penunjuk ESG. Skor penilaian keseluruhan SPOTT 2021 bagi FGV adalah 74% yang merupakan satu peningkatan daripada skor 70% yang direkodkan pada TK2020.

Walau bagaimanapun, perjalanan kelestarian kami mempunyai cabaran yang tersendiri. Khusus berkaitan Pensijilan Rundingan Meja Bulat Minyak Sawit Lestari (RSPO), FGV telah melaksanakan arahan Panel Aduan (CP) RSPO pada November 2018 dan Januari 2020, serta audit pengesahan melibatkan enam kompleks kilang telah dijalankan antara Januari dan April 2021 oleh juruaudit bebas yang dilantik oleh RSPO. FGV difahamkan oleh Sekretariat RSPO bahawa hasil dapatan audit pengesahan tersebut telah dibincangkan oleh CP RSPO pada bulan Ogos 2021 dan FGV sejak itu telah berhubung secara kerap dengan Sekretariat RSPO sementara menunggu keputusan dari CP mengenai penggantungan pensijilan RSPO. Walaupun FGV memahami bahawa perkara ini perlu dipertimbangkan dan dibincangkan secara menyeluruh oleh CP, kami percaya bahawa proses tersebut telah mengambil masa yang lebih lama dari sepatutnya. FGV komited untuk memperolehi pensijilan RSPO untuk semua kompleks kilang bagi menunjukkan pematuhan kepada Prinsip-prinsip dan Kriteria-kriteria RSPO (P&C). Sementara itu, FGV terpaksa menangguhkan usaha untuk mendapatkan pensijilan bagi kompleks kilang yang lain sehingga dan kecuali keputusan telah dibuat oleh CP mengenai perkara itu. Kegagalan kami untuk menjelaskan kepada pihak-pihak berkepentingan mengenai penangguhan ini telah meletakkan FGV dalam satu posisi yang sukar, selain memberi impak negatif ke atas reputasi dan kedudukan komersil FGV.

4.1	Lembaga Pengarah bersama-sama pengurusan bertanggungjawab ke atas tadbir urus kelestarian dalam syarikat termasuk menetapkan strategi, keutamaan dan sasaran kelestarian syarikat. Lembaga Pengarah mengambil kira pertimbangan kelestarian apabila melaksanakan tugasnya termasuk antara lain pembangunan dan pelaksanaan strategi syarikat, rancangan perniagaan, pelan tindakan utama dan pengurusan risiko. Pengurusan strategik perkara kelestarian penting harus dipacu oleh pengurusan kanan.	Diguna pakai	4-7, 36-40, 44-47
4.2	Lembaga memastikan bahawa strategi, keutamaan dan sasaran kelestarian syarikat serta prestasi terhadap sasaran ini disampaikan kepada pemegang kepentingan dalaman dan luarannya.	Diguna pakai	148
4.3	Lembaga Pengarah mengambil tindakan yang sewajarnya untuk memastikan mereka sentiasa mengikuti perkembangan dan memahami isu kelestarian yang berkaitan dengan syarikat dan perniagaannya, termasuk risiko dan peluang berkaitan iklim.	Diguna pakai	109, 133, 114-116
4.4	Penilaian prestasi Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan termasuk semakan prestasi Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan dalam menangani risiko dan peluang kelestarian penting syarikat.	Diguna pakai	111, 124
4.5 (Amalan yang dipertingkatkan)	Lembaga Pengarah mengenal pasti mereka yang dilantik dalam pengurusan memberikan tumpuan khusus untuk mengurus kelestarian secara strategik, termasuk penyepaduan pertimbangan kelestarian dalam operasi syarikat.	Diguna pakai	100
5.1	Jawatankuasa Pencalonan hendaklah memastikan komposisi Lembaga Pengarah diperbaharui secara berkala. Tempoh jawatan setiap Pengarah hendaklah disemak oleh Jawatankuasa Pencalonan dan pemilihan semula tahunan Pengarah hendaklah bergantung kepada penilaian prestasi pengarah dan sumbangan yang memuaskan kepada lembaga pengarah.	Diguna pakai	104, 106
5.2	Sekurang-kurangnya separuh daripada Lembaga Pengarah terdiri daripada pengarah bebas. Bagi Syarikat Besar, Lembaga Pengarah majoritinya terdiri daripada pengarah bebas.	Diguna pakai	Sila Rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
5.3	Tempoh jawatan Pengarah Bebas tidak melebihi had tempoh sembilan tahun. Setelah tamat tempoh sembilan tahun, Pengarah Bebas boleh terus berkhidmat dalam lembaga pengarah sebagai pengarah bukan bebas. Jika lembaga pengarah berhasrat untuk mengekalkan Pengarah Bebas melebihi sembilan tahun, ia harus memberikan justifikasi dan mendapatkan kelulusan pemegang saham tahunan melalui proses pengundian dua peringkat.	Tidak berkaitan - Amalan Yang Dipertingkatkan 5.4 Telah diguna pakai	

* *Untuk turut merujuk kepada Laporan Tadbir Urus Korporat, yang boleh didapati di laman web kami, www.fgvholdings.com*

Penerapan Prinsip dan Amalan
Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 (MCCG 2021)

Amalan	Butiran	Diguna pakai/ Tidak diguna pakai/ Diterapkan/ Tidak diterapkan/ Tidak berkaitan	Muka surat*
PRINSIP A: KEPIMPINAN & KEBERKESANAN LEMBAGA PENGARAH (samb.)			
5.4 (Amalan yang dipertingkatkan)	Lembaga Pengarah mempunyai dasar yang mengehadkan tempoh khidmat pengarah bebas kepada sembilan tahun tanpa lanjutan.	Diguna pakai	Sila Rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
5.5	Pelantikan Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan adalah berdasarkan kriteria yang objektif, merit dan kepelbagaian kemahiran, pengalaman, usia, latar belakang budaya dan jantina. Pengarah yang dilantik seharusnya dapat menumpukan masa yang diperlukan untuk berkhidmat kepada lembaga dengan berkesan. Lembaga Pengarah harus mempertimbangkan jawatan Lembaga Pengarah sedia ada yang dipegang oleh Pengarah, termasuk Lembaga Pengarah di syarikat tidak tersenarai. Sebarang pelantikan yang boleh menimbulkan keraguan terhadap integriti dan tadbir urus syarikat harus dielakkan.	Diguna pakai	84, 86-102, 117
5.6	Dalam mengenal pasti calon untuk pelantikan pengarah, lembaga pengarah tidak semata-mata bergantung kepada saranan daripada ahli lembaga pengarah, pihak pengurusan atau pemegang saham utama sedia ada. Lembaga Pengarah menggunakan sumber bebas untuk mengenal pasti calon-calon yang layak dan sesuai. Jika pemilihan calon adalah berdasarkan saranan yang dibuat oleh pengarah, pengurusan atau pemegang saham utama sedia ada, Jawatankuasa Pencalonan harus menjelaskan mengapa sumber ini mencukupi dan sumber lain tidak digunakan.	Diguna pakai	Sila Rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
5.7	Lembaga Pengarah hendaklah memastikan pemegang saham mempunyai maklumat yang mereka perlukan untuk membuat keputusan yang tepat mengenai pelantikan dan pelantikan semula pengarah. Ini termasuk butiran mengenai sebarang kepentingan, kedudukan atau hubungan yang mungkin mempengaruhi, atau secara munasabah dianggap mempengaruhi, dari segi kapasiti penting mereka untuk membawa pertimbangan bebas bagi mengemukakan isu di hadapan lembaga pengarah dan bertindak demi kepentingan terbaik syarikat tersenarai secara keseluruhannya. Lembaga Pengarah juga harus memberikan kenyataan sama ada ia menyokong pelantikan atau pelantikan semula calon dan sebab-sebabnya.	Tidak diguna pakai	111-113, 157, Penyata Mengiringi Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-14
5.8	Jawatankuasa Pencalonan dipengerusikan oleh Pengarah Bebas atau Pengarah Bebas Kanan.	Diguna pakai	85, 117
5.9	Lembaga Pengarah terdiri daripada sekurang-kurangnya 30% pengarah wanita.	Diguna pakai	Sila Rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
5.10	Lembaga Pengarah menzahirkan dalam laporan tahunannya dasar syarikat mengenai kepelbagaian jantina untuk lembaga pengarah dan pengurusan kanan.	Tidak diguna pakai	94, 104, 106
6.1	Lembaga Pengarah hendaklah melaksanakan penilaian tahunan yang formal dan objektif untuk menentukan keberkesanan lembaga pengarah, jawatankuasanya dan setiap pengarah individu. Lembaga Pengarah juga harus menzahirkan cara penilaian pelaksanaan dan hasilnya, tindakan yang diambil dan bagaimana ia mempengarhui atau akan mempengaruhi komposisi lembaga pengarah. Bagi Syarikat Besar, lembaga pengarah boleh mendapatkan khidmat pakar bebas sekurang-kurangnya setiap tiga tahun, untuk memastikan penilaian lembaga pengarah dapat dilaksanakan secara bebas dan telus.	Diguna pakai	110-111
7.1	Lembaga Pengarah mempunyai dasar dan prosedur imbuhan untuk menentukan imbuhan pengarah dan pengurusan kanan, dengan mengambil kira permintaan, kerumitan dan prestasi syarikat serta kemahiran dan pengalaman yang diperlukan. Dasar dan amalan imbuhan harus mencerminkan dengan sewajarnya peranan dan tanggungjawab berbeza pengarah bukan eksekutif, pengarah eksekutif dan pengurusan kanan. Dasar dan prosedur disemak secara berkala dan dipaparkan di laman web syarikat.	Diguna pakai	120-124
7.2	Lembaga Pengarah mempunyai Jawatankuasa Imbuhan untuk melaksanakan dasar dan prosedur imbuhan termasuk menyemak dan mencadangkan hal-hal yang berkaitan dengan imbuhan lembaga pengarah dan pengurusan kanan. Jawatankuasa Imbuhan memliki Bidang Tugas bertulis yang memperuntukkan kuasa dan tugasnya dan Bidang Tugas tersebut dipaparkan di laman web syarikat.	Diguna pakai	117-119
8.1	Terdapat penzahiran terperinci yang menyenaraikan nama dan imbuhan setiap pengarah. Pecahan imbuhan bagi setiap pengarah termasuk fi, gaji, bonus, manfaat bukan bentuk wang dan emolumen lain.	Diguna pakai	122-123
8.2	Lembaga Pengarah menzahirkan mengikut turutan nama, komponen imbuhan yang dibayar kepada lima pemegang jawatan pengurusan kanan teratas yang meliputi gaji, bonus, manfaat bukan berbentuk wang dan emolumen lain dalam linkungan RM50,000.	Tidak diguna pakai	124
8.3 (Amalan yang dipertingkatkan)	Syarikat-syarikat digalakkan untuk menzahirkan sepenuhnya imbuhan terperinci setiap ahli pengurusan kanan dan nama-nama mereka.	Tidak diterapkan	

Amalan	Butiran	Diguna pakai/ Tidak diguna pakai/ Diterapkan/ Tidak diterapkan/ Tidak berkaitan	Muka surat*
PRINSIP B: AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO YANG BERKESAN			
9.1	Pengerusi Jawatankuasa Audit bukanlah Pengerusi Lembaga Pengarah.	Diguna pakai	85, 108, 125
9.2	Jawatankuasa Audit mempunyai dasar yang memerlukan bekas rakan kongsi firma audit luar syarikat tersenarai mematuhi tempoh bertenang sekurang-kurangnya tiga tahun sebelum dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit.	Diguna pakai	125
9.3	Jawatankuasa Audit mempunyai dasar dan prosedur untuk menilai kesesuaian, objektiviti dan kebebasan juruaudit luar untuk menjaga kualiti dan kebolehpercayaan penyata kewangan yang telah diaudit.	Diguna pakai	129
9.4 (Amalan yang dipertingkatkan)	Jawatankuasa Audit hendaklah terdiri daripada pengarah bebas sahaja.	Tidak diterapkan	125 dan Bidang Tugas Jawatankuasa Audit
9.5	Secara kolektif, Jawatankuasa Audit harus memiliki pelbagai kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tugasnya. Semua ahli harus celik kewangan, cekap dan dapat memahami perkara di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Audit termasuk proses pelaporan kewangan. Semua ahli Jawatankuasa Audit harus mengekalkan pembangunan profesional yang berterusan untuk memastikan diri mereka mengikuti perkembangan yang berkaitan dalam piawaian, amalan dan peraturan perakaunan dan pengauditan.	Diguna pakai	88, 90, 91, 93
10.1	Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan rangka kerja pengurusan risiko dan kawalan dalaman yang berkesan.	Diguna pakai	140-143
10.2	Lembaga Pengarah hendaklah mendedahkan ciri-ciri pengurusan risiko dan rangka kerja kawalan dalaman, serta kecukupan dan keberkesanan rangka kerja ini.	Diguna pakai	140-143
10.3 (Amalan yang dipertingkatkan)	Lembaga Pengarah menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Risiko, yang terdiri daripada majoriti pengarah bebas, untuk menyelia rangka kerja dan dasar pengurusan risiko syarikat.	Diguna pakai	85, 131-134
11.1	Jawatankuasa Audit hendaklah memastikan bahawa fungsi audit dalaman adalah berkesan dan dapat berfungsi secara bebas.	Diguna pakai	18, 129-130
11.2	Lembaga Pengarah hendaklah mendedahkan: • sama ada pekerja audit dalaman bebas daripada sebarang hubungan atau konflik kepentingan, yang boleh menjejaskan objektiviti dan kebebasan mereka; • bilangan sumber dalam jabatan audit dalaman; • nama dan kelayakan orang yang bertanggungjawab untuk audit dalaman; dan • sama ada fungsi audit dalaman dijalankan mengikut rangka kerja yang diiktiraf.	Diguna pakai	101, 129-130 Sila Rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
PRINSIP C: INTEGRITI PELAPORAN KORPORAT DAN HUBUNGAN BERMAKNA BERSAMA PIHAK BERKEPENTINGAN			
12.1	Lembaga Pengarah memastikan komunikasi yang berkesan, telus dan tetap dengan pihak berkepentingan.	Diguna pakai	2-3, 16, 26-29, 135-138
12.2	Syarikat-syarikat besar digalakkan untuk menerapkan pelaporan bersepadu berdasarkan rangka kerja yang diiktiraf di peringkat global.	Diguna pakai	2-3, 139
13.1	Notis Mesyuarat Agung Tahunan hendaklah diberikan kepada para pemegang saham sekurang-kurangnya 28 hari sebelum mesyuarat.	Diguna pakai	Sila Rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
13.2	Semua pengarah menghadiri Mesyuarat Agung. Pengerusi Jawatankuasa Audit, Pencalonan, Pengurusan Risiko dan lain-lain memberikan jawapan yang bermakna kepada soalan yang diajukan kepada mereka.	Diguna pakai	Sila Rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
13.3	Syarikat tersenarai harus memanfaatkan teknologi untuk memudahkan: • pengundian termasuk mengundi tanpa kehadiran; dan • penyertaan pemegang saham jarak jauh di mesyuarat agung. Syarikat tersenarai juga harus mengambil langkah yang perlu untuk memastikan amalan kebersihan siber yang baik dilaksanakan termasuk privasi dan keselamatan data untuk mencegah ancaman siber.	Diguna pakai	138 Sila Rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
13.4	Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah memastikan bahawa mesyuarat agung menyokong perhubungan yang bermakna antara lembaga pengarah, pengurusan kanan dan pemegang saham. Perhubungan hendaklah interaktif dan termasuk perbincangan yang mantap antara lain mengenai prestasi kewangan dan bukan kewangan syarikat serta strategi jangka panjang syarikat. Pemegang saham juga harus diberi peluang yang mencukupi untuk mengemukakan soalan semasa mesyuarat agung dan semua soalan harus mendapat jawapan yang bermakna.	Diguna pakai	Sila Rujuk Piagam Lembaga dan Laporan Tadbir Urus Korporat
13.5	Lembaga Pengarah mesti memastikan bahawa pengendalian mesyuarat agung secara maya (maya atau hibrid sepenuhnya) menyokong perhubungan bermakna antara lembaga pengarah, pengurusan kanan dan pemegang saham. Ini termasuk menyediakan infrastruktur dan alatan yang diperlukan untuk menyokong antara lain, penyiaran mesyuarat agung yang lancar dan penyertaan interaktif oleh para pemegang saham. Soalan yang dikemukakan oleh pemegang saham hendaklah didedahkan kepada semua peserta mesyuarat semasa mesyuarat berlangsung.	Tidak diguna pakai	138 Sila Rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat
13.6	Minit mesyuarat agung hendaklah diedarkan kepada pemegang saham selewat-lewatnya dalam tempoh 30 hari bekerja selepas mesyuarat agung.	Diguna pakai	Sila Rujuk Laporan Tadbir Urus Korporat

Penjelasan terperinci mengenai guna pakai/tidak diguna pakai/telah mengguna pakai Prinsip dan Amalan MCCG 2021 dijelaskan dalam Laporan Tadbir Urus Korporat, yang boleh didapati di laman web kami di www.fgvholdings.com

Notis
Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) ke-14 FGV Holdings Berhad ("FGV" atau "Syarikat") **akan diadakan secara maya sepenuhnya melalui platform mesyuarat maya di https://meeting.boardroomlimited.my (No Pendaftaran Domain MYNIC - D6A357657) yang terletak di Malaysia pada hari Khamis, 23 Jun 2022 jam 11.00 pagi**, atau penangguhannya, untuk menjalankan urusan-urusan berikut, dengan atau tanpa pengubahsuaian:

AGENDA

Sebagai Urusan Biasa

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 bersama-sama dengan Laporan Pengarah dan Juruaudit ke atasnya.
   Sila rujuk Nota Penerangan 1
2. Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya berdasarkan struktur yuran para Pengarah. **(Resolusi 1)**
   Sila rujuk Nota Penerangan 2 dan 3
3. Untuk meluluskan pembayaran yuran para Pengarah bagi Pengarah Bukan Eksekutif dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya berdasarkan struktur yuran para Pengarah. **(Resolusi 2)**
   Sila rujuk Nota Penerangan 2 dan 4
4. Untuk meluluskan pembayaran yuran Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah dan elaun mesyuarat kepada Pengarah Bukan Eksekutif bagi tempoh dari 1 September 2021 hingga 23 Jun 2022 berdasarkan struktur yuran dan imbuhan para Pengarah. **(Resolusi 3)**
   Sila rujuk Nota Penerangan 2 dan 5
5. Untuk meluluskan bayaran manfaat kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya berdasarkan struktur imbuhan para Pengarah. **(Resolusi 4)**
   Sila rujuk Nota Penerangan 2 dan 6
6. Untuk meluluskan bayaran manfaat kepada Pengarah Bukan Eksekutif dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya berdasarkan struktur imbuhan para Pengarah. **(Resolusi 5)**
   Sila rujuk Nota Penerangan 2 dan 7
7. Untuk memilih semula Dato' Amiruddin Abdul Satar yang bersara mengikut giliran berdasarkan Klausa 97 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan dirinya untuk dipilih semula. **(Resolusi 6)**
   Sila rujuk Nota Penerangan 8
8. Untuk memilih semula para Pengarah berikut yang bersara menurut Klausa 103 Perlembagaan Syarikat dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk dipilih semula:
   (i) Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi **(Resolusi 7)**
   (ii) Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad **(Resolusi 8)**
   (iii) Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin **(Resolusi 9)**
   (iv) Kasmuri Sukardi **(Resolusi 10)**
   (v) Datuk Yatimah Sarjiman **(Resolusi 11)**
   Sila rujuk Nota Penerangan 9
9. Untuk melantik semula Tetuan PricewaterhouseCoopers PLT, yang bersetuju menjadi Juruaudit Syarikat, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menentukan imbuhan mereka. **(Resolusi 12)**
   Sila rujuk Nota Penerangan 10

Sebagai Urusan Khas

Untuk pertimbangan dan sekiranya wajar, meluluskan perkara berikut sebagai Resolusi Biasa:

10. **CADANGAN PEMBAHARUAN MANDAT PEMEGANG SAHAM DAN CADANGAN MANDAT BAHARU PEMEGANG SAHAM UNTUK URUSNIAGA-URUSNIAGA PIHAK BERKAITAN BERULANG YANG BERBENTUK HASIL ATAU BERSIFAT PERDAGANGAN** **(Resolusi 13)**

    "BAHAWA tertakluk kepada Akta Syarikat, 2016 (AS 2016), Perlembagaan FGV, Keperluan Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Keperluan Penyenaraian), undang-undang lain yang berkaitan, garis panduan, peraturan dan pengawalan, serta kelulusan pihak berkuasa kerajaan/kawal selia yang berkaitan (jika berkenaan), kelulusan adalah dan dengan ini diberikan kepada Syarikat dan anak-anak syarikatnya untuk memeterai semua pengaturan dan/atau urusniaga-urusniaga yang melibatkan kepentingan Pihak Berkaitan seperti yang dinyatakan dalam Lampiran I Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 28 April 2022 (Pekeliling RRPT), dengan syarat bahawa pengaturan dan/atau urusniaga-urusniaga tersebut adalah:

    (a) urusniaga berulang yang berbentuk hasil atau bersifat perdagangan;

    (b) perlu untuk operasi harian;

    (c) dijalankan dalam keadaan perniagaan biasa Syarikat atas terma komersial biasa yang tidak lebih memihak kepada Pihak Berkaitan berbanding yang secara umumnya tersedia kepada orang awam; dan

    (d) tidak menjejaskan Pemegang Saham minoriti Syarikat;

    (Cadangan Mandat).

    DAN BAHAWA Cadangan Mandat hendaklah berkuat kuasa serta-merta selepas resolusi biasa ini diluluskan dan terus berkuat kuasa sehingga:

    (i) tamatnya MAT Syarikat berikutnya selepas MAT ke-14 ini di mana Tempoh Cadangan Mandat akan luput, melainkan Cadangan Mandat diperbaharui melalui resolusi yang diluluskan pada MAT Syarikat yang akan datang; atau

    (ii) tamat tempoh di mana MAT berikutnya selepas tarikh tersebut perlu diadakan menurut Seksyen 340(1) dan (2) AS 2016 (tidak termasuk pelanjutan seperti yang mungkin dibenarkan menurut Seksyen 340(4) AS 2016); atau

    (iii) Cadangan Mandat dibatalkan atau diubah menerusi resolusi yang diluluskan menerusi Pemegang saham Syarikat dalam mesyuarat agung Syarikat,

    yang mana lebih awal;

    DAN JUGA BAHAWA kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada para Pengarah Syarikat dan/atau syarikat-syarikat subsidiarinya untuk menyempurna dan melaksanakan segala tindakan dan perkara (termasuk melaksanakan semua dokumen seperti yang diperlukan) yang mereka fikirkan sesuai atau perlu bagi menguatkuasakan urusniaga-urusniaga yang dibenarkan oleh resolusi ini dan Cadangan Mandat ini."

    Sila rujuk Nota Penerangan mengenai Urusan Khas

11. Untuk menjalankan sebarang urusan lain Syarikat yang mana notis sewajarnya telah diberikan menurut Perlembagaan Syarikat dan AS 2016.

ATAS PERINTAH LEMBAGA PENGARAH

KOO SHUANG YEN
Setiausaha Syarikat
(No. PC SSM 201908003534)
(MIA 7556)

Kuala Lumpur
28 April 2022

NOTA:

1. Langkah berjaga-jaga terhadap pandemik penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19)

(i) Dengan mengambil kira kesejahteraan dan keselamatan Pemegang Saham kami, MAT ke-14 Syarikat yang akan datang diadakan secara maya sepenuhnya melalui penstriman langsung dan pengundian jarak jauh dalam talian. Sila ikuti prosedur yang disediakan dalam Butiran Pentadbiran untuk MAT ke-14 untuk mendaftar, mengambil bahagian dan mengundi dari jauh melalui kemudahan LUMI AGM.

(ii) Dengan kemudahan LUMI AGM, Pemegang Saham boleh menggunakan haknya untuk mengambil bahagian (termasuk mengemukakan soalan kepada Pengerusi/Lembaga Pengarah/Pengurusan Syarikat) dan mengundi pada MAT ke-14, di rumah masing-masing.

(iii) Lokasi MAT ke-14 adalah secara maya di platform mesyuarat https://meeting.boardroomlimited.my (No. Pendaftaran Domain MYNIC - D6A357657) yang terletak di Malaysia sebagai lokasi utama dan hanya untuk tujuan pematuhan Seksyen 327(2) AS 2016 yang mengkehendaki Pengerusi mesyuarat hadir di lokasi utama mesyuarat. Semua yang mengambil bahagian dalam mesyuarat termasuk Pengerusi, Lembaga Pengarah, Pengurusan Syarikat dan Pemegang Saham akan bermesyuarat melalui platform mesyuarat maya.

(iv) Berikutan situasi pandemik COVID-19 yang sentiasa berubah, adalah kemungkinan aturan MAT ke-14 perlu diubah pada saat akhir. Sila layari laman web Syarikat untuk pengumuman dan maklumat terkini tentang status MAT ke-14.

2. Proksi

(i) Pemegang saham yang tidak dapat mengambil bahagian dalam MAT ke-14 boleh melantik Proksi untuk mengundi bagi pihak mereka. Jika Pemegang Saham melantik dua (2) Proksi, setiap Proksi yang dilantik hendaklah mewakili sekurang-kurangnya seratus (100) saham dan pelantikan Proksi tersebut tidak sah melainkan Pemegang Saham menyatakan bahagian pegangan sahamnya untuk diwakili oleh setiap satu Proksi tersebut.

(ii) Borang Proksi hendaklah dibuat secara bertulis oleh pelantik atau peguam beliau yang diberi kuasa secara bertulis atau sekiranya pelantik adalah sebuah perbadanan sama ada di bawah meterai syarikat, atau ditandatangani oleh pegawai atau peguam yang telah diberi kuasa. Instrumen pelantikan Proksi untuk mengundi dalam mesyuarat hendaklah disifatkan sebagai meliputi kuasa menuntut atau menyertai tuntutan pungutan suara bagi pihak yang melantik.

(iii) Pelantikan Proksi boleh dibuat dalam bentuk salinan cetakan atau elektronik melalui cara berikut:

Melalui Borang Salinan Cetakan

Borang Proksi hendaklah dihantar ke pejabat Pendaftar Saham Syarikat di Boardroom Share Registrars Sdn Bhd di Aras Bawah atau Aras 11, Menara Symphony, No. 5, Jalan Prof. Khoo Kay Kim, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia tidak lewat dari hari **Rabu, 22 Jun 2022 jam 1.00 petang**, dan jika gagal, Borang Proksi dianggap tidak sah.

Dengan Kaedah Elektronik

Borang Proksi boleh diserahkan:

a) kepada Pendaftar Saham Syarikat, Boardroom Share Registrars Sdn Bhd melalui e-mel kepada bsr.helpdesk@boardroomlimited.com, tidak lewat dari hari **Rabu, 22 Jun 2022 jam 1.00 petang** atau

b) melalui kaedah elektronik (e-Proksi) tidak lewat dari hari **Rabu, 22 Jun 2022 jam 1.00 petang** (sila rujuk Lampiran Borang Proksi untuk maklumat lanjut berhubung penyerahan melalui e-Proksi).

3. Pemegang Saham Korporat, Penama Sah dan Penama Sah Terkecuali

Bagi Pemegang Saham Korporat, Penama Sah dan Penama Sah Terkecuali yang ingin menghadiri dan mengundi dari jarak jauh melalui kemudahan LUMI AGM pada MAT ke-14 Syarikat, sila rujuk prosedur dalam Butiran Pentadbiran MAT ke-14.

4. Kelayakan Para Pemegang Saham untuk hadir dan mengundi

Untuk tujuan menentukan kelayakan para Pemegan Saham yang layak hadir dan mengundi pada MAT ke-14 Syarikat, Syarikat hendaklah meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung setakat 15 Jun 2022, mengikut Klausa 63 Perlembagaan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991. **Hanya pendeposit yang namanya terdapat di dalam Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung setakat 15 Jun 2022 layak untuk hadir dan mengundi di MAT ke-14 atau melantik Proksi untuk menghadiri dan mengundi bagi pihaknya.**

5. Permohonan ID pengguna dan kata laluan untuk penyertaan jarak jauh

Pendaftaran untuk penyertaan jarak jauh akan dibuka dari **jam 11.00 pagi pada hari Khamis, 28 April 2022 sehingga 11.00 pagi pada hari Rabu, 22 Jun 2022**. Sila ikuti prosedur yang disediakan dalam Butiran Pentadbiran untuk MAT ke-14 bagi penyertaan jarak jauh MAT ke-14 melalui kemudahan LUMI AGM.

6. Undian

Selaras dengan Perenggan 8.29A(1) Keperluan Penyenaraian Papan Utama, semua resolusi yang dinyatakan dalam Notis MAT Syarikat yang ke-14 akan diundi menerusi proses pengundian. Pentadbir Pengundian dan Pemantau Bebas masing-masing akan dilantik untuk mengesahkan keputusan undian.

Pemegang saham boleh terus mengundi semua resolusi dan menyerahkan undian pada bila-bila masa dari bermulanya MAT ke-14 pada jam 11.00 pagi sehingga satu masa apabila Pengerusi mesyuarat mengumumkan tamatnya sesi undian. Setelah tamat sesi undian untuk MAT ke-14, Pemantau Bebas akan mengesahkan keputusan undian diikuti dengan pengumuman mesyuarat mengenai keputusan undian oleh Pengerusi dan pengisytiharan sama ada semua resolusi diluluskan dengan sewajarnya.

7. Penyerahan soalan sebelum dan semasa MAT ke-14

Pemegang saham boleh mengemukakan soalan berhubung dengan agenda untuk MAT ke-14 secara elektronik sebelum mesyuarat dan juga boleh mengutarakan soalan secara langsung secara bertulis semasa mesyuarat. Sila rujuk prosedur dalam Butiran Pentadbiran untuk MAT ke-14.

NOTA PENERANGAN TENTANG URUSAN BIASA:

Nota Penerangan 1:

Penyata Kewangan Diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021

Butiran agenda ini adalah untuk pembentangan dan perbincangan sahaja seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat, 2016 dan Klausa 135 Perlembagaan Syarikat, Penyata Kewangan yang Diaudit tidak memerlukan kelulusan rasmi para Pemegang Saham dan oleh itu, ianya tidak akan diusulkan untuk Pengundian.

Nota Penerangan 2:

Imbuhan Para Pengarah - yuran dan manfaat berbayar

Seksyen 230(1) AS 2016 memperuntukkan antara lain, bahawa yuran Pengarah dan sebarang manfaat berbayar kepada Pengarah syarikat tersenarai dan subsidiarinya hendaklah diluluskan di mesyuarat agung.

Sehubungan dengan ini, Lembaga Pengarah bersetuju bahawa kelulusan Pemegang Saham hendaklah dipohon pada MAT ke-14 Syarikat berkaitan imbuhan para Pengarah dalam lima (5) resolusi-resolusi berasingan seperti berikut:

- **Resolusi 1** mengenai pembayaran yuran Pengarah untuk Pengerusi Bukan Eksekutif dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya;
- **Resolusi 2** mengenai pembayaran yuran Pengarah untuk Pengarah Bukan Eksekutif dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya;
- **Resolusi 3** mengenai pembayaran yuran-yuran Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah dan elaun-elaun mesyuarat untuk tempoh dari 1 September 2021 hingga 23 Jun 2022;
- **Resolusi 4** mengenai pembayaran manfaat berbayar kepada Pengerusi Bukan Eksekutif untuk tempoh dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya; dan
- **Resolusi 5** mengenai pembayaran manfaat berbayar kepada Pengarah Bukan Esekutif untuk tempoh dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya.

Dasar Imbuhan Lembaga Pengarah menetapkan proses dan prosedur dalam menentukan imbuhan untuk para Pengarah. Dasar Imbuhan Lembaga Pengarah memperuntukkan bahawa Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, hendaklah menjalankan semakan tahap tinggi dan hendaklah melaksanakan penanda aras terperinci bagi pakej imbuhan Lembaga Pengarah sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) tahun untuk memastikan keadilan dan daya saing berbanding pasaran (berdasarkan kedudukan pasaran, hasil, prestasi, jumlah aset, keuntungan selepas cukai dan modal pasaran kumpulan yang dibandingkan), untuk menarik, mengekalkan dan memotivasikan Lembaga Pengarah.

Pakej-pakej imbuhan Lembaga Pengarah kali terakhir disemak, ditanda aras dan diluluskan oleh Pemegang Saham pada tahun 2019. Pada tahun 2020, Pemegang Saham meluluskan pembayaran elaun bulanan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif dan pada tahun 2021 Pemegang Saham meluluskan kenaikan elaun mesyuarat melalui telesidang berikutan pandemik dan juga elaun mesyuarat untuk mesyuarat di luar negara dengan masa penerbangan <= 8 jam.

Pada tahun 2022, FGV telah melantik perunding bebas untuk menjalankan semakan dan menanda aras imbuhan Pengarah Bukan Eksekutif. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan membincangkan cadangan perunding bebas dan selepas pertimbangan sewajarnya, dengan mengambil kira kerumitan serta tunggak perniagaan Kumpulan FGV, pengubahsuaian telah disyorkan dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah.

Lembaga Pengarah meluluskan syor Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan agar yuran Pengarah dinaikkan seperti yang dinyatakan dalam **struktur yuran** di bawah:

Lembaga Pengarah/ Jawatankuasa-Jawatankuasa Lembaga Pengarah	Yuran-yuran tahunan untuk tempoh dari 24 Jun 2021 hingga 23 Jun 2022 (RM)			Cadangan yuran-yuran tahunan untuk tempoh 24 Jun 2022 hingga MAT FGV berikutnya (RM)		
	Pengerusi Lembaga Pengarah	Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif	Pengarah Bukan Ekeskutif	Pengerusi Lembaga Pengarah	Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif	Pengarah Bukan Ekeskutif
Lembaga Pengarah	300,000.00	120,000.00	120,000.00	480,000.00	Dimansuhkan	150,000.00
	Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah	Ahli-Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah/ Pengarah Bukan Eksekutif		Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Pengarah	Ahli-Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengarah/ Pengarah Bukan Eksekutif	
Jawatankuasa Audit	64,000.00	32,000.00		80,000.00	40,000.00	
Jawatankuasa Penacalonan dan Imbuhan	35,000.00	20,000.00		45,000.00	30,000.00	
Jawatankuasa Tadbir Urus & Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah	32,000.00	16,000.00		40,000.00	20,000.00	
Jawatankuasa Pelaburan	32,000.00	16,000.00		40,000.00	20,000.00	
Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah (ditubuhkan pada 1 September 2021)	32,000.00	16,000.00		40,000.00	20,000.00	
Jawatankuasa Tender Lembaga Pengarah (dibubarkan pada 20 April 2021)	32,000.00	16,000.00		–	–	
Lain-lain Jawatankuasa Lembaga	Tiada	Tiada		40,000.00	20,000.00	

Lembaga Pengarah juga meluluskan cadangan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan untuk perubahan manfaat berbayar kepada para Pengarah seperti yang dinyatakan dalam **struktur imbuhan** (tidak termasuk yuran Pengarah) di bawah:

Manfaat Semasa berbayar	Cadangan baru manfaat berbayar
Elaun Mesyuarat (setiap mesyuarat) Pengerusi Bukan Eksekutif, Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif • Dalam Negeri: RM2,000.00 • Luar Negara (Masa Penerbangan <= 8 jam): RM3,000.00 • Luar Negara (Masa Penerbangan > 8 jam): RM5,000 • Telesidang: RM2,000	**Elaun Mesyuarat (setiap mesyuarat)** Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif • Tiada Perubahan • Tiada Perubahan • Tiada Perubahan • Tiada Perubahan
Tiada	**Elaun Urusan Rasmi** Pengerusi Bukan Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif • Elaun Urusan Rasmi (RM1,000 sehari) seperti berikut: – menghadiri mesyuarat dengan wakil-wakil kerajaan/ pihak-pihak ketiga seperti perunding, juru bank dan konsultan bagi pihak Syarikat dengan laporan rasmi kepada Lembaga Pengarah/Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah atau – Lawatan tapak rasmi (melawat tapak projek dan/atau tapak rujukan) bagi menasihati pihak pengurusan dan/atau pihak Syarikat dengan laporan rasmi kepada Lembaga Pengarah/Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga
Manfaat-manfaat lain Pengerusi Bukan Eksekutif • Elaun kereta syarikat (RM15,000.00 sebulan termasuk petrol, caj tol dan penyeleggaraan kereta) • Pemandu (sebenar) • Keahlian kelab (RM10,000.00 setahun) • Bil telefon mudah alih (sebenar) • Keraian peribadi (RM24,000.00 setahun) • Seorang (1) pengawal peribadi yang boleh digunakan pada bila-bila masa oleh Pengerusi dalam Malaysia (sebenar) • Perlindungan perubatan (RM100,000.00 setahun) • Perlindungan insurans Kemalangan Diri Kumpulan (RM200,000.00 setahun) Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif • Elaun Timbalan Pengerusi (RM3,000.00 sebulan) • Perlindungan perubatan (RM100,000.00 setahun) • Perlindungan insurans Kemalangan Diri Kumpulan (RM200,000.00 setahun) Pengarah Bukan Eksekutif • Perlindungan perubatan (RM100,000.00 setahun) • Perlindungan insurans Kemalangan Diri Kumpulan (RM200,000.00 setahun)	**Manfaat-manfaat lain** Pengerusi Bukan Eksekutif • Sebuah (1) kereta syarikat sekurang-kurangnya 2000cc dengan perbelanjaan RM180,000.00 utiliti kereta setahun • Tiada perubahan • Tiada perubahan • Tiada perubahan • Tiada perubahan • Tiada perubahan • Tiada perubahan • Tiada perubahan Timbalan Pengerusi Bukan Eksekutif • Dimansuhkan • Dimansuhkan • Dimansuhkan Pengarah Bukan Eksekutif • Tiada perubahan • Tiada perubahan

Notis
Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14

Syarikat ingin mendapatkan kelulusan Pemegang Saham mengenai cadangan kenaikan yuran Pengarah dan cadangan perubahan dalam manfaat berbayar kepada para Pengarah.

Pembayaran yuran dan manfaat berbayar kepada para Pengarah untuk tempoh dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV yang akan datang adalah mengikut cadangan struktur yuran dan imbuhan baharu yang dicadangkan seperti yang tertera di atas hanya akan dibuat jika cadangan **Resolusi 1, 2, 4** dan **5** diluluskan pada MAT ke-14 Syarikat.

Pembayaran yuran Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah dan elaun mesyuarat untuk tempoh dari 1 September 2021 hingga 23 Jun 2022 akan dibuat jika cadangan Resolusi 3 diluluskan pada MAT ke-14 Syarikat.

Nota Penerangan 3:

Pembayaran yuran Pengarah kepada Pengerusi Bukan Eksekutif

Cadangan **Resolusi 1**, jika diluluskan, akan membenarkan Syarikat membayar:
- Yuran bulanan Lembaga Pengarah sebanyak RM40,000.00 sebulan kepada Pengerusi Lembaga Pengarah dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya; dan
- Yuran pengarah kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya berdasarkan struktur yuran di bawah Nota Penerangan 2.

Nota Penerangan 4:

Pembayaran yuran kepada Pengarah Bukan Eksekutif

Cadangan **Resolusi 2**, jika diluluskan, akan membenarkan Syarikat membayar:
- Yuran bulanan Lembaga Pengarah sebanyak RM12,500.00 sebulan kepada setiap Pengarah Bukan Eksekutif dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV yang seterusnya; dan
- Yuran kepada Pengarah Bukan Eksekutif dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya berdasarkan struktur yuran di bawah Nota Penerangan 2.

Nota Penerangan 5:

Pembayaran yuran Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah dan elaun-elaun mesyuarat

Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah telah ditubuhkan pada 1 September 2021. Sehingga kini, tiada yuran dan elaun mesyuarat dibayar kepada ahli Jawatankuasa Kelestarian Lembaga kerana ia tidak termasuk dalam kelulusan Pemegang Saham pada tahun 2021.

Cadangan **Resolusi 3**, jika diluluskan, akan membenarkan Syarikat membayar yuran Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah dan elaun mesyuarat untuk tempoh dari 1 September 2021 hingga 23 Jun 2022 seperti berikut:

	Yuran tahunan (RM)	
	Pengerusi Jawatankuasa Lembaga	Ahli-Ahli Jawatankuasa Lembaga/ Pengarah Bukan Eksekutif
Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah	32,000.00	16,000.00
	Elaun Mesyuarat (setiap mesyuarat)	
	RM2,000 (Dalam Negeri & Telesidang)	

Dato' Dzulkifli Abd Wahab telah bersetuju untuk mengetepikan yuran dan elaun mesyuaratnya sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kelestarian Lembaga Pengarah bagi tempoh dari 1 September 2021 sehingga MAT FGV seterusnya pada 2023.

Nota Penerangan 6:

Pembayaran manfaat berbayar kepada Pengerusi Bukan Eskeutif

Cadangan **Resolusi 4**, jika diluluskan, akan membenarkan Syarikat membayar manfaat berbayar bulanan kepada Pengerusi Bukan Eksekutif dan/atau apabila dibelanjakan dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya berdasarkan struktur imbuhan di bawah Nota Penerangan 2.

Lembaga Pengarah berpandangan bahawa adalah adil dan saksama untuk Pengerusi Bukan Eksekutif dibayar manfaat berbayar bulanan dan/atau apabila dibelanjakan, sebagai pengiktirafan terhadap tanggungjawab dan perkhidmatan yang diberikan kepada Syarikat.

Nota Penerangan 7:

Pembayaran manfaat berbayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif

Cadangan **Resolusi 5**, jika diluluskan, akan membenarkan Syarikat membayar manfaat berbayar bulanan kepada Pengarah Bukan Eksekutif dan/atau apabila dibelanjakan dari 24 Jun 2022 sehingga MAT FGV seterusnya berdasarkan struktur imbuhan di bawah Nota Penerangan 2.

Lembaga Pengarah berpandangan bahawa adalah adil dan saksama untuk Pengarah Bukan Eksekutif dibayar manfaat berbayar bulan dan/atau apabila dibelanjakan, sebagai mengiktiraf tanggungjawab dan perkhidmatan yang diberikan kepada Syarikat.

Nota Penerangan 8:

Resolusi 6 - Pemilihan semula Pengarah yang bersara mengikut giliran berdasarkan Klausa 97 Perlembagaan Syarikat

Klausa 97 Perlembagaan Syarikat menyatakan bahawa pada setiap MAT, satu pertiga (1/3) daripada para Pengarah pada masa ini, atau jika bilangan mereka tidak dalam gandaan tiga (3), bilangan yang terdekat dengan satu pertiga (1/3) dengan minimum satu (1), akan bersara dari jawatan. Sehubungan itu, setiap Pengarah akan bersara sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga (3) tahun tetapi layak untuk pemilihan semula. Klausa 98 Perlembagaan Syarikat memperuntukkan bahawa para Pengarah yang akan bersara, adalah yang paling lama memegang jawatan sejak pemilihan atau pelantikan terakhirnya, tetapi antara Pengarah yang atau kali terakhir dipilih semula sebagai Pengarah pada hari yang sama, mereka yang akan bersara hendaklah (melainkan sebaliknya mereka bersetuju di antara mereka) ditentukan melalui undian.

Dato' Amiruddin Abdul Satar sebagai Pengarah yang paling lama memegang jawatan akan bersara pada MAT ke-14 akan datang dan layak untuk dipilih semula sebagai Pengarah Syarikat. Beliau menawarkan diri untuk pemilihan semula sebagai Pengarah pada MAT ke-14 yang akan datang dan telah bersetuju untuk dipilih semula sebagai Pengarah Syarikat.

Bagi tujuan menentukan kelayakan para Pengarah untuk menawarkan diri bagi pemilihan semula pada MAT ke-14, Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan telah menilai setiap Pengarah yang akan bersara, dan mempertimbangkan perkara berikut:
- Prestasi dan sumbangan Pengarah berdasarkan hasil Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BEA) 2021; dan
- Tahap sumbangan Pengarah kepada kualiti perbincangan Lembaga Pengarah melalui kemahiran, pengalaman dan kebolehan beliau.

Berdasarkan hasil penilaian di atas, Lembaga Pengarah meluluskan saranan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan supaya Dato' Amiruddin Abdul Satar dipilih semula. Beliau telah berkecuali daripada perbincangan dan keputusan mengenai kelayakannya sendiri untuk pemilihan semula pada mesyuarat Lembaga yang berkaitan. Profil Dato' Amiruddin Abdul Satar dibentangkan dalam Penyata Mengiringi Notis MAT ke-14. Sebab-sebab sokongan Lembaga Pengarah terhadap pemilihan semula beliau dinyatakan dalam Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat dalam Laporan Tahunan Bersepadu 2021.

Nota Penerangan 9:

Resolusi 7, 8, 9, 10 dan 11 - Pemilihan semula Pengarah yang bersara mengikut Klausa 103 Perlembagaan Syarikat

Klausa 103 Perlembagaan Syarikat menetapkan bahawa seorang Pengarah yang dilantik oleh Lembaga Pengarah hendaklah memegang jawatan sehingga tamatnya MAT Syarikat yang seterusnya dan akan layak untuk dipilih semula.

Dato' Nonee Ashirin Dato' Mohd Radzi, Dato' Mohd Rafik Shah Mohamad, Puan Nik Fazila Nik Mohamed Shihabuddin dan Encik Kasmuri Sukardi yang dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Syarikat sejak MAT yang lalu akan bersara pada MAT ke-14 akan datang dan akan layak untuk dipilih semula sebagai Pengarah Syarikat. Mereka menawarkan diri untuk pemilihan semula sebagai Pengarah pada MAT ke-14 yang akan datang dan telah bersetuju untuk dipilih semula sebagai Pengarah Syarikat.

Mereka telah menghadiri dan berjaya menamatkan Program Akreditasi Mandatori (MAP) seperti yang dikehendaki oleh Keperluan Penyenaraian.

Bagi tujuan menentukan kelayakan para Pengarah untuk menawarkan diri bagi pemilihan semula pada MAT ke-14, Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan telah menilai setiap Pengarah yang akan bersara, dan mempertimbangkan perkara berikut:
- Prestasi dan sumbangan Pengarah berdasarkan hasil BEA 2021;
- Tahap sumbangan Pengarah kepada perbincangan Lembaga Pengarah melalui kemahiran, pengalaman dan kebolehan beliau; dan
- Tahap kebebasan yang ditunjukkan oleh Pengarah Bebas, dan keupayaannya untuk bertindak demi kepentingan terbaik Syarikat dalam membuat keputusan.

Penilaian kebebasan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif juga telah dijalankan berdasarkan kriteria yang ditetapkan di bawah Keperluan Penyenaraian dan kedua-dua Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah bersetuju bahawa Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang akan dipilih semula pada MAT ke-14 yang akan datang telah mengekalkan kebebasan mereka sepanjang tempoh mereka berkhidmat sebagai Pengarah Syarikat.

Berdasarkan hasil penilaian di atas, Lembaga Pengarah meluluskan cadangan Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan supaya para Pengarah yang akan bersara menawarkan diri untuk pemilihan semula. Profil Pengarah yang ingin dipilih semula dinyatakan dalam Penyata Mengiringi Notis MAT ke-14. Alasan sokongan Lembaga Pengarah terhadap pemilihan semula mereka dinyatakan dalam Penyata Tinjauan Tadbir Urus Korporat dalam Laporan Tahunan Bersepadu 2021.

Datuk Yatimah Sarjiman yang baru dilantik pada 8 April 2022 akan bersara pada MAT ke-14 akan datang dan layak untuk dipilih semula sebagai Pengarah Syarikat. Beliau juga menawarkan diri untuk pemilihan semula sebagai Pengarah pada MAT ke-14 yang akan datang dan akan melengkapkan Program Akreditasi Mandatori (MAP) selewat-lewatnya pada 8 Ogos 2022. Profil Datuk Yatimah Sarjiman dinyatakan dalam Penyata Mengiringi Notis MAT ke-14.

Nota Penerangan 10:

Resolusi 12 - Pelantikan semula Juruaudit

Jawatankuasa Audit pada mesyuaratnya yang diadakan pada 23 Mac 2022 telah menjalankan penilaian tahunan ke atas kesesuaian dan kebebasan juruaudit luar, PricewaterhouseCoopers PLT (PwC), selaras dengan semakan semula Dasar dan Prosedur Juruaudit Luar yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 30 November 2021. Dalam penilaiannya, Jawatankusa Audit mempertimbangkan beberapa faktor termasuk maklumat dalam Laporan Ketelusan Tahunan PwC 2021 dan yang berikut:
- Kualiti prestasi PwC dan komunikasi mereka dengan Jawatankuasa Audit dan Kumpulan FGV, berdasarkan maklum balas yang diperoleh melalui soal selidik penilaian daripada pekerja FGV yang mempunyai hubungan rapat dengan pasukan audit luar dan FGV semasa pengauditan;
- Kecukupan pengalaman dan sumber yang diberikan kepada Kumpulan FGV oleh PwC, firma dan pekerja profesional yang ditugaskan untuk menjalankan audit; dan
- Kebebasan dan objektiviti PwC.

Jawatankuasa Audit juga mengambil kira keterbukaan dalam komunikasi dan interaksi dengan rakan tugasan audit utama dan pasukan tugasan melalui perbincangan di mesyuarat tertutup, yang menunjukkan kebebasan, objektiviti dan profesionalisme mereka. Jawatankuasa Audit berpuas hati dengan kesesuaian PwC berdasarkan kualiti audit, prestasi, kecekapan dan kecukupan sumber yang disediakan oleh pasukan audit luar kepada Kumpulan FGV. Jawatankuasa Audit juga berpuas hati dalam semakannya bahawa peruntukan perkhidmatan bukan audit oleh PwC kepada Syarikat untuk TK2021 sama sekali tidak menjejaskan objektiviti dan kebebasan mereka sebagai juruaudit luar FGV. Jawatankuasa Audit juga berpuas hati bahawa PwC telah memenuhi kriteria berkaitan yang ditetapkan oleh Perenggan 15.21 Keperluan Penyenaraian.

Lembaga Pengarah pada 4 April 2022 meluluskan cadangan Jawatankuasa Audit untuk mendapatkan kelulusan Pemegang Saham pada MAT ke-14 mengenai pelantikan semula PwC sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2022.

Juruaudit sekarang, PwC, telah menyatakan kesediaan mereka untuk meneruskan perkhidmatan mereka selama setahun lagi.

NOTA PENERANGAN TENTANG URUSAN KHAS:

Resolusi 13 - Cadangan Mandat

Cadangan **Resolusi 13**, jika diluluskan, akan membenarkan Syarikat dan/atau syarikat subsidiarinya untuk memeterai pengaturan/urusniaga-urusniaga yang melibatkan kepentingan, secara langsung atau tidak langsung, Pihak Berkaitan, yang merupakan urus niaga berulang berbentuk hasil atau bersifat perdagangan yang diperlukan untuk operasi harian Kumpulan, tertakluk kepada urusniaga-urusniaga tersebut dijalankan dalam urusan perniagaan biasa atas terma komersial biasa yang tidak lebih memihak kepada pihak berkaitan berbanding yang secara umumnya tersedia kepada orang awam dan tidak menjejaskan Pemegang Saham minoriti syarikat. Maklumat terperinci mengenai Cadangan Mandat-Mandat dinyatakan dalam Pekeliling RRPT.

Penyata Mengiringi
Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14

Selaras dengan Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaraian Papan Utama

Butiran lanjut bagi Para Pengarah yang menawarkan diri untuk dilantik semula selaras dengan Klausa 97 Perlembagaan Syarikat dinyatakan di bawah:

	DATO' AMIRUDDIN ABDUL SATAR Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif
Umur, jantina, kewarganegaraan	58, Lelaki, Malaysia
Tarikh pelantikan ke Lembaga Pengarah	26 Oktober 2020
Tempoh perkhidmatan sebagai Pengarah	1-2 tahun
Tarikh terakhir dipilih semula	23 Jun 2021
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021	13 daripada 14 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan. *(Nota: Terdapat satu Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021 yang tidak perlu dihadiri oleh Dato' Amiruddin)*
Kelayakan	Dato' Amiruddin berkelulusan Sarjana Pentadbiran Perniagaan dari Henley Business School, University of Reading, UK. Beliau juga merupakan ahli Persatuan Akauntan Berkanun Bertauliah (ACCA), UK dan Institut Akauntan Malaysia (MIA).
Pengalaman bekerja dan pekerjaan	Dato' Amiruddin mempunyai lebih 30 tahun pengalaman dalam bidang kewangan dan pengurusan. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1989 sebagai Eksekutif Akauntan dengan UMW Toyota Berhad (UMW). Beliau kemudiannya meninggalkan UMW pada 1990 untuk meneruskan kerjayanya sebagai Akauntan di Boustead Holdings Berhad, di mana beliau berkhidmat selama dua tahun sehingga 1992. Selepas itu, beliau menyertai INC Sdn Bhd, anak syarikat Lembaga Tabung Haji sebagai Pengurus Kewangan sehingga 1993. Di KPJ Healthcare Berhad (KPJ), Dato' Amiruddin merupakan Pengurus Kewangan sehingga 1996. Beliau kemudiannya memegang jawatan sebagai Timbalan Pengurus Besar pada 1996 sebelum menjadi Pengurus Besar Kumpulan pada 2003. Dato' Amiruddin telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi (COO) KPJ pada tahun 2010 di mana beliau berkhidmat selama dua tahun. Semasa memegang jawatan sebagai COO, beliau juga telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif KPJ pada tahun 2011. Pada tahun 2013, Dato' Amiruddin kemudiannya dilantik sebagai Presiden dan Pengarah Urusan KPJ sehingga Julai 2020. Beliau kini merupakan Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) berkuat kuasa 15 Oktober 2020. Selain itu, beliau kini menganggotai Jawatankuasa Penasihat ACCA Malaysia sejak 2018.
Keahlian Lembaga dalam syarikat awam lain	Pengarah, Jentayu Sustainables Berhad (dahulunya dikenali sebagai IPMUDA Berhad)
Jawatankuasa Lembaga Pengarah	• Ahli Jawatankuasa Pelaburan • Ahli Jawatankuasa Kelestarian Lembaga

Dato' Amiruddin tidak memegang sebarang saham FGV, tidak mempunyai konflik kepentingan dengan Syarikat, tidak mempunyai hubungan kekeluargaan dengan mana-mana Pengarah dan/atau Pemegang Saham Utama FGV dan tidak disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh lima tahun yang lalu serta tidak dikenakan sebarang penalti oleh badan kawal selia yang berkaitan sepanjang TK2021.

Penyata Mengiringi

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-14

Selaras dengan Perenggan 8.27(2) Keperluan Penyenaraian Papan Utama

Butiran lanjut bagi Para Pengarah yang menawarkan diri untuk dilantik semula selaras dengan Klausa 97 Perlembagaan Syarikat dinyatakan di bawah:

	DATO' NONEE ASHIRIN DATO' MOHD RADZI Pengarah Bebas Bukan Eksekutif
Umur, jantina, kewarganegaraan	50, Perempuan, Malaysia
Tarikh pelantikan ke Lembaga Pengarah	30 Jun 2021
Tempoh perkhidmatan sebagai Pengarah	< 1 tahun
Tarikh terakhir dipilih semula	Tidak berkenaan
Kehadiran Mesyuarat Lembaga Pengarah pada TK2021	6 daripada 6 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan dalam tinjauan sejak pelantikannya.
